

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 52**

**Rabu**

**23 November 2016**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 31)
<b>USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M.27(3):</b>	
- Menggantung Yang Berhormat Segambut Daripada Perkhidmatan Majlis Mesyuarat Selama Enam Bulan	(Halaman 32)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
- Rang Undang-undang Kewangan 2016	(Halaman 37)
- Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016	(Halaman 86)
- Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar)(Pindaan) 2016	(Halaman 123)
- Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)(Pindaan) 2016	(Halaman 125)
- Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 20	(Halaman 151)
- Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016	(Halaman 180)
- Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 2016	(Halaman 210)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 31)
Meminda Susunan Aturan Urusan Mesyuarat	(Halaman 67)
Menangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang	(Halaman 216)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Rabu, 23 November 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilangan pengusaha bumiputera luar bandar yang telah mendapat kemudahan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan nyatakan sejauh manakah kementerian telah berjaya melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) dari kalangan luar bandar.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Ya, selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk jawab soalan nombor satu. Tuan Yang di-Pertua, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa atau dipanggil SPED, antaranya satu usaha berterusan kerajaan meningkatkan pendapatan serta mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera di kalangan penduduk luar bandar. Tahun 2016 adalah tahun kelima belas penubuhan Program SPED bagi usahawan bumiputera di luar bandar semenjak ditubuhkan pada tahun 2001. Skop pembiayaan ini adalah meliputi pembelian mesin, peralatan, modal kerja dan ubah suai atau menaik taraf premis perniagaan. Keunikan skim pembiayaan ini adalah ianya tidak mengenakan syarat cagaran berpenjamin dan bayaran perkhidmatan berasaskan jumlah baki pinjaman semasa dan tempoh penangguhan bayaran balik selama enam tahun - enam bulan, maaf. Selama enam bulan bagi memberi peluang kepada peminjam menjanakan pendapatan.

Dua buah bank pelaksana bagi SPED adalah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan *Small Medium Enterprise Development* Bank Malaysia Berhad (SME Bank). Sepanjang tahun pelaksanaan SPED dari tahun 2001 hingga 30

September tahun 2016, seramai 3,747 orang usahawan bumiputera luar bandar telah diluluskan pembiayaan SPED dengan nilai berjumlah RM376 juta yang meliputi seluruh Malaysia. Secara purata, usahawan luar bandar yang menerima kemudahan pembiayaan ini telah berjaya meningkatkan pendapatan perniagaan mereka, sekurang-kurangnya 20 peratus. Jadi, jumlah usahawan yang mendapat kemudahan SPED dan peningkatan jumlah jualan mereka menunjukkan bahawa usaha mewujudkan masyarakat perdagangan dan usahawan dan perindustrian bumiputera ataupun MPPB di luar bandar telah tercapai dan usaha ini akan diteruskan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih kepada yang Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada kerajaan dan juga Kementerian KKLW yang dapat meningkatkan pengupayaan ekonomi di kawasan luar bandar daripada semua lapisan masyarakat terutama dalam pembiayaan perniagaan kepada usahawan dan juga bumiputera dan dapat melahirkan usahawan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, daripada analisis yang kita lihat, bahawa ada penurunan sedikit daripada penerima bantuan daripada 2013 hingga 2016. Soalan tambahan saya, sejauh manakah kementerian melalui Program SPED ini berjaya mengkomersialkan produk dan hasil ekonomi luar bandar ke pasaran global melalui pakatan strategik dan juga pemasaran antara agensi kerajaan dan juga swasta dan sejauh manakah daripada segi teknologi dan inovasi daripada Program SPED ini dapat melahirkan usahawan luar bandar? Sekian, terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Untuk menjawab soalan tambahan ya. Untuk makluman Yang Berhormat, SPED adalah skim pembiayaan yang ditawarkan kepada khususnya kepada usahawan luar bandar. Kementerian sememangnya menyedari bahawa penerima pembiayaan SPED tidak mencapai sasaran sebagaimana yang disasarkan. Sebab itu Yang Berhormat melihat ada penurunan ya. Ini adalah disebabkan beberapa faktor. Sasaran yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada jumlah dana yang ada pada kementerian setiap tahun dan walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada pembangunan usahawan juga ya, yang berkelayakan.

Kementerian tidak boleh sewenang-wenangnya memberi kelulusan pembiayaan sehingga boleh menyebabkan peningkatan pembiayaan yang tidak berbayar (NPL). Itu kita kena bertanggungjawab juga sebab ini dana kerajaan. Sebab itulah walaupun yang dianggarkan satu jumlah yang besar, tetapi yang menerima dalam setahun yang berkenaan itu kurang sebab berdasarkan kepada permohonan dan permohonan yang

kita anggapkan yang layak menerima. Pembiayaan hanya diluluskan kepada mereka yang benar-benar layak. Terutama dari segi kemampuan membayar balik pembiayaan dan menunjukkan prestasi perniagaan balikkah yang seperti mana yang telah saya sebut tadi. Jadi, ada soalan bagaimana program ini boleh membantu usahawan luar bandar, sehinggakan mereka ini boleh menjual produk-produk mereka ataupun perniagaan mereka berkembang sehinggakan kepada peringkat pasaran global dan juga penggunaan jaringan perniagaan dan sebagainya.

#### ■1010

Memang itulah matlamat kementerian melalui SPED ini supaya usahawan-usahawan bumiputera di luar bandar dengan bantuan yang kita beri melalui SPED ini, kita harapkan, kita bimbing dan kita banyak lagi program-program yang lain di mana harapan kita supaya perkembangan perniagaan mereka ini sampailah mereka ini berjaya. Berjaya sampailah produk mereka boleh dijual di peringkat global seperti mana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat juga.

Jadi kementerian sentiasa berusaha membantu usahawan-usahawan di bawah kementerian untuk mengkomersialkan produk mereka ke pasaran yang lebih besar sehingga ke peringkat global. Kementerian ada juga program seperti Karnival Usahawan Desa (KUD), Tuan Yang di-Pertua, yang kita adakan secara dwitahunan. Ada juga penyertaan para usahawan KKLW ini melalui program anjuran agensi kerajaan dan swasta seperti MAHA, HALALFEST dan ekspo-ekspo perniagaan. Penyertaan usahawan dalam acara ini secara langsungnya mendedahkan mereka kepada peluang pasaran produk mereka yang lebih luas melalui jaringan perniagaan dengan agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga menggalakkan usahawan untuk menggunakan pelbagai teknologi, seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat yang bertanya tadi, dan juga menggunakan inovasi baru dalam perniagaan mereka melalui program-program pendedahan dan latihan anjuran bersama KKLW dan agensi di bawahnya termasuk anjuran pihak swasta yang bersesuaian. Dan usahawan boleh memohon pembiayaan SPED sekiranya mereka memerlukan modal tambahan bagi teknologi baharu yang digunakan dalam proses pengeluaran produk mereka. Sekian, terima kasih.

**2. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian dan dasar kerajaan dengan Presiden Baru Amerika Syarikat Donald Trump. Apakah kerajaan akan kaji semula dasar dengan Amerika Syarikat.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]:** Terima kasih kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Baru atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri berpandangan bahawa adalah terlalu awal untuk Malaysia menyatakan pendirian dan dasarnya ke atas Presiden baru Amerika Syarikat, Donald Trump, memandangkan proses peralihan pentadbiran baru sahaja bermula dan beliau hanya akan dilantik secara rasmi sebagai Presiden Amerika Syarikat yang ke-45 pada 27 Januari 2017 dan selepas itu barulah memulakan kerajaan pentadbiran beliau.

Hubungan kerjasama dua hala di antara Malaysia dan Amerika Syarikat adalah terbina atas dasar saling hormat-menghormati di antara satu sama lain dan berdasarkan kerjasama erat di antara kedua-dua negara di dalam pelbagai bidang kepentingan termasuk perdagangan, pelaburan, pertahanan dan keselamatan. Peningkatan hubungan dua hala dengan Amerika Syarikat telah sampai ke tahap *comprehensive partnership*, dengan izin, pada tahun 2014 dalam pelbagai bidang kerjasama telah memberi banyak manfaat kepada hubungan dua hala di antara kedua-dua negara.

Sehubungan itu, Malaysia akan meneruskan kerjasama yang sama dengan pentadbiran baru Amerika Syarikat untuk memastikan kesinambungan hubungan kerjasama dua hala terus kukuh dan pada masa yang sama memastikan kepentingan negara Malaysia terjamin di masa hadapan. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas, Timbalan Menteri, kawan saya.

Saya amat berterima kasih kerana kerajaan memberi *official reply*. *This is post President-elect Trump's victory*. Ini adalah respons daripada kerajaan yang pertama terhadap senario yang baru. Dan kita tahu bahawa Donald Trump ini dia sangat berbeza daripada *foreign policy tradition* yang ada pada Amerika Syarikat. Selama ini kita boleh *expect ability involvement* Amerika Syarikat dalam Asia.

Tetapi, kita tahu bahawa sekarang dengan cara baru *President-elect* Donald Trump, dia bukan lagi mementingkan Asia, dia bantah TPPA dan dia ingin melaksanakan *isolationist policy* di mana campur tangan yang minimum dalam hal ehwal dunia. Dengan keadaan ini, kita nampak Malaysia—dulu kita boleh mainkan *superpower balancing game* antara China dengan Amerika Syarikat. Tetapi sekarang hanya satu *superpower* iaitu China yang *interested* dalam Asia, dan kita mungkin terpaksa *deal* dengan China dengan cara yang berbeza.

Tetapi, saya nampak bahawa kita Malaysia boleh memainkan proaktif seperti apa yang berlaku dekat Perdana Menteri *Japan*, Shinzo Abe. Sebelum dia mengangkat sumpah, dia telah berjumpa dengan Donald Trump, telah menyatakan pendirian dan juga pandangan. Apakah kerajaan boleh berbuat proaktif *measure* seperti apa yang berlaku dekat Perdana Menteri *Japan*? Kerana, kita tahu bahawa Perdana Menteri *golf buddy* dengan Donald Trump juga. *[Dewan riu]* Bolehkah kerajaan memainkan peranan yang lebih proaktif dalam hal ehwal Malaysia dengan Amerika Syarikat? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, soalan panjang-panjang ya.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Bayan Baru. Sebagaimana yang saya jawab awal tadi, kita tidak boleh nak buat andaian awal kerana ia akan bersifat *prejudgment*. Hakikat bahawa semua calon-calon Presiden Amerika Syarikat dalam ketika berkempen mengemukakan manifesto-manifesto dan juga dasar-dasar yang akan mereka lakukan, banyak berubah ketika mana mereka menjadi presiden pada waktu berikutnya. Ia berlaku pada zaman Bush Sr., berlaku pada zaman Clinton, berlaku pada zaman Bush Jr. dan ia juga berlaku pada zaman Barack Obama.

Kalau dianggap macam tentang dasar luar bersama dengan China, tidak ada seorang pun Presiden Amerika Syarikat yang tidak menggunakan China sebagai subjek *to have political return* untuk dapatkan undi. Clinton mengatakan, contohnya, pada waktu zaman dia, dia mengatakan bahawa China ini adalah *the butcher of Beijing* sebagai *referring* kepada kejadian pembunuhan beramai-ramai. Tapi, Bill Clinton adalah orang yang telah meyakinkan kongres untuk menerima China ke dalam WTO atas alasan bahawa kalau China masuk ke dalam WTO, banyak produk-produk Amerika boleh sampai ke negara China dan akan memberi keuntungan, walaupun pada mulanya dialah antara yang mengkritik China.

Bush Jr. umpamanya, di waktu beliaulah ketika hutang Amerika meningkat, satu per empat daripada *external debt which is about USD1.033 trillion are subscribed by Chinese*. Walaupun peringkat mulanya, dia juga antara orang yang mengkritik China ketika dalam soal kempen.

Jadi, menjawab soalan kepada Yang Berhormat Bayan Baru tadi, saya menganggap bahawa *this is very too early, too premature* untuk kita buat *judgement* ini. Akan tetapi, saya menganggap bahawa ada perkara-perkara tertentu yang bukan mudah untuk dilakukan sebagaimana mereka sebut di dalam ketika kempen.

## ■1020

Apa yang dilakukan oleh Wisma Putra sekarang ialah kita sedang melihat *the transitional committee that form by Donald Trump*. Antaranya pelantikan Reince Priebus sebagai *Chief of Staff*. Bagaimanakah karakter orangnya? *We do the study*. Contohnya pelantikan Michael Flynn semalam sebagai *National Security Advisor*. Bagaimana dia punya karakter *because* ini aktor-aktor yang akan ada dalam *White House*. Ini akan menjadi cerminan. *In politic, before we actually come to that point, we read the signal*. So pada waktu ini, kita mengamalkan sikap memantau, dan pada waktu yang sama, *we are still being optimistic of continuing a good relationship* dengan Amerika Syarikat. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri saya peluang.

Yang Berhormat Menteri, memandangkan bahawa *president elect*, Donald Trump telah pun mengumumkan untuk menolak TPPA, dan dalam masa yang sama, dia akan melaksanakan Dasar *America First* iaitu melaksanakan dasar *protectionism*. Dalam masa yang sama, Malaysia masih lagi belum menandatangani *bilateral trade agreement*, dan juga kita tengok yang mana USA ini merupakan rakan dagang kita yang paling penting, ketiga penting. Yang pertama ialah Singapura, China dan USA.

Jadi soalan saya, apa sebenarnya pendekatan ataupun dasar yang lain yang boleh lebih mengekang, kerana untuk menjaga kepentingan negara kita sebagai sebuah *open economy*, kita hendak lihat kalau boleh kita dapat berdagang dan hanya sekarang kita banyak bergantung pada FDI. Sekarang harapan kita, beliau ada menyebutkan bahawa dia akan menggantikannya dengan *a fair bilateral trade deals*. Adakah itu satu harapan bagi kita? Terima kasih.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Jasin.

Sebenarnya soalan itu wajar dijawab oleh MITI tetapi saya boleh *just* sentuh satu, dua perkara. Memang benar. Kalau hendak diambil daripada faktor ekonomi, *the GDP of America* adalah USD18 trilion. *Global GDP USD77 trilion*. Maknanya hampir 24 peratus daripada *the global GDP* datang daripada Amerika Syarikat. *Second biggest* adalah China tetapi apa yang disebutkan tentang *to do away completely* dengan TPPA sebagaimana telah dijawab ketika penggulungan oleh Menteri MITI bahawa kita ada bilateral FTA.

Dan satu lagi mekanisme yang juga kita ada, RCEP atau *Regional Comprehensive Economic Partnership* bersama dengan China yang menggabungkan 16 buah negara yang membabitkan kalau tak silap saya hampir *USD22 trilion GDP*

*which is about 29 percent of the entire global.* Itu pun salah satu mekanisme yang memungkinkan kita.

Sebab itulah saya hendak maklumkan bahawa kita di Malaysia mengamalkan dasar pragmatik. *We are not over relying on one source* ataupun kita tidak ada kebergantungan berlebihan terhadap sebuah negara tetapi sebaliknya kita mengamalkan dasar yang pragmatik di mana ia memberi keuntungan kepada negara dan juga kepada tanah air dan rakyat Malaysia. Itulah dasar yang akan kita guna dan kita pakai. Terima kasih.

**[Soalan No.3 – Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah (Limbang) tidak hadir]**

**4. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk melindungi kepentingan para pekerja yang dihentikan akibat kemuflian syarikat memandangkan Akta Syarikat tidak menjamin bayaran pampasan renti kerja dan gaji tertunggak kepada pekerja yang terlibat.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, saya hendak mengucapkan selamat datang kepada Rakan Puteri UMNO Bahagian Maran, dan Wanita UMNO Cawangan Senggora, Maran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput.

Tuan Yang di-Pertua, pemberhentian kerja ini dia ada dua keadaan. Yang pertama ialah pemberhentian kerja biasa, dan yang kedua ialah pemberhentian kerja secara sukarela dan antara sebab-sebab pemberhentian kerja ini termasuklah apabila sesebuah majikan itu terpaksa gulung tikar ataupun rugi, dan ditutup, dan akibatnya pekerja-pekerja terpaksa diberhentikan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sentiasa menjalankan pemantauan supaya majikan mematuhi peruntukan undang-undang termasuklah hak pekerja daripada segi pembayaran faedah penamatan kerja, Notis Penamatan dan lain-lain faedah kewangan melalui penguatkuasaan Akta Kerja 1955, Akta 265. Majikan yang bercadang untuk menjalankan pemberhentian pekerja diwajibkan memberikan tempoh notis yang mencukupi kepada pekerja mereka mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada yang ditetapkan di bawah seksyen 12(2) Akta 265.



Menurut peruntukan di bawah seksyen 224, Akta Syarikat 1965, tiada apa-apa tindakan atau pelaksanaan yang boleh dibuat terhadap mana-mana syarikat yang telah dimulakan prosiding penggulungan. Atas sebab demikian, jabatan tidak ada kuasa mengambil tindakan siasatan, mendengar dan memutuskan apa-apa tuntutan yang dibuat oleh mana-mana pekerja ke atas majikan.

Namun begitu, khidmat nasihat perundangan serta prosedur akan diberi kepada bekas pekerja-pekerja supaya tindakan diambil melalui Jabatan Insolvensi atau merujuk terus kepada pemegang harta atau *liquidator*, dengan izin, yang dilantik oleh mahkamah iaitu dengan memfailkan borang bukti keberhutangan, atau *proof of debt*, dengan izin, dan borang proksi. Urusan selanjutnya adalah di bawah tanggungjawab dan kelolaan pekerja tersebut sendiri.

Manakala bagi kes yang melibatkan syarikat perkongsian atau milik tunggal, Akta Kebankrapan 1969, dan Peraturan 179, Peraturan Kebankrapan 99 adalah terpakai. Kementerian Sumber Manusia melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan agensi dan jabatan di bawah kementerian melipatgandakan usaha menjalankan kerjasama menyediakan perkhidmatan seperti penyediaan latihan, pinjaman dan agitasi latihan.

Melalui program Karnival Kerjaya dan program penempatan pekerjaan dengan aktiviti-aktiviti temu duga terbuka secara terus menemukan pekerja dengan majikan bersesuaian dijalankan di peringkat JTK negeri dan daerah, serta pemadanan pekerjaan iaitu *job matching*, dengan izin, secara atas talian melalui portal *JobsMalaysia* diadakan secara berterusan dalam memastikan hak dan perlindungan pekerja-pekerja yang terjejas akibat kebangkrapan syarikat diberi keutamaan.

Kementerian telah menubuhkan *rescue team*, dengan izin, yang diwakili oleh jabatan dan agensi di bawah kementerian bagi menangani isu-isu penempatan pekerja-pekerja ke industri yang bersesuaian serta menyelaraskan latihan-latihan kemahiran baru di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad, dan kemudahan pinjaman kemahiran di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran PTPK, Kementerian Sumber Manusia yang diperlukan oleh pekerja-pekerja yang berminat untuk mencari pekerjaan mengikut keperluan majikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum soalan lanjutan saya, saya hendak mengalu-alukan lawatan rombongan ADUN-ADUN dari negeri Kelantan [*Tepuk*]

Timbalan Menteri, saya pernah dengar bahawa kementerian sedang sediakan satu skim insurans bagi pekerja-pekerja bersama dengan ILO. Apa perkembangan

dalam isu itu kerana saya rasa itu satu cara yang akan jaga semua pekerja yang hilang kerja, dan kita tahu lebih kurang mungkin 10,000 orang pekerja hilang kerja setahun, yang tak dapat apa-apa kerana syarikat mereka mufliis. So, apakah perkembangan dengan skim insurans itu? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput.

Sebenarnya pekerja yang berhenti ini ramai, tahun 2015, 2016, dan sebagainya tetapi yang diberhentikan melalui pembubaran syarikat ini seperti mana yang telah pun saya sebutkan tadi, dan berbagai-bagai usaha telah pun kita buat dalam memastikan supaya pekerja-pekerja ini dapat kita jamin masa depan mereka. Antaranya seperti yang saya sebutkan tadi iaitu melalui *Jobs Fair* seperti yang baru-baru ini kita lakukan di mana kita mengadakan *Jobs Fair* di sembilan buah lokasi UTC di seluruh negara, di mana kita memanggil 350- tak silap saya, majikan yang menawarkan 15,000 kerja kosong dan ini termasuklah peluang yang kita berikan kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan ini.

■1030

Sementara, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ialah Skim Insurans Pekerjaan di mana memang skim ini dicadangkan untuk kita membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan ini. Sebenarnya skim ini sedang diusahakan, Tuan Yang di-Pertua dan tindakan kerajaan, kementerian sedang memuktamadkan dengan persetujuan kerajaan dan sebagainya. Kita berdoa supaya skim ini dapat kita laksanakan dengan segera bagi kita memastikan supaya pekerja-pekerja yang tidak ada ruang untuk mencari kerja-kerja lain dapat faedah daripada Skim Insurans Pekerjaan. Ini masih lagi dalam perbincangan kita dengan *stakeholders* ataupun agensi-agensi yang lain termasuklah MTUC dan sebagainya. Saya kira memang ini satu skim yang cukup baik untuk menjamin masa depan pekerja kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah pihak kementerian bercadang untuk meminda seksyen sedia ada dalam Akta Perhubungan Perusahaan dengan memasukkan klausa bahawa jika syarikat mufliis dan tidak mahu membayar pampasan sama ada dengan sengaja ataupun tidak sengaja?

Ada ketikanya Tuan Yang di-Pertua, syarikat ini mereka memang sudah tahu mereka akan tutup, jadi kerugiannya akan jatuh kepada pekerja dan pekerja-pekerja ini tidak akan dibayar gaji. Jadi, apakah kementerian bersedia membuat pindaan ini dan seterusnya mengalihkan tanggungjawab tersebut kepada Ahli Lembaga Pengarah syarikat yang terbabit? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang yang cukup arif tentang masalah pekerja. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian dari sehari ke sehari dan secara berterusan akan cuba memperkemas akta-akta yang ada di bawah kementerian kita, di bawah bidang pekerjaan sahaja berkaitan dengan pekerja, kita ada lebih kurang 12 akta yang memberikan tanggungjawab kita kepada memastikan masa depan pekerja ini. Akta Kerja ini akan sentiasa kita buat pemantauan, penelitian dan di mana perlu, kita akan buat penambahbaikan.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja yang berhenti dan majikan yang mementingkan pekerja dan menggulung syarikat ini, mereka tidak boleh lari begitu sahaja. Umpamanya mengikut seksyen 31 Akta Kerja 1955, jika harta majikan atau orang yang bertanggungjawab membayar upah pekerja dijual dengan perintah mahkamah dan akan memastikan yang pertama, mana-mana wang yang perlu dibayar kepada pekerja empat bulan upah dibayar lebih dahulu sebelum bayaran kepada mana-mana pemiutang di cagar dibuat seperti hutang-hutang bank dan sebagainya. Walau bagaimanapun, akta ini perlu dibaca dengan seksyen akta-akta yang lain termasuk Akta Syarikat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut seksyen 78 Akta Kerja 1955, jika didapati majikan akan melarikan diri bagi mengelak bayaran upah, gaji pekerja di atas permohonan kepada Mahkamah Majistret, Majistret boleh memerintahkan majikan ditahan dan supaya memberi jaminan bon sejumlah wang tertentu hingga mahkamah berpuas hati semua tuntutan pekerja telah dibayar. Jika majikan gagal mematuhi perintah untuk memberi jaminan, majikan boleh ditahan penjara untuk tempoh sehingga menjelaskan tuntutan pekerja. Maknanya, kita tidak akan lepaskan majikan ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, banyak.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang sungguh budiman pagi ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya meneliti hujahan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan kemuflihan atau *bankruptcy* syarikat yang berlaku pada hari ini. Saya mengambil contoh Perwaja dan juga Megasteel yang berlaku pada hari ini yang memberi kesan buruk kepada pekerja walaupun dalam konteks seksyen 10 Akta Kerja 1955 ada *agreement* syarikat dengan pekerja.

Namun, soalan saya ialah apakah kementerian ada keperluan atau tidak sekiranya syarikat itu mufli tetapi anak syarikat lain masih lagi bermaharajalela boleh diambil daripada itu untuk dijadikan sandaran pampasan kepada mereka yang terlibat secara langsung, sekurang-kurangnya syarikat ini bertanggungjawab di atas apa yang

berlaku disifatkan sebagai mufliis itu sendiri? Disebabkan oleh duit ini, dia bagi kepada syarikat yang lain di bawah syarikat gabungannya. Apakah langkah-langkah kementerian membolehkan mereka ini juga terpalit? Ambil duit itu dan bagi kepada pekerja dalam sifatnya sebagai pampasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang sungguh budiman pada pagi ini.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, saya bila pergi Yang Berhormat Kuala Langat ini memang letih juga saya dibuatnya. Akan tetapi *insya-Allah* Yang Berhormat Kuala Langat, terima kasih kerana prihatin kepada pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita ada beberapa kes tentang pekerja ini termasuklah Perwaja Steel dan juga Megasteel dan beberapa syarikat yang lain. Saya tidak sentuh Perwaja ini kerana kes seramai 890 orang pekerja Perwaja Steel ini dalam tindakan mahkamah. Jadi kes telah dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan tetapi majikan telah memohon semakan kehakiman, permohonan semakan kehakiman oleh majikan dikenakan atas alasan syarikat tutup dan pekerja tidak dapat diambil bekerja semula.

Tentang apakah kuasa, saya ingat Yang Berhormat Kuala Langat, saya kena rujuk juga undang-undang. *I am not legal*, saya bukan daripada dan terpaksa rujuk kepada dan mungkin saya akan jawab jawapan bertulis. Cuma saya bersetuju, kadang-kadang hari ini banyak syarikat *main company* yang sudah rugi tetapi duitnya *ditransfer* kepada syarikat-syarikat lain dengan tujuan supaya *the owner* ataupun pemilik kepada syarikat itu akan mendapat juga faedah kemudiannya. Jadi ini juga berkaitan dengan Akta Syarikat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit saya hendak memberi tambahan. Contoh, seramai 900 orang bekas pekerja telah memfailkan 47 representasi di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 atas tindakan pemberhentian yang dianggap dilaksanakan secara tidak adil seperti mana Yang Berhormat Kuala Langat sebutkan tadi dan tuntutan untuk dipulihkan semula pekerjaan.

Pihak syarikat juga telah mengemukakan permohonan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi mengetepikan kuasa Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia merujuk kes ke Mahkamah Perusahaan. Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan pada 19/8/2016 mengenai permohonan syarikat bagi kes yang seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi.

Jadi terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itu jawapan yang dapat saya beri dan mungkin *detail*-nya Yang Berhormat Kuala Langat saya akan rujuk kepada Yang Berhormat kemudian. Terima kasih banyak.

5. **Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kemelut antara Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Syarikat Dawama Sdn. Bhd. telah diselesaikan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Pendang. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perjanjian konsesi penswastan antara lembaga pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan Dawama Sdn. Bhd., tempoh konsesi penswastan telah tamat secara rasminya pada 31 Ogos 2014. Bagi memastikan tiada kendala dalam pelaksanaan fungsi-fungsi DBP seperti mana yang termaktub dalam Akta DBP serta atas kepentingan nasional, Kerajaan Malaysia telah memutuskan agar DBP mengambil alih fungsi yang diswastakan itu dan melaksanakannya secara penyumberan luar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun tempoh konsesi penswastan telah tamat secara rasminya, DBP masih berhadapan dengan tindakan undang-undang yang difailkan oleh pihak Dawama Sdn. Bhd. di Pusat Timbang Tara Serantau di Kuala Lumpur. Terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalannya yang pertama, memang penamatan itu telah dibuat pada 31 Ogos 2014. Konsesi yang diberikan kepada syarikat ini adalah selama 12 tahun dan setiap tahun, RM120 juta menyebabkan jumlah bayaran ialah RM1.44 bilion. Satu jumlah yang cukup besar.

Soalan saya yang pertama, mengapa kerajaan mengambil masa begitu lama untuk menamatkan perkhidmatan syarikat Dawama yang tidak cekap? Kedua, berapakah jumlah sebenar selama 12 tahun daripada 2002 hingga 2014 bayaran yang telah dibuat kepada syarikat Dawama Sdn. Bhd. ini?

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan.

■1040

Sebenarnya itu bergantung kepada konsesi perjanjian yang dilakukan di antara DBP dengan Syarikat Dawama. Konsesi itu tamat pada tahun 2014 kerana kita tidak lagi melihat bahawa syarikat itu mampu menjalankan tugas seperti mana yang kita berikan atas konsesi itu. Dengan sebab itu kita menamatkannya dan sekarang kita mengambil alih sebarang fungsi yang sebelum ini diswastakan kepada syarikat tersebut diambil alih sepenuhnya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kita melihat bahawa DBP sekarang mampu melaksanakan fungsi-fungsi tersebut. Seperti mana yang tertakluk kepada perjanjian sebelum ini segala bayaran yang dijanjikan semasa tempoh konsesi itu telah dibayar cuma sekarang kita ada tuntutan daripada syarikat tersebut yang sedang dalam

pusat timbang tara. Kita mengadakan beberapa tempoh bicara yang ditetapkan sehingga 9 hingga 12 Januari 2017. Kita melihat bagaimana keputusan timbang tara tersebut. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, kenapakah kalau DBP dalam keadaan mampu sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi kenapa sebelum ini diswastakan? Kita lihat kelemahan yang berlaku dari sudut urus tadbir korporat yang telah dilaksanakan oleh syarikat konsesi ini cukup lemah menyebabkan isu pemberhentian kerja, menyebabkan isu masalah pengeluaran, pemasaran begitu juga dari sudut tunggakan hutang. Sekarang kerajaan terpaksa menanggung kos kerugian tuntutan.

Jadi isu ini bukan sahaja kepada isu berkaitan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka banyak lagi isu-isu lain dalam negara kita yang melibatkan penswastaan yang akhirnya kerajaan kena *bail out* lagi. Jadi saya ingin tahu kenapa di peringkat awal 12 tahun, tahun 2002, syarikat ini telah diberi pencetakan ini telah diberi kepada syarikat ini diswastakan. Sedangkan dalam keadaan DBP mampu lebih baik kemampuannya untuk melakukannya. Minta penjelasan.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Rantau Panjang. Tuan Yang di-Pertua tidak berlaku *bail out* dalam kes ini. Kita menghentikan konsesi ini bila tamat perjanjian kita. Sebelum ini kita melihat bahawa syarikat swasta di bawah Dasar Penswastaan zaman itu syarikat swasta mampu melakukan lebih daripada percetakan buku teks. Di bawah DBP kita lebih memfokuskan kepada percetakan, judul-judul akademik dan buku teks. Bila kita swastakan kepada syarikat swasta apa yang kita perlukan syarikat tersebut bukan hanya cetak buku teks dan buku-buku ilmiah. Akan tetapi dia boleh membantu kerajaan, membantu negara mencetak lebih banyak lagi judul-judul yang bukan ilmiah supaya menggalakkan rakyat kita untuk lebih membaca khususnya buku-buku terbitan tempatan.

Bila kita mendapati bahawa syarikat ini tidak dapat melaksanakan cuma kita melihat bahawa perkara-perkara yang ini kita boleh melakukannya dengan *out source* sekarang dengan sistem terbaru atas pasaran. Maka lebih baik kita mengambil alih semula fungsi tersebut dan pada masa ini kita tiada perancangan untuk menswastakan semula. Tidak ada *bail out* apa yang mereka tuntutan itu telah kita jawab, pada masa yang sama kita juga melakukan tuntutan terhadap syarikat tersebut. Bagaimanapun kita melihat atau menunggu tentang keputusan timbang tara nanti. Sekian, terima kasih.

6. **Tuan Manivanan A/L Gowindasamy [Kapar]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sebab-sebab ganja diharamkan sedangkan rokok tidak diharamkan di Malaysia. Adakah ini bermaksud ganja lebih merbahaya daripada rokok atau tembakau. Jelaskan dengan contoh-contoh, mudarat dan bahaya penggunaan ganja berbanding dengan rokok dan tembakau; dan
- (b) sama ada penggunaan *poppy seed* (biji ganja) pada makanan seperti kek adalah haram di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, sedangkan ini perkara biasa di negara Eropah dan India.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Manivanan A/L Gowindasamy dari Kapar.

Tuan Yang di-Pertua soalan ini berkenaan dengan ganja, rokok dan juga *poppy seed*. Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ganja dikategorikan sebagai dadah terlarang. Kebiasaannya ganja dadah popular di kalangan pengguna yang baru berjinak dengan dadah. Kesan-kesan awal pengambilan dadah, ganja termasuklah mata merah, mual, muntah-muntah, cirit-birit, ulser mulut dan tekak berasa kering. Ini akan diikuti dengan rasa sejuk di hidung, kaki serta tangan. Kadangkala ototnya menggeletar dan pergerakannya menjadi tidak stabil Tuan Yang di-Pertua.

Penggunaan ganja dalam jangka masa panjang boleh mendatangkan kerosakan yang teruk kepada paru-paru, jantung dan otak. Memandangkan penagihan ganja akan membawa keburukan yang besar kepada seseorang masyarakat dan negara maka penggunaannya diharamkan. Rokok pula Tuan Yang di-Pertua, rokok dan produk tembakau merupakan komoditi perdagangan yang sah di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

Namun akibat kesan sampingan terhadap kesihatan dan pakar-pakar antarabangsa di seluruh dunia bersetuju untuk mengawal rokok dan produk tembakau di bawah [World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control \(WHO FCTC\)](#).

Di mana Malaysia telah menjadi *sanitary* semenjak tahun 2005 manakala ganja bukan merupakan komoditi perdagangan yang sah. Rokok mempunyai kesan sampingan iaitu ketagihan akibat nikotin dan kesan lain-lain bahan kimia berbahaya akibat pengambilannya. Kesan sampingan rokok adalah:

- (i) nikotin adalah bahan kimia psikoaktif yang mana tindakan dalam bahagian tertentu dalam otak akan merangsang tindak balas fisiologi dalam badan. Bagi seorang perokok apabila paras nikotin di dalam tubuh mulai menurun perasaan gian dan ketagihan akan

berlaku dan menyebabkan simptom-simptom seperti *irritation*, pening kepala, berpeluh merasa tidak selesa dan sukar memberi tumpuan;

- (ii) ketagihan nikotin akan menghasilkan dua jenis pergantungan ataupun *dependency* iaitu pergantungan mental di mana perokok, merokok akan mengurangkan kesan psikologi akibat penurunan nikotin dalam badan dan pergantungan fizikal di mana seseorang mengalami ketagihan dan menyebabkan pelbagai kesan jasmani apabila seseorang berhenti merokok; dan
- (iii) beberapa kajian telah diletakkan tahap ketagihan kepada nikotin seangkatan dengan dadah terlarang seperti heroin, kokain, kanabis, dan *crystal methamphetamine* ataupun *ice*, Tuan Yang di-Pertua.

Kedua-dua ganja dan rokok mendatangkan keburukan kepada kesihatan pengguna, orang sekeliling, masyarakat dan negara. Namun produk tembakau merupakan barang dagangan yang sah sejak dahulu lagi manakala ganja merupakan dadah terlarang di kebanyakan negara.

Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985 penggunaan *poppy seed* ataupun kas-kas adalah tidak dilarang. *Poppy seed* atau kas-kas terkenal sebagai ramuan dalam makanan dan secara amnya penggunaan di Malaysia mengambil serbuk kas-kas melalui pengambilan nasi kandar, dan kari dan lain-lain. Selain daripada itu kas-kas juga digunakan dalam penyediaan kek Tuan Yang di-Pertua. Maklumat saintifik menunjukkan kas-kas mengandungi dadah jenis *morphine* secara semula jadi tetapi tidak akan mendatangkan kesan khayalan atau ketagihan kepada pengguna melalui pengambilan makanan kerana kandungan *morphinenya* adalah rendah.

Sehingga kini hasil kajian yang telah dijalankan di peringkat antarabangsa menunjukkan tiada sebarang bukti saintifik yang menunjukkan *morphine* dalam kas-kas yang ditambah dalam makanan boleh mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan manusia. *US Food and Drug Administration* juga telah mengklasifikasikan kas-kas sebagai bahan *generally recognized as safe*. Penilaian risiko yang dijalankan oleh KKM berdasarkan kandungan *morphine* dalam kas-kas serta jumlah kas-kas yang ditambah dalam makanan. Menunjukkan pendedahan pengguna kepada *morphine* melalui pengambilan makanan adalah rendah dan tidak mendatangkan risiko kepada kesihatan manusia Tuan Yang di-Pertua.



**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Timbalan Menteri Kesihatan. Saya pada awalnya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini hakikat dan objektif saya bawa soalan ini bukan untuk menghalalkan ganja.

Akan tetapi untuk menyedarkan rakyat betapa samanya ganja dengan tembakau dan rokok. So saya ikut penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya dapati tidak banyak beza sebenarnya. Satu-satunya yang kita sedang mengatakan rokok dan tembakau, boleh digunakan adalah sebab dibenarkan di sisi undang-undang. Itu beza dia tetapi dari sudut ancaman sebagai contoh Timbalan Menteri, asap rokok mengandungi lebih kurang 4,000 jenis bahan kimia beracun iaitu lebih kurang 63 daripada bahan kimia tersebut boleh mengakibatkan barah.

■1050

Ini statistik dia dan dianggarkan 3,500 dari setiap 10 ribu kematian setiap tahun di Malaysia adalah berkaitan dengan rokok. *That means average* 10 ribu kematian, 3,500 adalah berkaitan dengan rokok. So, kita sedang gunakan konsep undang-undang. Oleh sebab itu ia dihalalkan. Oleh sebab itu ia boleh digunakan.

Saya hendak maklumkan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang perokok pasif. Perokok pasif sekarang pun dalam kedudukan yang bahaya, di mana kira-kira dua kali ganda nikotin yang mereka *consume*. Tiga kali ganda tar mereka *consume*, lima kali ganda *carbon monoxide* dia orang *consume*. So, saya rasa kita tidak boleh menyembunyikan diri kita dengan adanya undang-undang dan kita katakan ganja bahaya dan tembakau tidak bahaya. Saya rasa Kementerian Kesihatan perlu mengambil inisiatif yang benar, jelas, yang wajar untuk mengharamkan juga penggunaan tembakau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, soalan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** ...Seperti penggunaan ganja. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju dengan Yang Berhormat Kapar tentang bahaya merokok. Memang banyak. Berpuluh ribu bahan kimia dalam itu dan memang ada antaranya akan menyebabkan kanser ataupun *carcinogenic*. Memang berlaku dan memang kesannya perokok dan juga perokok pasif kena anak-anaknya, isterinya di rumah dan kawan-kawan di luar memang akan terkena dengan pasif, jadi perokok pasif. Bermakna mereka juga menghidu asap-asap. Memang membahayakan diri mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jadi eloklah semua wakil rakyat, Yang Berhormat berhenti hisap rokok ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya amat setuju, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat setuju.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Jadi memang kita sedar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya tidak merokok.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Kementerian Kesihatan memang sedar perkara ini, Tuan Yang di-Pertua. Memang tahu, kita tahu semua. Sebab itu kita berusaha...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sik dia kuat merokok. Dia doktor, itu. Sila.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya tidak hisap rokok. Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Kementerian Kesihatan berusaha berbagai-bagai cara mengadakan program khas untuk kesedaran tentang masyarakat kita kepada perokok ini. Kita sudah isytiharkan contohnya Melaka sebagai bebas rokok, Pulau Pinang bebas rokok, Johor bebas rokok, kawasan-kawasan tertentu, Tuan Yang di-Pertua. Dalam sedikit masa, Kelantan dan Terengganu juga akan diisytiharkan sebagai negeri yang bebas rokok.

Jadi, usaha-usaha yang kita buat termasuk berbagai-bagai. Di peringkat sekolah lagi kita sudah ada program kesedaran tentang rokok ini. Doktor Muda kita di peringkat sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti pun kita ajar mereka tentang bahayanya merokok. Ini semua kita buat kerana kita sedar dan memang saya setuju jumlah kematian akibat merokok ini memang tinggi. Kanser, paru-paru termasuk juga jantung.

Sakit jantung dan *chronic disease* semuanya boleh mengakibatkan kematian akibat daripada merokok. Jadi kita akan berusaha secara berterusan, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau ikut fatwa, fatwa sudah ada di peringkat kebangsaan, mengharamkan menghisap rokok tetapi masih lagi orang hisap rokok. Jadi tidak tahulah apa dia hukumnya kepada mereka yang hisap rokok ini.

Jadi, kita akan teruskan dan ia memakan masa, Tuan Yang di-Pertua. Memakan masa yang lama dan setiap tahun kita membelanjakan *RM1.4 million to RM1.5 million*, Tuan Yang di-Pertua. Tahun ini sebanyak RM1.5 juta kita belanjakan, khas untuk Kempen Anti Merokok ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya ingat Yang Berhormat Sik nak bangun. Doktor ada, mewakili wanita pun ada. Saya pilih wanitalah. Yang Berhormat Kuala Kangsar, sila.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri

iaitu mengenai pengambilan jenis dadah. Apakah polanya mengikut jantina dan apa polanya mengikut taraf ekonomi? Adakah perbezaannya? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, dalam pengambilan dadah ini, memang jelas peratus lelaki memang lebih tinggi tetapi angka yang tepat saya tidak dapat. Tidak ada di sini tetapi memang dari segi jantina, memang lelaki lebihlah. Lebih sangatlah. Itu yang saya boleh beritahu, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, penting, Tuan Yang di-Pertua. Kanabis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Doktor yang tidak menghisap rokok?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya tidak menghisap rokok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana beri saya peluang. Ini kerana saya melihat soalan ini berkenaan dengan kanabis ataupun ganja ini mudarat atau tidak mudarat. Sebenarnya banyak perkara dalam hidup ini kalau kita ambil lebih ataupun *extreme taking* ataupun *abuse*, dia jadi masalah. Kita ambil ketum. Ketum bagus tetapi bila *abuse*, jadi salah. *Even* durian pun sedap tetapi bila makan durian lebih, ada orang boleh mati. Nasi juga sama. Kalau makan nasi lebih, boleh jadi *obese* dan menjadi penyakit.

Apa yang saya hendak ceritakan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, kanabis ini ada kajian yang menunjukkan ia digunakan untuk perubatan. Contohnya ganja kanabis digunakan untuk *epileptic*. *Epileptic caesars* umpamanya dan dia punya *euphoric effect* boleh dikeluarkan kalau untuk dijadikan sebagai ubat. Jadi apa yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, pertama, adakah kita buat kajian sama ada *animal studykah*, *human studykah*, berkenaan— Kementerian Kesihatan Malaysia ada buat kajian atau tidak mengenai kepenggunaan ini kerana ada orang yang menggunakan kanabis secara *none harmful* dan ada yang menggunakan secara *extreme* dan *abuse*.

Kedua, saya memang hendak tanya sangat. Betulkah ada orang kata dalam nasi kandar ini ada kaskas dan boleh menyebabkan ketagihan? Apa komen kementerian? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai ini memang banyak akal. Doktor perubatan. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tentang *poppy seed* ini. Kaskas dalam bentuk biji ataupun serbuk dimasukkan dalam— akan tetapi dia punya *content* sebenarnya amat-amat rendah dan kajian telah

dibuat. Ia dimasukkan dalam makanan nasi kandar atau apakah, termasuk dalam kek sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kandungannya amat rendah dan tidak mendatangkan kesan kepada kesihatan mereka yang ambil itu.

Ini telah pun diiktiraf - bukan hanya kita yang mengakui rendah tetapi di US pun mengakui bahawa kaskas ini tidak termasuk dalam senarai dadah. Jadi boleh pakai. Boleh makanlah. Hendak makan nasi kandar banyak-banyak pun boleh.

Tentang kajian ganja ini, belum ada kajian yang secara spesifik tentang perkara ini, Tuan Yang di-Pertua.

**7. Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jika kementerian ada cadangan untuk memperuntukkan kewangan bagi pelaksanaan naik taraf bekas jalan balak berikut iaitu dari Simpang Sebeliau hingga ke Bawi Ulu Lemanak dan dari Sekunyit Kesit ke Ulu Engkari.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan nombor 7, untuk makluman Yang Berhormat Lubok Antu, senarai kawasan yang terlibat dalam projek menaik taraf bekas jalan-jalan balak di negeri Sarawak adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan yang telah disusun dan dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Berdasarkan senarai yang dikemukakan, jalan dari Sekunyit Kesit ke Ulu Engkari tidak disenaraikan di bawah jajaran yang terlibat dalam projek ini.

Walau bagaimanapun, di bawah projek menaik taraf bekas jalan-jalan balak di negeri Sarawak fasa 4, Bahagian Sri Aman yang diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Jajaran Sebeliau/Uyau di kawasan Yang Berhormat, Parlimen Lubok Antu sepanjang 27 kilometer telah disenaraikan untuk dinaik taraf dengan peruntukan berjumlah RM12.42 juta. Surat niat kepada kontraktor telah dikeluarkan pada 9 November 2016 dan pada masa ini sedang dalam proses penyediaan reka bentuk. Jadi, tahniahlah Yang Berhormat ada sebahagian daripadanya walaupun yang ditanya tadi belum dalam senarai. Usahakanlah. Teruskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lubok Antu. Tauke herba.

**Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, berita ini sudah tentu menggembirakan penduduk-penduduk

kawasan di Lemanak yang selama ini payah untuk turun melalui jalan bekas balak. Walaupun demikian, saya- kalau dapat saya mohon supaya dari Sebeliau ini terus ke Ulu Bawi sekali kawasan lebih sepanjang 16 kilometer lagi. Penduduk di sana kurang lebih 1,000 orang.

■1100

Jadi, kalau dapat saya mohon tambahan peruntukan supaya diteruskan ke Ulu Lemanak, kawasan Bawi.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk cadangan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Lubuk Antu, jadi cadangan saya ataupun saranan saya, Yang Berhormat sendirilah mengusahakan, hantarkan, kemukakan surat kepada kementerian KKLW dan juga berhubung, pergi juga berjumpa dengan pihak berkuasa di peringkat negeri Sarawak supaya kita dapat senarai itu ada dikemukakan oleh pihak negeri Sarawak kepada KKLW. KKLW akan juga mohon dana daripada Kementerian Kewangan untuk kita laksanakan projek yang dicadangkan yang 6 kilometer untuk kita memberi perkhidmatan jalan kepada penduduk seribu orang anggarannya tadi. Sekian, terima kasih.

**8. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa peruntukan telah diberi kepada Hospital Duchess of Kent di Sandakan dalam pecahan setiap tahun sejak tahun 2011 sehingga kini, khususnya peruntukan dari segi naik taraf kemudahan-kemudahan hospital seperti lif bangunan, bilik operasi, ambulans dan lain-lain.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan yang berkenaan dengan Hospital Duchess Of Kent, Sandakan. Hospital ini 400 katil, *bed occupancy rate* nya (BOR) telah pun meningkat daripada 62 peratus, tahun ini jadi 73 peratus, Januari hingga September. Peruntukan yang telah pun diberi kepada hospital ini sejak 2011 sehingga 2016 adalah RM24,000,800. Ini untuk pembangunan dan untuk pengurusan lain. Untuk pembangunan RM24,000,800. Lif yang ditanya ini ialah sudah pun diganti satu lif pada 2013 dan tahun ini terdapat, kita akan tambah lagi dua lif baru kerana dalam peringkat tender Tuan Yang di-Pertua, bermakna tender tahun ini, tahun depan kita boleh laksanakan.

Untuk ambulans, ambulans ada 9 semuanya, 2 rosak dan baru dapat satu yang baru. Yang ini yang lebih canggih daripada yang lepas dengan harga RM450 ribu satu ambulans, canggih. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, Projek Pembangunan Hospital Duchess Of Kent ini ialah menaik taraf blok wad lama dan Jabatan Farmasi.

Kos RM8 juta dan perunding telah pun dilantik untuk projek ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri punya jawapan, Sandakan Kent Hospital tidak seperti buntu. Jadi, saya pun panggil ini beberapa kali, Sandakan punya *operation theater*, langsung 6 *operation theater* pun mahu baik pulih. Sampai sekarang sudah hampir mahu dua tahun belum lagi selesai. Jadi, pesakit mahu hantar pergi Lahad Datu dan pergi Tawau untuk rawatan. Ini satu isu yang banyak *urgent*. Lagi tadi Yang Berhormat Menteri ada sebutlah lif itu pun hampir mahu dua tahun lebih sudah, sampai sekarang harap janji ini boleh ditepati dengan secepat mungkin lah.

Jadi, di sini soalan saya, mengikut bajet kelmarin kita yang diluluskan, Kementerian Kesihatan akan memberi peruntukan RM2.5 bilion untuk sebagai menaik taraf keseluruhan yang ada sebut punya berapa hospital di negeri-negeri lain. Saya di sini mahu tahu, berapakah peruntukan ini akan diagih bagi untuk Kent Hospital di Sandakan? Ini haraplah. Jadi, satu isu lagi Sandakan itu, itu *kidney washing machine* lah yang banyak kurang. Ramai *patient* itu tidak dapat dirawat. Saya harap ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ambil perhatian ini juga. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya banyak masalah di Sandakan dan saya akan pergi melawatlah Tuan Yang di-Pertua. Ya, terima kasih.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Saya punya soalan tambahan langsung tidak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan pergi melawat dan buat *assesment* sendirilah, *management by working around*. Pergi tengok sendiri ya dan daripada situ kita akan buat *assesment* dan beri peruntukan yang secukupnya untuk Sandakan ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, buat *correction* sikit, bajet tahun depan yang sudah kita lulus, untuk pembangunan RM1.3 bilion saja Tuan

Yang di-Pertua, bukan RM2.5 bilion. *Anyway*, kita akan tengoklah keperluan di Sandakan nanti ya.

**9. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejauh manakah inisiatif kementerian dalam menarik minat masyarakat umum di negara ini menyertai industri tenaga mahir seperti dalam industri pembuatan dan pembinaan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan. Tuan Yang di-Pertua, objektif Skills Malaysia adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peluang kerjaya yang terbuka luas bagi mereka yang mendapat latihan kemahiran. Bagi mencapai objektif ini, berbagai-bagai-bagai perancangan terus dilaksanakan. Antaranya mengadakan kempen dan *road show*, dengan izin, di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak supaya semua lapisan masyarakat mengetahui tentang keperluan dan permintaan kepada tenaga kerja berkemahiran.

Promosi melalui berbagai-bagai saluran media massa seperti televisyen, radio, majalah dan penglibatan selebriti digunakan untuk menyampaikan maklumat tersebut kepada kumpulan sasar. Di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), pengambilan pelatih setiap tahun disasarkan meningkat kepada 225 ribu orang secara terperingkat menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil kira sektor-sektor yang sangat memerlukan tenaga kerja di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, program latihan kemahiran yang bertindan dalam kalangan institusi TVET awam akan dikurangkan dengan menggalakkan pengkhususan dan mewujudkan pusat kecemerlangan dalam bidang khusus dan kepakaran bagi mengoptimumkan sumber dan menghasilkan keluaran graduan yang lebih berkualiti dalam sektor pekerjaan yang mempunyai permintaan tinggi.

Bagi menarik minat masyarakat umum di negara ini menyertai industri tenaga mahir, mulai Januari 2015, Kementerian Sumber Manusia melalui Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) menjalankan latihan secara *double shift* iaitu dengan meningkatkan pengambilan pelajar secara optimum dengan menggunakan kemudahan sedia ada. Ia melibatkan program latihan jangka panjang, program pensijilan profesional dan kursus jangka pendek. Bagi kursus-kursus yang mendapat permintaan

dan keboleherjaan yang tinggi dari pihak industri, termasuklah industri pembuatan dan pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kementerian ini juga melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) yang juga turut memainkan peranan untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir negara kepada 35 peratus pada tahun 2020 melalui pemberian Pinjaman Latihan Kemahiran (PLK). Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, PTPK telah memperuntukkan peruntukan pembangunan sebanyak RM200 juta setahun bermula tahun 2016 hingga 2020 di bawah dana pinjaman TVET.

Sehingga 30 September 2016, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran telah meluluskan pinjaman latihan kemahiran sebanyak RM304.6 juta kepada 23,279 pelatih. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM3.84 juta telah diluluskan di bawah Sektor Kemahiran Bangunan dan Pembinaan kepada 241 orang pelatih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya, apakah sektor ataupun industri yang berdepan dengan masalah dalam mendapatkan sumber tenaga mahir? Sejauh manakah pihak kementerian bersama-sama dengan majikan industri dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bagi memastikan pekerja mahir di tapak pembinaan mempunyai kemahiran? Apakah sasaran kementerian bagi merealisasikannya? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan.

■1110

Sebenarnya kita mempunyai banyak sektor dalam perkhidmatan ataupun pekerjaan ini. Daripada 14.16 juta tenaga kerja, maknanya penduduk yang boleh bekerja 2.4 juta adalah dalam sektor pembuatan, 1.23 juta dalam sektor pembinaan. Sebenarnya keperluan kepada tenaga kerja pelbagai sektor ini tidak dapat kita tentukan secara tepat. Namun demikian ada beberapa sektor yang merupakan sektor popular di kalangan pekerja-pekerja kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia sebenarnya ada di kementerian kita satu Majlis Kemahiran Negara di mana majlis ini diwakili dan dianggotai oleh kementerian-kementerian utama iaitu Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Luar Bandar dan kementerian-kementerian lain juga agensi-agensinya dan badan-badan swasta di mana badan ini membincang, merancang,



mencari jalan bagaimana kita boleh memfokuskan matlamat pencapaian 35 peratus tenaga mahir di negara kita menjelang tahun 2020. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya di mana pada permulaan tahun ini beberapa artikel telah dikeluarkan di beberapa *online news*, antaranya ialah *Malay Mail* di mana mengatakan bahawa setakat ini 30 peratus majikan rasa tidak puas hati dengan mereka mengatakan *talent deficiency* dalam *work force* di negara ini. Dikatakan lebih kurang 65 peratus majikan mengatakan bahawa mereka sudi untuk mengambil pekerja yang mahir dari luar negara. Jadi ada masalah *misfit* dalam perkara ini dan apa yang telah dibuat atau kekurangan yang kita telah buat setakat ini untuk mengisi ekspektasi majikan kerana mereka berkata bahawa ramai di antara pekerja-pekerja yang mahir tidak ada atau nak *alter to some other* pekerjaan. Jadi apa yang boleh dibuat saya rasa ini adalah perkara yang patut dibuat dua atau tiga tahun dulu, bukan sekarang. *We are already in the negative stage*. Jadi apakah dengan *fast track* isu tersebut. terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya tidak boleh menerima *statement* Yang Berhormat seperti itu. Persoalannya kita nafikan bahawa pekerja kita tidak berkelayakan dan tidak ada kualiti. Sebenarnya suka saya maklumkan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini majikan kata.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya, sebab itu saya hendak sebut majikan ini kadang-kadang *question mark* kepada saya. Kadang-kadang dia hendakkan pekerja asing kerana ada benda-benda lain yang boleh diambil manfaat daripada dia. Banyak benda, ini perlu kita bincang kemudian Yang Berhormat. Saya tidak mahu *expose* kan dalam Dewan ini. Saya nak buktikan kepada Yang Berhormat, umpamanya kita mengadakan *Asean Skills Competition* dalam bulan September baru-baru ini. Daripada 25 buah bidang kemahiran yang kita pertandingan dan kita masuk, 20 buah bidang kita dapat emas. Kita bertanding dengan 10 buah negara ASEAN dan hakim-hakim, pakar-pakar bukan daripada negara Malaysia. Seorang saja daripada Malaysia, yang lain semua daripada negara lain. Bermakna ini membuktikan bahawa pekerja kita adalah mempunyai kualiti.

Kenapa kita hendak nafikan pekerja kita Yang Berhormat, janganlah politik sangat Yang Berhormat, kasihan pekerja kita. *You* nafikan pekerja kita. Jadi saya harap sepatutnya Yang Berhormat memberikan sokongan kepada kita. Banyak program yang kita lakukan untuk meningkatkan *to upskilling, reskilling* pekerja-pekerja ini dengan tujuan untuk kita melahirkan pekerja mahir dan kita boleh bersaing dengan negara-negara lain. Kalau tengok memang jelas kepada kita. Bahkan hari ini Yang Berhormat,

kita telah mencapai juga kejayaan di peringkat *World Skills Competition* di mana saya bersama dengan mereka. Daripada 50 buah lebih negara yang menyertai *World Skills Competition*, kita berada di negara ke-20. Maknanya tidak lekeh Malaysia ini.

Jadi sebab itulah saya minta Yang Berhormat bila ada *statement* yang dikeluarkan oleh majikan, sebenarnya majikan ada benda-benda lain yang mungkin dia nak cari jalan supaya mereka lebih untung dengan mengambil pekerja asing. Saya tidak izinkan perkara ini berlaku. Minta maaf, kerajaan dan kementerian tidak izinkan perkara ini berlaku. Kita hendak menggalakkan supaya pekerja kita diberi peluang melalui kemahiran-kemahiran yang kita sediakan. Terima kasih Yang Berhormat.

**10. Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan status kemajuan pembinaan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Keat Hwa 3 di Pokok Sena, Kedah dan tarikh bila pembinaan sekolah tersebut akan diselesaikan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Keat Hwa 3 telah disenaraikan dalam permohonan Rancangan Malaysia Kesebelas. Walau bagaimanapun, cadangan ini tidak tersenarai dalam *Rolling Plan 1* iaitu bagi tahun 2016/2017 disebabkan ketiadaan tapak. Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar sedang mengenal pasti tapak yang sesuai di Pokok Sena, Kedah. Terima kasih.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, isu pembinaan sekolah baru ini telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pilihan raya yang ketiga belas, PRU ke-13 di mana dilaporkan bahawa Kerajaan BN telah bersetuju membina satu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina Keat Hwa 3 di Pokok Sena disebabkan bahawa ini adalah satu permintaan yang sudah lama dibuat oleh masyarakat Cina. Pada masa itu apabila pengumuman ini dibuat, Timbalan Presiden GERAKAN Cheah Soon Hai telah pun ditugaskan pada masa itu dan dilaporkan di sini bahawa beliau akan ditugaskan untuk mencari satu tapak yang bersesuaian.

Itu dalam tahun 2013 dan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tidak munasabah sebab ini adalah satu keperluan yang sangat diperlukan. Saya harap Timbalan Menteri boleh memberikan satu jawapan yang lebih tepat. Soalan saya adalah bila sekolah ini akan dibina, berapa kos dan bila ia akan disempurnakan sebab seperti saya kata nanti janggan projek ini dijadikan lagi satu projek

seperti Hospital Pendang yang telah pun dijanjikan sejak tahun 2002 dan sampai hari ini tidak dapat ditunaikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah menjawab soalan Yang Berhormat Alor Setar iaitu cadangan tapak di Pokok Sena, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah telah mencari kawasan-kawasan di daerah Kota Setar tidak ada kawasan tapak rizab untuk sekolah masa kini. Jadi kalau hendak bina di kawasan tersebut pun kita kena cari tanah-tanah di sekeliling di kawasan-kawasan yang bersesuaian. Untuk makluman tambahan Yang Berhormat Alor Setar, kalau kita hendak bina di sekitar Pokok Sena, dia cuma ada dua *feeder school* iaitu SJK (C) Tai Chong yang cuma dengan enrolmen 49 orang pelajar sahaja.

Yang kedua, SJK (C) Tong Yuh cuma 314 orang murid. Di situ, di sekeliling Pokok Sena ada enam buah sekolah menengah kebangsaan, SMK Pokok Sena, SMK Pokok Sena 2, SMK Langkar, SMK Jabi, SMK Bukit Perayong, SMK Hutan Kampung. Jadi tidak ada permintaan yang mendesak di kawasan itu. Jadi kalau kita hendak membina satu lagi Sekolah Menengah Keat Hwa 3, kita kena mencari tapak yang ada di bawah kita. Kalau tidak kementerian ataupun jabatan kena *acquire land*. Jadi belum sampai lagi waktunya hendak tanya bila boleh siap, berapa harganya. Cuma kita kena dapat tapak dulu. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya bila disebut Pokok Sena, sila Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) sedang mencari dan buat masa ini tidak ada satu keperluan kerana tidak ada *feeder* yang boleh menjadi satu keperluan kepada pembinaan sekolah baru jenis menengah kebangsaan Keat Hwa ini. Akan tetapi isunya, untuk apa yang Perdana Menteri pergi umum dalam pilihan raya umum dulu.

Sepatutnya bila Perdana Menteri umum, Perdana Menteri sudah pun diberikan maklumat tentang ada keperluan untuk Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Keat Hwa 3 dibina dalam Parlimen Pokok Sena dan sudah pun ada tanah. Ini Perdana Menteri pergi umum seolah-olah hanya sekadar untuk memancing undi daripada masyarakat Cina yang ada di Pokok Sena jangan mengundi saya. Itu sahaja. Jadi menunjukkan bahawa Perdana Menteri lebih banyak nak bermain politik dalam pilihan raya membuat pengumuman-pengumuman yang dia sendiri tidak mempunyai maklumat yang sebenar.

## ■1120

Jadi sebab itu saya hendak minta rundingan atau pun, yang dikatakan JPN sedang mengenal pasti itu, saya hendak tanya, JPN berunding, berbincang dengan siapa? Adakah dengan pihak Lembaga Sekolah Keat Hwa dan juga pihak-pihak komuniti masyarakat Cina. Saya sebagai Ahli Parlimen seharusnya mesti dirundingi di mana tempat yang seharusnya boleh diberikan cadangan? Kami juga ada pandangan-pandangan tertentu. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih atas soalan tambahan. Sebagai Ahli Parlimen, Yang Berhormat pun tidak pernah berbincang, hendak tahu perkara ini yang perlu dibawa oleh Yang Berhormat Alor Setar. Sebenarnya kalau perkara ini sudah diumumkan, walaupun kita dalam usaha mencari tapak, sebagai Wakil Rakyat, saya mintalah Yang Berhormat Pokok Sena juga membantu untuk mencari tanah, melihat kawasan itu... [*Dewan riuh*] Kalau hendak timbang tara...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kalau Yang Berhormat Menteri umum sepatutnya Menteri sudah ada maklumat. Sebab itu sebagai MCA, Gerakan- beritahu kepada Menteri, ini tapaknya. Ini MCA dengan Gerakan 'kepala otak' tidak ada. 'Kepala otak sewel'...

**Tuan Chong Sin Woon:** Kalau hendak timbang tara biarlah membantu sebagai Wakil Rakyat. Itu pula Yang Berhormat Alor Setar yang bertanya, sekarang pula hendak berpolitik, hendak cakap MCA, Gerakan lagi, ini lagi mempolitikkan ini buat apa? Ini pendidikan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** MCA, Gerakan ini tipu Menteri. MCA, Gerakan tipu Menteri.

**Tuan Chong Sin Woon:** Apa yang diumumkan akan diselesaikan oleh kementerian. Bukan dengan cara mempolitikkan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ini Yang Berhormat Menteri yang tidak pandai buat kerja. Hendak salahkan Ahli Parlimen pula, hei malulah.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Dia menyalahkan sahaja.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Kerajaan sendiri tidak tahu tapak di mana. Malulah.

**Tuan Chong Sin Woon:** Sudahlah, duduklah. Saya hendak jawab soalan ini. Duduk, saya hendak jawab soalan ini.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Macam mana boleh umumkan tanpa tahu ada tanah atau tidak. Macam mana boleh umumkan?...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, Perdana Menteri sudah kena perangkap MCA. MCA dan Gerakan sudah tipu Perdana Menteri. Ini tidak betul.

**Tuan Chong Sin Woon:** Kementerian hendak jawab soalan, macam mana? Itulah bagaimana sebagai Wakil Rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat sila duduk. Sila duduk Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Malulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya yang lain diam Yang Berhormat. Apakah lagi saya hendak cakap? *[Ketawa]* Apa lagi saya hendak cakap. Yang bertanding pilihan raya, orang yang bijaksana. Sekarang sudah bergelar "Yang Berhormat." Peraturan pun kita luluskan bersama. Jadi, marilah kita jaga adab kita bersama, ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya setuju Tuan Yang di-Pertua tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang melanggar Peraturan. Menjawab persoalan, menyalahkan saya. Sedangkan dia yang sepatutnya salah. Tipu Perdana Menteri mana boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena sila duduk. Yang Berhormat Pokok Sena.

**11. Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]** minta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, adakah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Pendidikan akan bekerjasama dalam usaha membekalkan kemudahan asas seperti *electricity* dan air kepada kampung dan komuniti berdekatan sekolah daripada sumber yang sama.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Julau, untuk makluman Yang Berhormat Julau, kementerian telah mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam pembekalan elektrik kepada kampung dan komuniti berdekatan sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah melaksanakan sebanyak empat buah projek solar hibrid ke kampung sekolah pedalaman Sarawak secara berfasa. Peruntukan keseluruhan projek ini berjumlah RM333 juta yang melibatkan 16 buah sekolah, dan 1085 buah rumah iaitu ketua isi rumah, *household*.

Pelaksanaan projek ini telah mengambil kira penggunaan bekalan elektrik untuk sekolah, kuarters guru serta bangunan-bangunan kerajaan di kawasan tersebut. Projek

fasa 1 solar hibrid ke kampung dan sekolah pedalaman Sarawak telah siap sepenuhnya pada tahun 2015. Ia memberi manfaat kepada tiga buah sekolah, dan 285 buah rumah. Manakala tiga buah projek lagi yang dilaksanakan secara berfasa, akan siap sepenuhnya selewat-lewatnya pada pertengahan tahun 2018. Ia memberi manfaat kepada 13 buah sekolah dan 800 buah rumah.

Bagi bekalan air luar bandar, menjawab soalan tadi, setiap pelaksanaan projek ke kawasan atau kampung telah mengambil kira bangunan awam seperti sekolah, pejabat kerajaan, klinik, rumah keagamaan dan lain-lain yang akan turut mendapat manfaat bekalan air bersih dan terawat. Walau bagaimanapun, proses penyambungan bekalan air ke setiap sekolah hendaklah dibuat oleh pihak berkenaan agar bekalan air bersih dapat dibekalkan dengan sempurna.

Selain daripada itu, kementerian ini juga telah memasang tangki penapis air *life saver*- H2on1, dan H2or1 bermula tahun 2013 sehingga bulan Disember di seluruh Malaysia. Pemasangan tangki ini turut melibatkan kawasan sekolah dengan mendapatkan kerjasama daripada Kementerian Pelajaran. Sehingga kini, terdapat 238 buah sekolah yang telah dibekalkan dengan tangki penapis air ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan.

Kita memang tahu Tuan Yang di-Pertua, bahawa beberapa usaha telah dijalankan oleh kerajaan untuk berkongsi aset-aset ini kepada komuniti berdekatan dan sekolah. Saya tahu bahawa ada sedikit kekangan daripada segi peruntukan kewangan kementerian mana yang sepatutnya mempunyai peruntukan ini.

Oleh yang demikian, saya cadangkan Tuan Yang di-Pertua bahawa peruntukan seperti ini boleh diadakan di Kementerian Kewangan atau di Jabatan Perdana Menteri. tahniahlah kepada kementerian kerana ada usaha untuk menjalankan tugas seperti ini. Ini adalah sedikit sebanyak melarikan kita daripada *silo mentality*.

Saya mengharapkan bahawa usaha ini dijadikan iaitu usaha yang berterusan dan boleh banyak lagi sekolah-sekolah dan penduduk kita dapat berkongsi aset-aset yang disediakan oleh kerajaan. Sebagai mana yang kita tahu Tuan Yang di-Pertua di pedalaman memang ada kekangan daripada segi menyediakan utiliti, ataupun aset-aset asas kepada tempat-tempat yang jauh dari bandar. Ini saya pujilah kementerian kerana ada mencari jalan untuk menyelesaikan masalah di pedalaman. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya panjang.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sebenarnya, saya tidak dapat soalan Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi terima kasihlah kepada Yang Berhormat Julau kerana

memuji Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang membuat NBOS ataupun kerjasama dengan kementerian lain, iaitu Kementerian Pelajaran dalam usaha kita hendak menyampaikan bekalan elektrik dan air terawat kepada penduduk-penduduk yang jauh di pedalaman, di luar bandar lebih-lebih lagi di negeri Sarawak.

Jadi untuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini, sebab ada ditanya kewangan tadi, kita melaksanakan apa peruntukan yang disalurkan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya menyedari bahawa kementerian-kementerian lain ataupun agensi-agensi lain ada juga diberi peruntukan untuk melaksanakan projek yang sama seperti mana Yang Berhormat sendiri Pengerusi *1Malaysia Sarawak Advisory Council* yang telah menjalankan projek serupa juga Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Tidak bolehkah Tuan Yang di-Pertua? Ini soalan spesifik Sarawak, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Okey, padat, cepat.

Pertama, saya hendak tanya dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, berapa banyakkah rumah panjang di seluruh negeri Sarawak yang telah dibekalkan oleh *electricity*? Itu sahaja.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya tidak ada angka yang tepat Tuan Yang di-Pertua. Akan disampaikan secara bertulis. Saya kira Yang Berhormat mungkin bertanya sebab ada satu projek di kawasan Yang Berhormat yang agak bermasalah sedikit. Yang Berhormat Hulu Rajang bersama saya dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia bulan Ogos, sampai melawat projek itu. Akan tetapi kerana tidak ditanya, tidak apalah, projek ini akan siap dalam beberapa bulan lagi. Sekian, terima kasih.

■ 1130

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, minta maaf Yang Berhormat Batu Gajah ya. Bailah Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan sudah tamat. Ya, Setiausaha.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG SETEM (PINDAAN) 2016****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Setem 1949; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.31 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan;

- (i) Usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri'
- (ii) DR.18/2016 - Rang Undang-undang Kewangan 2016,
- (iii) DR.16/2016 - Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah-wilayah Persekutuan (Pindaan) 2016;
- (iv) DR.15/2016 - Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016;
- (v) DR.24/2016 – Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubung Dengan Anugerah 2016;
- (vi) (DR.19/2106) – Rang Undang-undang Lambang dan Nama Mencegah Penggunaan Tak Wajar (Pindaan) 2016;
- (vii) DR.22/2106 – Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (2016); dan
- (viii) DR. 23/2016 – Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 2016

seperti yang tertera di No.1 hingga No.8 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 24 November 2016.”



**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

### **USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3)**

#### **MENGGANTUNG YANG BERHORMAT SEGAMBUS DARIPADA PERKHIDMATAN MAJLIS MESYUARAT SELAMA ENAM (6) BULAN**

11.33 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mengemukakan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) iaitu:

**"Bahawa** pada hari Selasa 25 Oktober 2016, semasa sesi Kamar Khas, Yang Berhormat Tuan Lim Lip Eng, Ahli Parlimen kawasan Segambut dengan biadapnya telah mempersoalkan kuasa Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang boleh dikenakan ke atas beliau kerana enggan mengikut arahan Tuan Yang di-Pertua.

**"Bahawa** Yang Berhormat Segambut juga telah menghina Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan kenyataan dengan izin, "*You are a disgrace to Parliament... we are elected and you are appointed*". Kenyataan Yang Berhormat Segambut telah menghina Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah memilih beliau sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat berdasarkan Perkara 57 Fasal 1, Perlembagaan Persekutuan.

**Bahawa** Yang Berhormat Segambut sebelum itu telah mengemukakan satu kenyataan pada 23 Oktober 2016 yang mempertikaikan dan memperlekehkan keputusan Yang di-Pertua Dewan Rakyat berhubung dengan pertanyaan-pertanyaan serta usul yang berkaitan tindakan sivil di Civil *in rem* oleh Department of Justice mengenai isu *sub judice*.

**Bahawa** Yang Berhormat Segambut juga telah mengeluarkan satu kenyataan semasa sidang media di lobi Parlimen pada Khamis, 7 April 2016 yang menyatakan bahawa Yang di-Pertua Dewan Rakyat gagal dalam usaha-usaha penambahbaikan Parlimen yang sedang dilaksanakan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan meminta agar Yang di-Pertua Dewan Rakyat meletakkan jawatan.

**Bahawa** perbuatan dan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Segambut itu adalah merupakan satu penghinaan kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang menjalankan tugas sebagai Pengerusi Dewan ini dan demikian, bererti penghinaan juga kepada

Dewan Rakyat yang turut mencemarkan nama baik dan prestij Dewan Rakyat.

**Maka inilah dipersetujui bahawa** Yang Berhormat Tuan Lim Lip Eng, Ahli Parlimen Kawasan Segambut hendaklah digantung daripada perkhidmatan Majlis Mesyuarat selama enam bulan dari tarikh keputusan usul ini diluluskan.”

Tuan Yang di-Pertua, yang tersebut tadi merupakan Usul saya yang mana penjelasan mengapa usul tersebut dibuat adalah seperti berikut;

“Pada hari Selasa, 25 Oktober 2016, semasa sesi Kamar Khas, Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah mengambil peluang untuk memberi penjelasan kepada Yang Berhormat Segambut berhubung dengan kenyataan-kenyataan akhbar yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Segambut yang merendahkan martabat Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Tuan Lim Lip Eng, Ahli Parlimen kawasan Segambut kemudiannya dengan biadap telah mempersoalkan kuasa Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang boleh dikenakan ke atas beliau kerana enggan mengikut arahan Tuan Yang di-Pertua untuk duduk dan mendengar penjelasan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat terlebih dahulu.

Selepas Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mengarahkan Yang Berhormat Segambut untuk keluar Dewan kerana berdegil-degil, Yang Berhormat Segambut juga telah menghina Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan kenyataan, “*You are a disgrace to Parliament... we are elected and you are appointed*”. Kenyataan Yang Berhormat Segambut tersebut telah menghina dan memperlekeh kedudukan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah memilih beliau sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat berdasarkan Perkara 57, Fasal 1 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Segambut sebelum itu telah mengeluarkan satu kenyataan media pada 23 Oktober 2016 yang mempertikaikan dan memperlekehkan keputusan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat berhubung dengan pernyataan-pernyataan Setiausaha yang berkaitan tindakan civil *in rem*, oleh Department of Justice mengenai isu *sub judice*.

Umum mengetahui setiap keputusan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dibuat dengan penuh ketelitian dan mengambil kira semua aspek. Tambahan pula, terdapat tatacara dalam peraturan mesyuarat yang boleh digunakan sekiranya mahu mempersoalkan keputusan Tuan Yang di-Pertua seperti yang termaktub di bawah Peraturan Mesyuarat 43.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Segambut juga telah mengeluarkan satu kenyataan sidang media di lobi Parlimen pada Khamis, 7 April 2016, yang menyatakan bahawa Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat gagal dalam usaha-usaha penambahbaikan Parlimen yang sedang dilaksanakan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan meminta agar Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat meletakkan jawatan.

Perbuatan ini jelas menghina dan merendahkan martabat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan bercanggah dengan hasil penambahbaikan Parlimen yang telah dilaksanakan dengan jayanya di sepanjang sidang ini dan sebelumnya seperti Persidangan Kamar Khas, Pertanyaan-pertanyaan di bawah Peraturan Mesyuarat 22(5) baru dan Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri yang telah mendapat sambutan yang baik daripada pihak kerajaan dan juga pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa Yang Berhormat Segambut telah melampaui batas kerana tindakan dan kenyataan Yang Berhormat Segambut itu telah merendah-rendahkan kredibiliti Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan mengendalikannya persidangan Dewan dan juga terhadap sistem demokrasi Parlimen di negara ini. Apa yang dapat saya nyatakan di sini, tindakan Yang Berhormat Segambut tersebut merupakan satu tindakan yang tidak berhemah, tidak bertanggungjawab, mencemarkan nama baik Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat khususnya dan Dewan Rakyat amnya, mencemar nama baik kesemua Ahli Dewan Rakyat serta merupakan suatu penghinaan kepada prestij Dewan yang mulia ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, penalti enam bulan adalah wajar ke atas Yang Berhormat Segambut dan diharap menjadi pengajaran kepada semua Ahli Dewan Rakyat agar lebih berhemah di masa hadapan sebelum membuat sebarang kenyataan berhubung dengan urusan Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Siapa menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersedia untuk menarik balik perkataan yang kesat ke atas Tan Sri Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan bersedia untuk menarik balik Usul ini?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Tuan Yang di-Pertua ketahui bahawa Usul ini telah berada di dalam Aturan Mesyuarat. Jadi persoalan saya, kenapa Yang Berhormat Segambut tidak berjumpa dengan Tuan

Yang di-Pertua untuk memberikan penjelasan ataupun memohon maaf secara peribadi sebab yang terlibat dalam ini adalah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Pengerang. Akan tetapi *point of order* saya di bawah 44(1), *standing order* berkenaan dengan prosedur.

Jadi kita ada jawapan kepada apa yang disebut di situ berkenaan dengan prosedur yang digunakan *but* Yang Berhormat Pengerang *still going to persist with the procedure requirement or is Yang Berhormat Pengerang..*

■1140

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong *with all due respect*. Yang Berhormat Puchong *with all due respect*. *I'm responding* saya dengan izin saya menjawab kepada soalan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yes.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Boleh tidak saya selesaikan menjawab?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh, boleh but ...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tetapi biar saya habis saya tidak habis lagi.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh, boleh, terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Jadi disebabkan oleh yang sebenarnya yang terlibat ialah Tan Sri Pandikar Amin, jadi saya telah diberi maklumat daripada beliau sebentar tadi bahawa memandangkan Yang Berhormat Segambut memohon maaf secara terbuka, saya dimaklumkan bahawa Tuan Yang di-Pertua tiada masalah menerima permohonan maaf daripada Yang Berhormat Segambut maka kerajaan akan menarik balik usul [*Tepuk*] ke atas Yang Berhormat Segambut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon Yang Berhormat Segambut menyatakan terima kasih secara peribadi kepada Tan Sri Speaker, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih kepada Dewan ini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya menarik balik *point of order* saya.  
[Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah usul kerajaan dan biarlah apa yang berlaku ini menjadi satu pengajaran kepada kita di Dewan ini terhadap kuasa-kuasa yang ada pada Speaker, soal-soal *contempt* yang tidak boleh dilafazkan terhadap Speaker. Kita mesti hormat kerusi ini dan bukan individu tetapi Kerusi Speaker yang ada dalam Dewan Rakyat ini. Terima kasih Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** *Point of order*. Peraturan Mesyuarat 93(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** *Point of order* 93(1), "Orang-orang luar dibenarkan hadir menyaksikan mesyuarat dalam Dewan Majlis....."

Untuk makluman Dewan ini saya telah menerima aduan daripada orang luar yang memasuki Dewan ini semasa Dewan bersidang, bahawa adanya berlaku aktiviti minta rasuah di bangunan Parlimen ini. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ada orang awam sebab hendak letak kereta tapi kekurangan tempat letak kereta, anggota keselamatan, pegawai Dewan ini selalunya dia menarik tali untuk menghalang orang awam dari letak kereta di dalam. Jadi untuk mereka yang hendak meletak kereta, anggota keselamatan minta *fee*, RM10. Itu berlaku pada minggu pertama sesi Dewan ini dan juga berlaku semalam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya ada bukti, saya ada saksi. Ketua anggota keselamatan sendiri pun tahu apa yang berlaku semalam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Jadi saya bukan sahaja hendak melindungi imej Dewan ini, saya hendak bersihkan Dewan ini daripada rasuah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat ya, jangan berucap Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, saya minta satu tindakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baiklah Yang Berhormat...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** ...yang serius diambil oleh Dewan ini terhadap orang-orang yang telah menerima rasuah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya ambil maklum tentang...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya minta satu keputusan, jangan ambil maklum sahaja, keputusan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ... isu yang dibuat Yang Berhormat dan saya minta agar pihak pentadbiran membuat siasatan terhadap perkara ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2016**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.44 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan satu akta untuk meminda Akta Percukaian, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1997...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *Point of order...*

**Dato' Othman bin Aziz:** Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *Point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Point of order* Yang Berhormat. Selepas ini Yang Berhormat, selepas bacaan ini. Ya teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Othman bin Aziz:** Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kewangan 2016 yang dicadangkan tersebut adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2017 di samping melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 63 fasal yang dibahagikan kepada enam bab seperti berikut.

Bab I - Permulaan. Dalam bab Permulaan terdapat dua fasal seperti berikut iaitu Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan 2016 dan Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan 1967), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Bab II, pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Bab II yang terdiri daripada 27 fasal iaitu Fasal 3 sehingga 29 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:-

Fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat atas akta tersebut.

Fasal 4, 6, 22, 23, 24 dan 26 dan perenggan 28(b) mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini.

Fasal 5 dan sub perenggan 10(a)(i) disifatkan telah mula berkuat kuasa dari tahun tafsiran 2015.

Fasal 12, 13, 20 dan 21 dan perenggan 27(b) dan 29(e) disifatkan telah bermula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

Perenggan 7(a) disifatkan telah mula berkuat kuasa dari 1 Januari 2010.

Perenggan 7(b) Fasal 8 dan 9 sub perenggan 10(a), (ii), (iv), (v), (vi), (vii) dan (viii) perenggan 10(b).

Fasal 11, 14, 15, 16 dan 17, dan sub perenggan 29(a), (b), (c), (d), (f), (g) dan (h) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 18 dan 25 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Fasal 19 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran berikutnya;

Perenggan 28(a) disifatkan telah mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2016.

Tarikh kuat kuasa bagi sub fasal 27(1)(iii) dan sub perenggan 27(a)(i) dan (ii) akan disyorkan untuk dipinda di peringkat Jawatankuasa.

Sub fasal 27(a)(iii) berkenaan dengan pindaan perenggan 4 Bahagian I, Jadual Pertama kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 disyorkan berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

Sub perenggan 27(a) (i) dan (ii) berkenaan dengan pindaan kepada sub perenggan 2(a) dan perenggan 2(d), Bahagian 1, Jadual Pertama Akta Cukai Pendapatan 1967 pula disyorkan berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) adalah seperti berikut:-

- a) memasukkan perkataan dengan izin, '*end the airspace above such areas*' dan dengan izin "*or jurisdiction*" ke dalam takrif "Malaysia" bagi menjelaskan takrif Malaysia agar selaras dengan takrif yang diperuntukkan dalam perjanjian pengelakan percukaian dua kali yang dimasuki oleh Kerajaan Malaysia dengan mana-mana wilayah di luar Malaysia.
- b) menggantikan takrif dengan izin "*public entertainer*" dengan takrifan baharu bagi menjelaskan kebolehdendaan cukai seorang penghibur awam di bawah seksyen 109(a) dan (c) menggantikan takrif dengan izin "royalti" dengan takrifan baru.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 13(1A) untuk meletakkan bahawa apa-apa amaun cukai barang dan perkhidmatan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang dibayar oleh majikan akan dianggap sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar pekerja dalam pengiraan cukai pendapatan

#### ■1150

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 15A dengan memotong proviso sedia ada bagi menjelaskan apa-apa pendapatan di bawah subseksyen 4A(i) dan (ii) diperolehi dari Malaysia oleh bukan pemastautin bagi perkhidmatan dilaksanakan di dalam atau di luar Malaysia.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 34 seperti berikut:-

- (a) memotong subseksyen 34A dan 34B yang berbangkit daripada pembatalan garis panduan ke atas pinjaman tidak berbayar oleh Bank Negara Malaysia; dan
- (b) meminda subseksyen 34(6)(k) untuk menaikkan had potongan bagi penajaan persembahan dan pertunjukan kesenian dan kebudayaan dalam dan luar negara yang diluluskan oleh Menteri yang bertanggungjawab ke atas kesenian, kebudayaan dan warisan daripada RM500,000 hingga RM700,000. Ini termasuk had potongan bagi komponen penajaan persembahan dan pertunjukan luar negara dinaikkan daripada RM200,000 kepada RM300,000.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 44 seperti berikut:-

- (a) meminda subseksyen 44(6) dan subseksyen 44(7) dan perenggan 44(7A)(a), perenggan 44(7B)(a) dan perenggan 44(7B)(b) bagi memasukkan takrifan, dengan izin, *fund*, bagi menjelaskan



bahawa potongan cukai turut dibenarkan bagi sumbangan ke atas, dengan izin, *fund*, yang ditadbir oleh institusi dan organisasi; dan Tabung ini hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

- (b) meminda subseksyen 44(11B) bagi menjelaskan bahawa potongan cukai yang layak adalah daripada sumbangan tunai kepada aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 45A bagi menjelaskan bahawa seseorang isteri tidak layak menuntut pelepasan pasangan sebanyak RM4,000 sekiranya suami mempunyai pendapatan daripada sumber luar Malaysia melebihi jumlah pelepasan pasangan tersebut. Pindaan ini tidak terpakai bagi pasangan orang kelainan upaya (OKU).

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 46 seperti berikut:-

- (a) meminda proviso bagi perenggan 46(1)(h) bagi menaikkan amaun pelepasan ke atas bayaran yuran pemeriksaan kesihatan daripada RM5,000 kepada RM6,000;
- (b) memotong perenggan 46(1)(i), perenggan 46(1)(j), perenggan 46(1)(l) dan perenggan 46(1)(m) berhubung pelepasan pembelian buku dan bahan bacaan, pembelian komputer peribadi, pembelian barangan dan peralatan sukan dan bayaran yuran langganan jalur lebar untuk digantikan dengan peruntukan baharu;
- (c) memasukkan perenggan baharu 46(1)(p) bagi memperuntukkan satu potongan baharu berkenaan amaun maksimum sehingga RM2,500 berkenaan amaun yang dibelanjakan bagi pembelian bahan bacaan, komputer peribadi termasuk telefon pintar dan tablet, peralatan sukan, yuran keahlian gimnasium dan langganan *internet*;
- (d) memasukkan perenggan baharu 46(1)(q) bagi memperuntukkan satu potongan baharu berkenaan amaun maksimum sehingga RM1,000 bagi pembelian kelengkapan penyusuan ibu bagi anaknya yang berumur dua tahun dan ke bawah; dan
- (e) memasukkan perenggan baharu 46(1)(r) bagi memperuntukkan satu potongan baharu berkenaan amaun maksimum sehingga RM1,000 berhubung amaun yang dibelanjakan bagi penjagaan anak yang berumur enam tahun dan ke bawah kepada taman-

taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan Akta Pendidikan 1996.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda subseksyen 47(5) yang berbangkit daripada pindaan subseksyen 45A di mana bahawa seseorang suami tidak layak untuk menuntut pelepasan pasangan sebanyak RM4,000 sekiranya isteri mempunyai pendapatan daripada sumber luar Malaysia melebihi jumlah pelepasan pasangan tersebut. Pindaan ini tidak terpakai bagi pasangan orang kelainan upaya (OKU).

Fasal 12 dan fasal 13 bertujuan untuk meminda takrif dan subseksyen 60(11) dan seksyen 60AA yang berbangkit daripada pemansuhan Akta Insurans 1996 yang digantikan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda subseksyen 61A(2) untuk memperuntukkan bahawa pengecualian cukai daripada pendapatan unit amanah adalah terpakai kepada unit amanah yang mengagihkan 90 peratus atau lebih daripada jumlah pendapatan daripada unit amanah tersebut kepada pemegang unit dan unit amanah tersebut tersenarai di Bursa Malaysia.

Fasal 15, fasal 16 dan fasal 17 adalah berbangkit daripada pindaan subseksyen 61A(2).

Fasal 18 bertujuan untuk meminda seksyen 97A seperti berikut:-

- (a) memperuntukkan dalam subseksyen 97A(1A) bahawa jika seseorang tidak berpuas hati dengan ketetapan umum atau apa-apa amalan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri pada masa penyata dibuat dan tidak mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai, maka penyata itu disifatkan sebagai suatu pemberitahuan;
- (b) meminda subseksyen 97A(2) dan subseksyen 97A(3) yang berbangkit ke atas subseksyen 97A(1A) di mana tempoh rayuan bagi pemberitahuan di bawah subseksyen 97A(1A) adalah sama dengan tempoh rayuan di bawah subseksyen 97A(2);
- (c) memperuntukkan subseksyen baharu 97A(5), 97A(6), 97A(7) dan 97A(8) yang bertujuan supaya seseorang boleh merayu terhadap sesuatu penyata mengikut subseksyen 77 atau 77A(1) bagi keadaan tiada pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam satu tempoh yang dinyatakan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah subseksyen tersebut sekiranya terdapat

kesalahan atau kesilapan dalam amaun yang dikira dalam penyata pendapatan tersebut; dan

Pindaan ini juga membenarkan rayuan oleh pembayar cukai bagi kes di mana amaun dalam penyata tidak tepat disebabkan oleh pembayar cukai tidak layak menuntut apa-apa pengecualian, relif, peremitan, elaun atau potongan pada masa penyata itu dikemukakan kerana undang-undang berhubung relif itu belum diwartakan atau diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Tempoh permohonan adalah lima tahun dari hujung tahun warta disiarkan.

- (d) pindaan juga memperuntukkan seseorang boleh merayu terhadap amaun yang dikira dalam penyata yang berlebihan disebabkan oleh pembayar cukai tidak layak menuntut suatu potongan ke atas amaun cukai pegangan yang dilakukan di bawah subseksyen 107A(2) atau 109(2), seksyen 109A subseksyen 109B(2) atau 109F(2) pada tarikh penyata dikemukakan oleh pembayar cukai. Tempoh permohonan rayuan adalah satu tahun dari tarikh bayaran cukai pegangan dibuat.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda subseksyen 107C(7A) untuk mengehendaki perkongsian liabiliti terhadap badan amanah atau koperasi untuk mengemukakan anggaran atau anggaran tersemak cukai kena dibayar menggunakan medium elektronik atau secara pindahan elektronik.

#### ■1200

Fasal 20 bertujuan untuk meminda subseksyen 109C(4) Akta 53 berbangkit daripada pemansuhan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983 yang digantikan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda subseksyen 110C(1) berhubung taksiran 'takaful operator' yang berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 60aa.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kena minta air dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya izinkan, Yang Berhormat.

**Dato' Othman bin Aziz:** Panjang lagi Tuan Yang di-Pertua. Mohon bantuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Othman bin Aziz:** Fasal 22 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu  
112 — Mohon izin Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak sempat *breakfast*-kah Yang Berhormat?

**Dato' Othman bin Aziz:** *First*, sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ingat tadi ada usul Yang Berhormat Segambut, panjang sedikit. Rupanya tidak. Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Fasal 22 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 112A yang memperuntukkan denda bagi kesalahan gagal mengemukakan laporan setiap negara seperti yang dikehendaki di bawah kerjasama pertukaran maklumat, tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya.

Fasal 23 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 113A yang memperuntukkan denda bagi kesalahan mengemukakan penyata, penyata maklumat atau laporan yang tidak tepat atau maklumat yang tidak tepat seperti yang dikehendaki di bawah kerjasama pertukaran maklumat, tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Fasal 24 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 119B yang memperuntukkan denda bagi kesalahan gagal untuk mematuhi kaedah-kaedah berkenaan dengan bantuan pentadbiran bersama seperti yang dikehendaki, tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya.

Fasal 25 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 131A yang memperuntukkan bahawa pembayar cukai boleh memohon relif jika telah membayar cukai dan amaun yang ditaksirkan didakwa adalah berlebihan disebabkan tidak layak menuntut pengecualian, relif, peremitan, elaun atau potongan pada semasa penyata dikemukakan kerana undang-undang belum diwartakan atau tuntutan belum diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Tempoh permohonan adalah lima tahun dari tarikh pewartaan.

Fasal 27 juga memperuntukkan pembayar cukai boleh memohon relif ke atas taksiran berlebihan disebabkan oleh pembayar cukai tidak layak menuntut suatu potongan ke atas amaun cukai pegangan yang dilakukan di bawah subseksyen 107A(2) atau 109(2), seksyen 109A, subseksyen 109B(2), atau 109F(2) pada tarikh penyata dikemukakan oleh pembayar cukai. Tempoh permohonan rayuan adalah satu tahun dari tarikh bayaran cukai pegangan dibuat.

Fasal 26 bertujuan untuk meminda perenggan 154(1)(ec) yang memperuntukkan Menteri boleh membuat kaedah-kaedah menetapkan fi berhubung permohonan untuk pengiraan penentuan harga awal dibuat di bawah seksyen 138C.

Fasal 27 bertujuan untuk meminda Jadual 1 seperti berikut. Pindaan perenggan 2A Bahagian I untuk mengenakan cukai ke atas pendapatan syarikat pemastautin yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai modal berbayar berjumlah 2.5 juta ke bawah pada kadar 18 peratus bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai RM500,000 pertama. Pindaan perenggan 2D Bahagian I untuk mengenakan cukai ke atas pendapatan perkongsian liabiliti terhad, pemastautin dan ditubuhkan di Malaysia yang mempunyai sumbangan modal berjumlah RM2.5 juta ke bawah pada kadar 18 peratus bagi pendapatan yang dikenakan cukai RM500,000 pertama. Pindaan ke atas perenggan empat bagi menggantikan perkataan dengan izin, '*a takaful operator from inward re-takaful*' yang berbangkit daripada pindaan seksyen 60AA.

Fasal 28 bertujuan untuk meminda Jadual 3 seperti berikut.

- (a) pindaan bertujuan untuk memperluaskan pemakaian perenggan 16B Jadual 3 kepada pembayar cukai yang memiliki bangunan industri di bawah perenggan 42C Jadual 3 bagi tujuan perniagaannya;
- (b) memasukkan proviso baru dalam perenggan 16B Jadual 3 bagi menjelaskan elaun bangunan industri yang layak dituntut sepenuhnya sekiranya ruang bangunan industri yang digunakan tidak melebihi 10 peratus daripada keseluruhan bangunan yang layak;
- (c) sekiranya ruang bangunan industri yang digunakan bagi tujuan penyewaan melebihi 10 peratus, pembayar cukai hanya layak menuntut elaun bangunan industri ke atas perbelanjaan ruang bangunan industri yang tidak digunakan bagi tujuan penyewaan.

Fasal 29 bertujuan untuk meminda Jadual 6 seperti berikut.

- (a) meminda perenggan 12B yang menyatakan bahawa apa-apa potongan ke atas perbelanjaan berkaitan dengan pendapatan dividen yang dikecualikan di bawah perenggan itu tidak akan diambil kira bagi maksud menentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai;
- (b) meminda sub perenggan 13(1)(a) yang menyatakan pendapatan yang diterima oleh institusi, organisasi atau tabung daripada sumbangan berbentuk wang di bawah sub seksyen 44(6) adalah dikecualikan cukai;
- (c) pendapatan yang diterima oleh institusi atau organisasi keagamaan di bawah sub perenggan 13(1)(b) bagi tujuan

kebajikan adalah dikecualikan cukai dengan syarat institusi atau organisasi tidak dijalankan atau dikendalikan semata-mata untuk keuntungan dan institusi atau organisasi itu ditubuhkan di Malaysia semata-mata bagi tujuan penyembahan agama atau perkembangan agama;

- (d) pindaan kepada perenggan 33 yang berbangkit daripada pemansuhan Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983 dan digantikan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- (e) memasukkan sub perenggan baharu yang memperuntukkan bahawa pengecualian di bawah perenggan 33A tidak terpakai kepada pendapatan faedah yang diterima syarikat bukan pemastautin daripada syarikat lain dalam kumpulan yang sama;
- (f) meminda perenggan 33B yang memperuntukkan bahawa pengecualian tidak terpakai kepada pendapatan faedah yang diterima oleh syarikat pemastautin daripada syarikat lain dalam kumpulan yang sama. Pindaan ini selanjutnya memperuntukkan pendapatan faedah suatu bank atau bank Islam di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau perkhidmatan kewangan Islam 2013 atau institusi pembangunan kewangan di bawah Akta Pembangunan Kewangan 2002 adalah tertakluk kepada cukai pendapatan;
- (g) meminda perenggan 35A dengan memasukkan proviso bahawa pengecualian yang diberikan kepada kumpulan wang borong yang merupakan kumpulan wang pasaran, wang adalah hanya untuk satu kumpulan wang borong yang mematuhi kriteria yang dinyatakan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Bab III Tuan Yang di-Pertua. Pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan 1967). Bab III yang terdiri daripada empat fasal iaitu fasal 30 hingga 33 adalah bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan 1967) seperti berikut.

Fasal 30 bertujuan menyatakan tarikh berkuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Perenggan 31(a) mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini. Perenggan 31(b) berkuat kuasa bagi tahun taksiran tahun 2017 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 32 dan 33 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Fasal 31 bertujuan untuk meminda subseksyen 29(1) seperti berikut.

- (a) memasukkan perkataan dengan izin, "*and the airspace above such areas*" dan dengan izin, "*or jurisdiction*" ke atas takrifan Malaysia bagi menjelaskan takrif "Malaysia" agar selaras dengan takrif yang diperuntukkan dalam perjanjian pengelakan percukaian dua kali yang dimasuki oleh Kerajaan Malaysia dengan mana-mana wilayah di luar Malaysia;

■1210

- (b) meminda takrif, dengan izin, "*secondary recovery*" untuk menjelaskan bahawa projek yang dilaksanakan bagi maksud mempercepatkan pengeluaran minyak adalah selepas satu proses perolehan awal minyak itu dilakukan.

Fasal 32 bertujuan untuk meminda seksyen 41A seperti berikut:

- (a) menggantikan perenggan 41A(1) dengan perenggan baru.
- (b) memasukkan perenggan baru 41A(1A) yang memperuntukkan bahawa jika seseorang yang telah mengemukakan penyata bagi satu tahun taksiran mengikut subseksyen 30(1) dan tidak mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran itu dan orang yang boleh dikenakan cukai itu tidak berpuas hati dengan apa-apa amalan Ketua Pengarah Hasil pada tarikh penyertaan itu dikemukakan maka penyata itu disifatkan sebagai satu pemberitahuan pada tarikh penyata itu dikemukakan;
- (c) meminda perenggan 4A(2) dan 41A(3) bagi memperuntukkan bahawa seseorang yang tidak berpuas hati itu boleh merayu terhadap pemberitahuan itu dalam satu masa atau tempoh lanjutan lain yang dinyatakan dalam subseksyen dan peruntukan yang berkaitan dengan rayuan itu hendaklah terpakai dengan ubahsuaian yang perlu;
- (d) memasukkan perenggan baharu 41A(5), 41A(6), 41A(7), 41A(8) dan 41A(9) yang bertujuan supaya orang yang boleh dikenakan cukai boleh merayu terhadap suatu penyata mengikut subseksyen 30(1) bagi keadaan tiada pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam satu tempoh yang dinyatakan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah

subseksyen terlibat sekiranya terdapat kesalahan atau kesilapan dalam amaun yang dikira dalam penyata pendapatan tersebut. Pindaan ini juga membenarkan rayuan dibuat oleh pembayar cukai bagi kes di mana amaun dalam penyata tidak tepat disebabkan oleh pembayar cukai tidak layak menuntut apa-apa pengecualian, *relief*, peremitan, elaun dan potongan pada masa penyata itu dikemukakan. Ini kerana undang-undang berhubung *relief* itu belum diwartakan atau diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil. Tempoh permohonan mestilah dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dan tertakluk kepada kehendak di bawah subseksyen itu;

- (e) peruntukan baharu ini juga bertujuan supaya seseorang boleh memohon satu *relief* jika mendapati amaun yang dikira dalam penyata tidak tepat disebabkan seseorang itu tidak dibenarkan untuk menuntut potongan berhubung bayaran faedah, *royalty*, perkhidmatan, nasihat teknikal, bantuan, sewa, atau bayaran lain yang dibuat di bawah perjanjian atau perkiraan untuk penggunaan harta alih yang diperoleh dari Malaysia atau bayaran kontrak kepada kontraktor bukan pemastautin yang tidak dikenakan bayaran di bawah undang-undang berhubung dengan cukai pendapatan pada hari penyata dikemukakan.

Fasal 33 bertujuan untuk memasukkan peruntukan seksyen 66A baharu yang memperuntukkan bahawa orang yang boleh dikenakan cukai memohon sesuatu *relief* ke atas amaun berlebihan bagi penyata cukai yang telah dikemukakan disebabkan oleh orang itu tidak layak untuk menuntut apa-apa pengecualian, pelepasan, peremitan, elaun atau potongan pada masa penyata itu dikemukakan kerana undang-undang berhubung *relief* itu belum diwartakan atau diluluskan oleh Ketua Pengarah.

- (b) orang yang boleh dikenakan cukai boleh memohon satu *relief* jika mendapati amaun yang dikira dalam penyata tidak tepat disebabkan orang yang boleh dikenakan cukai itu tidak dibenarkan untuk menuntut potongan berhubung dengan bayaran faedah, *royalty*, perkhidmatan, nasihat teknikal, bantuan, sewa atau bayaran lain yang dibuat di bawah



perjanjian atau perkiraan untuk penggunaan harta alih yang diperoleh dari Malaysia atau bayaran kontrak kepada kontraktor bukan pemastautin yang tidak dikenakan bayaran di bawah undang-undang berhubung dengan Cukai Pendapatan pada hari penyata dikemukakan;

- (c) orang yang boleh dikenakan cukai boleh mengemukakan rayuan dan dalam tempoh yang dinyatakan dan tertakluk kepada kehendak dan syarat di bawah subseksyen itu.

Tuan Yang di-Pertua, mohon minum air sikit... [*Yang Berhormat Jerlun minum air*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah, dia pertama kali membawa usul Yang Berhormat ya.

**Dato' Othman bin Aziz:** Panjang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan.

Bab IV pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Bab IV yang terdiri daripada tiga fasal iaitu fasal 34 hingga fasal 36 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan harta tanah 1976 seperti berikut:

Fasal 34 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Fasal 35 mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini. Perenggan 36(a) disifatkan telah berkuat kuasa pada 30 Jun 2013. Perenggan 36(b) dan perenggan 36(c) disifatkan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2015. Perenggan 36(d) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017;

Fasal 35 bertujuan untuk meminda subseksyen 13(4) menjelaskan bahawa seorang penama hendaklah membuat satu penyata kepada mana-mana pejabat Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di Malaysia;

Fasal 36 bertujuan untuk meminda Jadual 2 seperti berikut:

- (a) meminda subperenggan 1(1) Jadual 2 bagi takrif Bank Islam yang berbangkit daripada pemansuhan Akta Perbankan Islam 1983 dan digantikan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- (b) memasukan subperenggan baharu 6(1A) dan 7(2) ke dalam Jadual 2 untuk memperuntukkan bahawa kos sampingan bagi pemerolehan atau pelupusan sesuatu aset tertakluk kepada apa-apa pelarasan yang dikehendaki dibuat ke atas jumlah cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 hendaklah ditentukan mengikut amaun

pelarasan yang dibuat ke atas cukai input dalam tahun taksiran pelupusan dibuat atau pada akhir tempoh pelarasan yang dibenarkan di bawah itu mengikut mana-mana yang lebih awal; dan

- (c) meminda subperenggan 12(2) Jadual 2 bagi memperuntukkan bahawa pelupusan secara pemberian antara penderma dengan penerima terhadap kepada seorang warga negara yang merupakan suami dan isteri, ibu atau bapa dan anak atau datuk atau nenek dengan cucu dan penderma disifatkan tidak menerima keuntungan dan tidak mengalami kerugian ke atas pelupusan itu.

Bab V pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

Bab V yang terdiri daripada tiga fasal iaitu Fasal 37 hingga Fasal 39 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 seperti berikut:

Fasal 37 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta-akta tersebut. Fasal 38 berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini. Fasal 39 mula berkuat kuasa pada 22 Oktober 2016;

Fasal 38 bertujuan untuk meminda subseksyen dua seperti berikut:

- (a) meminda takrif "aktiviti bukan perdagangan "abuan" bagi memperuntukkan bahawa pegangan pelaburan dalam harta oleh sesuatu entiti Labuan mestilah dalam harta yang terletak di Labuan.
- (b) meminda takrif "aktiviti perdagangan "abuan" dalam *proviso* (b) bagi menjelaskan bahawa satu entiti Labuan hanya boleh memegang saham dalam syarikat tempatan dan boleh bersama pemastautin dan dalam Ringgit Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Bab VI pindaan kepada Akta Cukai Barangan Perkhidmatan 2014.

Bab VI terdiri daripada 23 fasal iaitu fasal 41 hingga fasal 63 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 seperti berikut:

Fasal 41 bertujuan untuk meminda seksyen dua akta tersebut dengan memasukkan takrif "zon bebas."

Fasal 42 bertujuan untuk meminda perenggan 13(4)(b) bagi menentukan masa pembekalan perkhidmatan diimport adalah berdasarkan tarikh bayaran dibuat atau inois diterima oleh penerima mana yang terdahulu.

Seterusnya subseksyen 33(11) dipinda bagi memperuntukkan bahawa peniaga yang tidak mematuhi subseksyen 33(10A) melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda atau penalti sebagaimana yang ditetapkan.

#### ■1220

Fasal 45, bertujuan untuk menambah peruntukan baharu iaitu seksyen baharu 34A dan 34B bagi menetapkan peniaga yang berdaftar dari kategori peniagaan yang ditetapkan. Perlu mengemukakan laporan pembekalan yang dibuat dengan menggunakan suatu peranti yang ditetapkan. Peniaga yang berdaftar juga adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan peranti yang dipasang berfungsi dengan baik dan kegagalan mematuhi peraturan yang ditetapkan merupakan satu kesalahan. Pindaan ini selanjutnya menetapkan bahawa Ketua Pengarah Kastam mempunyai kuasa untuk meluluskan mana-mana orang untuk memasang peranti yang ditetapkan. Pindaan ini selanjutnya bertujuan untuk menyatakan bahawa mana-mana orang yang mempunyai akses kepada peranti yang ditetapkan tidak boleh memberi, menyiarkan atau mendedahkan apa-apa maklumat yang diperolehi daripada peranti dan apa-apa pelanggaran kepada syarat-syarat ini adalah merupakan suatu kesalahan. Peruntukan baru ini bertujuan membolehkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk membuat semakan dan pemantauan ke atas transaksi jual beli perniagaan.

Fasal 46, bertujuan untuk meminda subseksyen 41(8) bagi menjelaskan bahawa penalti dikenakan ke atas baki cukai yang masih belum dibayar, selanjutnya pindaan dibuat ke atas kadar penalti semasa di mana kadar baharu yang ditetapkan adalah seperti berikut:-

- (a) Penalti sebanyak 10% daripada amaun cukai yang belum dibayar bagi tempoh tiga puluh hari pertama.
- (b) Penalti tambahan sebanyak 15% daripada amaun cukai yang masih belum dibayar bagi tiga puluh hari yang kedua.
- (c) Penalti tambahan sebanyak 15% daripada amaun cukai yang masih belum dibayar bagi tempoh tiga puluh hari yang ketiga dengan penalti maksimum sebanyak 40%.

Fasal 47, bertujuan untuk meminda seksyen 42 seperti berikut:-

- (a) Meminda subseksyen 42(1) dengan memotong rujukan seksyen 58 dan menggantikan dengan rujukan subseksyen 56(5). Melalui pindaan ini orang selain orang kena cukai perlu mengemukakan pengisytiharan penyata dan pembayaran cukai adalah termasuk mana-mana orang yang bukan seorang orang berdaftar dan telah diberi pelepasan di bawah subseksyen 56(5) dan;

- (b) Subseksyen baharu 42(4), (5), (6) dan (7) ditambah bagi mengenakan penalti kepada orang selain orang kena cukai yang gagal membuat pembayaran cukai. Penalti yang dikenakan adalah ke atas baki cukai, kadar penalti yang dikenakan adalah seperti berikut:-
- i. Penalti sebanyak 10% daripada amaun cukai yang masih belum dibayar bagi tempoh tiga puluh hari pertama.
  - ii. Penalti tambahan 15% daripada amaun cukai yang masih belum dibayar bagi tempoh tiga puluh hari yang kedua.
  - iii. Penalti tambahan sebanyak 15% daripada amaun cukai yang masih belum dibayar bagi tempoh tiga puluh hari yang ketiga dengan penalti maksimum sebanyak 40%.

Fasal 48 bertujuan untuk meminda seksyen 49 dengan memperluaskan pemakaian perenggan 49(1)(b). Bagi meliputi mana-mana orang yang gagal membayar penalti di bawah seksyen 41 dan 42. Kegagalan membayar penalti boleh menyebabkan mereka dihalang daripada pergi keluar negara.

Fasal 49 bertujuan untuk meminda subseksyen 51(1A) bagi membenarkan bayaran secara ansuran ke atas penalti yang dikenakan di bawah subseksyen 42(4).

Fasal 50 bertujuan untuk meminda subseksyen 56(5) bagi memastikan mana-mana orang yang telah diberi pelepasan dari membayar cukai untuk mengakaunkan semula cukai apabila pelepasan itu dibatalkan. Subseksyen baharu 56(7) turut ditambah bagi melayakkan mana-mana orang yang telah diberi pelepasan GST dan telah membayar GST untuk mendapat bayaran balik GST yang telah dibayar tersebut.

Fasal 51, bertujuan untuk meminda subseksyen 57(1) bagi menentukan tatacara dan tempoh bagi mana-mana orang yang telah membayar cukai, yang genap masa dan kena dibayar dan kemudiannya diberi pelepasan untuk menuntut balik cukai itu. Pindaan ini selanjutnya bertujuan untuk menetapkan tatacara dan tempoh bagi mana-mana orang yang telah diberi remisi di bawah seksyen 62, menuntut kembali apa-apa cukai, surcaj, penalti, fi atau apa-apa wang lain yang telah dibayar.

Fasal 52, bertujuan untuk meminda seksyen 70 bagi menetapkan jenis barang yang diluluskan oleh pegawai Kastam untuk didepositkan ke dalam gudang. Selain itu, pindaan juga menetapkan cukai yang genap masa dan kena dibayar ke atas barang import akan digantung apabila ianya didepositkan ke dalam gudang dan bekalan barang yang dibuat di dalam gudang adalah tidak dikenakan GST.

Fasal 53, bertujuan untuk meminda subseksyen 72(3) bagi menentukan masa pembekalan barang yang telah diproses di bawah Skim Pengilang Tol diluluskan apabila bayaran telah dibuat atau *invoice* diterima oleh penerima mana yang terdahulu.

Fasal 54 bertujuan untuk meminda subseksyen 73(3) bagi menentukan masa pembekalan barang di bawah Skim Tukang Emas adalah apabila bayaran dibuat atau *invoice* diterima oleh penerima mana yang terdahulu.

Fasal 55, bertujuan untuk meminda subseksyen 103(5) dengan memotong ayat bagi maksud seksyen 83 bagi memperluaskan pemakaian subseksyen ini bagi mana-mana peruntukan yang berkenaan.

Fasal 56, bertujuan untuk meminda perenggan 156(a) bagi menambah baik kawalan dan layanan GST di kawasan yang ditetapkan di mana cukai akan dikenakan apabila melibatkan pemindahan barang dari kawasan ditetapkan ke Malaysia atau ke kawasan ditetapkan melalui Malaysia. Perenggan baharu 156(aa) turut ditambah bagi memperuntukkan bahawa Menteri boleh menentukan apa-apa cukai digantung ke atas barang yang dipindahkan dari kawasan ditetapkan melalui Malaysia ke sesuatu kawasan ditetapkan lain, suatu zon bebas atau satu gudang di bawah seksyen 72.

Fasal 57 bertujuan untuk meminda subseksyen 160(1), bagi memperjelaskan lagi kuasa Menteri Kewangan di dalam mengenakan GST ke atas pengimportan dan bekalan barang dan perkhidmatan yang melibatkan kawasan ditetapkan iaitu, Labuan, Langkawi dan Tioman.

Fasal 58 bertujuan untuk meminda bahagian 15 bagi memperluaskan pemakaian peruntukan di bawah bahagian ini kepada zon bebas.

Fasal 59 bertujuan untuk meminda seksyen 161 bagi menjelaskan bahawa zon bebas adalah terdiri daripada zon perindustrian bebas dan zon perdagangan bebas.

Fasal 60 bertujuan untuk meminda seksyen 162 bagi menetapkan bahawa tiada GST dikenakan ke atas pembekalan barang yang dibuat dalam dan di antara kawasan zon bebas.

Fasal 61 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 162A dan 162B bagi menetapkan bahawa tiada GST dikenakan ke atas bekalan barang di bawah perjanjian pajakan yang dipindahkan dari zon bebas:

- a) ke zon bebas lain.
- b) ke kawasan ditetapkan iaitu Labuan, Langkawi atau Tioman; atau
- c) ke suatu gudang yang diluluskan di bawah Skim Penggudangan.

Pindaan ini seterusnya bertujuan untuk mengenakan GST ke atas pembekalan yang dibuat di Malaysia oleh syarikat yang berada di zon bebas.

Fasal 62 bertujuan untuk meminda seksyen 163 bagi memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk mengenakan cukai ke atas apa-apa barang yang diimport di dalam zon bebas, dibekalkan atau dipindahkan ke atau dari zon bebas; dan

Fasal 63 bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 8 ke dalam Jadual Kedua bagi memperuntukkan bahawa apa-apa pembekalan tanah kepada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang lain bagi maksud menyediakan kemudahan awam dan utiliti awam seperti yang ditetapkan di dalam projek yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan, tidak dikira sebagai pembekalan barang perkhidmatan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1230

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Bagan. *Point of order.*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *Point of order* 43. Sini saya ingin merujuk kepada satu bahasa lucah yang biadap yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat daripada Pasir Salak, terhadap Yang Berhormat Seputeh yang saya harap bahawa Yang Berhormat Pasir Salak sebagai seorang *gentleman* yang baru masuk ini. Beliau sebagai seorang *gentleman* bolehlah tarik balik dan minta maaf kerana ini bukan sahaja mencemarkan imej.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** [*Bangun*] Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sudah habis perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya akan *respond* Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sungguh pun Yang Berhormat buat satu *ruling*, saya minta bahawa *ruling* ini saya ingin memohon dan merayu Tuan Yang di-Pertua untuk mengkaji semula *ruling* ini kerana ia bukanlah *sexist* menghina kaum wanita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya faham Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Akan tetapi juga ini saya rasa, saya harap Yang Berhormat boleh faham dan mempermainkan nama keluarga. Ini adalah sesuatu yang tidak boleh diterima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, jangan berucap Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Dan selalu berlaku apabila pergaduhan kerana mempermainkan nama keluarga. Saya ingin menyatakan di sini, sungguh pun kami menerima nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua iaitu Tan Sri Pandikar, bahawa janganlah berlaku....

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat saya akan uruskan, masih dalam *point of order* Yang Berhormat .

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...dan juga pertumbukan tetapi tidaklah ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya jangan panjang Yang Berhormat, saya sudah faham Yang Berhormat. Jangan ambil peluang untuk berbahas Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau ini berlaku pun kami rela kami tidak akan membalas. Akan tetapi ini satu perkara yang sensitif.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan. Saya tidak boleh membenarkan Yang Berhormat membahaskan perkara ini. *You are on point of order.* Tidak payah justifikasi saya sudah faham. Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *Point of order to review the ruling* hina sama wanita. Tidak boleh buli sama wanita macam ini. Ini saya nak ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat. Saya telah buat keputusan kepada perkara ini ketika kejadian itu berlaku, dan keputusan saya juga telah pun diputuskan oleh Speaker semalam. Kita mengikut Peraturan Mesyuarat 43, jika Yang Berhormat tidak puas hati dengan keputusan saya dan juga keputusan Speaker semalam, Yang Berhormat boleh membuat usul di bawah Peraturan 43, itu sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itu yang saya sudah bentangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Buat secara bertulis Yang Berhormat, buat secara bertulis.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya amat menghormati, saya nak sebut di sini. Saya menghormati Tuan Yang di-Pertua, dan saya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]* Tuan Yang di-Pertua, kalau dia berucap saya pun boleh berucap. Kalau Yang Berhormat Bagan boleh berucap, saya pun boleh berucap. Boleh bagi saya berucap. Boleh saya berucap?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Akan tetapi saya harap bolehlah Yang Berhormat berikan masa supaya usul ini boleh lah di ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ... bangun atas peraturan mesyuarat. Yang Berhormat, usul-usul mengkaji keputusan speaker-speaker secara bertulis mengikut peraturan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, saya sudah hantar. Saya sudah hantar.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Hantarlah, fasal apa nak ulas-ulas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup-cukup tidak payah ulas. *We will deal with it, we will deal with it* Yang Berhormat. Cukup-cukup Yang Berhormat. Jangan buat lagi Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Janganlah buat macam ini. Ini kerana kita tidak boleh menghina sama wanita, kalau nak hina sama lelaki okeylah. Hina sama wanita macam ini, tidak boleh.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sekarang ini kalau dia boleh berucap, saya pun boleh berucap. Saya pun boleh berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong. Sudah-sudah selesai yang itu Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dia boleh berucap, ini baru lepas seorang-seorang. *You must stop him.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya sudah maklumkan tentang Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan itu, saya nak merujuk Tuan Yang di-Pertua kepada Peraturan Mesyuarat 90. Ini ada dua perkara. Pertama, kami telah failkan banyak usul untuk kaji semula keputusan tetapi kesemua daripada mereka tidak berbangkit untuk dibahaskan. Saya faham ada prosedur *it comes under the list that .....*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *You know that, you know that.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *But the point is if we carry on this way, then none of the decision of the Speaker can ever be reviewed practically, and I think*



*the purpose of this rules become nugatory.* Itu yang pertama. Kedua, kalau kita lihat kepada Peraturan Mesyuarat 90

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ini berbeza, berbeza Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Di sini sudah cukup jelas bahawa ada peruntukan *and I read, "except with the consent of Tuan Yang di-Pertua, the House should not proceed upon any bill, amendment or motion or the petition to reach an opinion of the Tuan Yang di-Pertua with suspend standing orders of the House or any of them".* Maka apa yang disebut di situ Tuan Yang di-Pertua ada kuasa, *to suspend the standing orders and to allow Yang Berhormat Bagan to speak and to resolve the issue even now, so Tuan Yang di-Pertua has got the power. Now Yang Berhormat Pasir Salak is also here.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah, sudah Yang Berhormat. Jangan ungkit, saya tidak mahu ada pencelahan lagi Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]* Tuan Yang di-Pertua, dia pandai pusing-pusing tetapi dia nak pergi ke situ juga. Dia manipulasi, *twisting. Don't allow him, no you're ..... come on man. You pusing-pusing you ke situ juga mahu pergi.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya faham isu yang dibawa Yang Berhormat. Yang Berhormat Puchong. Ya, cukuplah Yang Berhormat Pasir Salak.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *This is my floor, sit down. Understand the rule. You are a disgraceful Minister. You are a specimen and should not be dealing in this house. Sit down.* Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Come on man. You said outside, no, no you said outside. One of your man now receive a letter already. You said outside, you condemn me outside. No, you condemn me outside.*

*[Dewan riuh]*

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *Do we have a Speaker now, please Tuan Yang di-Pertua. Do we have a Speaker in the House?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong, saya faham..

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Useless, useless. You said outside. Then you get this one..*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Soal sama ada kenapa, Yang Berhormat Puchong cukup-cukup.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Ketawa] Nobody is afraid of your letter. You disgrace this House, as I said incredible specimen, a compete .... disgrace Putrajaya. That is what you are - disgrace...*

*[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Ya, said outside. No. No. No you said outside.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Ya, settle outside Yang Berhormat. Settle outside.* Yang Berhormat, soal usul-usul yang di bawah Peraturan 43 yang tidak dibahas jangan dijadikan itu sebagai alasan kerana ianya disusun atur mengikut Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 15, usul-usul kerajaan adalah didahulukan tertakluk kepada soal itu Yang Berhormat.

Jadi selagi kita tidak buat pindaan terhadap peraturan mesyuarat kita ianya akan berlaku sedemikian. Jadi Speaker buat keputusan tentang aturan-aturan mesyuarat mengikut peraturan mesyuarat yang tertakluk kepada urusan kerajaan didahulukan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Akan tetapi saya kalau boleh *just for the record* Tuan Yang di-Pertua, *I'm making an application. The Speaker suspend the standing order 90.....*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita tertakluk kepada Peraturan 15 juga Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...supaya memberi laluan kepada Yang Berhormat Bagan untuk membuat permohonan itu sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak, saya tidak membuat *ruling* sedemikian tetapi *ruling* adalah lazimnya mengikut peraturan mesyuarat, aturan urusan itu tertakluk kepada Peraturan 15, urusan kerajaan didahulukan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *No, no, Tuan Yang di-Pertua.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. *You don't have to appeal my ruling. Please do not appeal my ruling. If you don't like my ruling* ialah sekarang ini buatlah secara usul, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Yang Berhormat Pasir Salak telah memalukan Dewan. Akan tetapi janganlah Tuan Yang di-Pertua juga memalukan diri dengan membenarkan ini. *That one must avoid it.*

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan. Cukup, cukup Yang Berhormat. *If I do, that one will stand up.* Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Akan tetapi janganlah Dewan dimalukan dengan membenarkan apa yang disebut oleh – tak boleh dibenarkan.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Speaker tak benarkan, nak bercakap juga. Hormatlah kepada Tuan Yang di-Pertua, hormatlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita ubah peraturan. Kalau ubah peraturan, kalau selagi tak ubah *sequence*-nya adalah sedemikian Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Malulah Ketua Menteri tak tau hormat sama Speaker.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** .....Malulah, malulah. Kalau boleh, saya minta tarik balik, tarik balik. Kita *settle* perkara ini. Hormatlah wanita.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa tarik balik. Hormatlah.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Bolehkah Tuan Yang di-Pertua minta Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik dan minta maaf. Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah. Saya sudah buat keputusan, *that's it.* Jangan diungkit. Saya sudah buat keputusan *countered by the speaker yesterday, that is, cukup. You want me to review thru usul. That's it.*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *That's why we are asking to review.*

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itulah kita minta *review.* Kita manusia, kita manusia. Kita boleh betulkan apa yang tak betul.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa dia yang tak betul?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tak apalah Yang Berhormat Pasir Salak. Gentleman sikit Yang Berhormat Pasir Salak. Minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cukuplah cukup Yang Berhormat. Cukup, Yang Berhormat Bagan, cukup.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey, tiada yang berbahas usul ini ya, rang undang-undang, tidak ada berbahas. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Nak bahas? Saya tiga kali minta ada yang nak berbahas kah tidak rang undang-undang ini.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *[Bangun]* Saya akan bahas, boleh ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

**12.39 tgh.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kewangan 2016 ini. Saya merujuk kepada beberapa akta di dalam rang undang-undang ini iaitu Akta Cukai Pendapatan, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT) dan juga Akta tentang GST.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada rang undang-undang ini menitik berat mengenai isu pendapatan Kerajaan Persekutuan. *It is about taxation.*

■1240

Sehubungan itu, saya ingin membentangkan beberapa isu mengenai hasil kerajaan. Menurut Belanjawan 2017, anggaran yang telah diberi oleh Menteri Kewangan, saya perhatikan bahawa anggaran kutipan cukai pendapatan dianggarkan pada tahap RM30 bilion bagi pendapatan peribadi dan juga untuk *corporate tax* lebih kurang RM70 bilion. Bagi cukai pendapatan petroleum, anggaran adalah lebih kurang RM11 bilion sahaja walaupun pada dulunya *petroleum tax* ini besar sekali. Manakala pada cukai keuntungan hartanah ataupun apa yang kita panggil sebagai RPGT adalah cuma RM1.8 bilion. Akhirnya, Akta GST, anggaran tahun 2017 adalah RM40 bilion.

Saya merujuk kepada anggaran-anggaran ini sebab saya rasa anggaran-anggaran ini semua tidak munasabah. *This is fundamental question*, dengan izin, *in Parliament we have to ask whether projection by government is realistic or not.* Sebelum ini kita sudah baca dalam bajet alternatif kita, kita sudah kata memang tidak realistik dan juga

pandangan ini telah ditulis oleh banyak pakar ekonomi di dalam *The Edge* dan juga *Business Time* mengatakan bahawa kerajaan membuat anggaran yang tidak realistik.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sama ada Menteri sedar atau tidak sebenarnya keadaan ekonomi Malaysia, apakah statusnya? Sebenarnya ia tidak baik. *Consumer confidents*, dengan izin, adalah sangat *low*. *Business confidents is extremely low in Malaysia at the moment*.

Oleh itu, dari segi perbelanjaan rakyat, kami juga memerhati bahawa penjualan kereta, *car sale*, *vehicle sale* telah menurun berbanding tahun lalu dan untuk tahun hadapan, nampaknya untuk tahun 2017, anggarannya sama. *It is very poor. Car sales are very poor*. Kalau kita meneliti daripada segi ekonomi perbankan, *the banking industry*, aktiviti-aktiviti pinjaman bank menurun dengan mendadak. *There is money but nobody is lending out*.

Ini adalah *indicator* terbaik tentang status *business confident*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Taiping bangun, Yang Berhormat ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Silakan, Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Boleh saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Kelana Jaya? Dalam tempoh 10 bulan ini, saya telah dimaklumkan di mana terdapat 67 buah cawangan bank CIMB, Maybank, Affin Bank telah diarahkan untuk ditutup. Ini merupakan satu perkara yang jarang berlaku dalam pembangunan ekonomi negara kita. Bank pun boleh tutup sekarang. Sebanyak 67 cawangan. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Ya, ini memang menunjukkan *indicator* terbaik selain daripada apa yang saya cakap tadi iaitu *indicator* pinjaman bank menurun. *When they close branches, it is a clear sign the industry is in deep serious problem*, dengan izin.

Kita tahu *corporate earnings* untuk *third quarter* teruk sekali. *Fourth quarter* kita tunggu dua tiga bulan lagi kita akan tahu. Maknanya semua anggaran ini yang kita lihat daripada segi hasil— kerana pindaan ini ialah tentang pindaan hasil. Sebab itu kita bawa isunya. *It is very bad. It is very bad*.

Tidakkah Yang Berhormat Menteri tahu bahawa *housing sales is in all-time low, historical all-time low*? Pada masa 2008 ataupun 1997 masa ekonomi kita menghadapi *Asian financial crisis, housing sale was better than today*. Tanya *developer*, banyak. Semalam saya jumpa ada *developer* yang lobi di tempat *lounge* Ahli Parlimen kita. Semua kata, *complaint the same thing*. Secara peribadi saya jumpa seorang Tan Sri dia buat *business*. Dia bukan nak jumpa saya. Saya tidak ada kuasa. Dia jumpa Menteri.

Akan tetapi dia beritahu saya, “*Susahlah, brother*”. Sekarang ini, rumah tidak boleh jual. *Condo* sudah *build*, tidak jual. Ada yang buat *order*, *cancel*.

Maknanya sekarang ini bila kita lihat keadaan ekonomi, kerajaan tidak boleh membuat anggaran terlalu tidak realistik untuk kutipan cukai tahun depan. Jadi saya hendak kata ini, apa yang perlu kita buat ialah kita berharap kalau boleh Menteri Kewangan memberi lebih fokus kepada kerjanya dan tidak cuba menulis karangan *fairytale* tentang situasi ekonomi negara. Itu sangat penting. *You cannot tell a lie and try to convince the market. The market knows better*, dengan izin. *The market knows better. So, don't lie to the market. Don't create a fictional story about the status of the economy.*

Yang penting ialah kita kena tengok masalahnya, kita kena realistik, kita kena cari cara, jalan untuk memastikan ekonomi kita meningkat ataupun sekurang-kurangnya orang tidak akan hilang kerja. Bila kita tutup bank, bila MAS buang orang kerja, bila Petronas kata hendak lepaskan 50,000 pekerja dalam lima tahun, enam tahun, ini semua *sign* yang tidak baik untuk ekonomi.

Jadi oleh itu, saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan, kalau boleh dalam *first quarter* ataupun *second quarter* tahun depan, sila buat anggaran baru yang lebih tepat dan jangan lagi tipu rakyat tentang isu hasil dan situasi ekonomi negara.

Saya juga hendak syorkan kepada Menteri Kewangan dan saya sudah cakap banyak kali dan saya tidak maki dia. Saya cuma hendak kata tolonglah letak jawapan sebagai Menteri Kewangan. Bagi sajalah kepada kawan baik saya, Menteri Kewangan II sebab dia lebih arif dalam isu ekonomi. *There is no point holding a portfolio that you don't do anything. Just give it to the minister number two.*

Jadi dalam bajet ini, saya hendak kata Menteri Kewangan II ini, masa kita berdebat tentang isu bajet, dia telah menunjukkan bahawa dia tidak hidup dalam alam fantasi. Dia menunjukkan secara terus terang apakah isu-isunya. Sekurang-kurangnya, saya sokong dia sebab dia tidak terlibat dalam isu 1MDB. Kalau Menteri Kewangan terima syor saya, saya hendak syorkan juga kalau boleh letak jawatan sebagai PM. Dewan ini saya rasa banyak akan terima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Sebab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Rang undang-undang, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya, ya. Saya cuma hendak kata *at this particular moments*, esok, *tomorrow*, Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak,

daripada Barisan Nasional Sabah dan Sarawak, semua *stress* sekali tentang isu RUU 355. Kita tidak boleh mengadakan satu sistem di mana...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang itu tidak berkaitan, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya, maaf. Kalau bolehlah. Itu komen saya. Minta maaf ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Komen buat PC dekat luar, Yang Berhormat ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey, terima kasih. Baik, baik, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengalih pula fokus saya kepada isu-isu dasar-dasar dalam pindaan ini. Itu komen *general* tentang satu *projection* yang salah. Pertama, saya ingin *pick on the issue* tentang pemerhatian bahawa profesion yang digelar *public entertainer*. Sekarang *public entertainer* dalam pindaan ini termasuk pensyarah-pensyarah universiti dan kolej. Ini merupakan satu definisi yang unik dan juga saya rasa kelakar. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kalau *lecturer is to be define as public entertainer*, sama ada Ahli-ahli Parlimen juga boleh dimasukkan sebagai kategori yang sama iaitu Ahli Parlimen boleh jadi *public entertainer* juga?

Akan tetapi isunya macam ini. [Disampuk] Itu tidak apa. Teresa Kok itu nantilah. *You can raise the issue* Pasir Salaklah *whether he is public entertainer*.

Apakah sebenarnya hasil pindaan ini dan dari segi kutipan dan kenapakah ia dimasukkan dalam pindaan ini? Dengan izin, *every time the government introduces a new classification, the minister must answer how much extra revenue is projected to be collected through this new classification*.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai 24,000 orang pensyarah IPTA dan lebih kurang 26,000 orang pensyarah IPTS. Jadi, *a grand total of 50,000 lecturer*. Adakah pindaan ini akan menyebabkan keadaan cukai pendapatan 50,000 orang pensyarah kita naik? *Will they be pay more taxes due to this new classification?*

Saya rasa memandangkan di bajet ini kita dah lihat pendidikan tinggi telah dipotong bajetnya, maka semua pekerja termasuk pensyarah di dalam *public university, they are suffering*. Jadi kenapa buat pindaan ini untuk menambahkan kesengsaraan mereka, tekanan kewangan terhadap mereka? Jadi, penting sekali untuk 50,000 orang pensyarah kita, rakyat kita, Menteri kena jawab apakah *taxation* baru ataupun tambahan yang akan keluar daripada klasifikasi baru ini.

## ■1250

Saya merujuk kepada isu *withholding tax*. Saya sebagai peguam korporat dahulu, saya faham lah isu tentang *withholding tax* ini. Sebagai prinsip, *let me just give a very simple explanation*. *Withholding tax* ialah di mana satu konsultan daripada luar negara mari ke Malaysia, dia buat kerja di sini, kita pegang 10 peratus lebih kurang. Kadarnya 10 peratus untuk *taxation purposes*.

Di sini, pindaan ini akan mengecualikan isu berdasarkan geografi. Dahulunya, konsultan ini kena mari ke Malaysia kita buat *withholding tax*. Sekarang nampaknya dengan pindaan ini, kerja ini boleh dilakukan di Mumbai ataupun dilakukan di Singapura tetapi kita buat *withholding tax* juga. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, soalan yang penting, sama ada definisi baru ini untuk *withholding tax* merupakan *international standard* yang diterima oleh negara-negara lain. Sebab *withholding tax*, kita *tax* pekerja dia daripada negara lain. *Do we have an agreement already before we are implementing this pindaan?*

Baik dan juga adakah ini satu gambaran dunia yang baru, dunia teknologi yang mana kita banyak buat kerja melalui internet atau melalui intranet dan membuat *supply of services?*

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *[Bangun]*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, tentang *withholding tax* ini, saya ada pengalaman iaitu konsultan atau kita boleh katakan ejen-ejen untuk penjualan produk dari Malaysia ini, ejen tempatan dikatakan di luar negara seperti di Bangladesh. Pihak **Inland Revenue** kena majikan mesti *10 percent withholding tax* kepada konsultan atau – ini tetapi mereka kena bayar. Oleh sebab itu dia paksa majikan perlu buat *withholding tax* kepada **Inland Revenue**.

Saya setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya. Adakah persetujuan di antara G2G atau *intercountry* bahawa *technician* atau konsultan dari luar negara ini, perkhidmatan mereka perlu bayar *tax* kepada negara kita? Terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kota Melaka. Saya minta soalan dia ini ditambahkan kepada ucapan saya ini. Ia memang penting sebab bila kita buat *business*, isu *taxation* merupakan isu yang ketiga pentinglah selain daripada tanah dan juga *labour*. Isu *taxation* penting. Jadi kita kena tahu sama ada dengan jelas apakah impak daripada *withholding tax* ini.



Baik saya merujuk kepada perkara lain. Saya merujuk kepada isu tentang *non resident trading in commodities wire consignees*. Saya ingin tahu, berapakah pendapatan tambahan yang boleh didapati oleh kerajaan dengan pembatalan seksyen ini? Oleh sebab dahulu tidak payah bayar, sekarang kena bayar. Saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat Menteri, sama ada Yang Berhormat Menteri telah membuat perundingan ataupun *consultation* dengan industri-industri yang terlibat dan industri-industri yang terlibat ini banyak. Getah, lada, koko, *these are commodities. Did the Ministers spend any time talking to the industry leaders or their own ministers about this?*

Sebab dengan pindaan ini, jelas satu benda Tuan Yang di-Pertua. Jelas ia akan menjejaskan industri itu sendiri dan juga mungkin menjejaskan harga pasaran komoditi. *If you put a new tax on commodity directly or indirectly, you will have market consequences.* Jadi saya hendak tanya dengan izin *how much tax will be collected by the government? Does it make sense?* Minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang terperinci.

Apa yang kita tahu sekarang ini ialah Lembaga Hasil dan ini adalah satu *general comment*. Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah begitu rancak sekali ataupun *gangor* dalam Bahasa Inggeris untuk mengutip lebih hasil. Masa ekonomi kita teruk dia lebih *gangor* lagi hendak buat. Di Dewan ini banyak ahli doktor, pakar-pakar doktor semua banyak di sini. Dua minggu lalu, ada satu *tax consultant* pergi ke *office* saya. Dia bawa kompelin tentang isu *taxation* kepada doktor-doktor.

Doktor-doktor kita biasanya pakai struktur pakai syarikat sendirian berhad *to do business*. Dia tidak bayar *personal income tax*, dia pakai syarikat sebagai satu *special purpose vehicle* untuk membuat *business*-nya dan apa kita tahu daripada *tax consultant* itu beritahu saya cerita dia dan selepas itu saya berjumpa dengan Dr. Tan Kee Kwong, Dr. Siti Mariah, Dr. Lee Boon Chye kita dengar ceritanya.

**Seorang Ahli:** Dr. Fazli...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Dr. Fazli tidak adalah. Itu bukan doktor betul itu. [Ketawa] Kacau. [Ketawa] Baik apa yang dia beritahu kita ialah ini *income tax* serbu mereka, suruh mereka bayar dan akhirnya kena bayar RM300,000 setiap orang lebih kurang *on average. RM300,000 taxes for using corporate a company for their income tax*. Isu dia macam ini, isu dia pada masa mereka membuat syarikat-syarikat untuk membuat *business* mereka, *business* perubatan, mereka *it is completely legal to do it. This is not the case of tax evasion, this is the case of tax avoidance.*

Jadi apabila *income tax* mari hendak jumpa mereka, kata *you* kena bayar balik sepuluh tahun, *clawback 10 years*, mereka kena *negotiate* sampai tiga tahun. *Resulting*

*RM300,000 back pay. This is not legal. It cannot be like this. Saya tidak menyokong doktor-doktor yang menggunakan struktur syarikat ini sebab it is quite naughty to do so. Right, ethically I think it is wrong but legally what they did was not wrong.*

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** *[Bangun]*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Doktor, *please.*

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini doktor-doktor pakar yang guna sendirian berhad. Ini *practice* sudah lama sudah. Kalau nampak pandangan saya ini tidak ada masalah. Tentang komen Ahli Yang Berhormat dari Kelana Jaya *Inland Revenues* serbu doktor bukan sahaja serbu doktor, serbu banyak lain orang termasuk *lawyer, businessmen, developer*, orang yang jual kereta dan sebagainya. Apakah komen Ahli Yang Berhormat?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih, Yang Berhormat Wangsa Maju. Saya hendak cuma menunjukkan satu *example* iaitu doktor ya. Apa yang kita lihat ialah satu trend yang sangat membimbangkan kerana ia menunjukkan tidak ada kepastian undang-undang. *There is no certainty.* Dahulu, *is legal* sendirian berhad sekarang, *they can clawback is not legal.* Jadi *if there is no certainty*, kita mungkin menghadapi salah guna kuasa dari segi *selective prosecution of cases.*

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Silakan.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Saya cuma hendak minta komen sedikit isu yang sama tetapi tentang *time frame* itu sebab kita diberitahu supaya simpan segala dokumen selama tujuh tahun. Pembayar cukai akan simpan tujuh tahun sebab boleh diperiksa balik dan disemak kembali cukai. Akan tetapi ada orang *claim* bahawa mereka diminta bagi balik maklumat-maklumat 10 tahun yang lepas. Terima kasih.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik Yang Berhormat Kelana Jaya cakap *uncertainties.* Mungkin pandangan sahabat saya Yang Berhormat Kelana Jaya, *is it uncertainty* atau kita sendiri *upgrading the system so that* kurang ketirisan. Minta pandangan *corporate lawyer* saya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih. Pertama, Yang Berhormat Kuala Kedah ya, betul. Kita memang sepatutnya simpan tujuh tahun tetapi dalam isu

doktor ini 10 tahun dia hendak minta balik. Jadi isu *is good as a resolve* lah. *I think that is the important things.*

Tentang Yang Berhormat Kota Tinggi, ia senang isu dia. Kalau dahulu undang-undang kata boleh buat, *you* tidak boleh *clawback* untuk *if you are tiding up the tax system, you can only move forward.* *You* tidak boleh kata 10 tahun dahulu *you* jahatlah, *you* nakal kita hendak ambil balik *taxation* itu. *That is illegal. Income tax does not have this kind of power but under the income tax law* yang kita hendak pinda ini, kuasa dia mutlak. Dia ada *decider*, dia ada *judge themselves.* *If you read the law of income tax, you have no appeal, I mean you got minor appeal on procedure but the ultimate says it is in the income tax department.*

Maknanya kita kena berhati-hati lah Yang Berhormat Kota Tinggi. *I know* Yang Berhormat Kota Tinggi ini ada *moneylah, some money*, dia ada kereta cantik semua ini, *we have to make sure that going forward* apa-apa undang-undang...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** ...Sepatutnya tidak mengambil – ya 20 saat lagi. Okey baik, Yang Berhormat Kuala Nerus, tidak apa kawan baik.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Cuma Yang Berhormat, bila kita dengar perbahasan tadi timbul isu, adakah sistem percukaian kita ini sudah hilang satu poin namanya 'rahmah' kasihan belas kepada rakyat?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Sebenarnya Yang Berhormat Kuala Nerus, isu dia hutang itu dan *income tax* ini wajib dibayar. *[Ketawa]* Saya itu yang tahu. Akan tetapi *you have to be understanding* yang lebih *natural justice, based on natural justice.* *You* tidak boleh *clawback, you have to go forward.* *So please,* saya minta ini nanti saya sambung. Saya minta cuma pandangan saya ialah *trend income tax* ini mengejar *clawing back, going back after back pay is too much.* Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis, Yang Berhormat?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Hendak sambung lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Akan tetapi saya melihat ada lapan rang undang-undang yang perlu dihabiskan hari ini, Yang Berhormat. Tidak apa selepas Yang Berhormat Kelana Jaya ini, kita akan hadkan masa 15 minit had masa 15 minit seorang selepas Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** So, Yang Berhormat boleh ambil dua, tiga minit selepas petang Yang Berhormat ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Dua, tiga minit tidak bolehlah banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sebelum Yang Berhormat Kelana Jaya meneruskan perbahasan saya jemput Yang Berhormat Menteri ada usul. Sila.

### USUL

#### **MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 14(2)**

**2.32 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 14(2), saya mohon mencadangkan bahawa giliran Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016 dinaikkan ke nombor 3, Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar)(Pindaan) 2016 dinaikkan ke nombor 4, Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)(Pindaan) 2016 diturunkan ke nombor 5, manakala Rang undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 dijadualkan semula ke nombor 6, di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini.”

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Timbalan Menteri Kewangan, menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini cuma pindaan kepada aturan-aturan atau nombor-nombor untuk perbincangan. Jadi Yang Berhormat Kelana Jaya ringkaskan ya.

**2.34 ptg.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan mengambil lebih kurang lima minit sahajalah untuk habiskan ucapan saya.

Baik saya sambung daripada isu tentang LHDN tadi kenapalah LHDN ini nampaknya sangat gamat ataupun sangat mengganggu untuk dapatkan lebih hasil. Setahu saya nampaknya Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mempunyai satu insentif skim program untuk memberi motivasi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebentar ya Yang Berhormat, Oh! Sudah keluar.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cuma saya hendak menegur Yang Berhormat Ampang tadi, tidak apa. Sila-sila.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Saya hendak tahu daripada Menteri, apa motivasi sebenarnya untuk LHDN ini untuk buat *collection* yang banyak tinggi ini. Adakah insentif-insentif ini satu peratus, dua peratus ataupun tiga peratus? Tolong Menteri bagi satu jawapan yang jelas. Isu tentang insentif juga bagi saya, dengan izin, prinsipnya ialah dengan izin, *"You cannot give unfettered powers to the Income Tax Department at the very same time incentivize them to collect taxes and then get the percentage cut of it, getting a commission out of it."* Ini menimbulkan satu, dengan izin, satu *major conflict of interest situation*.

Bagi saya, kalau hendak buat serbuan, hendak tangkap syarikat-syarikatkah, orang-orang- doktorkah, *dentist*-kah, *lawyer*-kah semua itu untuk isu tentang *income tax*, lebih baik serbu Menteri-Menteri juga sebab yang penting ialah kalau isteri-isteri Menteri ini kalau boleh beli *Birkin bag* RM24,000 satu biji, serbu yang dia orang dahulu. *Go after the biggest sharks- that's my advice to the Income Tax Department*.

Baik saya juga ingin memberitahu Menteri untuk memberi nasihat bahawa, *we cannot be penny wise and pound foolish*. Maknanya apabila kita membuat pindaan yang boleh membuat impak kepada hasil ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cuma selepas ini 15 minit, selepas daripada Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kelana Jaya tinggal tiga minit sahaja lagi.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey saya mempercepatkan. Apa yang penting ialah bila kita buat pindaan seperti ini kita kena tahu apakah sebenarnya kos *benefit* dia. Sama ada kita akan mendapat lebih kelebihan wang kutipan hasil tetapi adakah apa-apa yang menjejaskan ekonomi kita. Jadi saya minta Menteri kalau boleh bagi satu *complete cost benefit study* tentang pindaan ini. Akhir sekali saya hendak menimbulkan tentang isu GST sebab Akta GST ada di sini. Saya lihat dalam pindaan ini kita akan menambahkan denda daripada 25 peratus kepada 40 peratus untuk orang yang tidak bayar GST ataupun gagal membayar GST.

Saya hendak tanya *fundamental* isu dia *is this legislation*, dengan izin, *is this legislation going to have deterrent effect or is it squeeze more money out of business*. Ekonomi sudah tidak naik kita kata sudah letih kita hendak lagi mengenakan *business-business* yang tidak bayar GST dengan sepenuhnya. Kita tahu banyak ada *complaint* tentang sistem kemungkinan ialah isu sistem bukan orang tidak hendak bayar GST. Akan tetapi apabila kita bubuh denda naik daripada 25 peratus ke-40 peratus ini akan membuat satu impak yang tidak baiklah kepada *business*. Pepatah Melayu kata, sudah jatuh ditimpa tangga pula.

Jadi pindaan ini bagi saya nampaknya *malicious* bagi kesengsaraan rakyat. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua saya menolak pindaan-pindaan rang undang-undang ini dan saya menyeru pada semua Ahli-ahli Parlimen dari sini dan sebelah sana. Demi kepentingan ekonomi dan juga rakyat Malaysia untuk menghadapi kemelut ekonomi yang akan datang ini untuk menolaknya juga. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Permatang Pauh 15 minit.

**2.38 ptg.**

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekejap sahaja pendek sahaja ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** *Bismillaahi Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera... *[Membaca sepotong doa]* Selawat dan salam ke atas Junjungan Baginda

Nabi Muhammad S.A.W membawa rahmat bagi seluruh alam serta teladan untuk disanjung.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, terima kasih kerana berikan saya peluang mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 2016.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara dasar berkaitan dengan rang undang-undang ini iaitu pindaan seksyen 60(A)(a) yang menyentuh urusan Takaful fasal 13.

Pindaan seksyen 109C yang menyentuh urusan *Islamic Bank License under the Financial Service, Act 2013*, fasal 20, dengan izin.

Pindaan Jadual Keenam, subfasal 29(E), dan 29(H), berkaitan dengan *Banking Business or Islamic Banking Business in Malaysia and License under the Financial Services Act 2013 or The Islamic Services Act 2013*.

#### ■1440

Di fasal 36 untuk meminda Jadual Kedua, kepada Akta 169, subfasal 36(a).

Semua pindaan di bawah Rang Undang-undang Kewangan 2016 ini berkaitan secara langsung dengan urus niaga, perbankan dan kewangan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Perkara 121, Perlembagaan Persekutuan berkaitan kuasa kehakiman Persekutuan, jelas menunjukkan pemisahan kuasa di antara Mahkamah Syariah dan mahkamah sivil. Di negara ini, kebebasan badan kehakiman cuma diperuntukkan hanya bagi badan kehakiman sivil tetapi tidak bagi badan kehakiman syariah yang masih tertakluk kepada kuasa Eksekutif sama ada Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri. Kalau kita tengok struktur mahkamah, kalau mahkamah sivil, ia ada majistret naik ke Mahkamah Sesyen, naik ke Mahkamah Tinggi, naik ke Mahkamah Rayuan dan akhir sekali ke Mahkamah Persekutuan.

Kalau mengikut Mahkamah Syariah, strukturnya Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah dan habis kepada yang tertinggi Mahkamah Rayuan Syariah. Mahkamah sivil merangkumi pendengaran iaitu *hearing*, bicara atau *trial* dan penghakiman atau *judgment*. Semua kasus di bawah undang-undang sivil, manakala undang-undang syariah meliputi kes-kes yang termaktub dalam akta-akta syariah yang diluluskan melalui Parlimen. Saya mengamati tidak semua kasus berkaitan dengan Islam dirujuk ke Mahkamah Syariah, khasnya berkaitan dengan urus niaga, kewangan dan perbankan Islam. Maka kerana itu, kita dapat lihat kes-kes di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 iaitu akta yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam dibicarakan di mahkamah sivil tetapi bukan di Mahkamah Syariah.

Saya berpendapat sudah sampai masanya untuk disemak kewajaran mewujudkan 'Mahkamah Komersial Islam' iaitu '*Islamic Commercial Court*', atau nama singkatannya ICC. Ia khusus untuk mendengar dan mengadili kes-kes di bawah urus niaga perbankan Islam (*Federal laws*) di peringkat Persekutuan yang diluluskan oleh Parlimen.

Kewajaran penubuhan ICC ini Tuan Yang di-Pertua, adalah kes-kes kewangan Islam yang memerlukan sorang hakim yang boleh mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dan hadis selain mengikut akta yang ditetapkan. Sistem kewangan Islam satu buah cabang Islam yang unik dan memerlukan pembacaan dan kajian yang lebih mendalam, khususnya dalam membuat pentafsiran hukum. Ia berkait rapat dengan ruhiyah atau roh Islam itu sendiri dalam membuat pentafsiran undang-undang yang berkaitan iktisodiah iaitu ekonomi Islam secara meluas.

Dalam kes Affin Bank Berhad lawan Zulkifli Abdullah 2006 dalam CLJ 438, kes ini melibatkan tuntutan defendan terhadap *ibra'* (diskaun) hasil daripada pembiayaan *al-bai bithaman ajil* (BBA) untuk membeli sebuah rumah dan juga beberapa tuntutan lain.

Dalam kes ini, Hakim Datuk Abdul Wahab Patail telah memutuskan bahawa apabila bank membeli terus daripada pelanggannya dan menjual semula kepada pelanggan yang tersebut dengan bayaran yang ditunda pada harga yang lebih tinggi secara keseluruhannya, jualan tersebut bukan jualan *bona fide* tetapi merupakan transaksi berasaskan keuntungan seperti konvensional yang bertentangan dengan Akta Bank Islam 1983 (IBA) dan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (BAFIA).

Jadi, kenyataan Hakim Datuk Abdul Wahab Patail dalam kes ini bahawa mahkamah sivil berfungsi secara tegas sebagai mahkamah sivil dan tidak menjadi Mahkamah Syariah serta menyatakan fungsi mahkamah sivil sebagai memberikan keputusan yang dipertimbangkan secara kehakiman menurut undang-undang dan bukan mengimplikasikan undang-undang Islam seperti Mahkamah Syariah menunjukkan keengganan mahkamah sivil untuk mengaplikasikan undang-undang Islam oleh hakim yang nampak gaya tidak ada pemahaman yang mendalam, terutama berkaitan dengan sistem kewangan dan perbankan Islam.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, di ICC ini juga boleh disyorkan terbuka untuk diwakili oleh peguam sivil dan peguam syarie. Inilah keunikan dan keistimewaan perlunya mewujudkan mahkamah komersial Islam ini.

Kesimpulannya, saya berharap kerajaan bersedia untuk menimbang cadangan saya agar suatu akta mahkamah komersial digubal bagi tujuan penubuhan mahkamah khas yang akan membicarakan kes-kes urus niaga kewangan dan perbankan Islam yang akan menjadi langkah awal ke arah usaha perdana menyelaraskan semua hal-hal



perniagaan serta ekonomi agar lebih manusiawi dan merakyatkan dengan tuntutan Islam agar ekonomi kita sebagai ibadah, muamalat bersih dan bebas daripada riba', monopoli, manipulasi, rasuah, penindasan pekerja, keuntungan melampau, pembaziran, kleptokrasi, oligarki dan unsur-unsur haram. *Insyah-Allah*. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Berapa orangkah lagi minat? Berapa orangkah lagi minat? Tinggal seorang ya, Yang Berhormat Tanjong? Lepas Yang Berhormat Tanjong, Yang Berhormat Menteri jawab.

#### **2.46 ptg.**

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin menyentuh pindaan ke atas Akta GST 2014 berkaitan dengan Fasal 44 untuk membuat pindaan ke atas seksyen 33. Saya ingin menyentuh satu isu yang terbaru, di mana Pos Malaysia Berhad sebelum ini telah diberi tempoh *relief* bagi mengenakan GST ke atas setem daripada 1 April 2015 sehingga 31 Mac 2016. Kemudian ia telah dilanjutkan sehingga 30 September 2016 tetapi sekarang ini mulai 1 Oktober, semua setem domestik perlu dikenakan GST.

Ini menimbulkan satu masalah yang besar kerana setem bukan hanya dijual oleh Pos Malaysia Berhad tetapi setem juga ada dijual di pejabat pos mini yang bukan dioperasikan oleh Pos Malaysia Berhad tetapi melalui ejen-ejen yang dilantik. Mereka ada mendaftarkan *business* sendiri atau melalui ejen-ejen pos yang dilantik oleh Pos Malaysia Berhad.

Akan tetapi bagi pejabat pos mini ini atau ejen-ejen pos tersebut, mereka tidak ada POS. Mereka tidak dapat mengeluarkan invois cukai, mereka bukan *taxable person*. Mereka tidak berdaftar dengan Kastam untuk mengeluarkan *tax invoice*.

Jadi, ini menimbulkan satu kekeliruan macam mana setem pos boleh dijual. Pergi Pos Malaysia, setem dikenakan GST tetapi pergi mereka yang tidak berdaftar dengan Kastam mungkin setem tak dikenakan GST tetapi mereka juga perlu bayar cukai kepada pejabat pos. Jadi, adakah macam mana cukai ini dapat dipindahkan kepada pengguna kerana mereka tidak dapat mengeluarkan *tax invoice* tetapi mereka perlu bayar kepada Pos Malaysia.

Akhirnya mereka kena menanggung sendiri dan ini adalah juga satu masalah kerana setem bukan hanya digunakan di dalam negara kita. Setem juga ada digunakan untuk menghantar sesuatu pos ke luar negara. Adakah bila sesuatu setem digunakan untuk hantar pos ke luar negara, kita boleh dapat rebat cukai input?

Ini akan menimbulkan banyak kekeliruan, banyak kesusahan apabila *taxable person* hendak buat *input tax credit* untuk setem-setem yang telah dibeli itu. Jadi, saya rasa ini belum sampai satu masa yang sesuai untuk Pos Malaysia mengenakan GST kerana mereka belum bersedia kerana sistem yang bercelaru. Saya rasa Pos Malaysia Berhad ini perlu diberi tempoh lanjutan *relief* untuk GST supaya kita dapat- kerana memang hendak cetak satu invois cukai mungkin kosnya lebih tinggi daripada setem sendiri. Ini sesuatu yang kos tambahan yang tidak berbaloi, yang tidak perlu ditanggung oleh Pos Malaysia atau pengguna-pengguna tersebut.

#### ■1450

Lagi satu perkara adalah pindaan baru seksyen 34A dan 34B untuk membenarkan peranti atau device dipasang. Jadi ini sesuatu yang baru. Kita ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, peranti ini perlu dipasang untuk *business* apa? Adakah perniagaan, apa-apa perniagaan yang perlu dipasang peranti itu atau ini hanya sesuatu yang akan dikenakan untuk mereka yang tidak membuat *declaration* dengan betul atau mereka yang cuba mengeluarkan *tax invoice* jikalau pelanggan sudi, maka mereka dikeluarkan *tax invoice*. Jikalau ada pelanggan yang tidak sudi, mereka tidak dikeluarkan *tax invoice*.

Adakah ini caranya untuk kita dapat mengawal peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab tersebut dan adakah ini melibatkan satu kos tambahan kepada peniaga-peniaga. Saya rasa ini perlu diberikan satu penjelasan yang lebih terperinci kerana memang peniaga-peniaga kini berada dalam keadaan susah berikutan dengan kelembapan ekonomi yang dialami oleh kita. Lagi satu perkara adalah, sebelum itu pihak kastam ada mewajibkan semua MC perbadanan pengurusan dan badan pengurusan bersama termasuk untuk yang *residential*. Mereka perlu mendaftarkan dengan kastam untuk mengenakan GST.

Jikalau *treasure* mereka, servis caj yang dikutip oleh mereka setahun ini melebihi RM500 ribu. Jadi selepas itu pihak kementerian telah memberi satu *GST exempt supply order* 2014 di bawah perkara 20 di mana GMB atau MC untuk kediaman, mereka telah diberi pengecualian. Akan tetapi perkara ini melibatkan masalah untuk mereka yang sudah berdaftar dengan kastam sebelum itu, sebelum *exempt order* ini dikeluarkan. Jadi mereka yang telah berdaftar, maka mereka perlu membatalkan pendaftaran dengan kastam. Ada kes yang kita telah- yang mereka telah membatalkan pendaftaran tetapi baru-baru ini mereka perlu pula dikeluarkan notis oleh pihak kastam bahawa mereka tidak membuat pernyataan, membuat deklarasikan berkenaan dengan GST yang dikutip walaupun mereka tidak kutip. Mereka telah batal.

Ini satu kes yang melibatkan Perbadanan Pengurusan Tanjong Park Condominium dengan nombor pendaftaran GST 001758699520. Ia telah membatalkan pendaftarannya dua tahun dahulu tetapi baru-baru ini mereka menerima Notis. Dua buah Notis, satu Notis- Notis pertama bertarikh 24 September untuk mendapatkan GST bagi tempoh 1 April sehingga 30 Jun tahun ini dan notis yang kedua 7 November 2016 bagi tempoh percukaian dari 1 Julai sehingga 30 September 2016. Saya harap perkara ini tidak akan berlaku lagi kerana apabila sesuatu notis dikeluarkan, maksudnya sesuatu tindakan akan diambil. Ini akan menimbulkan kesinggungan terhadap mereka yang terlibat walaupun mereka tidak perlu membayar, mereka tidak mengutip GST tetapi sekarang macam mereka telah melakukan sesuatu kesalahan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri. Saya percaya jawab terhadap rang undang-undang yang dipinda sahaja, tidak kepada isu-isu yang lain.

#### **2.54 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah. Wassalatu wassalamuala Rasulillah.*

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kewangan 2016 di Dewan Rakyat yang mulia pada hari ini. Rakan-rakan Yang Berhormat yang telah pun bangun tadi iaitu Yang Berhormat Kelana Jaya; Yang Berhormat Kota Melaka; yang mencelah Yang Berhormat Kota Melaka; Yang Berhormat Kuala Kedah; Yang Berhormat Kota Tinggi; Yang Berhormat Kuala Nerus; dan disambung pula oleh Yang Berhormat Permatang Pauh; dan juga Yang Berhormat Tanjong. Saya akan cuba menjawab sehabis baik dan sekiranya tidak dapat jawapan ini, kita akan cuba menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali merujuk kepada Yang Berhormat Kelana Jaya. Anggaran hasil Kerajaan Persekutuan yang tidak realistik dengan keadaan ekonomi sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam pembentangan bajet baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun membentangkan ringkasan tentang hasil cukai ataupun komponen utama iaitu hasil cukai kita jangkakan untuk mendapat sebanyak RM180.5 bilion. Daripada pecahannya, cukai langsung RM120.7 bilion, cukai tidak langsung RM59.8 bilion, hasil bukan cukai RM36.8 bilion, terimaan bukan hasil RM1.4 bilion dan lain-lain sebanyak RM947 juta.

Selain daripada itu, daripada hasil cukai langsung, kita ada unjuran untuk cukai pendapatan sebanyak RM112.3 bilion di mana pecahan daripada individu sebanyak 24.7% berjumlah hampir RM30 bilion, daripada korporat ataupun syarikat RM69.2 bilion, 57.3%. Seterusnya daripada petroleum RM10.6 bilion dan lain-lainlah cukai langsung yang lain seperti duti setem dan sebagainya menjadikan jumlahnya RM120.7 bilion.

Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kelana Jaya sama ada ia realistik ataupun tidak, kerajaan positif dengan anggaran hasil ini kerana ia disokong oleh unjuran pertumbuhan KDNK benar sebanyak 4 peratus hingga 5 peratus pada tahun 2017, dan anggaran yang kita buat iaitu harga minyak *brent* adalah berasaskan kepada USD45 setong berbanding dengan USD40 bagi tahun 2016.

Selain daripada itu juga, kita akan memantapkan lagi hal-hal berkaitan dengan kutipan hasil melalui penubuhan *Collection Intelligent Arrangement* (CIA) di mana kita telah adakan kerjasama rapat di antara SSM, pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri, pejabat kastam dan juga berkaitan dengan MoF sendiri iaitu kita akan berkongsi data bagi menambahkan kecekapan mengutip cukai dan juga pematuhan pembayaran cukai oleh rakyat kita.

Kedua, Yang Berhormat Kelana Jaya telah bercakap dan bertanya tentang definisi *public entertainer* yang berkaitan dengan pensyarah dan sebagainya. Definisi *public entertainer* ini yang baru adalah seperti berikut di mana ia hanya ditujukan kepada bukan pemastautin yang datang ke Malaysia untuk memberi ceramah supaya penceramah asing ini akan dikenakan cukai melalui pegangan. Pindaan ini tidak terpakai kepada penceramah ataupun pensyarah tempatan yang menjalankan tugas di Malaysia.

Seterusnya berkaitan dengan Yang Berhormat Kelana Jaya juga bercakap soal *withholding tax* sama ada ia menepati amalan antarabangsa. Pindaan ini adalah selari dengan *international standard*, dengan izin, seperti mana sekarang ini dibincang dalam forum antarabangsa seperti di *United Nations*. Pindaan juga selari dengan usaha kerajaan menangani ketirisan cukai akibat transaksi rentas sempadan ataupun *cross border transaction* terutama melalui hal-hal berkaitan dengan digital ekonomi.

Seterusnya Yang Berhormat Kelana Jaya juga bercakap soal tentang pembatalan peruntukan pengecualian di atas *commodity trading*. Kementerian Kewangan telah pun mengadakan *consultation* ataupun perbincangan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan ia telah pun diputuskan dan bersetuju untuk memasukkan perkara ini memandangkan pandangan daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, ia dianggap tidak akan mengganggu industri eksport komoditi di Malaysia.

**■1500**

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Kelana Jaya juga bertanya hal-hal berkaitan dengan isu taksiran yang dibangkitkan ataupun rekod yang perlu dikemukakan lebih daripada sepuluh tahun. Untuk kes-kes yang dibangkitkan melebihi had masa iaitu tujuh tahun, diminta untuk diberikan maklumat lanjut kerana ia adalah bergantung pada fakta setiap kes. Secara amnya, jika pembayar cukai gagal mengemukakan borang pada setiap tahun, maka Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berhak meminta rekod melebihi had masa yang telah pun ditetapkan. Ini adalah urusan yang dibuat oleh pihak Lembaga Hasil.

Isu yang berkaitan dengan doktor. Disebut juga, macam Yang Berhormat Kelana Jaya kata, Lembaga Hasil ini sekarang dah jadi *gangor*, rajin kutip cukai dan sebagainya, maka banyaklah perkara ini berlaku. Layanan cukai dari syarikat kepada perniagaan tunggal yang berkaitan dengan pelaksanaan kerja-kerja yang dijalankan oleh para doktor. Layanan percukaian ini hanya terpakai kepada doktor pakar sahaja. Tindakan yang diambil oleh lembaga hasil mengikut undang-undang. Saya ingin tegaskan bahawa janganlah kita nak katakan bahawa pegawai-pegawai dari lembaga hasil ini mempunyai satu sikap untuk mengejar, membuka fail dan sebagainya untuk mencari salah pembayar cukai dan sebagainya. Ini adalah sebahagian daripada usaha kita sebenarnya untuk memantapkan lagi cara kutipan cukai. Kemudian sekiranya mereka ada- semualah pihak yang membayar cukai ini *comply* dengan syarat-syarat ataupun amalan-amalan yang diperlukan, maka saya ingat mereka juga tidak akan menghadapi apa juga masalah.

Seterusnya Yang Berhormat Kelana Jaya juga membangkitkan isu berkaitan dengan insentif berdasarkan kepada kutipan cukai. Ini, tindakan audit yang diambil oleh Lembaga Hasil adalah bagi memastikan *tax compliance*, dengan izin, ataupun pematuhan cukai oleh pembayar cukai. Sekiranya tindakan audit tidak diambil, ia akan menyebabkan ketirisan dan ketidakadilan kepada pembayar cukai. Maksudnya ialah apabila audit ini dibuat, maka kedua-dua pihak, dua-dua pihak ini maksudnya Lembaga Hasil dan juga pembayar cukai itu sendiri akan dapat sampai kepada satu *figure* ataupun satu amaun yang berbetulan yang tidak merugikan mana-mana pihak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Sebenarnya soalan saya tentang insentif itu ialah insentif untuk pihak *income tax*. Saya dengar bahawa apabila *income tax* dapat RM100 juta, katakan dia dapat *collect* RM100 juta, dia dapat komisen lebih kurang 1

peratus ke-2 peratus, maknanya dia dapat RM2 juta untuk bonus kepada mereka di akhir tahun. Jadi sebab itu kita dengar walaupun penjawat awam biasa dapat naik RM500 masa raya, yang kerja di LHDN ini dapat bonus tiga bulan, enam bulan. Jadi saya hendak tanya, adakah benar persepsi ini yang saya dengar dari market. *Is that a performance collection based?* Kalau boleh beri jawapan. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Melaka juga berminat.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, ada berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tanya anggaran daripada kementerian dengan tindakan dikatakan untuk kebaikan kedua-dua pihak. Daripada tindakan yang telah dijalankan, apakah anggaran pendapatan atau tambahan hasil yang akan dapat dikutip oleh kementerian? Adakah untuk tahun ini atau tahun depan?

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. *I go to Yang Berhormat Kota Melaka first*, dengan izin. Apa yang saya maksudkan ialah apabila seseorang itu dia lama tak *declare* cukai, kemudian pihak lembaga hasil pergi *check* balik semua, mungkin *backdated* sampai tujuh, lapan, sembilan, sepuluh tahun, maka sudah tentulah mereka akan *finally derive* kepada satu angka yang bersesuaian. Mungkin oleh sebab terlalu lama, rekod-rekod pun dah hilang, maka dia akan buat *estimate* yang dipersetujui oleh pembayar cukai. Katalah *income* dia kata *for the year* mungkin sekian-sekian amaun.

Kemudian oleh sebab rekod itu sudah tidak ada, jadi susah untuk buat *estimate*. Jadi itulah yang dikatakan diadakan perbincangan. Bila dipersetujui, maka dari situ dia akan *work out on the* cukai-cukai yang perlu dibayar oleh mereka.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, sedikit tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar juga kerana *inconsistent* oleh pihak lembaga hasil. Jadi sebab itu kemungkinan pada beberapa tahun yang lepas, perbelanjaan itu boleh *dispend-off* atau boleh *write-off* tetapi kerana sekarang dikatakan perlu *diadd back*. Oleh sebab inilah jadi satu masalah yang majikan-majikan terpaksa membuat bayaran lebih. Selepas itu saya ingin tahu, adakah *inconsistent* salah satu sebab yang mengakibatkan tindakan diambil terhadap majikan-majikan? Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Saya ingat isu pembayaran cukai lewat ini, kalau kita tidak lewat, kita tidak ada isu. Akan tetapi banyak yang mungkin tidak tahulah dengan niat ataupun tidak terutamanya nak *declare* dan sebagainya segala hasil perniagaan, pendapatan dan sebagainya, maka ia menjadi masalah. Kemudian sudah tentulah di pihak lembaga hasil dia ada dasar-dasar tertentu seperti kenaan penalti dan sebagainya. Jadi ini akan menjadikan pembayar cukai itu terpaksa membayar lebih. Jadi nasihat saya kalau boleh, sebaik-baiknya semua orang ini sepatutnya *declare the current year*, jadi ia akan menjadi lebih mudah untuk diselesaikan. Tidak ada lagi tunggakan, tidak ada lagi kenaan penalti dan sebagainya.

Berbalik kepada Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya difahamkan lembaga hasil ini memang ada macam insentif, kutipan 1.5 peratus tetapi dalam masa yang sama juga, kita kena ingat walaupun mereka mendapat 1.5 peratus oleh sebab mereka juga merupakan satu Lembaga yang mempunyai pekerja-pekerja yang begitu ramai. Sebenarnya mereka masih walaupun mendapat hasil daripada peratusan kutipan yang mereka buat, tetapi sebenarnya mereka masih kekurangan sebanyak antara RM200 juta ke RM300 juta setahun untuk menampung segala perbelanjaan yang diperlukan termasuk emolumen dan sebagainya.

Jadi sudah tentulah pihak Lembaga Hasil ini juga perlu mengikat perut. Maksudnya mereka tidak boleh lagilah untuk berbelanja lebih seperti mana mungkin dikenakan kepada agensi-agensi kerajaan yang lain, dipotong perbelanjaan dan sebagainya kerana keadaan ekonomi yang perlu diambil tindakan seperti itu. Jadi Lembaga Hasil perlu meningkatkan kecekapan dan seterusnya juga *at the same time*, dengan izin, *reduce their cost*. *Reduce their cost* ini bermaksud mengurangkanlah mungkin macam bonus dan sebagainya. Itu saya tidak jawab ketika ini. Sila.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau boleh itu bagi jawapan bertulis tentang isu bonus sebab yang kita dengar ini ramai penjawat awam lain sakit hati sebab dia dapat bonus sikit, tetapi *for* Lembaga Hasil ini banyak.

Jadi saya rasa isu ini juga menimbulkan satu *conflict of interest*. Maknanya ia *incentivize to maximize collection*. Jadi kadang-kadang dia akan ada *victim because they a bit affect*. Jadi saya hendak minta Menteri kalau boleh kaji semula tentang insentif ini sama ada ia boleh disebar lebih luas kepada penjawat awam lain dan menjaga bonus ini jangan bagi melambung sampai enam bulan, sembilan bulan. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. *I'll take note* dan *insya-Allah* kita akan beri dengan bertulis.

Seterusnya saya ingin teruskan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Kelana Jaya lagi iaitu berkaitan dengan *penny wise, pound foolish*. Saya pun tidak dapat bagi *now at the moment because I think I need some time to* buat *cost benefit analysis* tetapi kita bagi *trylah* bertulis, *and then, we can have a discussion on this*. Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya.

Seterusnya saya pergi ke Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang Berhormat Permatang Pauh berkenaan pindaan Perkara 60, seksyen 60AA. Pindaan ke atas seksyen 60AA adalah bersifat *consequential* memandangkan terdapat penggubalan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Justeru itu, terma-terma berkenaan telah dipinda bagi tujuan penyelarasan. Saya juga amat tertarik dengan cadangan Yang Berhormat berkaitan dengan pewujudan satu *Islamic Commercial Court* untuk menyelaraskan isu-isu yang berkaitan dengan hal-hal *Islamic financing* sebagai langkah awal ke arah menyelaraskan dan memantapkan isu-isu yang mungkin berbangkit dalam kewangan Islam di negara kita. *Insyallah* Yang Berhormat, kita akan panjangkan tajuk ini untuk dipertimbangkan pada masa depan.

#### ■1510

Seterusnya saya hendak tempuh sedikit berkaitan dengan Yang Berhormat Tanjong. Pos Malaysia, kenapa pelepasan tidak dilanjutkan. Di peringkat awal, pelaksanaan GST, pelepasan khas diberikan kepada Pos Malaysia disebabkan Pos Malaysia perlu mempunyai tempoh masa yang secukupnya untuk membuat perubahan kepada sistem pengkomputeran, pengiklanan dan sebagainya.

Setem pos perlu dikenakan GST 6 peratus kerana ia bukan merupakan barang keperluan asas seperti beras, gula dan sebagainya. Setem pos antarabangsa pula dikenakan GST 0 peratus kerana ia dianggap sebagai perkhidmatan antarabangsa. Berkenaan GST enam peratus pula adalah secara *inclusive*. Ini bermaksud, jika setem dikenakan 80 sen, maka GST dikira menggunakan *tax fraction*, bukannya 80 sen dan dikenakan tambahan lapan peratus. Seterusnya berkaitan dengan...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong bangun.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Ya minta laluan. Memang ini satu keperluan di bawah seksyen 9(5) di mana semua harga perlulah GST *inclusive*. Akan tetapi pada hakikatnya termasuk pengumuman dibuat oleh Pos Malaysia di atas laman webnya. GST dikenakan secara eksklusif. Maksudnya tambahan enam peratus ke atas harga 60 sen atau 80 sen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.



**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Jadi saya rasa ini satu perkara yang serius. Pos Malaysia sendiri pun tidak dapat menangani masalah ini. Harap satu penjelasan.

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat kita buat siasatan kepada Pos Malaysia berkaitan dengan perkara ini, sebab kalau dia tidak betul, kita perlu ambil tindakan memperbetulkannya. Seterusnya berkaitan dengan pendaftaran *management corporation*, pendaftaran dibatalkan tetapi masih mendapat notis tuntutan dari Kastam.

Saya ingat Yang Berhormat, ini kes spesifik dan saya perlukan detail lagi untuk kita *trash out* sebab tadi Yang Berhormat ada bagi nombor GST semua. *I think we take care of that in the specific* ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya boleh.

**Dato' Othman bin Aziz:** Jadi Yang Berhormat saya ingat Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja penggulangan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz:** Saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dan mohon untuk menyokong.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Yang Berhormat Menteri, *device* itu, peranti.

**Dato' Othman bin Aziz:** Oh, peranti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya jawapan bertulis kalau tidak Yang Berhormat.

**Dato' Othman bin Aziz:** Ya peranti ini sebenarnya ia macam ini Yang Berhormat. Sebenarnya GST ini kita perkenalkan baru setahun setengah lebih kurang. Kita perlu mantapkan. Kita tahu dalam pengenalan sistem baru ini pun banyak *loop hole* yang ada orang ambil kesempatan.

So kita cuba menggunakan teknologi terkini yang perlu *of course* sudah tentu *full proof* dan sebagainya kita akan ini. Akan tetapi sebab itu kita akan masukkan supaya kita boleh mengambil langkah-langkah untuk memperketat lagi pelaksanaan supaya tidak ada orang-orang yang cuba ambil *loop hole* dan ambil kesempatan lari daripada apa yang mereka perlu bayar. Jadi ini perancangan masa depan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*  
*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*  
*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal 1 dan 2 dikemukakan kepada Jawatankuasa]*  
*[Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

### **Fasal 3 [Pindaan]-**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri Kewangan.

#### **3.14 ptg.**

**Dato' Othman bin Aziz:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 3 dalam teks Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda dengan menambah dalam subfasal 3, perkataan subperenggan 27(a)(iii) selepas perkataan, "dan 21".

Pindaan ini bertujuan untuk menjelaskan tarikh kuat kuasa bagi subperenggan 27(a)(iii) adalah juga pada 30 Jun selaras dengan tarikh kuat kuasa Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Dalam subfasal 5 dengan menggantikan perkataan 27(a) dan dengan perkataan subperenggan 27(a)(i) dan (ii) dan perenggan. Pindaan ini bertujuan untuk menyelaraskan tarikh kuat kuasa subperenggan 27(a)(i) dan (ii) mulai tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran seterusnya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbincangan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Fasal 3 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Fasal-fasal 4 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

### **Fasal 10 [Pindaan]-**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

#### **3.16 ptg.**

**Dato' Othman bin Aziz:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa subfasal 10(a)(viii) dalam teks Bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda. Pindaan dibuat dalam perenggan baru 46(1)(q) dengan memasukkan proviso baharu selepas perenggan (b) seperti berikut:

- (i) dengan memotong perkataan dengan izin “and “di hujung perenggan (a) proviso; dan
- (ii) memasukkan selepas perenggan (b) proviso perenggan yang berikut:
  - (c) *the maximum amount of deduction under this paragraph shall apply notwithstanding that that individual may have more than one child; and”;*

Pindaan ini juga dibuat dalam perenggan baru 46(1)(r) dengan menggantikan proviso sedia ada dengan dua proviso baharu dengan izin seperti berikut:

*“Provided that-*

- (a) *where a wife living together with her husband is assessed separately for that year, the deduction under this paragraph shall only be allowed either to the husband or to the wife; and*
- (b) *the maximum amount of deduction under this paragraph shall apply notwithstanding that that individual may have more than one child.”*

Pindaan ke atas kedua-dua subperenggan 46(1)(q) dan subperenggan 46(1)(r) adalah bertujuan bagi menjelaskan bahawa potongan perbelanjaan yang dibenarkan kepada seseorang bagi pembelian peralatan penyusuan ibu dan penjagaan anak masing-masing terhad kepada jumlah maksimum RM1000 dalam tempoh asas bagi satu tahun taksiran tanpa mengambil kira bilangan anak individu itu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbincangan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**[Fasal 10 seperti dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Fasal-fasal 11 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

#### **Fasal 29 [Pindaan]-**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri Kewangan.

#### **3.19 ptg.**

**Dato' Othman bin Aziz:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa subfasal 29(h) dalam teks Bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda.

Pindaan dalam proviso kepada perenggan 35A dibuat dengan menggantikan perkataan, dengan izin "*unit trust*" dengan perkataan "*wholesale fund*". Pindaan juga dibuat dengan memasukkan selepas perkataan, dengan izin "*complies with*" dengan perkataan, *the "criteria as set out in"*.

Pindaan ini bagi menjelaskan bahawa pengecualian cukai yang diberikan kepada satu kumpulan wang borong yang merupakan kumpulan wang pasaran wang hanya kepada satu kumpulan wang borong yang mematuhi kriteria yang dinyatakan dalam garis panduan berkaitan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Terima kasih.

#### **■1520**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbincangan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**[Fasal 29** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

**[Fasal-fasal 30 dan 31** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

### **Fasal 32 [Pindaan] –**

#### **3.21 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon mencadangkan bahawa subfasal 32(a) dalam teks Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda. Pindaan berhubung perenggan baharu 41A(1)(b) untuk menggantikan perkataan dengan izin, “*a source consisting of a business*” dengan perkataan “*petroleum operations*” dan menggantikan perkataan, dengan izin, “*that source consisting of a business*” dengan perkataan “*that petroleum operations*”.

Pindaan ini bagi menjelaskan berkenaan hak untuk merayu bagi orang yang boleh dikenakan cukai dalam hal orang yang boleh dikenakan cukai itu tiada pendapatan berkanun daripada operasi petroleumnya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**[Fasal 32** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

**[Fasal-fasal 33 hingga 45** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

**Fasal 46 [Pindaan] -****3.22 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 46 dalam teks Bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda. Pindaan dalam fasal 46 dipinda dengan memasukkan teks Bahasa Kebangsaan dengan memasukkan selepas perkataan, "amaun cukai" perkataan "itu", "dan" ke dalam subperenggan (b), sub perenggan (c) dan subperenggan (d).

Pindaan ini untuk menjelaskan bahawa penalti yang akan dikenakan ke atas baki cukai yang tidak dibayar apabila cukai menjadi genap masa dan kena dibayar.

Pindaan ini juga turut menomborkan semula subperenggan (iii) sedia ada kepada subperenggan (iv) manakala subperenggan (iv) sedia ada kepada subperenggan (v) supaya aturan nombor yang selaras. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**[Fasal 46** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

**[Fasal-fasal 47 hingga 63** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN ANUGERAH 2016**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **3.26 ptg.**

#### **Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang berhubungan dengan anugerah dan pemakaian luar wilayah akta ini dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, Akta Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016 yang dicadangkan ini bertujuan untuk mewujudkan kesalahan yang berhubungan dengan anugerah.

Disebabkan oleh penganugerahan gelaran dan kebesaran oleh orang tanpa kuasa daripada segi Perlembagaan dan penganugerahan gelaran dan Darjah Kebesaran oleh orang selain Ketua Negara negara asing, kerajaan telah memutuskan untuk mengekang aktiviti tersebut sebagai memartabatkan institusi Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Negeri. Sehubungan itu, adalah wajar peruntukan kesalahan khusus diwujudkan untuk menangani perkara berhubung dengan anugerah yang tidak diiktiraf.

Akta yang dicadangkan akan meliputi semua aspek kesalahan yang berhubungan dengan anugerah Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Negeri dan Ketua Negara asing.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat penganugerahan gelaran daripada sumber yang tidak diiktiraf oleh kerajaan dari dalam dan juga luar negara. Bagi kes dalam negara, muncul mereka yang mengaku pewaris kepada kesultanan silam seperti kononnya pewaris Kesultanan Melaka yang telah mengadakan upacara penganugerahan pelbagai gelaran. Penganugerahan tersebut jelas tidak dibuat di bawah mana-mana undang-undang tetapi penerima gelaran tersebut menggunakannya seolah-olah ia merupakan gelaran yang sama yang diterima daripada raja-raja.

Cadangan asal adalah untuk meminda Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 [Akta 414]. Akta 414 merupakan undang-undang yang mencegah penggunaan tak wajar lambang dan nama yang dijadualkan. Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) (Pindaan) 2013 telah

disediakan oleh kerajaan pada tahun 2013 dan dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada 25 September 2013.

Namun begitu, Ahli Parlimen kerajaan telah menyarankan sesuatu undang-undang yang komprehensif disediakan bagi menangani isu tersebut. Rang undang-undang tersebut telah ditarik balik oleh kerajaan pada 4 Disember 2013. Jabatan Peguam Negara telah diarahkan untuk mengadakan cadangan skim perundangan yang lebih komprehensif dan mengemukakannya kepada Majlis Raja-Raja.

Jabatan Peguam Negara pada 26 Februari 2014 telah memberikan suatu taklimat ringkas berhubung latar belakang kepada cadangan pindaan dan skim perundangan berhubung Akta 414, kepada Mesyuarat *Pre-Council* Majlis Raja-Raja. Ia diikuti dengan taklimat susulan pada 16 Februari 2016 dan 10 Mei 2016 bertujuan untuk memaklumkan status penggubalan undang-undang yang berkenaan.

Susulan daripada taklimat-taklimat yang telah diberikan kepada Mesyuarat *Pre-Council* Majlis Raja-Raja, Jabatan Peguam Negara telah membuat kajian dan menyediakan semua skim perundangan yang lebih komprehensif.

#### ■1530

Setelah mengambil kira pelbagai perkara termasuk pandangan melalui perbincangan dengan semua penasihat undang-undang negeri dan Peguam Besar Negeri Sabah dan Sarawak yang diadakan pada 1 April 2016, kerajaan telah memutuskan untuk menggubal suatu akta baru bagi menangani perkara yang berhubung dengan anugerah tidak diiktiraf.

Justeru, cadangan asal untuk meminda Akta 414, untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan anugerah tidak diiktiraf, tidak dituluskan dan sebaliknya suatu akta baru digubal bagi menangani perkara tersebut secara spesifik.

Walau bagaimanapun, pindaan kepada Akta 414 masih diteruskan dengan menaikkan penalti dan memasukkan hukuman penjara. Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) (Pindaan 2016) telah pun dibacakan untuk bacaan kali pertama pada 21 November 2016 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kesalahan yang Berhubungan dengan Anugerah 2016 digubal di bawah butiran 4, Senarai I, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan iaitu di bawah perkara undang-undang jenayah. Rang undang-undang tersebut akan terpakai bagi seluruh Persekutuan berkenaan dengan anugerah asing dan anugerah Yang di-Pertuan Agong.

Bagi maksud negeri-negeri, badan perundangan negeri akan membuat undang-undang di bawah kuasa negeri iaitu butiran 4(g), Senarai 1, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bagi menangani penganugerahan aneka Darjah Kebesaran



oleh pihak tidak berwibawa yang menyentuh anugerah negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, undang-undang tersebut hanya terpakai bagi wilayah tersebut sahaja sebagaimana yang termaktub dalam perenggan (b) Perkara 73, Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi masalah kelompangan undang-undang berhubung kesalahan yang dilakukan oleh pihak yang tidak berwibawa di luar wilayah satu-satu negeri, satu fasal khusus diwujudkan dalam rang undang-undang ini bagi menjadualkan kesalahan negeri dan jika kesalahan tersebut dilakukan di luar wilayah negeri, ia akan menjadi satu kesalahan Persekutuan.

Fasal 13, 14, dan 19 rang undang-undang memperuntukkan berkenaan kesalahan suapan yang meliputi kedua-dua anugerah Yang di-Pertuan Agong dan juga anugerah yang ditetapkan oleh Raja atau Yang di-Pertuan Negeri. Memandangkan hal perkara ketiga-tiga peruntukan ini melibatkan suapan, maka peruntukan ini perlu diadakan dalam rang undang-undang ini dan tidak dalam undang-undang negeri kerana perbuatan rasuah merupakan perkara di bawah butiran 4(f), Senarai I, Perlembagaan Persekutuan iaitu hal perkara Persekutuan dan tidak boleh diperuntukkan dalam undang-undang negeri.

Rang Undang-undang Kesalahan yang Berhubung dengan Anugerah 2016 yang dicadangkan mengandungi 19 fasal. Perincian peruntukan bagi rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut.

Fasal 1. Fasal ini memperuntukkan tajuk ringkas dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan. Akta ini dan perundangan subsidiarinya hendaklah terpakai kedua-dua di dalam dan di luar Malaysia.

Fasal 2 ini mengandungi takrif perkataan tertentu yang digunakan dalam akta yang dicadangkan.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang menerima dan menggunakan anugerah tidak diiktiraf. Seseorang dilarang daripada menerima suatu anugerah tidak diiktiraf daripada mana-mana orang sama ada di dalam atau di luar Malaysia dan menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan sesuatu anugerah tidak diiktiraf dalam apa-apa bentuk dan cara. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun.

Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan menghadiri dan sebagainya istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf. Seseorang dilarang daripada menjalankan upacara istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf atau menghadiri, mempromosikan atau menyertai dalam sesuatu upacara istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf. Kesalahan yang dicadangkan membawa

hukuman denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan membuat dan sebagainya lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf. Seseorang dilarang daripada membuat atau dengan disedarinya melaksanakan mana-mana bahagian daripada proses membuat, lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Fasal 6 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan membuat dan sebagainya, alat untuk membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf. Seseorang dilarang daripada membuat atau membaiki atau melaksanakan mana-mana bahagian daripada proses membuat atau membaiki atau membeli, menjual atau melupuskan apa-apa acuan tekan atau alat bagi maksud untuk digunakan atau mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa acuan tekan atau alat itu dimaksudkan hendak digunakan bagi maksud membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Fasal 7 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan memiliki alat atau benda bagi maksud menggunakannya untuk membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf. Seseorang dilarang daripada ada dalam miliknya apa-apa alat atau benda bagi maksud menggunakannya untuk membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf atau mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa alat atau benda itu dimaksudkan hendak digunakan bagi maksud tersebut. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Fasal 8 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan menyatakan diri sebagai pemegang anugerah Yang di-Pertuan Agong. Seseorang dilarang daripada menyatakan dirinya sebagai pemegang anugerah Yang di-Pertuan Agong yang sah jika dia tidak pernah dianugerahkan Yang di-Pertuan Agong tersebut. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun.

Fasal 9 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan menggunakan anugerah Yang di-Pertuan Agong yang dibatalkan atau ditarik balik. Seseorang dilarang daripada menggunakan atau menikmati gelaran atau panggilan apa-apa anugerah Yang di-Pertuan Agong yang telah dibatalkan atau ditarik balik oleh Yang di-Pertuan Agong. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun.

Fasal 10 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan menggunakan anugerah Yang di-Pertuan Agong bila mana tidak berhak. Seseorang dilarang daripada menggunakan dan menikmati gelaran panggilan apa-apa anugerah Yang di-Pertuan Agong yang dalam apa-apa bentuk jika orang itu tidak layak menggunakan dan menikmati gelaran panggilan tersebut. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman denda tidak melebihi RM10,000.

Fasal 11 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan menerima anugerah daripada Ketua Negara tanpa kebenaran bertulis Yang di-Pertuan Agong. Seseorang warganegara kecuali raja-raja dan *consort* mereka dan Yang di-Pertuan Negeri dan *consort* mereka dilarang daripada menerima apa-apa anugerah asing tanpa mendapatkan kebenaran bertulis Yang di-Pertuan Agong. Walau bagaimanapun, warganegara itu dilarang daripada menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan anugerah asing yang diterima daripada mana-mana Ketua Negara dalam apa-apa bentuk dan cara dalam Malaysia, kecuali bagi anugerah asing bagi keberanian atau perkhidmatan substantial dan anugerah asing bagi tanda kehormat. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman denda tidak melebihi RM500,000.

Fasal 12 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan menerima dan menggunakan anugerah asing yang tidak diiktiraf. Seseorang warganegara dilarang daripada menerima suatu anugerah asing tidak diiktiraf daripada mana-mana orang sama ada di dalam atau di luar Malaysia dan menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan suatu anugerah asing tidak diiktiraf dalam apa-apa bentuk dan cara. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun.

Fasal 13 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan meminta, menerima, memberi, dan sebagainya suapan bagi anugerah tidak diiktiraf. Seseorang dengan sendiri, atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain, dilarang daripada meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain, atau memberi, berjanji atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau orang lain, apa-apa suapan sebagai balasan atau dorongan atau hadiah untuk mendapatkan atau membantu atau berusaha untuk mendapatkan pemberian anugerah tidak diiktiraf bagi mana-mana orang berkaitan pemberian itu.

Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi dua puluh tahun. Seksyen yang dicadangkan meliputi kedua-dua anugerah yang berupa sebagai anugerah Yang di-Pertuan Agong yang dianugerahkan oleh mana-mana orang selain Yang di-Pertuan Agong atau anugerah yang berupa sebagai Darjah Kebesaran, bintang kehormatan dan pingat yang sah yang ditetapkan oleh statut Raja atau Yang di-

Pertuan Negeri yang dianugerahkan oleh mana-mana orang selain Raja atau Yang di-Pertuan Negeri.

Fasal 14 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan meminta, menerima, memberi, dan sebagai suapan bagi istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf. Seseorang dengan sendiri, atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain, dilarang daripada meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain, atau memberi, berjanji atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau orang lain, apa-apa suapan sebagai balasan atau dorongan atau hadiah untuk mendapatkan atau membantu atau berusaha untuk mendapatkan istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf kepada mana-mana orang berkaitan pemberian itu.

#### ■1540

Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun. Seksyen yang dicadangkan meliputi kedua-dua anugerah yang berupa sebagai anugerah Yang di-Pertuan Agong yang dianugerahkan oleh mana-mana orang selain Yang di-Pertuan Agong atau anugerah yang berupa sebagai Darjah Kebesaran, Bintang Kehormat dan Pingat yang sah ditetapkan oleh *statut* Raja atau Yang di-Pertuan Negeri yang dianugerahkan oleh mana-mana orang selain Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

Fasal 15 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan meminta, menerima, memberi dan sebagai suapan bagi anugerah. Seseorang dengan sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain dilarang daripada meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain atau memberi berjanji untuk menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau orang lain apa-apa suapan sebagai balasan atau dorongan atau hadiah untuk mendapatkan sesuatu- atau membantu atau berusaha untuk mendapatkan pemberian apa-apa anugerah kepada mana-mana orang berkaitan pemberian itu. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun. Seksyen yang dicadangkan terpakai bagi anugerah Yang di-Pertuan Agong atau Darjah Kebesaran, Bintang Kehormatan dan Pingat yang sah yang ditetapkan oleh *statut* Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

Fasal 16 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan meminta, menerima, memberi dan sebagai suapan bagi anugerah asing tidak diiktiraf. Seseorang warganegara yang dengan sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain dilarang daripada meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain atau memberi, berjanji atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau orang lain apa-apa suapan bagi

balasan atau dorongan atau hadiah untuk mendapatkan atau membantu atau berusaha untuk mendapatkan pemberian anugerah asing tidak diiktiraf kepada mana-mana warganegara berkaitan pemberian itu. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun.

Fasal 17 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang Negeri di luar wilayah Negeri itu. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang Negeri yang dinyatakan dalam Jadual Kedua di luar wilayah Negeri itu dilakukan kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan dan boleh apabila disabit, dikenakan penalti yang diperuntukkan di bawah undang-undang Negeri itu.

Fasal 18 bertujuan untuk memberi menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasa 19 bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk meminda Jadual Pertama dan apabila diminta oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri, meminda Jadual Kedua di bawah akta yang di cadangkan melalui perintah dalam Warta.

Seterusnya, Jadual Pertama rang undang-undang ini menyenaraikan semua Ketua Negara yang diiktiraf. Senarai ini disediakan berpandukan senarai terkini Ketua Negara yang dikeluarkan oleh *United Nations Protocol and Liaison Service* setakat 6 Oktober 2016. Jadual Kedua rang undang-undang ini pula menyenaraikan semua kesalahan Negeri untuk menjadikan pelanggaran bagi kesalahan di luar wilayah Negeri yang berkenaan akan menjadi satu kesalahan Persekutuan. Jadual Kedua ini, akan dikemas kini berdasar undang-undang Negeri apabila ia diluluskan oleh badan perundangan Negeri kelak.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia. Oleh yang demikian, rang undang-undang kesalahan yang berhubungan dengan Anugerah 2016 akan mengekang aktiviti berhubung dengan anugerah tidak diiktiraf secara menyeluruh dalam usaha menangani penganugerahan aneka Darjah Kebesaran oleh pihak yang tidak diiktiraf sama ada dari luar negara ataupun dalam negara. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Okey. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang berhubung dengan

anugerah dan pemakaian luar wilayah. Akta ini dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan Kali Yang Kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Berapa orangkah ini yang hendak bahas? Minat- dua Barisan Nasional, tiga orang pembangkang. Boleh 10 minit? Cukuplah ya seorang. Saya hadkan 10 minit. Lima orang pembahas. Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

### 3.46 ptg.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akta ini sebetulnya memang masalah dan perlu kita bahaskan. Sebab kalau tidak bahaskan dan kita luluskan masalah bertambah-tambah. Memang betul banyak saya tertanya-tanya dengan kerajaan dan menteri bila akta ini dibawa. Sebab kita mahu mencegah penggunaan gelaran-gelaran Darjah Kebesaran yang tidak diiktiraf tetapi dibangga-banggakan.

Jadi, ini pada saya merupakan satu pencemaran gelaran. Seharusnya dimasukkan pencemaran gelaran sebab amat memalukan. Kalau... *[Ketawa]* Mesti dibersihkan- jiwa kena bersih yang penting jangan baju kuning *[Ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya melihat saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri. Seorang individu tidak mendapat gelaran mana-mana tetapi dengan bangganya menggunakan gelaran itu sama ada secara rasmi nama dia dibina di poster. Apakah hukuman dia? Sebab macam tidak disebut tadi. Disebut kalau dia menerima anugerah. Ini tidak ada siapa yang menganugerahkan tetapi dia bangga menggunakan satu-satu gelaran. Contohnya, Dato, Dato Seri, Tan Sri- dibina dia mana-mana dia masuk kampung ada. Ini pada saya pencemaran terlalu dahsyat.

Sebab dia tidak segan silu menggunakan gelaran yang tidak ada. Alangkah baiknya walaupun tidak ada, tidak ada, lah. Lagi satu perkara di negara kita ini, banyak menjadi Sultan. Sultan Melaka sedangkan Melaka sudah tiada Sultan. Sultan Perak sudah ada, ada lagi Sultan. Jadi, saya tidak tahu. Cuma malangnya tidak ada tindakan yang diambil oleh pemerintah. Seharusnya, benda-benda begini dia mencemarkan kedaulatan kesultanan harus diambil tindakan. Bukan itu sahaja, saya bimbang di Sabah pun ada Sultan. Sultan Sulu, lah, Sultan macam-macam. Saya tidak tahu di Kuching ada Sultan ke tidak *[Ketawa]*

Jadi ini, kita harus melihat akta ini perlu kita terima dengan hati yang terbuka. Sebab ia melibatkan beberapa perkara yang pada saya amat memalukan dan juga tidak menghormati institusi Perlembagaan kita sendiri. Seharusnya, akta ini sudah lama wujud tetapi saya tidak tahulah kenapa kerajaan berdolak-dalik dalam akta seumpama ini. Sebab pada saya akta ini merupakan suatu kekangan dan halangan dan memelihara

memupuk semangat kemuliaan. Bukan mudah mendapat akta- anugerah. Saya juga dengar ada juga anugerah dibeli dan sebagainya. Pada saya, cuma tidaklah dapat kita buktikan. Cuma orang bilang bisik-bisik sahaja.

Jadi, kalau akta ini mencakupi seluruh skop yang kita bincang ini. Pada saya, dia boleh memberhentikan segala bentuk desas-desus yang tidak diingini. Sebab, tidak ada gunanya kita mempunyai institusi yang menganugerahkan sesuatu tetapi tiba-tiba dicemari dengan kepalsuan dan sebagainya. Jadi, saya harap akta ini bukan sahaja kita luluskan- bahas dan luluskan tetapi harus ada tindakan susulan. Harus ada penguat kuasa yang kita beri amanah tanggungjawab harus melaksanakan. Kalau ada aduan, maka kena disiasat. Jangan pula akta ini tinggal akta tetapi tidak ada kesan dia.

Biasanya kita memang begitu. Jadi, kita kadang-kadang salahkan sistem kita, kita salahkan undang-undang kita tetapi sebetulnya, apa yang berlaku bukan sebegitu. Undang-undang yang digubal ini memang begitu baik saya nampak. Dia mencakupi segala bentuk *angle* yang perlu mengekang keadaan-keadaan sedemikian. Akan tetapi, pelaksanaan kita selalu itu yang dipertikaikan oleh rakyat. Pelaksanaan kita begitu longgar, alasan kita tidak cukup *main power* dan sebagainya ataupun tidak- macam-macam.

#### ■1550

Jadi, dengan akta sebegini, baik menjadi satu harapan iaitu gelaran-gelaran ini tidak disalah guna. Biarlah mereka yang *deserve to be rewarded*, yang orang yang betul-betul berhak menerimanya, maka dia layaklah menggunakannya. Kalau kita sudah hendak betul-betul hendak gelaran, sampai kita ke Selatan *Philippines*, sampai ke Sultan Melaka, itu rasa saya bukan lagi satu apa ini, ini manusia saya tidak tahu apa punya jenis manusia. Ada lagi seperti yang saya sebutkan tadi, tidak ada gelaran apa-apa tetapi dia dengan bangga di majlis rasmi minta panggil gelaran-gelaran tertentu, ke sana, ke hulu, ke hilir dengan *bannemya* sana sini. Ini tidak betul dan kalau orang menerima gelaran ini, kita boleh *search* di mana negeri dia terima.

Kita boleh *search*, cari, nampak nama pun tidak ada. Di seluruh negeri kita *search*, tidak ada pun, ini bermakna dia menipulah, tak ada apa-apa gelaran. Gambar pun tidak ada, tanda-tanda apa pun tidak ada, jadi di Sabah sebetulnya banyak berlaku begini. Jadi, saya berharap Datuk Menteri supaya awasi perkembangan-perkembangan sebegini sebab penggunaan lambang pun ramai. Saya tak tahu...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya amat bersetuju

dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, terutama apabila hendak mencari, khususnya data-data mereka yang menerima anugerah dan sebagainya. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, setujukah Yang Berhormat Kinabatangan sudah sampai masanya perlu diwujudkan mungkin pejabat pendaftar secara automatik sekiranya seseorang itu menerima anugerah, disenaraikan dan diletakkan dalam sistem yang boleh sesiapa sahaja boleh akses supaya anugerah tersebut anugerah yang sebenarnya dan diiktiraf dalam sistem negara kita. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, ini cadangan yang paling baik dan kalau boleh saya minta kementerian supaya mungkin memasukkan sebab kita perlu ada data, kalau tidak ada data, maka kita tercari-cari, terkial-kial. Jadi, oleh sebab itu akta ini kita unjurkan untuk melengkapkan antara satu sama lain. Cadangan Yang Berhormat Kuala Selangor itu saya angkat sebagai sebahagian daripada hujah saya supaya pihak kerajaan boleh memasukkannya. Memudahkan kalau ada macam orang ini mendakwa dia ada gelaran, kita cari, *search*, tidak ada, maka dia ini boleh didakwa serta-merta sebab tidak pun terdaftar.

Jadi, ini pada saya memang satu perkara yang perlu kita terima sebab ia akan memudahkan. Begitu juga di negeri-negeri, harus ada juga *synchronized* di antara satu dengan yang lain. Jadi, apabila kita ada persetujuan bersama, ia akan memudahkan masalah-masalah yang kita hadapi. Biasanya masalah akan timbul apabila tidak ada kesamaan di antara Persekutuan dan negeri masing-masing.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Langkawi bangun juga.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Kinabatangan, mencelah. Saya sangat bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Kinabatangan yang mengatakan bahawa kita perlu ada data sistem yang boleh dilihat oleh semua orang menggunakan internet dan sebagainya. Soalan yang pertama saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan, adakah bersetuju kalau semua data ini dikumpulkan di tiap-tiap negeri, dimasukkan ke dalam satu sistem di peringkat nasional dan ia juga boleh menggunakan *handphone* untuk melihat seperti mana kita mencari daftar pemilih SPR.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Langkawi sebagai satu *input* yang baru. Kita sekarang ini Yang Berhormat Langkawi, tidak ada lagi masalah sebab kita punya ledakan teknologi ini sudah begitu mendahului zaman. Jadi, oleh sebab itu pada saya sebab itu pada awal-awal tadi perlu



ada *synchronized*, perlu ada kerjasama antara pesuruh negeri, penerima-penerima peringkat negeri pun harus didaftar dalam satu data tersebut.

Jadi mudah, tidak lagi tercari-cari negeri ke negeri kerana kalau kerajaan memikirkan hendak *outsourcing* data tersebut dengan mana-mana pihak, saya banyak kawan yang saya kenal yang boleh membuat datanya. Jangan susah, yang penting kerajaan sanggup bayar, kita akan buat. Sebab kita tawarkan kita punya kemudahan, kalau bilang susah, masalah. Jadi, mana-mana orang individu yang menggelar diri dia macam-macam gelaran tetapi sebetulnya tidak ada, maka mudah untuk kita banteras dan dakwa di mahkamah. Saya menyokong 200 peratus Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ya, saya ingin kepastian tadi Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Tumpat. Okey, Yang Berhormat Bukit Katil.

**3.55 ptg.**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya ini satu undang-undang yang relevan buat masa sekarang.

Akan tetapi dalam konteks ini kita perlu ingat bahawa ada sebahagian rakyat yang di luar sana merasakan pujian-pujian apa yang dipanggil gelaran-gelaran ini satu perkara yang penting buat mereka. Ibarat kata peribahasa, "*Asal bersubang emas, biarlah telinganya rompong*". Jadi, ini telah ada dalam budaya kita.

Cuma saya agak ingin tahu sedikit penjelasan daripada Menteri tadi kerana diberikan asas ataupun kerangka undang-undang ini ialah merujuk kepada *Federal List*, dengan izin Tuan Pengerusi. Di bawah *Federal List*- Senarai 1 itu disebutkan secara khususnya ada Perkara 4(f). Kalau kita teliti Perlembagaan Persekutuan, Perkara 4(f) ini ialah di mana Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa untuk membuat pelbagai undang-undang berkaitan sivil dan *criminal* dan juga prosedur, dengan izin. Termasuk kepada hal-hal yang berkaitan dengan *corrupt practices* ataupun amalan rasuah dan penyelewengan ini.

Jadi, saya hendak mula dengan itu Tuan Pengerusi, bagaimana undang-undang ini boleh memastikan sebarang bentuk gelaran dalam konteks maknanya gelaran itu dia dapat ataupun didapati bukan daripada usaha dia dan penghormatan yang diberikan tetapi kerana wujudnya *corrupt practices*. Ada wujudnya amalan suapan dan sebagainya.

Kita mesti mengembangkan undang-undang ini dalam konteks bukan sekadar kepada gelaran-gelaran datuk dan sebagainya tetapi ia juga saya hendak tanya kepada

Menteri, adakah kiranya masuk ke dalam rangka mereka yang misalnya membeli *title* seperti doktor. Di universiti, mereka malas belajar tetapi tengok orang lain dapat doktor, dia pun seronok juga kalau dipanggil doktor dan ambil tadi, "*Asal berlubang emas, biarlah telinganya rompong*". Dia hendakkan *title* itu, jadi dia beli.

Saya lihat dalam konteks undang-undang ini tidak dicover atau mungkin ada undang-undang yang lain yang mungkin saya percaya Menteri mempunyai data-data ini. Ini kerana pada saya ini perkara yang cukup serius, bukan sekadar gelaran tetapi juga kita lihat di dalam masyarakat berlaku lambakan gelaran-gelaran yang diberikan, digunakan atas *name card* dan sebagainya, seolah-olah menunjukkan dia ini orang yang pandai, profesor dan sebagainya. Boleh jual lah. Pokoknya daripada segi apa yang dinyatakan itu ia seorang yang berada dalam kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat. Itu pertama Tuan Pengerusi.

Kedua ialah ini amalan-amalan juga mendapat projek hasil daripada hubungan mereka yang rapat mungkin dengan istana misalnya, kita banyak dengar kadang-kadang orang dapat surat kuninglah dan sebagainya. Dalam hal ini juga saya ingin bertanya Menteri, adakah ini perkara yang serius seperti ini juga sepatutnya berada dalam mana-mana undang-undang untuk memastikan agar perkara ini tidak disalahgunakan. Ada juga mereka yang dalam budaya sekarang ini kita dengar *rumors*. Setakat ini ada jugalah satu, dua yang ditahan yang dituduh dan sebagainya. Mereka menjadi *broker* pula kepada mana-mana Raja ini. Mungkin Raja-Raja Melayu, Sultan Melayu dia tak tahu tetapi orang sekeliling dan sebagainya kata tak mengapa, *you* bayar sekian banyak, kita boleh bagi *make sure you* boleh dapat "Datuk Sri" dan sebagainya.

Ini juga gila gelaran juga. Jadi, apakah ini ada perkaranya disentuh ataupun di *cover* ataupun dimasukkan ke dalam ruang lingkup undang-undang ini? Jadi, saya ingin mengajak dan juga ingin meminta pandangan kementerian Menteri, ini perkara-perkara yang saya percaya perlu diteliti kerana kalau betul kita ingin memastikan hanya rakyat ataupun warganegara Malaysia sahaja yang layak mendapat anugerah, maka undang-undang ini saya percaya mempunyai tujuan itu.

#### ■1600

Satu perkara lagi yang saya dengar tadi Yang Berhormat Menteri ialah soal berkaitan dengan Sultan Melaka. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jumpa Sultan Melaka ini. dia punya pejabat Tuan Yang di-Pertua, belakang pejabat saya... [*Dewan ketawa*] Akan tetapi belum dapat anugerah lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Subahat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Sebab itu kalau hendak laksanakan undang-undang ini, tunggu saya dapat anugerah dululah.

Tidak, minta maaf tetapi isunya begini, adakah kerana kita berhadapan dengan Sultan Melaka lah, kalau boleh kita namakan Sultan Melaka untuk memudahkan pemahaman, walaupun tidak pada pengiktirafan. Adakah dengan wujudnya budaya, *trend* ini menyebabkan undang-undang ini terpaksa diadakan kerana pada saya, yang lebih penting sebenarnya ialah bukan soal dia buat majlis untuk anugerahkan Datuk-ship kah atau sebagainya, tidak.

Akan tetapi lebih penting untuk kerajaan meneliti ialah hujah-hujah yang beliau kemukakan sebagai pewarisan yang sah. Ini kerana kalau kita tengok *Sulalatus Salatin*, sebuah kitab lama yang menceritakan tentang sejarah Melayu, terutamanya sejarah Melaka. Di sana ada wujud seolah-olah satu aliran yang dipanggil pewarisan. Hasil ketika Sultan Melaka ini meninggal, wujudlah cerita di mana berlaku hubungannya dengan Cik Pong, gundik yang paling cantik, yang paling disayangi oleh baginda. Maka, timbul anak daripada hubungan itu.

*Detail*-lah ceritanya tetapi yang pentingnya ialah Undang-undang Laut pada waktu itu di Melaka tidak mengiktiraf pewarisan yang lahir daripada gundik ini. Jadi perkara ini, saya minta kerajaan *challenge* atau pun cabar bukti-bukti yang beliau kemukakan supaya kita boleh memberikan satu pencerahan kepada rakyat. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, apabila ada *claim* yang dibuat, maka kita ada bukti undang-undang atau bukti sejarah yang sebenar supaya apa sahaja hujah itu boleh dipatahkan dengan hujah. Ini kerana kita tidak mahu undang-undang yang kita buat ini hanya untuk *cater* hanya satu dua orang tokoh.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua ialah soal anugerah daripada luar ini, daripada ketua-ketua negara atau pun tokoh-tokoh di luar lah. Kita tahu misalnya di Mindanao, kita tahu di Indonesia dan sebagainya. Saya agak pelik dan ingin bertanya kepada kerajaan, apakah rasionalnya untuk kita hendak pastikan setiap anugerah yang kita dapat dari negara luar ini mesti mendapat kebenaran daripada Yang di-Pertuan Agong? *Why must*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita bebaskan pula Yang di-Pertuan Agong untuk terlibat dalam hal-hal ini yang pada saya bukanlah satu perkara yang besar sebenarnya. Kita fikir kita boleh mencari mekanisme yang lain dan perlu ada fleksibiliti supaya anugerah yang kita terima ini jangan hanya pada ruang lingkup sumbangannya semata-mata.

Akan tetapi kadang-kadang selain daripada keberanian, ia juga mungkin dianugerahkan disebabkan kepakarannya dalam satu bidang, maka diberikan anugerah. Dalam ekonomi, sebagai menasihati kerajaan di luar misalnya dan kalau kerajaan itu hendak beri, diterima. Tidak perlulah hendak mendapatkan kelulusan daripada Yang di-Pertuan Agong kerana saya tengok undang-undang yang diberikan ini agak berat

hukuman, daripada segi hukuman. Jadi saya pun hairan kenapa dalam konteks ini kerajaan seolah-olah meletakkan beban yang cukup berat walaupun saya tahu niatnya mungkin baik tetapi perlu ada *some reasonable*, ada kemunasabahan, Tuan Yang di-Pertua, daripada segi hukuman dalam konteks undang-undang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak sebut begini. Dalam masyarakat kita terutamanya orang Melayu, kita ada budaya yang meraikan tokoh-tokoh dan pemimpin. Kadang-kadang saya percaya, ramai juga wakil rakyat apabila balik ke kawasan, dia balik ke kawasan, dia tahu yang dia Yang Berhormat tetapi ada juga yang panggil gelaran Datuk dan sebagainya. Jadi, *how to navigate this* kerana ini budaya dalam masyarakat kita. Jadi saya harap undang-undang ini sementara baik, harus ada kemunasabahan supaya jangan dikenakan aspek hukuman yang terlalu berat terutamanya dalam konteks undang-undang yang dicadangkan oleh kementerian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gerik.

#### **4.04 ptg.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya juga ingin membahaskan soal Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah.

Pertama, saya rasa pihak kerajaan telah mengangkat perkara ini ke dalam Dewan untuk kita bahas mesti telah mendapat persetujuan daripada Majlis Raja-Raja kerana ini penganugerahan Darjah Kebesaran dan juga pingat cuma yang ada dalam negara kita dikeluarkan oleh Raja-Raja dan juga Gabenor. Kalau kita tengok macam Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak, tidak ada raja tetapi penganugerahan Darjah Kebesaran dan juga pingat tadi, dilakukan oleh pihak Gabenor atau pun Tuan Yang Terutama.

Manakala negeri-negeri yang beraja, Raja lah yang memberi penganugerahan dan juga pingat kepada mana-mana penerima. Pihak yang mencalon, saya tidak berapa tahu sangat keseluruhan negeri tetapi di negeri Perak yang saya tahu, di pejabat kerajaan negeri itu dia ada satu Majlis. Di bawah Majlis tadi, pencalonan boleh dikemukakan melalui Menteri Besar. Kedua, pihak Setiausaha Kerajaan Negeri dan ketiga, di pejabat Paduka Seri Sultan. Bermakna di peringkat kebangsaan, sama juga. Penganugerahan Darjah Kebesaran dan pingat ini dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong melalui yang saya percaya, kalau di peringkat Persekutuan, Kabinet. Dia ada satu bahagian tadi di mana Perdana Menteri dan mana-mana tadi boleh mencalonkan melalui tadi dan akan dipilih oleh Paduka Seri Sultan.

Yang paling penting, kita kadang-kadang tidak tahu membezakan di antara pingat dengan Darjah Kebesaran. Saya ambil contoh negeri Perak. Kalau pingat, bermula dengan Pingat Jasa Kebaktian (PJK), Pingat Pekerti Terpilih (PPT) dan juga pingat lama berkhidmat. Ini dikategorikan sebagai pingat. Manakala Ahli Mahkota Perak (AMP) dan ke atas sehinggalah Datuk Seri Diraja. Dia ada Datuk, Datuk Seri, Datuk Seri Diraja. Ini kita kategorikan sebagai Darjah Kebesaran.

Oleh sebab itu saya percaya dengan adanya satu undang-undang yang hendak menafikan ada orang lain yang hendak memberi penganugerahan, ia memberi satu kebaikan kepada nama baik negara. Di mana kita lihat pada waktu-waktu akhir ini, masyarakat memandang tinggi mereka yang mendapat Darjah Kebesaran sedangkan penerima-penerima Darjah Kebesaran ini bukan ada dapat elaun. Cuma sama ada di peringkat pejabat kerajaan, peringkat swasta, pihak polis sendiri atau mana-mana pihak penguatkuasaan, apabila kita menggunakan *title* Datuk, Datuk Seri, Datuk Seri Diraja, kalau peringkat *Federal*, ada lagi Tan Sri, menyebabkan mereka rasa ini tidak boleh nak ambil tindakan.

Di sinilah berebut-rebutnya orang awam ini hendak mendapatkan Darjah Kebesaran kerana sikap kita. Sikap kita yang menyebabkan mereka terlampau tinggi pengiktirafan seolah-olah dalam negara ini kerana kalau tidak disebut kawan itu mendapat Datuk, tidak dipanggil Datuk, muka dia menjadi muka 14. Masam mencuka. Sedangkan ini cuma pengiktirafan. Kalau kita tidak panggil pun tidak mengapa, bukan? Akan tetapi inilah dengan adanya peraturan ini, kita hendak mengelak daripada berleluasa tetapi selain daripada itu, antara negeri-negeri berbeza. Kalau sekadar kita tulis Datuk, bagaimanakah pengenalan Datuk tadi? Contohnya, bukan?

Dalam masa yang sama, kalau peringkat yang paling tinggi, Tun. Dalam masyarakat Melayu, ada juga keluarga-keluarga namanya Tun. Salahkah atau tidak? Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bukit Katil tadi. Ahli-ahli Parlimen, ADUN, kalau masuk ke kampung, yang tidak ada Datuk, orang kampung akan panggil Yang Berhormat Datuk.

#### ■1610

Apakah dengan ada undang-undang ini membolehkan orang yang sakit hati kepada wakil rakyat tadi *report*, denda ini RM10,000 atau tiga tahun penjara. Padahalnya kita masuk kampung, keluar kampung, saya merasai sebelum saya dapat Dato'. Saya ADUN, orang panggil Dato' dulu. Ini *lagu* mana ini?

**Seorang Ahli:** Ada cucu.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Oleh sebab dalam undang-undang yang ada ini perlu kita teliti dengan lebih baik supaya segala benda ini mungkin ada SOPnya, kalau perkara-perkara seperti ini...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** [Bangun]

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tidak dikenakan ambil tindakan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya hendak tanya Yang Berhormat Gerik, saya pernah dengar orang kata Dato' ini Dato' ABC. Macam ais batu kacang jugalah bukan? Dato' dia kata ABC, Dato' anugerah, Dato' bayar, Datuk dapat cucu. Akan tetapi saya dengar di kampung-kampung kalau penghulu pun orang panggil Dato'. Penghulu orang panggil Dato', polis pun orang panggil Dato'. Jadi, adakah penghulu dan polis juga kalau diam dia kena juga yang RM10,000 itu? Tanya Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Di dalam masyarakat, perkara-perkara ini yang ada, yang kita rasa pihak kerajaan kena buat satu SOP. Polis pencen memanglah. Kalau tempat saya Gerik, mesti orang panggil Dato' punya, kalau polis pencenlah bukan. Dia itu tidak tahu amalan ini dari zaman saya dengar '*che*' saya dari dulu lagi. Dia akan panggil Dato' kalau pada polis ini. Jadi saya bersetuju supaya saya mencadangkan kepada kerajaan supaya buat satu SOP macam ada nama keluarga yang nama dia Tun, kita kena keluarkan.

Kalau negeri Perak ada nama Tun, Tun Jailani, Tun itu, Tun inikan. Padanya di peringkat Persekutuan, anugerah tertinggi Tun diberi *bodyguard* dan pelbagai lagi. Jadi itu yang kita kena tengok yang pada pandangan saya undang-undang yang ada ini amat baik. Oleh sebab hendak mengelakkan sikap, jadi kerajaan pun kena beritahu kepada seluruh agensi kerajaan supaya melayan mereka yang mendapat darjah kebesaran terlampau lebih-lebih VIPnya. Ini juga ada masalah, ini antaranya berebut-rebut orang. Umur 28 pun hendak dapat Dato'. Umur 25 pun hendak dapat Dato'. Pada pandangan kitalah, layak dapat Dato' ini biarlah atas daripada 40 tahun. Pada pandangan kitakan?

Kalau bawah daripada itu, tidak taulah spesial kes macam mana. Akan tetapi ini kalau kita bercakap seolah-olah kita mempertikai kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga kita mempertikai kuasa Tuan Yang Terutama. Akan tetapi pada kita, pandangan masyarakat tentang tingginya, kita hendak letak tingginya anugerah kebesaran tadi macam mana kaedahnya supaya tidak timbul persoalan pada orang. Orang tidak akan pertikai, kenapa ini muda lagi sudah dapat ataupun macam-macam lagi. Jadi pada saya, ini satu langkah yang...

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Gerik. Saya hendak tanya Yang Berhormat Gerik, tadi Yang Berhormat Kuala Selangor kata polis pun dapat Dato' dan sebagainya. Dalam keluarga kita sendiri pun apabila kita dapat cucu, cucu itu akan panggil kita datuk. Apabila panggil kita datuk, mungkin musuh kita akan pergi buat *report* kata kita guna Dato'. Adakah itu perlu diambil... [*Dewan ketawa*]

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Biasa-biasanya kalau datuk kerana ada cucu dia tidak panggil datuk. Dia panggil tok ayah, tok wan, che', wan biasanyalah. Akan tetapi ini juga kena masuk dalam SOP supaya tidak memberi ruang kepada orang boleh menganiayai mereka yang dipanggil Dato'. Dengan ini masa sudah cukup, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ramai lagi yang bercakap ini? Jangan panjang. Jangan panjang lebarlah. Ini hal *straightforward*. Jadi saya benarkan lagi seorang dua begitu. Selepas Yang Berhormat Sepang, selepas itu saya jemput lagi satu daripada BN. Selepas itu Yang Berhormat Tumpat, selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Sila Yang Berhormat Sepang.

#### 4.15 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hendak panggil Datuk atau Tan Sri ini?... [*Dewan ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan ingat ya, masa tidak mengenal Datuk. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Baik Tan Sri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya pada dasarnya bersetuju dengan pindaan akta-akta baru ini. Saya hendak jawab dulu apa Yang Berhormat Langkawi supaya Yang Berhormat Menteri tidak perlu jawab, saya terus jawablah. Dikatakan kalau kita dapat cucu orang panggil datuk, ini Akta Anugerah. Kena faham itu anugerah. Apabila kita dapat datuk daripada cucu itu, itu bukanlah satu anugerah. Itu memang *natural* orang panggil.

Akan tetapi saya hendak kata begini, saya hanya ingin memfokuskan Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan khusus berkaitan dengan suapan. Saya merasa- saya bersetuju dengan apa yang dimaksudkan di sini. Definisi suapan adalah seperti mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Jadi saya bersetuju dengan taksiran suapan yang begitu luas itu. Cumanya saya hendak katakan bahawa berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, suapan itu dia merangkumi bukan sahaja wang tetapi termasuk juga derma, derma. Oleh sebab itu saya merasa hairan kenapa apabila orang

terima derma RM2.6 bilion tidak ada pendakwaan? Itu saya hairanlah. Sedangkan istilah suapan dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini termasuk derma. Itu yang pertamalah.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan begini Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat kepada fasal 13 ya, "*meminta, menerima, memberi dan sebagainya suapan bagi anugerah tidak diiktiraf*". Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, DSP dan sebagainya itu macam mana kita hendak tafsirkan itu? Oleh sebab kalau kita lihat kepada contoh dalam seksyen-seksyen dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia itu, ia bukan sahaja serah, meminta, menerima dan memberi, termasuk juga berjanji untuk memberi pun dan disebut perkataan dengan rasuah. Jadi kalau dalam istilah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini, suapan *itself* tidak tergolong dalam *corrupt practice* kecuali ia diberi dengan secara rasuah. Jadi saya hendak tanya, kalau kita hendak laksanakan akta ini, siapakah penguat kuasanya? Adakah SPRM atau tidak? Jadi ini satu perkara yang saya rasa Yang Berhormat Menteri kena ambil perhatian.

Ketiganya Yang Berhormat Menteri, kita tahu bahawa rasuah ini melibatkan orang kata, *it takes two to tango*. Dia bukan hanya orang yang menerima tetapi juga orang yang memberi. Patut dalam Islam kata... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Orang yang terima rasuah, orang yang memberi dan juga orang yang terima. Jadi persoalannya, kalau orang itu mungkin tidak mahu Dato' pun, tetapi dia dipaksa untuk terima Dato'. Jadi saya rasa bagaimana keadaan begitu? Adakah kita hendak dakwa juga atau tidak? Saya juga bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Katil tadi, sebenarnya penganugerahan ini dia bukan sahaja terpakai dalam kes-kes Dato' sahaja, tetapi juga kes-kes melibatkan pemberian istilah-istilah doktor dan sebagainya yang juga disalahgunakan.

Saya ada pengalaman ketika saya buat kes pencucian pilihan raya, ada satu orang calon itu menggunakan dalam posternya itu doktor sedangkan dia tidak dapat doktor pun. Akibat daripada dia menggunakan itu bagi saya, dia telah menyebabkan pengundi-pengundi merasakan dia memang seorang yang pandai dan *trust him- fit into boats*. Jadi saya hendak bertanya kepada kerajaan, bagaimanakah kita hendak *cater* dalam kes-kes begitu? Oleh sebab ini hanya nampak anugerah dalam kes-kes tertentu sahaja.

Seterusnya mengenai anugerah untuk luar negara. Saya ingin merujuk kepada fasal 19, kuasa untuk memilih jadual di mana kalau kita tengok pada Jadual Pertama itu kita meletak beberapa buah negara untuk yang kita boleh terima, yang kita boleh iktiraf penganugerahan daripada negara tersebut termasuk negara Myanmar. Kalau kita lihat



dalam muka surat 16, Myanmar ini kalau ada penganugerahan daripada *President Republic of the Union of Myanmar*. Saya minta supaya kerajaan tarik baliklah perkataan Myanmar ini. Oleh sebab sekarang ini saya merasa kita tanpa mengira orang Islam atau orang bukan Islam, kita telah melihat satu tragedi pembunuhan beramai-ramai, *genocide* di Rohingya itu.

■1620

Jadi saya merasakan bahawa apabila kita iktiraf anugerah dari Myanmar ini seolah-olah kita tidak sensitif dengan nasib umat Islam khususnya yang dibunuh di Rohingya itu. Sebab Presiden di Myanmar itu juga termasuk dalam kerajaan dan telah ada satu saman dikemukakan oleh *coalition of Rohingya people*, Presiden Myanmar kerana terlibat membunuh beramai-ramai ini. Jadi saya harap supaya negara Myanmar ini kita keluarkan daripada- walaupun saya tidak tahu siapakah yang terima anugerah dari Myanmar ini, saya pun tidak tahulah. Saya pun tidak pernah dengar lagi mana-mana individu di Malaysia ini menerima anugerah besar daripada *President of Myanmar*.

Akan tetapi oleh sebab melibatkan satu undang-undang, kita tidak boleh menolak kemungkinan pada masa akan datang mungkin ada penganugerahan. Jadi saya mengharapkan oleh sebab undang-undang ini, *off general application* supaya negara-negara yang kita hendak masukkan ini kita tengok juga dia punya rekod. Bagi saya Myanmar *is not fit to be included in the list* sebab dia ada sejarah terlibat dalam *genocide* dan telah pun pernah difailkan kes di mahkamah. Jadi itu saya punya yang saya ingin tegaskan.

Jadi saya harap supaya suapan itu kalau boleh diperluaskan lagi dan mestilah merangkumi orang-orang yang juga menawarkan untuk memberikan. Sebab kalau kita lihat kepada yang dicadangkan ini seolah-olah ia hanya suapan ini daripada satu pihak sahaja. Orang yang terima sahaja yang kena, orang yang memberi seolah-olah- saya bukan hendak kata orang yang beri itu terlibat rasuah, mungkin ejenkah. Perkataan "ejen" tidak digunakan di sini, perkataan ejen. Jadi sedangkan kalau kita tengok dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ia *very clear*, ejen, orang-orang dan sebagainya.

Jadi saya harap supaya mana-mana orang juga yang terlibat dalam *sort of business of giving Dato'* ini, contohnya dia *approve* kepada mana-mana individu untuk dia tawarkan Dato itu dan mungkin orang itu dia atas dasar prinsip dan sebagainya tidak mahu terima, tetapi dia mungkin terlepas atas akta ini sebab dia tidak ada niat meminta. Dia menawar seperti saya kata tadi. Rasuah ini *in order to commit a crime of corruption, you need to parties*. Jadi saya harap ada satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua tidak sampai 10 minit pun Tuan Yang di-Pertua sebab saya setuju dengan akta ini dan saya harap ada penambahbaikan lagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tumpat, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### **4.23 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menjadi pembahas terakhir Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016.

Saya sebagaimana semua pengucap, pembahas-pembahas tadi juga menganggap walaupun nampak tidak penting dan besar tetapi ini adalah suatu yang baik dan perlu disokong dengan cadangan-cadangan penambahbaikan yang kita dengar sebentar tadi dan mungkin saya juga ingin mencadangkan.

Sebab ini melibatkan maruah orang yang mana kita tidak mahu hina sama ada lelaki atau wanita, maruah di kalangan kita, gelaran-gelaran penting Tuan Yang di-Pertua. Saya anggap walaupun ada yang akan mengatakan ini ada ciri-ciri feudalisme dan sebagainya tetapi saya lihat masyarakat-masyarakat yang menolak feudalisme pun walaupun tidak menamakan Dato, Tan Sri dan sebagainya tetapi ada panggilan-panggilan yang dianggap dan diiktiraf oleh masyarakat dan negara sebagai penting dalam memastikan bahawa kita memberikan pengiktirafan yang tertentu kepada orang-orang yang layak diberikan pengiktirafan tersebut.

Jadi saya ada beberapa *point* kecil Tuan Yang di-Pertua yang saya harap dapat mendengar penjelasan dan juga kalau baik cadangannya dapat diterima. Pertama berkaitan dengan fasal 9 yang mana menggunakan anugerah Yang di-Pertuan Agong yang dibatalkan atau ditarik balik. Ini bermakna ia suatu kesalahan, saya setuju. Akan tetapi persoalan saya dan mungkin cadangan saya hendak menanyakan bagaimana prosedur menarik balik pangkat, anugerah yang diberikan.

Sebagai perbandingan Tuan Yang di-Pertua, di United Kingdom ada jawatankuasa yang mengkaji, menilai dan mencadangkan penarikan balik pingat-pingat yang dianugerahkan oleh Raja Britain. Jawatankuasa tersebut dengan izin, *Honors for Future Committee* di bawah Jabatan Perdana Menteri United Kingdom. Baru-baru ini pada bulan Oktober ada satu kes yang agak sensasi di mana tauke besar, seorang hartawan besar United Kingdom yang menjadi tuan punya kepada syarikat jualan yang agak masyhur dan beridentitikan Britain iaitu kalau Tuan Yang di-Pertua sudah tentu tahu, *British Home Store*.

Tiba-tiba *British Home Store* ditutup kerana tauke ini namanya Sir Philip Green telah tidak menjalankan perniagaan dengan betul, kedai terpaksa ditutup, pencen kepada pekerja-pekerja pun tidak diberikan. Maka ia merupakan isu yang besar dan ia dibahaskan di Parlimen, di Dewan Rakyat Britain ada cadangan dan diundi dan ada cadangan untuk tarik balik pangkat ataupun anugerah "Sir" kepada Sir Philip Green tersebut. Cadangan ini akan dibawa kepada Perdana Menteri dan akan dibawa kepada *Honors for Future Committee*.

Jadi saya hendak mencadangkan supaya kerajaan memikirkan prosedur yang jelas bagaimana kita hendak menarik pingat dan anugerah yang diberikan kepada orang-orang yang telah menerima pingat dan anugerah ini. Di muka yang sama Tuan Yang di-Pertua, fasal 10...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Tumpat, boleh mencelah sedikit tidak?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Okey, okey.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Tumpat tadi bahawa anugerah ini satu penghargaan yang amat tinggi nilainya daripada sistem Raja kita. Jadi kalau ada elemen-elemen yang boleh menjatuhkan atau mengganggu-gugat ketinggian penganugerahan ini mesti kita tangani dengan sekeras-kerasnya dan kita jangan terbawa-bawa seolah-olah penganugerahan itu tidak betul sebenarnya ada individu yang tidak betul, jadi kita kena buat, satu.

Keduanya tadi kita- Yang Berhormat Tumpat, apa pandangan Yang Berhormat Tumpat sebenarnya mereka yang dianugerahkan itu mestilah menyumbang kepada masyarakat, kebaikan masyarakat, menyumbang kepada meninggikan taraf martabat Raja itu sendiri. Jadi kalau mereka ini *contradict* sepatutnya mereka mestilah ada usaha untuk menarik balik. Jadi apakah pandangan?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Amat bersetuju dan sila masukkan sebagai satu daripada bahan ucapan saya. Di muka yang sama Tuan Yang di-Pertua adalah berkaitan dengan misalan 'A' dan misalan 'B' iaitu secara ringkasnya kalau si isteri itu suaminya meninggal, dia masih boleh pakai Datin atau sebagainya sehinggalah kalau dia berkahwin dia tidak boleh pakai lagi, kalau pakai salah. Begitu juga kalau suaminya mati- tadi bercerai dan mati begitu juga.

Soalan saya hanyalah mudah iaitu kes suami mati, isteri pegang pangkat dia sehingga berkahwin semula, kalau kekal maka bersalah. Akan tetapi, kalau suami itu ada seorang isteri tidak apa Tuan Yang di-Pertua, kalau ada dua, tiga orang isteri,

empat orang isteri, adakah jelas dalam peraturan ini, undang-undang ini bahawa kedua-dua, ketiga-tiga, keempat-empat isteri itu layak dan boleh menggunakan “Datin”, “Puan Sri”, dan sebagainya. Ini saya fikir Tuan Yang di-Pertua pun berminat untuk mengetahui dan pasti supaya kita tidak melakukan kesalahan dari sudut undang-undang... [*Dewan ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah angguk-angguk Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** [*Ketawa*] Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga bercakap tentang penggunaan atau penyalahgunaan “Dato”, atau “Tan Sri.” Apa kesnya kalau kita dianugerahkan “Tan Sri”, atau “Dato” tetapi kita tidak ingin menggunakannya atau kita tidak menggunakannya. Sebagai contoh misalnya Tuan Yang di-Pertua, pengalaman peribadi saya, saya tidak menggunakan pangkat tersebut dalam pasport saya tetapi pejabat mungkin, dalam urusan menempah tiket kapal terbang memasukkan “Dato”.

Apabila kita hendak- zaman keselamatan yang begitu ketat di *airports* ini, maka pegawai yang membuat *booking* kita di *airport* itu untuk memberikan kepada kita *boarding pass* terutama di luar negara akan menanyakan, dengan izin, *why in your ticket there is “Dato”, but in your passport there is no “Dato”*. *Are you same person or different person?* Jadi kita terpaksa carilah kad kita, kredit kad kitalah, *name card* kitalah untuk buktikan kita- walaupun sini ada “Dato”, sana tidak ada “Dato”, tetapi kita *the same person*.

Jadi untuk memudahkan, biarlah ada peraturan jelas, maka *if you are “Dato”*, dengan izin, kalau tuan “Dato”, maka dalam pasport pun perlu masukkan “Dato”, atau sebagainya supaya tidak ada kekeliruan dan tidak menyulitkan urusan-urusan kita dalam perjalanan dan mungkin untuk *cashkan* wang Ringgit di luar negara terutamanya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga secara umumnya bercakap tentang panggilan dan nama ini. Kes kita di Parlimen Tuan Yang di-Pertua, kalau kita Ahli Dewan Negara kita dipanggil “Senator”, tetapi kita Ahli Dewan Rakyat tidak ada nama yang khusus. Kalau di Amerika Syarikat, Senator George Washington dan sebagainya, dan *Congressman* Takiyudin, dan sebagainya sebagai- ada namanya.

#### ■1630

Akan tetapi kita- “Senator” ada nama, ada pangkat yang jelas. “Wakil Rakyat”, anggota Parlimen Dewan Rakyat, kita tidak ada nama. Adakah Tuan Yang di-Pertua ingin memikirkan untuk mencadangkan supaya ada- “Memanda Takiyuddin”, misalnya? Yang di-Pertuan Agong selalu sebut “Memanda Menteri”. Kita ini “Memanda Shahidan”, dan sebagainya. Ini supaya ada suatu persamaan dengan Ahli-ahli Dewan Negara. Kalau mereka hanya dilantik dan sebagainya, kita dipilih bekerja bersungguh-sungguh

tetapi tidak ada penjenamaan yang khusus, spesifik untuk apa yang kita telah capai dalam profesion kita ini. Saya fikir ini penting untuk kita fikirkan bersama.

Seterusnya dalam nada tersebut, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua maklum kalau kita di Amerika Syarikat, kita *President of the United States of America*. Kita berhenti kerana tamat tempoh atau kalah pilihan raya tetapi kita kekal dipanggil presiden. Presiden Clinton, Presiden George Bush, Presiden George Bush Jr. hingga ke hari ini. Hillary Clinton walaupun sudah melepaskan jawatan sebagai *Secretary of States* tetapi dipanggil *Secretary Clinton*. Jadi adakah kita juga hendak mengamalkan dasar tersebut? Kalau kita sekarang ini Memanda Shahidan, kita telah pencen, nanti kita kekal dipanggil Memanda Shahidan kerana jawatan itu penting dan ada ertinya dalam kehidupan kita.

Jadi saya ingin...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Yang Berhormat Tumpat, minta laluan. Macam mana dengan gelaran *First Lady*? [Ketawa]

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Itu juga perlu misalnya kalau hendak dirasmikan, *diformalizedkan*, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin perlu difikirkan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, akhirnya jawatan-jawatan dalam bidang lain seperti "*emeritus professor*", "*adjunct professor*". Dalam negara kita, saya fikir ada sudah taraf yang diberikan- profesor cemerlang kah apa- yang diberikan kepada tokoh-tokoh seperti Shamsul Amri, Kamal Hassan. Akan tetapi, ada anugerah-anugerah ataupun gelaran "*emeritus professor*", "*adjunct professor*". Ini pun mungkin kita ingin fikirkan supaya istilah-istilah Latin seperti *emeritus* atau *adjunct* ini disesuaikan dengan bahasa dan budaya kita supaya pangkat-pangkat ini dapat kita sesuaikan dengan budaya negara kita sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

#### 4.32 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubung Dengan Anugerah 2016 iaitu Yang Berhormat dari Kinabatangan; Kuala Selangor; Langkawi; Bukit Katil; Gerik; Bagan Serai; Sepang; Tumpat; dan Kota Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Yang Berhormat Kinabatangan yang tidak ada dalam Dewan tetapi saya pun jawablah, setakat yang diberikan jawapan. Beliau bertanya tentang individu yang tidak mendapat apa-apa gelaran tetapi menggunakan gelaran.

Perkara ini akan ditangani melalui seksyen 416 Kanun Keseksaan. Kesalahan itu memang telah termaktub dalam dengan izin, *the Penal Code*, sebagai menipu secara penyamaran. Ia tidak diliputi di bawah rang undang-undang ini. Hukuman di bawah seksyen 417, Kanun Keseksaan boleh dipenjarakan sehingga lima tahun.

Yang Berhormat Kinabatangan juga bertanya tentang seorang yang mengaku dirinya sultan walaupun beliau bukannya sultan. Apakah tindakan yang boleh diambil? Sama sekali lagi, dalam itu a seksyen 416, Kanun Keseksaan. Bukan dalam rang undang-undang ini.

Celahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tentang data-data penerima bergelar. Sebenarnya, Yang Berhormat, ada dalam laman web Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri. Selalunya di dalam laman web ini dikemas kini dari semasa ke semasa. Sebenarnya memang ada.

Akan tetapi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Langkawi melalui sistem *hand phone* ini, saya rasa ini satu cadangan yang baik ya. Akan tetapi bagi pandangan peribadi saya, kalau kita hendak adakan sistem aplikasi supaya dapat membuat kajian *on the spot*, dengan izin, sama ada orang itu “Yang Berhormat” atau tidak, “Datuk” atau tidak, mendapat gelaran atau tidak, boleh juga kita letak isteri orang dan suami orang juga. Jadi senang juga kita pantau. Itu sebenarnya, Yang Berhormat, memang kita perlu menggunakan teknologi untuk kelebihan. Itu satu cadangan yang baik...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh saya tanya? Boleh tanya?

**Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said:** Saya habiskan untuk Yang Berhormat Bukit Katil. Yang Berhormat Bukit Katil juga membawa isu berkenaan dengan yang menyalah guna gelaran akademik seperti PhD. Perkara tersebut tidak boleh diliputi oleh rang undang-undang ini kerana ia merupakan hal perkara berkenaan pengajian tinggi yang perlu ditangani melalui akta yang berkaitan. Silakan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan di Dewan yang mulia ini kita ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang mana gelaran Dato’ mereka ini bukan dari Malaysia, dari luar negara. Jadi, selepas undang-undang ini diluluskan oleh Dewan, adakah tindakan akan diambil terhadap mereka?

**Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said:** Yang Berhormat, sebenarnya saya dalam proses hendak menjawab tetapi tidak khas kepada perkara ini tetapi lebih kepada menyeluruh. Izinkan saya sambung dan saya akan menjawab kepada soalan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Bukit Katil timbul tentang broker, walaupun dia tidak ada. Dia timbul fasal *brokerage*, broker anugerah dengan bayaran. Perkara ini juga ditangani

dengan jelas dalam seksyen 15, rang undang-undang ini. Hukuman kesalahan ini dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun. *Brokerage* tidak boleh ya, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Bukit Katil juga timbulkan isu pewarisan Kesultanan Melaka sebab dia peka isu ini sebab dia orang Melaka. Jadi saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, kerajaan memang mengambil maklum berkenaan tuntutan pewarisan Kesultanan Melaka tersebut. Perkara ini merupakan hal yang perlu ditangani secara asing tetapi bukan dalam rang undang-undang ini.

Akan tetapi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok sejak kebelakangan ini, surat khabar nasional seperti *Utusan Malaysia* khususnya, gambar-gambar mereka yang memakai pakaian yang selalu dilihat sebagai pakaian Tuanku Sultan kita... [Menunjukkan beberapa keping gambar] Jadi kalau orang bukan rakyat Malaysia, tengok pakai selempang, pakai tanjak, pakai baju keemasan dengan saiz anugerah yang memang sama, sekali pandang, *at a glance*, dengan izin, dia akan melihat sebagai kononnya anugerah yang diiktiraf.

Itu sebabnya undang-undang ini meliputi bukan sahaja dia menawar *brokerage* tetapi termasuk dia memakai, memanggil dan membuat. Sebab, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, orang macam ini saya rasa kurang siuman sebab dia panggil diri dia sultan walaupun dia bukan sultan, sebab ini tidak diiktiraf. Ini yang bahayanya sebab kalau orang tidak tahu, dia akan berjalan memanggil dirinya Dato' Seri, dalam kad dia Dato' Seri. Bila kita tengok belakang, kita tidak tahu anugerah dari negeri mana. Jadi ini membahayakan dan yang kerajaan kuaratir memalukan kesultanan kita dan juga kepimpinan-kepimpinan negara kita.

Yang Berhormat Bukit Katil juga menimbulkan isu berkenaan denda yang kesalahan berhubung dengan anugerah asing lebih tinggi berbanding dengan kesalahan yang lain.

Sebenarnya kesalahan ini merupakan satu kesalahan yang begitu serius kerana ia melibatkan kesetiaan kepada Raja dan negara. Walaupun kesalahan ini merupakan kesalahan yang begitu serius, hukuman yang dikenakan hanya denda dan hukuman penjara tidak dikenakan. Ini adalah kerana kesalahan ini melibatkan pelanggaran tatacara apabila mana-mana orang yang dicalonkan untuk dianugerahkan apa-apa anugerah asing oleh mana-mana Ketua Negara yang diiktiraf tidak mendapat kebenaran bertulis daripada Yang di-Pertuan Agong terlebih dahulu sebelum menerima anugerah itu atau memakai mana-mana anugerah asing yang diterima di dalam majlis yang tidak sepatutnya.

Dengan adanya hukuman denda yang tinggi, ia akan menjadi faktor pencegahan, *preventive*, dengan izin, dan diharap rakyat Malaysia akan mematuhi tatacara yang ditetapkan bagi menunjukkan tanda setia kita sebagai rakyat kepada raja dan negara.

Yang Berhormat Bukit Katil juga berkenaan dengan pengiktirafan anugerah asing. Sebenarnya Yang Berhormat, sama juga dengan jawapan saya tadi itu bahawa bagi kerajaan, sebenarnya dalam pemakaian anugerah-anugerah asing ini, ia perlu mendapat kebenaran daripada Yang di-Pertuan Agong disebabkan perlunya siasatan dan kajian akan dibuat. Contohnya, mungkin ada kes jenayah yang menerima ini ataupun dia mempunyai kes SPRM. Begitu juga termasuk juga keadaan kalau dia mempunyai kes-kes di bawah Jabatan Insolvensi, sebagai contoh.

Itu sebab Bahagian Istiadat mengatakan kalau dia hendak dapat anugerah pun daripada negara luar iaitu negara yang diiktiraf, dia perlu tulis surat dahulu kepada Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa untuk mendapatkan kelulusan kerajaan dan perkenan Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong untuk tapisan keselamatan dan keutuhan.

Yang Berhormat Gerik timbul berkenaan dengan...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat, minta laluan sedikit.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sedikit sahaja. Bagaimanakah dengan anugerah-anugerah yang biasanya kerajaan ataupun mana-mana negeri beri kepada orang luar? Adakah undang-undang di negara-negara yang lain juga mempunyai undang-undang yang sama dalam maksud menjaga apa yang Yang Berhormat Menteri sebut tadi hendak *check* sama ada dia ada masalah dengan insolvensi dan sebagainya?

■1640

Ini kerana kita lihat ada juga negeri-negeri yang memberikan anugerah misalnya kepada Shah Rukh Khan. Adakah dia perlu tulis surat kepada Perdana Menteri dia? Ini kerana saya fikir kita perlu ada *some consistency*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jangan kita memberatkan kepada rakyat kita, tetapi orang luar ini dia boleh terima tanpa ada dapat kebenaran daripada pemimpin-pemimpin utama dalam negara mereka. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Laluan Yang Berhormat. Perkara yang sama, lebih kurang sama dengan Yang Berhormat Bukit Katil tadi Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu pandangan ataupun penjelasan yang diberikan oleh Yang



Berhormat Menteri bahawa anugerah daripada luar negara itu memerlukan pada suatu kebenaran daripada kerajaan kita sendiri ataupun pihak Yang di-Pertuan Agong itu di bawah undang-undang mana.

Keduanya, adakah kerajaan bercadang untuk mencadangkan kepada negeri-negeri yang memberi anugerah kepada seseorang penerima anugerah ini, anugerah itu macam dinamakan, misalnya secara ringkas DJMK. 'K' *could be Kelantan, could be Kedah*. So, di belakang anugerah itu misalnya, adakah dicadangkan hendak diletakkan negeri? Kalau tidak boleh tulis semua negeri Kedah atau Kelantan itu diletakkan umpamanya macam *plat* lah. Kalau Negeri Sembilan, 'N' di belakang.

Sebab ini biasanya boleh menimbulkan keraguan kerana apabila sebagai contohnya, satu kes bunuh yang berlaku di Selangor saya rasa yang melibatkan seorang jutawan kosmetik. Kononnya salah seorang tertuduh itu berpangkat Datuk dan dikatakan dapat Datuk itu dari negeri-negeri tertentu. Akan tetapi negeri itu sendiri pun tidak ada rekod. Jadi kalau ada dia punya di belakang darjah itu, ada negeri yang menganugerahkannya, mungkin boleh mengelakkan perbuatan yang seumpama ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Kota Bharu, berkenaan dengan isu *bracket* letak negeri-negeri itu, saya mohon maaf sebab di bawah rang undang-undang ini tidak termaktub dan ini bukan rang undang-undang yang melihat perkara tersebut, iaitu perlu mungkin *insya-Allah* dibawa ke Majlis Raja-Raja.

Akan tetapi berkenaan dengan isu yang disebut oleh sahabat saya daripada Yang Berhormat Bukit Katil tentang negara asing, sebenarnya ia ada sistem-sistem nota diplomatik yang mana bila kita mendapat anugerah daripada negara luar, contohnya daripada negara yang diiktiraf, dia akan ada mempunyai senarai negeri-negeri yang diiktiraf. Itu yang telah diletakkan dalam jadual di bawah rang undang-undang ini.

Berkenaan sama ada dalam negara tersebut, secara umumnya, selalu negara akan mengadakan nota diplomatik. Saya tidak dapat menjawab secara khusus, kemungkinan Kementerian Kewangan dapat menjawab secara khusus. Akan tetapi setakat ini kalau dia dapat anugerah dari luar, sebaik-baiknya tulis kepada Kedutaan dan Pesuruhjaya Tinggi dan juga kepada Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa untuk mendapatkan kelulusan kerajaan dan diberikan siasatan dan juga kajian.

Sahabat saya daripada Yang Berhormat Gerik dan juga Yang Berhormat Bagan Serai berkenaan dengan Datuk. Tuan Yang di-Pertua, ini fasal "Datuk" yang contohnya ketua kampung, contohnya atuk-atuk yang memanggil diri mereka "tok". Sebenarnya, akta kita, rang undang-undang kita melihat kepada anugerah yang diiktiraf, yang mana

mereka menyalah guna anugerah diiktiraf dan juga kepada kes anugerah yang tidak diiktiraf. Akan tetapi kalau “tok”, dan juga menjadi ketua kampung dan sebagainya, dia tidak dalam kategori anugerah yang tidak diiktiraf dan dia juga bukan dalam kategori anugerah yang diiktiraf. Sebenarnya, gelaran yang dia memanggil diri dia, tetapi yang dia tidak boleh buat itu sebenarnya Tuan Yang di-Pertua ialah dia mendapat katakana nama dia, dia mendapat memanggil diri dia. Penghulu ini dia memanggil diri dia sebagai Tok Kampung, Bentara dan sebagainya.

Akan tetapi dia keluar, dia memakai baju nombor satu, dia pakai selimpang, dia pakai lencana, itu yang dia tidak boleh buat. Akan tetapi kalau dia memanggil diri dia “tok”, cucu panggil dia “tok” dan kita pun ada sahabat-sahabat wakil rakyat apabila dia turun ke bawah, orang panggil dia “tok”, hendak panggil ‘Yang Berhormat’ kadang-kadang orang kata tidak tahu Datuk kah tidak Datuk.

Akan tetapi yang mana kerajaan tak nak lihat dan kerajaan tidak boleh terima itu mereka yang memakai Datuk, memakai Dato’ Seri, memanggil diri mereka Tan Sri daripada anugerah pertama yang diiktiraf yang diberi oleh Yang di-Pertuan Agong. Kemudian daripada anugerah yang tidak wujud tetapi dia memakai seolah-olah anugerah itu wujud. Ini yang masalah yang kita masukkan dia dalam penjara.

Sebenarnya Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Gerik berkenaan dengan rang undang-undang, kita melihat lebih sebagai benda yang preventif supaya tidak ada mereka melakukan perkara ini dan memalukan proses penganugerahan yang diberi daripada Duli Sultan-Sultan dan juga Gabenor-gabenor di dalam negara kita.

Yang Berhormat Sepang bertanya tentang DSB. Sebenarnya DSB bermaksud meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain, atau memberi, berjanji atau menawar sebagai mana-mana orang.

Yang Berhormat Sepang juga bertanya tentang siapa yang akan kuatkuasakan akta ini? Jawapannya akta ini akan dikuatkuasakan oleh pihak polis.

Yang Berhormat dari Gerik menanya tentang umur minimum yang boleh mendapat Dato’ bergelar. Sebenarnya memang telah ada dalam panduan umum mengisi borang pencalonan di peringkat Persekutuan tetapi tidak dalam peringkat negeri ataupun saya tidak mempunyai maklumat di peringkat negeri. Akan tetapi panduan umumnya adalah berumur 45 tahun ke atas. Akan tetapi saya tidak pasti sama ada panduan umum ini adalah untuk “Tun” ataupun “Tan Sri”, ataupun “Dato’ Seri”, ataupun “Datuk”, tetapi panduan umum Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Sepang membawa tentang isu Myanmar dalam senarai jadual. Sebenarnya dalam Jadual Pertama yang disediakan ini berdasarkan *United Nations Protocol List* dan juga berdasarkan kepada pengiktirafan negara berdaulat. Buat masa

ini, kerajaan Malaysia masih mengiktiraf Myanmar sebagai sebuah negara yang berdaulat.

Yang Berhormat Sepang juga menimbulkan isu tentang tafsiran suapan yang diluaskan kepada semua pihak. Rang undang-undang ini telah memasukkan kesemua pihak yang terlibat dalam perbuatan rasuah. Apabila mana-mana orang memberi, meminta, menerima, bersetuju menerima, berjanji, malahan menawarkan sebagai melakukan kesalahan. Jadi maknanya, kalau kita lihat dalam definisi tafsiran ini, ia melihat suapan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh Menteri, boleh selepas ini?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** *But let me finish.* "Suapan", mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam seksyen 3, *reading together* dengan seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Bermakna kita baca bersama Akta SPRM [Akta 694]. Silakan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berkaitan dengan Myanmar tadi, saya tidak ada masalahlah kalau Yang Berhormat Menteri kata, itu adalah *list* daripada *United Nations*. Akan tetapi saya rasa untuk kita menunjukkan bahawa keprihatinan kita, saya rasa mungkin setuju atau tidak dengan saya Yang Berhormat Menteri, bahawa tidak salah kalau kita buat sementara ini, kita keluarkan dahulu Burma. Kalau rekod *Human Rights* sudah baik semula, kita boleh buat- sebab dalam ini kata, boleh pinda dan boleh masuk.

Maknanya yang saya faham, pinda boleh masuk dan boleh keluarkan. Adakah jadi satu kesalahan kalau kita keluarkan sekejap *Myanmar* daripada jadual ini dan kita tengok macam mana perkembangan di *Myanmar* itu? Saya mengakui Malaysia mengiktiraf *Myanmar* tetapi apa yang berlaku ini, satu protes kita terhadap apa yang berlaku di Myanmar itu. Itu paling kurang yang kita boleh lakukan Tuan Yang di-Pertua, Menteri. Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Sebenarnya, perkara ini perlu diputuskan daripada aspek Kementerian Luar Negeri. Sebenarnya bagi kami yang bertanggungjawab kepada rang undang-undang ini, kita berdasar kepada jadual yang telah disediakan disebabkan oleh diplomatik yang protokol *United Nations* yang saya sebutkan tadi. Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu boleh saya panjangkan kepada Yang Berhormat Kementerian Luar tentang isu *Myanmar* dan sebagainya.

Ini soalan yang paling popular Tuan Yang di-Pertua, yang banyak kadang-kadang orang hendak tanya tetapi malu hendak tanya yang mana Yang Berhormat

Tumpat tanya tentang darjah kebesaran bagi isteri, isteri pertama, kedua, ketiga dan keempat. Jadi sebenarnya, saya pun tidak tahu sehingga saya hendak buat rang undang-undang ini baru saya tahu bahawa adanya senarai Tuan Yang di-Pertua, yang mana boleh yang mana tidak boleh. Tidak semua negeri itu sama.

Akan tetapi kalau Persekutuan, semua boleh. Isteri pertama boleh, kedua, ketiga, keempat boleh, balu pun boleh. Bekas isteri tidak boleh. Maknanya kalau cerai mati, dia boleh pakai, tetapi kalau dia cerai hidup, dia tidak boleh pakai. Jadi mana-mana yang memanggil diri dia "Puan Sri" kah, atau "Toh Puan" kah selepas ini, tidak boleh sudah Tuan Yang di-Pertua. Kecuali dan juga kalau Sarawak, isteri pertama boleh, kedua, ketiga, keempat tidak boleh. Balu tidak boleh.

Saya baca sebagai tidak boleh sebab tiada peraturan khusus. Akan tetapi dilihat *bracket* dia, dia kata amalan seperti Persekutuan. Jadi kalau amalan seperti Persekutuan, kita baca kepada yang kebaikan, bolehlah Sarawak. Sabah, isteri pertama boleh, tiada peraturan khusus untuk isteri kedua, ketiga, keempat. Balu pun boleh, bekas isteri tidak boleh. Perak, isteri pertama boleh, isteri kedua, ketiga, keempat tidak boleh. Yang Berhormat Gerik tidak bolehlah Yang Berhormat Gerik. Balu boleh, bekas isteri tidak boleh. Pulau Pinang, isteri pertama boleh, kedua dan seterusnya tidak boleh. Balu boleh, bekas isteri tidak boleh.

#### ■1650

Negeri Sembilan, isteri pertama boleh, isteri kedua seterusnya tidak boleh, balu tiada peraturan, bekas isteri tidak boleh.

Selangor, isteri pertama boleh, kedua, ketiga, keempat tidak boleh. Ini kena tanya Yang Berhormat Gombak lah. Balu boleh, bekas isteri tidak boleh.

Terengganu, isteri pertama boleh, isteri kedua dan seterusnya tidak boleh, balu boleh, bekas isteri tidak boleh.

Pahang, isteri pertama boleh, kedua, ketiga, keempat isteri tidak boleh, balu tidak boleh, bekas isteri tidak boleh.

Melaka, isteri pertama boleh, isteri kedua, balu, bekas isteri tiada peraturan khusus, tapi kita tiada bacaanlah.

Kedah, isteri pertama boleh, isteri kedua, ketiga, keempat tidak boleh, balu boleh, bekas isteri tidak boleh.

Kelantan, isteri pertama boleh, Yang Berhormat tahulah isteri pertama boleh, isteri kedua, ketiga, keempat boleh- senyum Yang Berhormat Kota Bharu, balu boleh, bekas isteri tidak boleh.

Johor, isteri pertama, isteri kedua, ketiga, keempat tidak boleh, balu boleh, bekas isteri tidak boleh.

Perlis Yang Berhormat Arau, isteri pertama boleh, kedua, ketiga, keempat tiada peraturan khusus, balu tiada peraturan khusus, bekas isteri tiada peraturan khusus, tetapi semuanya Titah Perkenan Tuanku untuk mengikut peraturan Persekutuan.

Akhir sekali Wilayah Persekutuan, semua boleh- isteri pertama boleh, kedua, ketiga, keempat boleh, balu boleh, bekas isteri sahaja yang tidak boleh.

Jadi dalam perkara ini...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]* Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Silakan. Ada berapakah isteri Yang Berhormat?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Kita sekarang sudah ada satu undang-undang dan undang-undang ini dipanggil juga dengan perkataan kesalahan berhubung dengan anugerah 2016. Disebabkan tadi Yang Berhormat Menteri telah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, di negeri-negeri mempunyai pandangan yang berbeza, kebenaran yang berbeza. Balu boleh, tidak boleh, bekas boleh, tidak boleh.

Saya rasa sudah tiba masa untuk kerajaan juga mencadangkan kepada negeri-negeri supaya seragamkan, seragamkan anugerah-anugerah ini diberikan kepada isteri pertama, kedua dan sebagainya. Sebab ini akan menimbulkan kekeliruan, bukan semua orang tahu tentang benda ini. Walaupun ada akta ini mungkin esok-esok nanti mereka akan tersangkut dengan benda ini, sebab dia pergi Kedah tidak boleh, dia pergi Kelantan boleh. Saya rasa sudah tiba masa untuk kerajaan cadangkan kepada negeri-negeri untuk seragamkan benda ini. Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Kapar, sebenarnya bukan sebab dia bermastautin, *it's not on issue of-* bukan bermakna dia duduk, tetapi daripada mana dia dapat jadi punca kuasa.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Betul, itu yang saya kata, itu yang saya maksudkan tetapi sudah tiba masanya sebab kita sudah ada satu undang-undang yang mengambil berat tentang anugerah ini sekarang. Jadi saya rasa kita kena seragamkan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat, itu kuasa Majlis Raja-raja Yang Berhormat. Tapi setakat ini di Persekutuan, kita di Parlimen itu saja jawapan yang dapat saya beri. Yang Berhormat Kota Bharu timbul berkenaan dengan mendapat kebenaran Yang di-Pertuan Agong untuk anugerah asing termaktub dalam undang-

undang yang mana seperti yang saya jawab tadi, tentang jadual yang perlu diperolehi atas sebab-sebab tertentu.

Dan Yang Berhormat Tumpat membawa isu tentang gelaran Dato' tiada dalam pasport. Sebenarnya Yang Berhormat Tumpat, kadang-kadang bukan sahaja Dato', kadang-kadang Dr., kadang-kadang Profesor semua memang, sebab dalam ikut prosedur ini jawapan mengatakan prosedur pasport mestilah sama dengan nama sijil dalam kelahiran. Gelaran tidak dibenarkan di dalam pasport.

Jadi sebenarnya kita tidak dapat bantu. Dan sebaiknya-baiknya *good practise*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, janganlah letak *title* sebab bahaya, kadang-kadang orang putih ini binti pun dia tidak faham. Dia ingat nama kita binti itu *middle name*. Sebenarnya binti itu kita punya anak kepada dan sebagainya. Yang Berhormat Seputeh menimbulkan...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** [*Bangun*] Yang Berhormat, sedikit. Saya hendak merujuk kepada mahkamah. Apabila kita pergi mahkamah, sama ada Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan, apabila seseorang hakim itu mempunyai *title* "Tan Sri", "Tun", *even*, "Dato' Seri" apabila dikeluarkan satu *Court Order*- satu perintah atau *judgement* yang dibuat oleh hakim-hakim tertentu itu. Kami sebagai *practitioner* ini diarahkan supaya tidak meletakkan sebarang *title* kepada semua hakim termasuk Ketua Hakim Negara sendiri pun *just* letak nama dia sahaja. Adakah ini ada peraturan-peraturan tertentu daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat, setakat ini saya tidak tahulah. Tetapi mungkin dalam isu *legal profession* itu mungkin boleh dibawa ke Majlis Peguam dalam perkara ini. Kemudian sahabat saya daripada Seputeh menimbulkan isu berkenaan dengan "Dato'" yang tidak diiktiraf sebelum rang undang-undang ini berkuat kuasa.

Jadi rang undang-undang ini bersifat perspektif. Penerimaan sebelum rang undang-undang bukan merupakan satu kesalahan tetapi selepas rang undang-undang ini berkuat kuasa, mereka tidak boleh lagi menggunakan gelaran daripada anugerah asing yang tidak diiktiraf tersebut. Memandangkan masa tidak mengizinkan, saya mengakhiri ucapan penggulungan saya setakat ini bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dan saya ingin menyampaikan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesungguhnya pihak kami akan meneliti setiap cadangan dan kritikan yang dikemukakan. Sekiranya mana-mana pertanyaan yang tidak sempat saya bentangkan akan saya jawab secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]**

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

#### **Fasal-fasal 1 hingga 19 -**

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kapar.

#### **4.58 ptg.**

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada beberapa bahagian yang saya perlu bangkitkan terutamanya fasal 3. Di bawah fasal 3 ialah *illustration*, dan berkait dengan *illustration* ini saya mendapati dia ada *retrospective effect*. Saya ingin menerangkan kepada atau meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sebab selalunya bila kita kaitkan dengan *retrospective effect* ini satu benda yang agak rumit dan bagaimana kerajaan nak gunakan mekanisme misalan ini, *illustration* ini dalam kes-kes yang akan datang pada masa depan.

Yang kedua adalah berkaitan dengan seksyen 4(2), di mana kita ada perkataan seseorang yang tidak boleh menghadiri. Ini pun menimbulkan kecurigaan, sebab orang yang menghadiri ini tidak semestinya orang yang menerima anugerah, sebab orang yang menerima anugerah telah dikaitkan dalam fasal 3, tetapi dalam fasal 4(1) dan (2) dia menekankan kepada orang yang menghadiri.

Sebagai contoh, saya mungkin boleh diminta untuk menghadiri sesuatu majlis anugerah yang diberikan itu, anugerah yang tidak diiktiraf. So, perlu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah macam saya menghadiri satu anugerah yang tidak diiktiraf, tersangkut dalam fasal 4(1) atau adakah fasal 3, fasal 4 dan semuanya berkait sama.

Dan saya juga ingin penerangan daripada Yang Berhormat Menteri, untuk fasal 3 dan 4 dan juga 5, dari sudut hukuman, fasal 3 berbeza hukumannya dengan fasal 4 dan 5. Sebab fasal 3 hanya berkaitan penjara tidak melebihi tiga tahun. Manakala di fasal 4 dan 5 kita ada perbezaan di mana tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

So, saya nampak fasal 4 menghadiri itu, nampak ada lebih *choice* di sini atau kedua-duanya sekali. Bermaksud boleh *diseparetekan* hukuman tidak melebihi tiga tahun, dan tambahan pula mungkin ada hukuman, *you know* denda tidak melebihi RM10,000. Padahal sesiapa yang menerima anugerah, sepatutnya lebih daripada sesiapa yang menghadiri. Jadi, saya nampak dekat sini tidak ada kesinambungan, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Sekali lagi saya nak masuk kepada fasal 13, 14, 15 dan 16, ini kena mengena dengan suapan. Saya nampak seksyen (a) dan seksyen (b) kita menggunakan perkataan atau. Ini yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang sebentar tadi. Sesiapa yang menerima atau meminta anugerah, padahal bahagian (b) merangkumi orang yang memberi atau berjanji. Mungkin agensi, ejen dan sebagainya.

■1700

Akan tetapi perkataan yang digunakan adalah "*atau*". Kalau kita kenal pasti ada seorang yang memberi dan seorang yang meminta, kita boleh selitkan perkataan "*dan*", dan kita boleh selitkan dua-dua perkataan, "*dan*", dan "*atau*". Ini ada satu lakuna di mana kita mungkin boleh menyelamatkan satu pihak. Contoh, pihak yang diberi, tidak diberi hukuman tetapi pihak yang meminta, dihukum. So, lakuna ini perlu dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan masalah retrospektif. Ke belakang. Walaupun contoh menunjukkan ke belakang tetapi jawapan yang diberi ada mengatakan tiada kesan kepada tindakan ke belakang. Misalan tersebut menjelaskan subseksyen 32, akta iaitu selepas akta berkuat kuasa.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Boleh, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Sila, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, memang jelas melalui *illustration* ini di mana seorang yang mendapat anugerah pada tahun 2010, selepas akta ini dikuatkuasakan, dia boleh gerak ke belakang dan menghukum seseorang itu yang masih menggunakan gelaran pada hari ini. Bahagian itu jelas. So, saya rasa yang ini boleh diinterpretasikan di mahkamah sebab hakim-hakim yang akan duduk sebagai hakim dalam mana-mana mahkamah untuk meneliti kes ini akan menggunakan *illustration* ini dan kita tidak boleh kata *illustration* ini tidak boleh diguna pakai dalam mahkamah. So Yang Berhormat Menteri, perlu penjelasan teliti. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Sebenarnya Tuan Pengerusi, bagi pihak kami, bila kita melihat tentang menerima atau menggunakan anugerah tidak diiktiraf,



sebenarnya sebagai pembentangan saya awal tadi, kita memang mengakui dalam negara kita setakat ini memang ramai mereka yang menerima dan menggunakan anugerah yang tidak diiktiraf. Dengan izin, *it's ongoing* dan juga pemakaian mereka kepada anugerah yang tidak diiktiraf.

Jadi, itu yang dikatakan tidak adanya tindakan ke belakang tetapi tindakan daripada tindakan undang-undang akan diambil selepas tarikh kuat kuasa. Akan tetapi contohnya ialah selepas dia memakai, dia tidak boleh, dalam contohnya, saya memberi sebagai contoh, *as an example* ataupun dia menggerakkan gerakannya *and ongoing activity*, dengan izin, seperti dia contohnya, saya bagi contoh dalam anugerah yang tidak diiktiraf. Dia menyatakan, katakan dalam contoh fasal 13, meminta, menerima, *which is ongoing*. Katakan dia mempunyai *title* Datuk Seri dan dia pergi *ongoing* bawah fasal 13 kepada anugerah yang tidak diiktiraf sebagai contoh.

Jadi, bila dipakai kepada mereka, dia menjadi *brokerage* sebagai contoh, ini contoh yang saya bagi dan dia memanggil diri dia dan dia memberi kad dia. Sebagai contoh dia kata ya saya boleh dapat Datuk dan sebagainya. Ini yang saya rasa, yang saya lihat kepada contoh yang diberi. Maknanya, *the existing person* yang memegang tajuk tersebut, dia masih berjalan memanggil diri dia.

Saya sebenarnya Tuan Pengerusi, tidak melihat selepas undang-undang ini bergerak, mereka akan mewujudkan senario di mana sepatutnya mereka— *business card* yang ada sebagai contoh, dia kena *delete* nama-nama yang ada. Dia tidak boleh *ongoing* mengatakan ya, kuat kuasa ini, selepas undang-undang kuat kuasa, jadi dia masih boleh memakai dan memegang. Oleh sebab kalau kita tengok kepada pengiktirafan, semua tindakan dia dalam semua aspek, bukan sahaja *brokerage* katakan tetapi *ongoing* menghadiri, membuat, *at least an ongoing*. *In facts*, sebab saya menunjukkan contoh kepada Tuan Pengerusi, berkenaan dengan aktiviti mereka. Sebagai contoh kedua, mereka yang memanggil diri mereka daripada Kesultanan Melaka sebagai contoh. *It's an ongoing*. Itu sebabnya kita memberi itu hanya sebagai satu naratif kepada contoh.

Akan tetapi betullah kata Yang Berhormat, kalau katakan peguam bela menggunakan ini sebagai contoh, beri *submission* kepada mahkamah untuk buat keputusan. Akan tetapi kuat kuasa undang-undang itu secara retrospektif itu, ke belakang tidak ada tetapi selepas ia menjadi undang-undang. Kemudian Yang Berhormat juga menimbulkan isu tentang fasal empat dan lima yang mempunyai denda dan penjara. Oleh sebab fasal empat dan lima merupakan rangkuman pelbagai kesalahan yang berlainan gravitinya, sebab itu ia diberikan juga opsyen denda. Kemudian Yang Berhormat mewujudkan tentang menghadiri dalam fasal 4.2. Ini

memang bertujuan untuk menghalang orang daripada menghadiri bagi memastikan majlis tersebut tidak mendapat sambutan. Jadi, *preventive measure*. Terima kasih.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Boleh, Tuan Pengerusi? Tuan Pengerusi, seperti yang saya bangkitkan tadi, walaupun ia ada beberapa segmen untuk fasal empat dan lima. Contoh, menghadiri, mempromosikan, menyertai tetapi saya rasa fasal tiga sepatutnya mempunyai hukuman yang lebih berat daripada empat dan lima. Yang itu menerima. Yang ini mungkin orang boleh pergi tanpa disedari, tanpa mengetahui yang itu satu program yang tidak dianugerahkan. Padahal yang tiga ini adalah orang yang sepatutnya menerima anugerah yang tidak diiktiraf. So, saya rasa hukuman sepatutnya lebih berat untuk fasal tiga berbanding empat dan lima. Bukan dari sudut segmen. Pelbagai segmen. Jadi, kita ada mempromosi, menghadiri, menyertai.

Oleh sebab itu kita kuatkuasakan atau kita letak hukuman yang lebih berat. Pada asasnya saya sokong. Saya tidak melarang tetapi dari sudut hukuman itu, fasal tiga sepatutnya ada hukuman yang lebih berat. Denda itu kena ada di sana. Sebab sini "atau". *Just because* dia menghadiri, dia ada "atau". Bermaksud denda RM10,000, penjara tiga tahun dan orang yang menerima anugerah yang tidak diiktiraf hanya tiga tahun. So, saya rasa Yang Berhormat Menteri perlu meneliti bahagian ini.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Pengerusi, sebenarnya kalau kita tengok daripada perspektif kerajaan, fasal empat dan lima adalah lebih *lenient* disebabkan ia memberi budi bicara kepada mahkamah untuk memilih sama ada penjara atau pembayaran denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya sekali. Jadi, sebenarnya Yang Arif Hakim itu mempunyai pilihan.

Akan tetapi bagi fasal tiga, kalau kita pegang kepada *argument* yang disebut oleh Yang Berhormat Kapar, seolah-olah hakim itu tidak ada pilihan kecuali memenjarakan. Maknanya, *you still go to jail*. Tidak ada opsyen bayar denda. Jadi kalau macam ini, saya *beg to differ*, dengan izin. *With all due respect* bahawa fasal tiga adalah lagi dahsyat daripada fasal empat dan lima sebab budi bicara hakim tidak ada. Dia kena masuk penjara walaupun satu hari, sepuluh hari atau sebelas hari. Terima kasih.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Bahagian seterusnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri? *Sorry*, Menteri. Yang suapan, "Dan" itu.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat sudah panggil saya dua kali "Timbalan Menteri". Penat saya menjawab.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tarik balik.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tarik balik tidak apa [*Ketawa*] Tentang suapan. Berkenaan dengan suapan. Dengan izin, suapan, Yang Berhormat Kapar. *Can you please visit again*, dengan izin. Maaf, Tuan Pengerusi.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, soalan saya ialah berkaitan dengan 13, 14, 15 dan 16 di mana kita gunakan perkataan, “atau.” Saya cadangkan sepatutnya perkataan itu ‘dan’ perlu diselitkan juga sebab kita beri situasi untuk pihak yang akan gunakan akta ini seperti pihak polis yang akan *execute this*. Dengan izin, *execute this particular act*. So, dia ada satu lakuna di mana dia buat pemilihan yang minta boleh dibawa ke mahkamah dan yang memberi tidak perlu dibawa ke mahkamah, *because of the word* “atau”. Itu yang saya perlu Yang Berhormat Menteri jelaskan. Terima kasih.

**Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said:** Sebenarnya Yang Berhormat Kapar, kalau kita tengok fasal 13,14 dan 15, kita tengok kepada aspek meminta, menerima, memberi suapan. DSB suapan bagi anugerah tidak diiktiraf.

Jadi, Yang Berhormat menyatakan tentang perkataan “atau”. Seseorang yang dengan sendiri atau melalui atau bersama, betul? Jadi, di sini kedua-duanya merupakan kesalahan pemberi atau penerima dan ia tidak merujuk kepada “dan”. Maknanya, prosesnya bila katakan kalau laporan itu dibuat atau siasatan, ia melihat kepada kategori yang lebih besar sebab dia tidak melihat kepada *a joint commitment of an action*, dengan izin. Ia memberikan kuasa untuk melihat kepada “atau”. Seperti yang disebut oleh sahabat-sahabat semasa perbahasan, mereka menyebut tentang *brokerage* tetapi kadang-kadang, ini sebagai contoh Tuan Pengerusi, bukan daripada segi komitmen saya sebagai Menteri yang membentangkan rang undang-undang ini.

#### ■1710

Katakanlah dalam situasi di mana *brokerage* itu lagi ganas daripada yang menerima dengan yang meminta ataupun menerima. *Brokerage* itu mungkin lagi dahsyat sebab dia memberikan idea-idea yang begitu bernas. Jadi mungkin ia memberikan rang undang-undang ini memberikan pilihan. Kalau disebutkan dan *jointly* jadi bagi saya ia akan menjadi lebih ketat dan juga lebih luas seperti kata Yang Berhormat. Kadang-kadang *they can be a victim* tetapi dalam segi jenayah, *actus reus* dan juga *mens rea*. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih.

**[Fasal-fasal 1 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Jadual diperintahkan sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kerja Raya Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Rosnah binti Haji Abd Rashid Shirlin) dan diluluskan]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG LAMBANG DAN NAMA (MENCEGAH PENGGUNAAN TAK WAJAR) (PINDAAN) 2016**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

##### **5.12 ptg.**

##### **Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan Yang Mulia, Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) Akta 414 digubal dan diluluskan pada 1963 dan berkuat kuasa sejak 1 September 1963. Pada ketika itu tujuan akta ini digubal adalah untuk menghalang kegunaan lambang yang khususnya digunakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk tujuan profesional dan perniagaan. Akta 414 telah mengalami beberapa proses kajian, semakan dan pindaan sepanjang tempoh kewujudannya sejak tahun 1963.

Contohnya seperti perwakilan kuasa daripada Perdana Menteri kepada Timbalan, Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1991 dan penambahan di Jadual dalam Bahagian 1 dan 2 yang melibatkan lambang dan nama baik negara Malaysia serta lambang kementerian, jabatan, agensi persekutuan masing-masing pada tahun 1995 dan 2012.

Sebagai langkah pencegahan penggunaan tidak wajar lambang dan nama, Akta 414 ini dicadangkan untuk diperkukuhkan. Sehubungan dengan itu, Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) (Pindaan) 2013 telah disediakan oleh kerajaan pada tahun 2013 bertujuan untuk mengadakan peruntukan baru bagi kesalahan menerima Darjah Kebesaran daripada Ketua Negara yang tidak diiktiraf.

Ia telah di bentang untuk bacaan kali pertama 25 September 2013, walau bagaimanapun Ahli Parlimen Kerajaan pada ketika itu telah mencadangkan supaya satu undang-undang yang lebih komprehensif disediakan bagi menangani isu penggunaan tak wajar lambang dan nama. Justeru rang undang-undang tersebut telah ditarik balik oleh kerajaan pada 4 Disember 2013.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan juga telah mengambil inisiatif untuk mengkaji isu-isu tersebut dan perkara-perkara yang berbangkit. Hasil daripada kajian mendapati terdapat kumpulan untuk mewujudkan suatu rang undang-undang yang lebih komprehensif iaitu Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016 bertujuan untuk menangani perkara berhubungan dengan anugerah tidak diiktiraf dan turut dibaca dan dibentangkan pada Mesyuarat hari ini yang telah diluluskan.

Pada masa yang sama pindaan juga telah dibuat pada Akta 414 iaitu menaikkan penalti bagi kesalahan yang dilakukan di bawah 414. Akta ini digubal pada tahun 1963 iaitu 53 tahun yang dahulu. Ia di mana denda sebanyak tidak melebihi RM1,000 merupakan penalti berbentuk pencegahan merupakan jumlah yang besar ketika itu. Namun begitu, hari ini jumlah tersebut pada hari ini tidak meninggalkan impak ke atas penjenayah yang disabit hukuman denda maksimum.

Oleh itu kerajaan berpandangan bahawa hukuman penalti perlu dinaikkan dan hukuman penjara dimasukkan untuk mencerminkan keseriusan kesalahan dan sebagai faktor pencegahan kepada masyarakat. Hukuman denda yang lebih tinggi dan juga hukuman pemenjaraan merupakan manifestasi kerajaan untuk mengambil langkah tegas terhadap mereka yang menggunakan lambang atau nama secara tidak wajar.

Perincian peruntukan bagi Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) (Pindaan) 2016 adalah seperti berikut.

Fasal 1 memperuntukkan tajuk ringkas akta memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh penguatkuasaan akta yang dicadangkan.

Fasal 2 menggantikan seksyen 5, Akta 414, dengan seksyen 5 baru untuk memperuntukkan penalti yang telah dinaikkan daripada denda tidak melebihi RM1,000 daripada denda kepada tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya untuk mencerminkan keseriusan kesalahan di bawah Akta 414.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan yang Mulia oleh yang demikian pindaan-pindaan yang telah saya jelaskan tadi merupakan usaha penambahbaikan kawalan penyalahgunaan lambang dan nama. Justeru rang undang-undang ini diharapkan akan memperkasakan perlindungan lambang dan nama di bawah Jadual Akta 414. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan yang Mulia saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:**  
Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta

Penggunaan Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Tiada perbahasan]*

**[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia (Dato' Jailani bin Johari) dan diluluskan]*

■1720

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2016**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.22 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] adalah suatu akta yang memperuntukkan undang-undang yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan pentadbiran Undang-undang Islam, penubuhan Mahkamah-mahkamah Syariah dan juga perkara-perkara berkaitan di Wilayah-wilayah Persekutuan.

Sesuai dengan hasrat untuk memperkasakan Mahkamah Syariah khususnya di Wilayah-wilayah Persekutuan, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menjalankan kajian teliti dan juga mendalam untuk membuat pindaan ke atas akta ini. Justeru, JAKIM telah mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi yang berkaitan iaitu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Peguam Negara.

Sehubungan itu, Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016 ini dibuat untuk meminda Akta 505 kerana terdapat lompanan dalam peruntukan undang-undang sedia ada. Rang undang-undang yang dicadangkan ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil.

Seterusnya dikemukakan kepada MAIWP untuk persetujuan dan telah dipersetujui dalam Mesyuarat MAIWP Kali Ke-136 pada 30 Jun 2016. Cadangan ini juga telah mendapat limpah perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 20 Julai 2016 selaku Ketua Agama di wilayah-wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan peruntukan baru iaitu memasukkan seksyen baru 57A ke dalam Akta 505 yang berkaitan dengan tindakan bersaling yang mana membolehkan waran ataupun saman perintah atau penghakiman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan boleh dikuatkuasakan dan dilaksanakan di mana-mana negeri di Malaysia dan waran saman perintah atau penghakiman dari Mahkamah Syariah negeri-negeri lain dalam Malaysia dapat dikuatkuasakan dan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan. Dengan adanya peruntukan ini, banyak kes syariah di seluruh Malaysia akan dapat diselesaikan;
- (ii) Pindaan kepada Bahagian V dan seksyen 58, Akta 505 yang berkaitan dengan pendakwaan dan penguatkuasaan. Cadangan pindaan ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk memantapkan lagi

proses pendakwaan dan penguatkuasaan bagi kes-kes syariah di mana fungsi pendakwaan dan penguatkuasaan diasingkan. Pindaan seksyen 58, Akta 505 ini adalah untuk menjelaskan bahawa Pendakwa Syarie boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang terletak hak pada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie kecuali hak dan kuasa yang dinyatakan untuk dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri. Manakala Pegawai Penguatkuasa Agama boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang terletak hak pada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama kecuali hak dan kuasa yang hendaklah dijalankan oleh Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama sendiri. Peruntukan ini penting untuk membezakan antara kuasa yang dimiliki oleh Ketua Pendakwa Syarie dengan Pendakwa Syarie dan kuasa Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dengan Pegawai Penguatkuasa Agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila.

**5.27 ptg.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya bangkit isu ini untuk membahaskan rang undang-undang ini. Terima kasih kepada Menteri. Saya melihat kepada pindaan ini, saya pada dasarnya tidaklah satu yang kontroversi sangat. Cumanya saya berasa agak hairan jugalah, agak lewat pindaan ini dibuat kerana sepatutnya daripada awal kita sudah dapat kenal pasti bahawa pendakwaan dan penguatkuasaan ini satu entiti yang berbeza. Ini sebab saya hendak tanya kepada Menteri, kenapakah baru sekarang isu ini timbul dan kenapakah baru sekarang pindaan ini ingin dilakukan?

Jadi, bagaimanakah pula dengan keadaan di mana kes-kes yang sebelum ini? Adakah ia terpakai ke belakang? Maksudnya kalau kes-kes yang melibatkan penguatkuasaan ini juga terlibat dalam pendakwaan, jadi apakah selepas akta ini



terpakai dia boleh terpakai lagi ataupun macam mana? Tidak dinyatakan secara jelas bagaimana kesan terhadap kes-kes sebelum ini selepas pindaan ini dikenal pasti.

Saya mengatakan- kenapa saya bersetuju dengan penguatkuasaan dan pendakwaan dipisahkan kerana konflik selalu berlaku, kalau dalam kes Mahkamah Sivil ia tidak serahkan pihak contohnya, walaupun kita ada pernah meminta supaya SPRM juga diberikan kuasa untuk mendakwa. Akan tetapi hujah yang selalu kerajaan gunakan ialah tidak seharusnya ada satu konflik di mana pihak yang menyiasat juga diberikan kuasa untuk mendakwa. Pada dasarnya itu satu teori ataupun praktis yang baik kerana kalau ada konflik itu, dia akan menjejaskan pihak-pihak untuk membuat satu sama ada siasatan yang terperinci dengan baik ataupun pendakwaan yang baik. Jadi saya rasa Mahkamah Syariah seharusnya lebih lagi ke depan daripada segi itu. Akan tetapi saya agak kesal juga kerana pertama lewat, keduanya tidak dinyatakan secara jelas bagaimanakah kesan terhadap kes-kes sebelum ini. Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya, saya ingin bangkitkan juga berkaitan dengan tentang pindaan kepada seksyen 58.

■1730

Bahawa dikatakan contohnya dalam seksyen 58 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan, "*sendiri*" dengan perkataan, "*kecuali hak dan kuasa yang dinyatakan hendaklah dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri*".

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat***]

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan satu perubahan dalam Parlimen ini kalau boleh, oleh sebab tak semua daripada kita ni adalah orang yang mahir dalam undang-undang dan mungkin tidak tahu apakah Akta Ibu yang asal. Jadi, elok juga kalau diberikan kalau boleh pada masa yang akan datang, satu reformasi dibuat iaitu kalau boleh akta yang asal itu juga dibekalkan kepada Ahli Parlimen. Saya rasa supaya tak perlulah kita terpaksa pergi ke *internet* cari akta-akta yang asal itu untuk hendak tahu bagaimana pindaan itu dibuat.

Saya rasa bukan sahaja Ahli Parlimen, masalahnya peguam-peguam pun dia tidak fasih kepada semua akta ini sebab terlalu banyak akta dalam negara kita ini. Jadi untuk kita hendak pergi kepada semua akta, hendak *check* balik ini dengan hari ini

berapa banyak akta yang akan dibentangkan, saya rasa ia mungkin satu perkara yang amat mustahil.

Jadi seharusnya kalau sekiranya hari ini katakan kita hendak bahaskan beberapa akta yang berkaitan dengan pindaan dan sebagainya, tak salah saya rasa kalau kita bekalkan juga akta asal itu untuk pihak-pihak berkenaan boleh dapat merujuk akta asal dan boleh membandingkan. Jadi sekarang ini kalau kita hendak bahas dalam keadaan begitu sahaja, memang ia agak menyukarkan. Saya tak cakaplah kepada orang lain, hatta diri saya sendiri sebagai peguam yang dah berbelas-belas tahun dalam praktis pun rasa kesukaran itu. Jadi saya ingin bertanya apakah rasional dipinda seksyen 58 ini dengan menggantikan perkataan, "*sendiri*" itu, dengan perkataan, "*kecuali hak dan kuasa yang dinyatakan hendaklah dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri*".

Menteri, saya ingin mencadangkan supaya dalam Mahkamah Syariah ini juga kalau boleh kita ada satu skema seperti mana juga dalam Mahkamah Sivil di mana semua kuasa pendakwaan ini kita serahkan kepada seorang yang dipanggil dalam semua kes. Masalahnya di Mahkamah Syariah di Malaysia ini, dia adalah satu melibatkan bidang kuasa negeri tetapi oleh sebab ini adalah melibatkan Wilayah Persekutuan, terpaksa kita buat di Parlimen. Akan tetapi kesalahan ini menjadi satu masalah di Mahkamah Syariah di mana kita melihat bahawa Mahkamah Syariah ini kalau dia terpakai di Wilayah Persekutuan, dia tidak terpakai di Selangor.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi dia menyebabkan satu isu yang kadangkala ada berlakunya masalah daripada segi *enforcement* ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Boleh ya. Bercakap tentang undang-undang di bahagian negeri ini Yang Berhormat, saya perlu penjelasan daripada Yang Berhormat Sepang mengenai ketidakseragaman dan ketidakselarasan undang-undang Islam ini di negeri-negeri yang mengakibatkan ketidakseragaman dan juga ketidakselarasan dalam pentadbiran, pelaksanaan dan juga penguatkuasaan undang-undang Islam antara negeri-negeri di negara kita ini. Saya bagi satu contoh, walaupun faktanya sama dan serupa tetapi disebabkan Mahkamah Syariah di antara sebuah negeri dengan negeri yang lain, mungkin ada penghakiman yang berbeza.

Bila ada penghakiman yang berbeza, ini menimbulkan kekeliruan dan juga perasaan tidak puas hati disebabkan negeri yang berbeza. So, ketidakseragaman ini

untuk pandangan saya membawa kelemahan bukan sahaja dalam sudut perundangan, pendakwaan, penguatkuasaan dan juga penghakiman. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Sepang tentang cadangan saya untuk seragamkan di peringkat negeri. Terima kasih Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih sahabat saya dari Kapar. Saya sebenarnya bersetuju dengan idea untuk satu keseragaman supaya semua Mahkamah Syariah ini kita satukan seperti mana Mahkamah Sivil ini kerana mungkin kita bagi kepada divisyen Mahkamah Borneo dan juga Malaya. Akan tetapi oleh sebab ia melibatkan bidang kuasa negeri, mungkin ini satu masalah untuk kita membuat demikian kecuali ada pindaan kepada Perlembagaanlah. Akan tetapi saya hendak menyatakan apabila ada keseragaman ini seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar itu sebenarnya benda yang *real* bukan benda yang kita saja ciptakan.

Sebagai contohnya, ini mungkin tidak berlaku dalam kes jenayahlah. Dalam kes-kes yang melibatkan penceraian, perintah mahkamah itu dan perintah mahkamah ini tidak boleh dikuatkuasakan di negeri lain mengakibatkan kadang-kadang orang yang sepatutnya diterima penghakiman itu dia lari ke negeri lain untuk mengelakkan, *to evade*, dengan izin, daripada dia dikenakan perintah mahkamah dari mahkamah yang membuat perintah itu. Sebagai contoh, Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan buat keputusan, dia lari ke Selangor menyebabkan kadang-kadang walaupun bersebelahan tapi tak boleh hendak laksana. Jadi saya harapkan supaya sudah sampai masanya kalau boleh Menteri, mungkin boleh dicadangkan supaya keseragaman ini difikirkan dengan seriuslah. Itu satu.

Seterusnya saya juga hendak tanya, bagaimanakah- kita tahu dalam negara kita ada Perlembagaan Persekutuan. Semalam, semua orang tahu bahawa ada satu pertemuan antara Menteri dan juga Ahli-ahli Parlimen orang Islam berkaitan dengan rang Undang-undang 355. Walaupun tidak berkaitan dengan rang undang-undang 355, saya hendak tanya pendirian pihak kerajaan berkaitan dengan apa juga undang-undang yang dibuat ini yang mungkin tidak selari dengan Perlembagaan.

Sebab saya katakan begini kerana apa, saya ingin dapat tanya kepada Menteri, apa pandangan Islam oleh sebab kita ada Perlembagaan dalam negara kita ini dan Perlembagaan menggariskan apa dipanggil, dengan izin, *demarcation*, ini kuasa negeri dan ini kuasa Pusat. Kadang-kadang kita bersuara lantang mengatakan akta ini bertentangan dengan Perlembagaan tetapi bila melibatkan undang-undang Islam, seolah-olah kita pun berhak kata orang diberi *green light*, dengan izin, untuk langgar Perlembagaan.

Walaupun saya orang Islam tetapi saya merasakan bahawa kita harus bersama-sama menghormati Perlembagaan tak mengira sama ada kamu pembangkang kah kerajaan kah sebab saya rasa Islam ada pandangan tersendiri berkaitan dengan pematuhan kepada Perlembagaan ini. Saya hendak bagi contoh di Amerika Syarikat. Kita mungkin tak pernah terfikir satu hari akan ada seorang presiden yang berkulit hitam sebab pernah di Amerika dalam kes kalau tak silap saya, 'Track' ya nama kes itu. Orang kulit hitam ini tidak diiktiraf sebagai *even* manusia. Maknanya kalau kita baca satu buku yang ditulis oleh seorang bekas hakim *Supreme Court Judge* berkaitan dengan sejarah Perlembagaan Amerika, dia menyatakan bagaimana perjuangan untuk mendapatkan hak orang kulit hitam ini satu perjuangan yang begitu panjang. Akhirnya sampailah mereka boleh ada seorang presiden daripada orang kulit hitam. Akan tetapi kita ini seolah-olah sering hendak ambil *short cut*. Kita buat undang-undang tetapi kita langsung tak kira Perlembagaan.

Saya hendak bagi contoh rang undang-undang 355. Saya berpandangan apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Marang itu bertentangan dengan Perlembagaan, itu saya punya pandangan. Akan tetapi oleh sebab ia berkenaan dengan Islam, mungkin ada setengah Ahli Parlimen Islam kata tak apalah walaupun bertentangan dengan Perlembagaan, kita tak kisah. Saya harap ada satu pendirian pihak kerajaan, bagaimana kita melihat undang-undang daripada segi sudut Perlembagaan. Sebab saya percaya Perlembagaan juga- walaupun orang kata tak Islamik kah apa, itu bukan persoalannya.

Kita harus sama-sama, *we have agreed to be bound by the Constitution. Even I'm Muslim, I'm bound by the Constitution so I hope*, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan bahawa, apa jua undang-undang yang kita hendak buat, kita mesti melihat Perlembagaan dahulu. Kalau Perlembagaan kata ada masalah, kita tak seharusnya *bulldoze* sahaja supaya kita ada satu panduan. Jadi saya harap Menteri dapat menjawab soalan-soalan berkenaan perkara ini walaupun tidak secara spesifik dalam isu akta ini tetapi saya harap ada pendirian kerajaan berkaitan dengan apa jua undang-undang yang selari dengan Perlembagaan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, satu lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh, boleh.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Okey, terima kasih. Yang Berhormat, kalau merujuk kepada undang-undang ini, tindakan bersaling membawa satu bahagian baru, tindakan bersaling. Ini bagus sebab rang undang-undang ini menyebabkan tidak ada sesiapa boleh lari ke negeri lain semata-mata untuk mengelakkan daripada mematuhi segala perintah yang telah dikeluarkan oleh

Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan. Bermaksud kerumitan sebelum ini untuk menguatkuasakan perintah sekarang boleh dibaiki dengan adanya rang undang-undang ini.

Akan tetapi komitmen yang sama perlu diberi oleh kerajaan apabila berlaku pertindihan di antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil. So, saya rasa komitmen perlu juga diberikan bukan sahaja dari sudut pertindihan tadi, saling bertindih tadi. Dari sudut Mahkamah Persekutuan Syariah itu bagus tetapi bila berkaitan dengan Mahkamah Sivil pun kerajaan kena datang dengan satu komitmen supaya benda ini selaras. Pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kapar. Nampak beliau amat berminat dengan undang-undang ini.

■1740

Saya juga secara peribadi bersetuju dengan pemasukan seksyen baru 57A ini, tindakan bersaling ini. Inilah masalah yang sering berlaku dalam mahkamah syariah. Oleh sebab dia bukan ada satu keseragaman yang menyebabkan kadang-kadang orang boleh menggunakan ketidakseragaman itu untuk melarikan diri daripada penguasaan undang-undang.

Jadi saya mengucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri kerana tindakan bersaling ini bagi saya satu pindaan yang baik dan saya menyokong seratus peratus terhadap tindakan bersaling ini.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Sepang, minta laluan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, silakan.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Saya tertarik dengan ungkapan Yang Berhormat Sepang tadi yang mengatakan bahawa rang undang-undang 355 itu bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Sefaham kita bahawa itu adalah pindaan yang kita ingin lakukan kepada satu undang-undang ke Mahkamah Syariah. Adakah Yang Berhormat Sepang bermaksud bahawa wujudnya Mahkamah Syariah itu juga bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh, sahabat saya juga. Saya tidak mengatakan bahawa kewujudan mahkamah syariah ini bertentangan dengan perlembagaan. Ini satu perkara yang semua orang boleh terima. Mahkamah syariah ini memang sebahagian daripada perlembagaan dan kewujudan dua sistem ini satu perkara yang saya rasa orang bukan Islam boleh terima.

Akan tetapi, apa yang kita mungkin tidak sedar bahawa dalam keadaan kita terlalu mungkin *passionate* untuk hendak *upgrade* Mahkamah Syariah ini, kita lupa tentang bahawa di sana ada wujudnya Perlembagaan.

Saya cakap begini sebab saya rasa kita boleh begitu lantang untuk menyatakan, contoh, akta-akta yang kita rasa *draconian* ini bertentangan dengan perlembagaan tetapi dalam bila tiba undang-undang Islam, kita tiba-tiba berubah pula. Kita mengatakan seolah-olah, oh, *because Islam is prevail against others laws, so we can bulldoze by enacting any law which is against the constitution*. Mungkin bila saya cakap begini orang Islam mungkin marah. Akan tetapi saya hendak kata bahawa, *as a Malaysian*, walaupun kita tidak katakan perlembagaan ini *perfect* tapi saya merasakan kewujudan perlembagaan ini banyak membantu kita sebab Perlembagaan ini- sebab itu kalau ikut pakar Perlembagaan, *to say that the Constitution is un-Islamic or is free from religion* pun tidak betul sebab Perlembagaan ini memang Perlembagaan yang unik *to our country*.

Saya sendiri bersetuju dengan peningkatan ataupun *upgrading* Mahkamah Syariah ini, tapi mesti dibuat mengikut Perlembagaan sebab saya tidak mahu nanti kalau kita boleh gunakan alasan oleh sebab ini Mahkamah Syariah, tidak kisah, yang penting kita buat saja. Sebab, saya melihat rang undang-undang 355 berdasarkan apa yang dibentangkan dalam rang undang-undang itu. Mungkin ada pindaan, saya tidak tahulah. Akan tetapi kalau berdasarkan itu, pandangan peribadi saya, dia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan, tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat Marang merasakan tidak melanggar Perlembagaan, saya cabar supaya bawa benda ini tidak payah pinda supaya kita lihat, adakah kerajaan berani sokong dan adakah kita bersedia untuk teruskan.

Saya punya pandangan- sebagai peguam, sebagai seorang yang, bukan hendak kata mengkaji Perlembagaan tapi saya banyak terlibat dalam kes-kes Perlembagaan, saya mengatakan bahawa pindaan itu adalah pindaan yang bercanggah dengan Perlembagaan. Apabila kita kata boleh hukuman apa saja kecuali hukuman mati mengikut syariah, saya berpandangan ia bertentangan, *ultra vires* Perlembagaan sebab dia mengambil kuasa yang di luar daripada kuasa yang diberikan.

Saya akuihlah, setakat ini mungkin tidak digemari oleh orang Islam tapi saya hendak pesan pada orang Islam sendiri pun, kita seharusnya *fair*. Perlembagaan ini kita telah persetujuan sebagai satu *the highest law of the land*. *So we have to be faithful to the Perlembagaan*. *In fact, we have sworn to protect the constitution*.

So, saya minta maafhlah, saya mungkin ada pandangan yang berbeza dalam perkara ini dan saya harapkan janganlah nanti tuduh saya pula nanti kalau mati tanam

dekat jirat Cina pula sebab saya cakap begini. Saya pun risau hendak cakap perkara ini tapi saya terpaksa bercakap. *As a Muslim, I have to say this. Even though you don't like it, I don't care because I believe we are Malaysian, we have to stick to the Constitution. Constitution is the highest law of the land...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Pasir Puteh, jangan cakap saya tanam dekat itu ya.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya cukup teruja dengan ucapan Yang Berhormat Sepang dan terima kasih.

Saya rasa inilah roh kita semua di sini untuk kita tegakkan Perlembagaan Persekutuan. Jadi apa-apa undang-undang yang kita ingin wujudkan, maka kita mestilah dalam lingkungan perlembagaan. Jadi, di sinilah kita berpakat, *insya-Allah*, rang undang-undang 355 atau apa-apa undang-undang sekalipun kita ingin luluskan di sini, jangan lari daripada Perlembagaan Persekutuan kita, *insya-Allah*.

Jadi saya rasa sebab itulah, saya rasa, *insya-Allah*, bila dibincang nanti tajuk ini, kita *make sure* bahawa undang-undang yang kita luluskan itu tidak bercanggah dengan perlembagaan. Itulah usaha yang kita mesti lakukan. Terima kasih Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya amat teruja juga dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh apabila pihak PAS itu pun memang- saya percaya PAS adalah juga sebuah parti yang mahukan undang-undang ini dibuat mengikut perlembagaan sepertimana Yang Berhormat Pasir Puteh katakan.

Akan tetapi pandangan saya, bila saya melihat, saya membaca beberapa kali rang undang-undang 355 itu, saya berpandangan memang *cannot stand* sebab dia adalah bercanggah dengan perlembagaan dan saya rasa itu yang dikhuatiri oleh orang. Sebab itu saya merasa pelik kalau kita hanya panggil orang-orang Islam saja untuk kita berbincang. Saya rasa rang undang-undang 355 ini memberi kesan kepada semua orang. Kita mungkin rasa, oh, ini *Muslim offences*. Jangan kita ingat begitu sebab dalam perbicaraan penjenayah ini, dia melibatkan juga *victim*, melibatkan banyak orang-orang lain.

Jadi saya harap kalau kita, *if you want as a Muslim*- memang saya tahu kita ada *aspiration* untuk menaikkan Islam. Itu satu perkara yang lumrah. Saya rasa orang bukan Islam pun tidak boleh marah kalau kita ini sebagai Muslim, kita begitu ghairah dengan

Islam itu. Saya pun sebagai orang Islam pun saya begitu juga tapi saya rasa dalam masa yang sama juga, kita harusnya bersikap adil dan juga bersikap realistik dengan apa yang berlaku.

Ya, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu dengan Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih. Saya cuma hendak ambil kesempatan ini untuk mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Sepang sebab bila kita duduk dalam Parlimen ini sebagai Wakil Rakyat, kita mewakili semua rakyat Malaysia yang mengundi kita di kawasan kita. Misalnya kawasan saya Batu, ini kawasan Parlimen yang majoriti orang Melayu beragama Islam. Sungguhpun saya bukan Islam tapi perwakilan saya dan tanggungjawab saya di dalam Parlimen ini adalah untuk menjaga kepentingan semua pengundi yang tidak kisah dia Islam atau tidak Islam.

Saya ingin menyampaikan penghargaan kita semasa PAS membentangkan rang undang-undang pindaan ini, semua Ahli Parlimen termasuk saya dimaklumkan dan diterangkan apa tujuannya. Sungguhpun kita ada perkara-perkara yang kita tidak setuju tetapi sekurang-kurangnya bila membentangkan sesuatu, so kita dianggap sebagai tanggungjawab kita untuk mengambil pendirian untuk semua pihak.

Akan tetapi malangnya, semalam saya rasa satu taklimat yang cukup penting supaya semua yang duduk di Dewan boleh mengambil pendirian secara tepat tetapi satu taklimat yang hanya terhad kepada Ahli-ahli Parlimen yang beragama Islam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, balik kepada rang undang-undang.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Seolah-olah bila undang-undang ini dibawa, seolah-olah kita tidak perlu buat keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Buat esok, Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, betul. Saya ingin dapat pandangan daripada Yang Berhormat Sepang, adakah ini cara yang terbaik daripada segi baik pun demokrasi atau daripada segi menunjukkan *inclusiveness of a Ministers*? Itu saya ingin dapatkan penjelasan. Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Sepang, boleh saya celah sebelum jawapan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang



Berhormat Sepang. Saya petik komen daripada Yang Berhormat Batu tadi yang saya pun setuju dan minta pandangan juga daripada Yang Berhormat Sepang iaitu berkaitan dengan kenapa untuk taklimat esok...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya sudah tegur tadi, itu tidak sesuai dengan rang undang-undang yang sedang dibahaskan, Yang Berhormat. Rang undang-undang sekarang ini pentadbiran undang-undang Islam.

■1750

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Inti patinya lebih kurang, inti patinya sama *because* isu ini ialah kita bincang undang-undang negara tetapi sebahagian Ahli Yang Berhormat tidak dibenarkan masuk atau tidak dijemput masuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, *that one is specific* untuk 355 esok Yang Berhormat, sebab itu saya tegur.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Adakah kita tidak perlu untuk bahas ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Balik kepada rang undang-undang, tidak apalah. *You can do it*, balik kepada rang undang-undang.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *No, this one.* Adakah ini tidak perlu kita *participate just because we are non...*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, sama juga.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Kalau boleh *that is correct.* So kenapa taklimat itu tidak *include* semua orang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ini soal fasal taklimat semalam. Yang Berhormat Jerai yang akan menjawab soalan yang tentu sekali tidak berkaitan dengan rang undang-undang yang sedang dibawa ini Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ini ialah perbincangan dasar. Dasar kita boleh bangkit, ini masalah luas ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah, memang selalu pun apabila Tuan Yang di-Pertua buat teguran Yang Berhormat tidak hendak patuh.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita hormati teguran tetapi kita pun tidak boleh sekat peluang untuk perbincangan. So, boleh saya teruskan dengan pencelahan saya dan penjelasan yang saya ingin daripada Yang Berhormat Sepang. Saya sambung daripada komen Yang Berhormat Batu tadi. Saya pun ambil pendirian yang sama. Di kawasan saya Subang, saya dipilih bukan sahaja oleh pengundi bukan Melayu. Saya dipilih oleh sebahagian besar pengundi Melayu juga, Melayu Muslim dan saya pun ada

tanggungjawab kepada mereka. Jadi sebab itu saya setuju dengan Yang Berhormat Batu dan minta pandangan daripada Yang Berhormat Sepang. Sepatutnya apa-apa perbahasan begini, perlu dikongsi dengan semua Ahli Parlimen.

Isu yang kedua sebelum saya minta pandangan Yang Berhormat Sepang tadi. Yang Berhormat Sepang tadi sebut, Yang Berhormat Sepang beranggapan Rang Undang-undang 355 ini sebagai tidak selaras dengan Perlembagaan. Saya ingin lontarkan pendapat saya sebagai peguam, saya pun sudah teliti apa yang dibentangkan dan tafsiran saya ialah apa yang dicadangkan sekarang oleh Yang Berhormat Marang ialah batasan hukuman yang sekarang tiga tahun, RM5,000 denda dan enam kali sebatan akan dimansuhkan. Apa-apa batasan akan dikenakan mengikut Undang-undang Syariah kecuali hukuman mati.

Bagi saya sebagai seorang peguam, sebab ini adalah berkaitan dengan undang-undang jenayah, akhirnya ini ialah bidang kuasa jenayah atau *criminal jurisdiction*, dengan izin. Bila kita buat undang-undang berkaitan dengan *criminal jurisdiction*, berkaitan dengan undang-undang jenayah di mana kita boleh hukum dengan denda atau penjara, sebatan dan sebagainya, undang-undang itu mesti jelas. Kita tidak boleh ada undang-undang yang kabur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya ringkaskan Yang Berhormat, pencelahan saja.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, saya akan. Jadi penjelasan yang saya minta daripada Yang Berhormat Sepang adalah, adakah itu asasnya Yang Berhormat Sepang kata apa cadangan dalam usul Yang Berhormat Marang ini adalah tidak selaras dengan Perlembagaan? Ini sebab dia kemukakan satu cadangan yang kabur, yang tidak jelas daripada segi skop hukumannya dan daripada segi pandangan peguam, memang itu yang tidak selaras dengan peruntukan Perlembagaan. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada pencelahan daripada dua orang sahabat, daripada Ahli Parlimen Batu dan juga Ahli Parlimen Subang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan beginilah, saya harap ini kesilapan yang tidak harus diulangi. Dalam apa-apa undang-undang pun yang hendak dibuat dalam negara kita ini sama ada undang-undang Islam ataupun yang tidak ada kaitan dengan undang-undang Islam pun, sekiranya kita hendak panggil mana-mana orang khususnya Ahli-ahli Parlimen, janganlah kita hadkan kepada orang-orang tertentu sahaja.

Saya percaya bahawa semua rakyat di negara kita ini, Ahli Parlimen ini sama ada Islam atau tidak Islam, mereka berhak paling kurang untuk tahu apa yang kamu hendak bawa ini. Jadi kenapa kita harus takut, kenapa kita harus merasa macam hendak simpan daripada mereka. Saya rasa ini satu perbuatan yang tidak sewajarnya dilakukan. Kalau sudah berlaku itu kita anggap sudah berlakulah. Saya harap lepas ini tidak akan berulang lagi. Saya yakin bahawa apabila kita sebagai Ahli Parlimen, saya juga mewakili rakyat saya yang bukan Islam. Saya juga berhak- mereka juga mengatakan bahawa *we have constitution* tetapi saya cakap ini atas- sebagai seorang peguamlah.

**Seorang Ahli:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak kisahlah hendak jemput siapa pun tidak kisah bagi saya. *Even* kalau kita mewakili Orang Asli, kita jemput juga orang asal sebab kita rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa. Ini pandangan saya, juga percaya pandangan parti Amanah iaitu kita inginkan bahawa undang-undang di Malaysia ini difahami oleh semua orang. Jadi saya harap orang bukan Islam pun boleh juga mempelajari undang-undang Islam, tidak ada masalah.

Tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Subang tadi, saya mengatakan kenapa rang undang-undang 355 ini bertentangan dengan Perlembagaan sebab saya merasakan bahawa tidak dinyatakan had hukuman. Dia mengatakan apa saja kesalahan mengikut Mahkamah Syariah, ikut kesalahan syariah. Melainkan mungkin kalau dihadkan contohnya, kita hendak pinda daripada enam kali sebatan kepada contohlah sepuluh rotan kah ataupun penjara. Mungkin itu masih boleh dibahaskan, adakah bercanggah atau tidak dengan Perlembagaan tetapi pandangan saya.

Akan tetapi *the beauty of the constitution*, satu pihak mungkin mengatakan ia bercanggah dengan Perlembagaan tetapi pihak lain boleh melihat dari sudut lain pula *because* Perlembagaan ini dipanggil satu undang-undang yang agak fleksibel, tidak macam undang-undang biasa.

Saya mungkin berpandangan ia bercanggah dengan Perlembagaan tetapi mungkin Ahli Parlimen Marang berpandangan tidak bercanggah dengan Perlembagaan. Akan tetapi terpulang kepada dia untuk meyakinkan kita tetapi janganlah sampai hendak meyakinkan kita semua sampai kita pun panggil orang tertentu sahaja. Itu saya rasa tidak betullah. Saya rasa kena panggil semua.

Ya, silakan Yang Berhormat Parit Buntar, kawan saya. Boleh ya Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Sepang. Dalam isu undang-undang Islam ini, pertama, Menteri bawa ke dalam Parlimen, itu biasalah. Jadi apabila dibawa di Parlimen, dia terdedah kepada pelbagai pandangan dan pendapat. Saya minta pandangan Yang Berhormat Sepang, apabila dia masuk dalam Parlimen, semua 222 orang Ahli Parlimen di sini, tolak yang Eksekutif, saya kira tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri ingin penjelasan sama ada ini termasuk dalam pindaan rang undang-undang.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ya, ya ia masuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Balik kepada pindaan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ia masuk itu saya rasa sebab di sini kita bercakap tentang *democratic process*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Menteri sudah sahkan perkara-perkara yang sedang dibahas ini tidak termasuk dalam pindaan undang-undang.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Maksud saya, apa yang dimaksudkan ialah kita jangan tersekat apabila bawa isu-isu yang melibatkan undang-undang Islam. Seharusnya kita tidak meletakkan satu *barrier* menyatakan bahawa orang lain tidak boleh walaupun tidak secara terus.

Jadi sebab itu saya menyokong pandangan Yang Berhormat Sepang dan minta penjelasan. Sepatutnya dalam konteks *democratic process* apa sahaja yang kita bawa macam hari inilah, baguslah boleh dibawa dan saya rasa semua berhak untuk memberi pandangan. Bukan kerana apabila kita mengkritik sesuatu perundangan namanya Islam itu, kita kritik Islam. Akan tetapi kita mengkritik *technicalitynya* dan yang paling penting sebagai *law maker*, perkara itu tidak bercanggah dengan Perlembagaan.

Saya rasa itu perlu ditekankan di sini dan menjemput hanya Ahli-ahli MP Muslim sahaja untuk bincang dan saya juga minta pandangan Yang Berhormat Sepang yang bentang Rang Undang-undang 355 ini Yang Berhormat Marang tetapi yang panggil itu ialah TPM. Jadi itu pun satu perkara yang saya minta penjelasan sikitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang balik kepada pindaan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan balik tetapi setelah saya jawab dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ringkaskan Yang Berhormat. Sudah setengah jam Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey saya akan ringkaskan tetapi definisi ringkas ini saya tafsirkan Tuan Yang di-Pertua. Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua agak baik hari ini, nampak *handsome* hari ini, okeylah ya [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tiap-tiap hari baik Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Setiap hari baik ya tetapi hari ini lebih baik, sangat baik. Saya bercakap juga bagi pihak Tuan Yang di-Pertua sebagai Ahli Parlimen juga. Sebenarnya saya bersetuju sekali dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Parlimen Parit Buntar, bukan kerana dia daripada Amanah tetapi saya rasa *point* dia adalah betul. Sebab bagi saya, saya yakin bahawa kalau kita dalam buat apa-apa kita berterus-terang, kita jujur, tidak ada perkara yang perlu kita sembunyikan daripada rakyat ataupun daripada mana-mana pihak, kita jujur. Saya bersetuju sepatutnya memanglah yang terbaiknya Ahli Parlimen Marang yang memberikan penerangan tetapi beliau tidak hadir semalam, saya pun tidak boleh apalah. Kita pun tidak boleh buat apalah. Jadi kita terpaksa dengar juga daripada orang lain. Akan tetapi saya harap ada pandangan daripada beliau.

Saya mengatakan kenapa saya agak bukan hendak kata *vocal* tetapi saya hendak kata saya agak *concern* dengan undang-undang yang kita bawa hari ini yang kita mungkin langgar Perlembagaan sebab saya merasakan bahawa *the only document* yang boleh menyatukan kita Perlembagaan.

#### ■1800

Oleh sebab itu kita tidak mengirakan, walaupun mungkin undang-undang dibuat oleh kerajaan negeri yang kita perintah sekalipun. Contohnya Selangor buat undang-undang tidak bincang Perlembagaan. Saya sendiri akan bersuara. Ini kerana saya yakin bahawa tidak ada mana-mana orang atau mana-mana negeri dalam negara ini berhak untuk buat undang-undang bercanggah dengan Perlembagaan *because Constitution is destiny of our country*. Itu yang dinyatakan oleh pakar Perlembagaan.

Jadi kita mestilah sama-sama menghormati Perlembagaan itu *if you want to be a judge, you have to* angkat sumpah, *protect the Constitution*. Jadi Ahli Parlimen begitu juga, jadi Tuan Yang di-Pertua begitu juga. Jadi semua orang tertakluk kepada Perlembagaan. Tidak boleh kalau kita dah tertakluk pada Perlembagaan, tiba-tiba *when it come to Islam, when it come to Muslim, we have special privilege*. Itu saya rasa tidak betul. Saya rasa itu juga bukan pandangan Islam.

Oleh sebab saya rasa Islam amat menghormati undang-undang yang ada dalam sesuatu negara itu. So selagi mana kita berada dalam negara itu, kita mesti hormat undang-undang asas dalam negara itu.

Saya akan tidak cakap lagilah pasal itu. Saya rasa ini pun sudah panas. Esok apa saya kena tuduhlah. Entah apa yang akan keluar tuduhan saya tidak tahulah. Akan tetapi UMNO ini pun saya peliklah dalam hal-hal ini tiba-tiba dia boleh baik dengan PAS pula dalam perkara ini.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jangan marah, rileks

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, panjang lagi? Sudah setengah jam Yang Berhormat. Boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Sepang.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sakit tidak baik lagi lah tu, itu yang merepek-repek itu.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sepang. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Sepang mengenai pindaan yang dibentangkan ini. Secara dasar, saya rasa usaha hendak memperkenalkan tindakan bersaling ataupun *reciprocal action* ini melalui pindaan ini hasrat yang baik supaya kita dapat memastikan penyelarasan tindakan mahkamah antara negeri-negeri.

Cuma saya hendak dapatkan kepastian di sini kalau kita baca pada seksyen 57A(1) jika Mahkamah Syariah di dalam mana-mana negeri di Malaysia mengeluarkan waran atau saman mengikut mana-mana yang berkenaan di bawah mana-mana undang-undang negeri itu untuk dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada mana-mana orang yang berada atau dipercayai berada dalam Wilayah Persekutuan.

Saya cuma hendak dapat kepastian dan pandangan Yang Berhormat Sepang sama ada istilah mana-mana orang ini tidak terpakai ke atas orang bukan Islam. Saya tahu, kalau kita rujuk kepada seksyen 46(2) dalam Akta ibu ia jelas menyatakan bahawa bidang kuasa Mahkamah Syariah tidak tertakluk kepada orang Islam. sudah tentu kita juga ada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu seksyen 6(e) dalam Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan yang juga jelas berkenaan dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Cuma saya harap mungkin Yang Berhormat Sepang boleh masukkan ke dalam ucapan supaya kita dapat kepastian daripada kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bukit Bendera. Kalau kita baca secara lateral 57A(1), saya merasakan ia terpakai untuk semua orang sebab “*any person*” itu, termasuklah orang bukan Islam. Akan tetapi saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Bukit Bendera oleh sebab akta ini hanya terpakai oleh orang Islam, “*any person*” di situ mungkin boleh ditafsirkan hanya merujuk kepada orang Islam sahaja.

Akan tetapi saya harap, saya cedok apa dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab, adakah perkataan “*any person*” itu juga merangkumi orang-orang bukan Islam. Ini kerana saya rasa dalam segi waran dan *summons* ini, kita kadang-kadang perlu juga- *summons* ini bagi saya ia terlalu luas termasuk ia boleh *summons to the witness*. Dalam undang-undang syariah ini, *even* orang bukan Islam boleh jadi saksi di Mahkamah Syariah.

Ini kerana waran dan *summon* memberi konotasi yang berbeza. Saya rasa saya berpandangan peribadi saya ialah *any person* itu boleh merangkumi mana-mana pihaklah termasuk orang bukan Islam tetapi bagaimanapun saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah tafsiran perkataan “*any person*” itu, hanya terpakai untuk orang Islam sahaja?

Saya rasa itu sahaja perkara dan pindaan ini pun sudah begitu banyak. Saya rasa itu sahaja yang saya hendak bahaskan Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan juga saya bercakap mengenai tajuk yang mungkin terkeluar sedikit daripada akta ini. Akan tetapi saya rasa relevan dengan apa yang kita bincangkan pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya sila Yang Berhormat Menteri.

#### 6.04 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan (Pindaan) 2016 khususnya Yang Berhormat Sepang.

Untuk menjelaskan kenapa Yang Berhormat Sepang tanyakan agak lambat peruntukan ataupun pindaan seksyen 57 dan juga termasuk seksyen 58 yang dibentangkan pada hari ini ialah di antaranya Yang Berhormat sedia maklum satu-satunya negeri ataupun Wilayah Persekutuanlah yang pindaannya perlu dibawa kepada

peringkat Parlimen. Selain daripada itu ialah di peringkat Dewan Undangan Negeri masing-masing.

Ini kerana sebagaimana Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa Islam mengikut dalam Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai 2- Senarai Negeri, merupakan dalam bidang kuasa negeri dan juga bagi negeri-negeri yang memiliki Tuanku, Tuanku Sultan, ia adalah di bawah kuasa Tuanku selaku Yang di-Pertua Agama bagi agama Islam di negeri masing-masing. Selain daripada negeri yang sembilan itu, lima buah negeri Wilayah Persekutuan, Sabah, Sarawak, Melaka dan Pulau Pinang ia di bawah kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Jadi sebab itu ada perkara yang patut dipatuhi SOP dalam mengangkat pindaan-pindaan ini mengikut peraturan dan apabila bercakap mengangkat pindaan ini ke Parlimen, senarai menunggu pindaan itu juga merupakan senarai yang agak panjang dan perlu mengambil tempoh masa.

Keduanya, berkenaan dengan pindaan tadi Yang Berhormat Sepang disebutkan bahawa tentang pindaan yang seksyen 58 ini. Ia merupakan perkara yang agak sedikit baru kerana JPA baru sahaja meluluskan pemisahan perjawatan masih lagi yang sama tetapi pemisahan antara penguatkuasaan dan juga pendakwaan. Ia berada pada bahagian yang diasingkan.

Ini kerana sebelum daripada ini, kedua-dua bahagian penguatkuasaan dan juga pendakwaan ia berada di bawah Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing. Wilayah Persekutuan mengambil pendekatan yang mendahului di mana dengan kebenaran untuk kita memisahkan supaya akan nanti perkembangan Mahkamah Syariah itu akan dilihat lebih tersusun dan juga lebih terurus ataupun *transparent*, dengan izin, untuk tujuan penguatkuasaan dan juga pendakwaan yang diletakkan pada kedudukan yang berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kes-kes yang adakah disebutkan bahawa berkaitan dengan adakah pindaan ini terpakai bagi kes-kes yang sebelum daripada ini. Rang undang-undang ini bukanlah bertujuan untuk membezakan penguatkuasaan dan juga pendakwaan. Sememangnya telah wujud dalam Akta Ibu perbezaan kuasa penguatkuasaan dan pendakwaan. Ia hanya menjelaskan kuasa antara Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie dan Ketua Penguat kuasa Agama dan Pegawai Penguat kuasa Agama.

Bagi maksud Penguatkuasa Undang-undang Syariah yang telah diambil tindakan sebelum ini, Akta Ibu akan terpakai seolah-olah Akta Ibu tidak dipinda oleh akta ini. Kesan terhadap kes-kes terdahulu terdapat peruntukan kekecualian dan peralihan



seksyen 5, rang undang-undang ini yang menyatakan kes-kes yang terdahulu tidak terbatal dan boleh diteruskan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apabila saya mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kata Yang Berhormat Menteri sebenarnya tidak ada hasrat untuk memisahkan- saya jadi gundah gulana lah. Minta maaf. Ini kerana saya rasa Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri, pemisahan ini memang wajar dilakukan.

Sebab apa, kita hendak mendapatkan keadilan sebab inilah isunya iaitu penguatkuasaan apabila dia terlibat dengan pendakwaan akan berlakunya konflik. Jadi kalau kita tidak ada niat untuk memisahkan, tidak payahlah bawa dalam ini. Saya rasa yang saya faham tadi, ingatkan hendak pisahkan. Rupa-rupanya tidak pisah. Hendak pisah? Kalau hendak pisah, jangan kata Akta Ibu masih lagi terpakai dan sebagainya. Saya rasa lepas pindaan ini kita betul pisahkan. Biar orang nampak pemisahan itu. Jangan kita setakat tulis tetapi tidak pisahkan. Oleh sebab saya rasa konflik ini akan berlaku kalau tidak pisahkan. Terima kasih.

■1810

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Kita pisahkan Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya, isu keseragaman undang-undang. Saya amat berterima kasih.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** *[Bangun]*

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Sat, nanti sat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tak, pasal penguatkuasaan. Saya takut sat lagi dia loncat pi tempat lain. Saya berminat untuk mungkin Yang Berhormat Menteri bagi sedikit penjelasan, sementara saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sepang dan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ada perpisahan antara penguatkuasaan dan pendakwaan.

Saya juga mendapat daripada kajian-kajian yang dibuat, pendakwaan itu bermula dengan penguatkuasaan. Sedangkan di peringkat penguatkuasaan masih banyak kelemahan daripada segi profesional untuk ia layak didakwa dan selalunya kes itu habis di situ sahaja. So, sejauh mana pihak Yang Berhormat Menteri dalam hal ini apabila diberikan kuasa kepada penguatkuasaan yang dipisahkan, profesionalisme penguatkuasaan itu supaya kes-kes yang dikuatkuasakan itu terus dapat dibawa ke

pendakwaan dan tidak tersekat kerana perkara-perkara profesionalisme daripada segi bukti dan sebagainya. Mohon penjelasan.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Buntar. Saya sebutkan tadi bahawa inilah langkah yang kita ambil, pemisahan antara penguatkuasaan dan juga bahagian pendakwaan. Oleh sebab kebiasaannya oleh sebab ia berada di bawah satu bumbung yang sama, lalu di sana ada pertikaian tentang ketelusan dan juga langkah untuk tujuan pendakwaan. Maka, sebab yang demikian, langkah yang disusun oleh pihak kerajaan pengasingan ini adalah merupakan ke arah untuk peningkatan tersebut.

Namun, kita dapat fahami bahawa banyak perkara lagi yang perlu kita lihat selain daripada penguatkuasaan dan juga pendakwaan yang dipisahkan. Maksudnya, mereka berada pada jabatan yang berbeza masing-masing yang bukan berada di bawah satu orang ketua yang sama dengan dua pendakwaan dan juga penguatkuasaan. Namun, kita memahami bahawa ada di banyak sana kelompangan-kelompangan yang perlu dipertingkatkan, terutamanya ialah soal latihan, soal pendedahan kepada kaedah tangkapan, penguatkuasaan dan begitu juga kaedah pendakwaan dan sebagainya.

Kita masih lagi melihat bahawa ada ruang-ruang dalam kalau kita melihat di dalam Mahkamah Sivil, jelas di sana di pejabat AG yang merupakan tempat untuk tujuan pendakwaan dan polis bahagian penguatkuasaan. Kita nampak pemisahan yang begitu ketara pada entiti ini dan kita melihat bagaimana pengurusan untuk pendakwaan dan sebagainya berdasarkan kepada undang-undang dan sebagainya. Namun, kita ingin melihat juga Mahkamah Syariah mempunyai satu kredibiliti yang begitu baik, peningkatan dan juga pergerakan.

Maka, kita mengambil langkah mula untuk tujuan seperti ini dan termasuk juga pusat-pusat latihan yang memberikan latihan kepada terutamanya di bahagian pendakwaan. Oleh sebab di bahagian pendakwaan buat masa sekarang ini, di sudut perjawatan kebanyakan di negeri ialah sekadar untuk S48 yang menjadi ketua yang paling tinggi. Bayangkan di sana 41 dengan 44, pengalaman dan juga faktor pengetahuan merupakan faktor yang penting. Jadi, peningkatan kepada pewujudan perjawatan yang lebih besar juga perlu diambil kira dan sebagainya. Ini menjadi *concern* dan juga perkara yang menjadi perhatian kepada pihak kerajaan.

Isu keseragaman undang-undang. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat, penyeragaman undang-undang sebenarnya telah dibuat pada tahun 2001 iaitulah diluluskan dan diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja pada 21 Mac 2001. Pada masa kini kerana semua negeri memakai undang-undang yang seragam dan pada erti kata lain undang-undang syariah telah pun diseragamkan.

Namun, kita faham bahawa berdasarkan Perkara 74(2), Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, hal perkara berkenaan agama Islam termasuk penubuhan Mahkamah Syariah dan bidang kuasa Hakim Mahkamah Syariah adalah terletak pada bidang kuasa mutlak negeri. Jadi, oleh itu negeri-negeri berhak untuk menetapkan apa-apa undang-undang yang difikirkan sesuai. Namun, saya memahami bahawa pandangan-pandangan Yang Berhormat supaya melihat tentang penyeragaman Mahkamah Syariah dan juga sebagai di mahkamah-mahkamah yang lain. Dalam masa yang sama juga Yang Berhormat, saya ingin sebutkan jugalah...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, yang saya bangkitkan tadi tentang ketidakseragaman dan ketidakselarasan itu mengenai negeri-negeri. Saya tanya, ada tak komitmen daripada kerajaan untuk menyeragaman? Oleh sebab kita dapati ada beberapa kes di satu buah negeri hukumannya berbeza dengan satu buah negeri walaupun fakta kes adalah sama, untuk pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Saya sebagaimana saya sebutkan tadi, selain daripada persetujuan daripada Majlis Raja-Raja pada 21 Mac 2001 tersebut untuk tujuan diseragaman dan negeri-negeri telah menetapkan penyeragaman.

Namun, dalam masa yang sama juga, saya sebutkan bersekali bahawa Jadual Kesembilan, Perlembagaan Negara bahawa Senarai 2- Senarai Negeri iaitulah hal yang berkaitan dengan agama Islam, di mana negeri mempunyai kuasa untuk tujuan penubuhan pelaksanaan penguatkuasaan dan hukuman di dalam Mahkamah Syariah.

Maka oleh sebab itu, di sana masih lagi ada perkara-perkara yang boleh diperbaiki, ketidakselarasan yang berlaku. Komitmen kerajaan melalui JAKIM sebagai sebuah pusat untuk tujuan selaku urus setia bagi tujuan untuk mempertingkatkan dan juga memperkemaskan agama Islam, maka melalui inilah kita usahakan untuk supaya hal-hal yang ketidakseragaman ini dipertingkatkan. Oleh sebab sebagaimana saya sebutkan pada awal tadi, segala pindaan untuk tujuan keseragaman ini ia dipulangkan kepada negeri masing-masing.

Hatta, mana-mana undang-undang yang walaupun diputuskan di peringkat Persekutuan ini, ia tidak akan boleh dilaksanakan ataupun ia tidak boleh diimplementasikan di peringkat negeri melainkan di peringkat negeri melalui Dewan

Undang Negeri dan diangkat kepada perkenan Tuanku negeri masing-masing untuk tandatangan tujuan pelaksanaan tersebut. Jadi, oleh sebab itu, saya sebutkan tadi bahawa keselarasan ini ia perlu ada mengambil masa dan memerlukan kepada komitmen, kesabaran kita, *insya-Allah*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ada sedikit lagi.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Ada lagi?

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Berminat ke mahkamah, berminat ke Mahkamah Syariah, Yang Berhormat Menteri. Saya juga ada soalan tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang Hakim-hakim Mahkamah Syariah yang tertakluk kepada negeri. Ini pun jadi satu masalah juga berbanding dengan Mahkamah Sivil, hakim-hakim ini ada satu Suruhanjaya untuk melihat pelantikan hakim dan sebagainya. Sedangkan di Mahkamah Syariah, yang dilantik itu dia hanya pegawai negeri sahaja, dari negeri sahaja. So, adakah cadangan bagi memperkasakan Mahkamah Syariah ini supaya hakim-hakim kita itu lebih bertanggungjawab dan lebih terasa dia itu agak *independent* dengan adanya cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Kehakiman Mahkamah Syariah. Supaya ada satu Suruhanjaya yang lebih besar peranannya, bukan sekadar pelantikan negeri, contohnya.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Memang hasrat kita ingin melihat bahawa ada di sana bukan hanya sekadar untuk kita bercakap soal kebebasan hakim-hakim, rasa kebanggaan tetapi harus juga dilihat bukan hanya sekadar kebebasan, kebebasan itu juga harus nampak dilihat dalam pelantikan. Namun, balik ke tadi, Jadual Kesembilan tadi, sekali lagi kena bertahan di situ ialah kerana bidang kuasa ini adalah merupakan bidang kuasa negeri.

Namun, saya ingin perjelaskan bahawa pelantikan di peringkat negeri, ia berjalan dengan cara iaitulah Majlis Agama Islam meluluskan pada Majlis tersebut. Kemudian setiap pelantikan, baik bukan hanya sekadar hakim-hakim, Ketua Mahkamah Syariah ataupun Yang Amat Arif dilantik, termasuk peguam-peguam yang praktis pada setiap negeri tersebut, dia mendapat perkenan daripada Majlis dan tandatangan daripada Tuanku negeri masing-masing. Walau bagaimanapun daripada semasa ke semasa, kita sentiasa melihat ke arah untuk kita buat peningkatan kepada keperluan-keperluan yang ada.

Termasuk juga tadi disebutkan tadi berkenaan dengan Perintah Bersaling 57A ini ialah memberikan, sebab perintah ini amat saya suka hendak tekankan, di Wilayah

Persekutuan ini satu-satunya negeri yang terakhir. Oleh sebab itu, saya sebut pada awal tadi bahawa pindaan di peringkat Wilayah ini perlu dibawa kepada Parlimen, yang lain dibawa kepada negeri sahaja. Jadi, kita amat memerlukan sangat dan oleh sebab itu sokongan bagi pindaan kepada 57A ini amat penting untuk tujuan mendapat kebaikan apa-apa perintah yang telah dibuat di negeri-negeri lain, boleh dilaksanakan. Begitu juga di Wilayah, perintah sini boleh dilaksanakan kalau sekiranya pelaku ataupun orang yang kena tuduh berada di negeri masing-masing.

■1820

Saya hendak sebutkan sedikit tadi banyak dibincangkan tentang akta yang berkaitan 355. Sekali lagi saya hendak meletakkan komitmen..

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat sebelum itu soalan saya- boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tanya tadi tentang- saya setuju akui bahawa tindakan bersaling itu amat penting tetapi kita juga ada situasi bertindih di antara mahkamah sivil dengan mahkamah syariah. So, saya minta tadi komitmen kerajaan untuk membawa sesuatu supaya benda ini tidak wujud. Terima kasih Yang Berhormat.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin menyatakan bahawa sebenarnya saya hendak rangkumkan jawapan sekali tetapi Yang Berhormat sudah tanya. Memang kita juga ingin melihat tidak hendak supaya perkara ini berlaku di dalam mahkamah syariah pun kes itu dibawa dan mahkamah sivil.

Keadaan yang seperti ini menyebabkan semacam menimbulkan selain daripada soal ketidakpuasan hati di kedua-dua pihak yang terlibat termasuk juga memperlihatkan ke tidak rasa bukan tidak puas hati sahaja- sensitiviti akan timbul dan dicelah itu akan nampak lagi pertembungan dan biasanya yang mengambil tempat ialah pertembungan sama ada dalam bentuk perbezaan parti politik atau dalam bentuk perbezaan agama yang menjadi pendukung di kedua-dua pihak yang terlibat dalam kedua-dua mahkamah tadi.

Jadi sebab itu kerajaan meletakkan komitmen yang tinggi untuk menyelesaikan perkara ini dan sebab itu saya ingin merangkumkan bahawa mana-mana pindaan sekalipun. Saya ingat kita pakat bersetuju dalam Dewan ini termasuk mana-mana parti politik sekalipun bahawa kita menjunjung tinggi Perlembagaan Persekutuan yang telah pun menjadi satu buah landasan untuk semua pihak hidup dalam konteks harmoni dalam negara kita Malaysia.

Tentunya kalau tadi Yang Berhormat Sepang berbicara panjang tentang adakah hal-hal peruntukan perundangan ini diambil kira dalam pindaan-pindaan. Adakah ia

bercanggah dengan Perlembagaan? Tentunya ini menjadi pokok dan dasar yang diambil perhatian tinggi oleh semua pihak. Cuma mungkin, barangkali persepsi-persepsi yang timbul kerana ketidakfahaman ataupun ketidakjelasan ada di sana kekaburan dan sebagainya.

Jadi dalam konteks yang seperti ini mungkin rang undang-undang 355 ini akan diperjelaskan esok sebab ini bukan forum sebab ini untuk 505 dulu. Jadi kalau 355 itu diperjelaskan dalam erti kata mudah komitmen yang ingin dilihat ia tidak bercanggah dengan perlembagaan dan tentunya bila bercakap soal Akta 355, akta yang membicarakan soal peruntukan kepada mahkamah syariah semata-mata yang berkait kepada orang Islam juga semata-mata yang tidak mengambil hak mana-mana daripada orang yang bukan Islam walaupun sedikit.

Oleh sebab itu tadi Yang Berhormat Sepang bimbang dia bercakap soal akta ini dan sebagainya dia takut nanti tidak ditanam pada kematian dia. *Insya-Allah* kalau kita yang Islam mati dalam iman, *insya-Allah* termasuk Yang Berhormat Sepang cuma Yang Berhormat Sepang sudah keluar sudah.

Jadi saya *commit*-kan bahawa segala pindaan dia mestilah- dia tidak lari daripada Perlembagaan dan juga ia merupakan kalau dalam konteks penjurusan khusus tentang 355. Dia hanya berkaitan dengan orang Islam dan perlu difahami Yang Berhormat ia tidak lari daripada hanya sekadar bukan hukuman dan kesalahan yang baru tetapi ia hanya mestilah dia terikat kepada yang sedia ada cuma peningkatan kepada hukuman yang telah sedia wujud. Mungkin faktor barangkali sudah 32 tahun mahkamah syariah tidak pernah dilihat dan *revisit* balik tentang hukuman. Mungkin tahun 1984 dahulu dibuat pindaan sampai sekarang belum ada pindaan 32 tahun hukuman dalam kesalahan mahkamah syariah hanya sekadar denda RM5,000 sebagai contoh. RM5,000 pada waktu dulu relevan pada waktu tersebut. 32 tahun telah berlalu *relevancy* kepada RM5,000 itu sudah tidak sesuai pada saat dan ketika ini.

Namun Ahli-ahli Yang Berhormat itulah sahaja yang dapat saya perjelaskan...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ya Menteri saya bersetuju dengan pandangan Menteri itu, terima kasih banyak. Saya minta juga satu perhatian jugalah saya rasa bukan sahaja undang-undang syariah tetapi mana-mana undang-undang pun yang disebut *revisit*, saya rasa banyak kena *revisit*. Oleh sebab itu saya cadangkan sebagai Ahli Parlimen semua undang-undang ini untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua perlu ada *Select Committee* sekurang-kurangnya melihat dan duduk berbincang *across political party*.

Apabila tidak ada *Select Committee* di situlah timbul *transparency*, *accountability* soal *messaging*, soal hendak bagi faham orang ramai. *So, when there is no Select*

*Committee this is why we are facing*, dengan izin, *all these problem*. Oleh sebab itu, saya minta Menteri kalau hendak *revisit* mahkamah syariah saya amat bersetuju tetapi supaya benda ini tidak berlaku apa-apa kekeliruan buat *Select Committee* orang kata kenapa '*mai tang*' Mahkamah Syariah kena buat *Select Committee* yang lain tidak ada, tidak saya kata semua *Select Committee*.

Ini sebab *revisit* tadi penting kita sudah tinggal sudah beberapa tahun suda bukan sahaja mahkamah syariah tetapi mahkamah sivil juga undang-undang lain kadang-kadang sudah *obsolete* tidak boleh pakai sudah. So, mana *Select Committee* yang duduk *sit down* bincang benda itu *across political party, across religion*. Orang bukan Islam pun boleh duduk dia boleh bahas. Jadi tidak timbul kekeliruan ini. Itu cadangan saya, Menteri, itu untuk Tuan Yang di-Pertua juga cadangan. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua yang buat keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu bangun.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Lewat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih saya dengar dengan teliti dan saya juga mengalu-alukan sikap terbuka Yang Berhormat Menteri. Cuma saya ingin ulangi dan dapat komitmen dari Yang Berhormat Menteri kerana apa yang telah dibagi sebagai taklimat untuk perbahasan esok ini tidak seimbang dengan *information* yang kita terima. Kalau seolah-olah ada dua *set of rules* ini dia akan tidak boleh meyakinkan kita mengundi dengan tepat. Ini sebab apa yang kita lakukan dalam Dewan ini juga mewakili pengundi kita yang beragama Islam dan juga bukan beragama Islam.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua saya nampak- daripada jauh pun ketulusan hati sahabat saya Yang Berhormat Batu ini. Ini sebab saya berada dalam- saya sendiri walaupun selaku Ahli Yang Berhormat di sini tetapi duduk dalam kawasan Parlimen Batu.

Saya kalau dapat nanti kita ingin melihat bahawa sebagai mana yang telah Yang Berhormat Batu sebutkan komitmen kita ingin melihat sekali gus dengan Yang Berhormat Parit Buntar sebut tadi kita wujudkan satu tidak kiralah apa nama sekali pun dalam hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang, baik sivil dan juga syariah untuk kita dapat duduk bersama memberikan pandangan dan membuat olahan, pandangan dan juga *consensus*, dengan izin, dan termasuklah Yang Berhormat Batu sebutkan tadi untuk supaya ialah kalau mungkin kalau ada masa-masa yang akan datang perlu kita menjemput bersama untuk kita memberikan penjelasan, maklumat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua itulah sahaja perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang sempat saya jawab. Mana-mana perkara yang tidak sempat perkara tersebut telah dicatat dan akan diberikan perhatian sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

**[Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (Datuk Dr. Ir. Haji Hamim bin Samuri) dan diluluskan]*

■1830

## **RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN (PINDAAN) 2016**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**6.30 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-Undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] merupakan suatu akta berkenaan pendaftaran kelahiran dan kematian yang berlaku di Malaysia dan hanya terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja. Akta 299 ini berkuat kuasa pada 1 hari bulan Ogos 1958 melalui penetapan tarikh permulaan kuat kuasa



yang disiarkan dalam warta sebagai LN213/1958 dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Pada masa ini, Akta 299 tidak memperuntukkan kuasa kepada pendaftar besar kelahiran dan kematian iaitu Ketua Pengarah Pendaftaran Negara bagi perkara-perkara seperti berikut:

- (a) pendaftaran mana-mana kelahiran dan kematian di atas pesawat, atau kapal, atau melibatkan bidang kuasa negara asing;
- (b) pendaftaran anggapan kematian, mewujudkan daftar anggapan kematian dan pengeluaran sijil anggapan kematian; dan
- (c) kuasa untuk menyiasat, menahan, menyita dan menggeledah tanpa waran bagi perakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta 299.

Bagi menambah baik proses pendaftaran kelahiran dan kematian sejajar dengan perkembangan teknologi dan transformasi perkhidmatan awam, beberapa peruntukan telah dipinda untuk mempertingkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Penambahbaikan ini juga turut mengambil kira keperluan untuk memantapkan penguatkuasaan berkaitan pendaftaran. Sehubungan itu, peruntukan sedia ada perlu dipinda adalah seperti berikut:

- (a) tempoh masa pendaftaran kelahiran dan kematian;
- (b) tempoh masa perakuan kematian dan pengesahan kematian selepas *post-mortem*, dengan izin, oleh pengamal perubatan;
- (c) tempoh masa pengesahan dan pendaftaran kematian oleh koroner atau majistret selepas proses *enquiry* dijalankan;
- (d) pendaftaran semula bagi rekod kelahiran mati dan kematian yang hilang;
- (e) kuasa pembetulan kesilapan dalam daftar oleh pendaftar besar berdasarkan kepada keputusan ataupun *enquiry*;
- (f) pemerluasan kawasan dan daerah pendaftaran kelahiran dan kematian;
- (g) penambahbaikan jumlah penalti dan tempoh penjara terhadap kesalahan yang berhubungan dengan pendaftaran, kegagalan memberi maklumat, pemakluman maklumat palsu dan sebagainya;
- (h) pemansuhan kuasa pendakwaan bagi penguasa pendaftar atau pegawai yang diberi kuasa oleh pendaftar besar; dan

(i) lain-lain pindaan kecil yang bersesuaian.

Pindaan akta ini juga merupakan manifestasi komitmen berterusan kerajaan dalam memperbaiki sistem pendaftaran sivil dan perekodan statistik penting negara ini seperti kelahiran dan kematian bagi menyusuli penerima pakaian iaitu *adoption*, dengan izin, iaitu *ministerial declaration to get everyone in the picture*, dengan izin, oleh Malaysia semasa *Ministerial Conference on Civil Registration and Vital Statistics in Asia and the Pacific* dengan izin, di Bangkok pada 28 November 2014.

Tuan Yang di-Pertua, tragedi yang berlaku pada tahun 2014 kepada dua pesawat milik *Malaysia Airlines System* (MAS) yang didaftarkan di Malaysia telah mewujudkan keperluan untuk memasukkan peruntukan bagi membolehkan JPN mendaftarkan kematian dan anggapan kematian serta seterusnya bagi mengeluarkan dokumen yang berkaitan kepada waris dan ahli keluarga bagi kes kematian yang mana mayatnya tidak dijumpai. Pada masa ini, JPN tidak mempunyai punca kuasa bagi mendaftarkan kes begini dan ia mendatangkan kesukaran dalam pengurusan seperti pembahagian harta yang melibatkan kebajikan waris dan juga ahli keluarga sehingga mereka terpaksa mendapatkan perintah dari mahkamah.

Pindaan dalam rang undang-undang ini juga menyentuh tentang permasalahan kadar pendaftaran lewat kelahiran. Sepanjang tahun 2010 sehingga tahun 2015, sebanyak 124,762 pendaftaran lewat kelahiran telah direkodkan. Kelewatan pendaftaran kelahiran berlaku antaranya kerana sesetengah ibu bapa dan juga ibu tunggal yang melahirkan anak memerlukan masa untuk berpantang dan menguruskan bayi sebelum dapat hadir di depan pendaftar. Oleh yang demikian, dengan mengambil kira pelbagai situasi dan latar belakang masyarakat Malaysia pada masa kini serta bertepatan dengan polisi kerajaan mengenai tempoh cuti bersalin yang telah dipanjangkan kepada 90 hari, maka tempoh pendaftaran kelahiran sewajarnya dilanjutkan daripada 42 hari ke-60 hari.

Dalam situasi kematian pula, sewajarnya kebajikan waris dan ahli keluarga si mati diutamakan iaitu untuk melanjutkan tempoh pendaftaran kematian daripada 24 jam ke-7 hari bagi membolehkan semua ritual kewajipan keagamaan dan adat berkenaan dengan pengurusan kematian dilaksanakan sebelum waris atau ahli keluarga hadir ke JPN untuk proses pendaftaran kematian tersebut.

JPN sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk merekodkan data dan peristiwa-peristiwa penting individu di Malaysia telah melaksanakan sistem berkomputer atas talian bagi pendaftaran kelahiran dan kematian semenjak tahun 1998. Kemudahan ini telah membolehkan penerimaan permohonan pendaftaran kelahiran dan kematian dilakukan di semua pejabat dan cawangan JPN di seluruh Semenanjung Malaysia tanpa perlu menghadkan kawasan-kawasan pendaftaran tertentu seperti mana yang

digariskan oleh Akta 299 pada masa ini. Pelaksanaan ini bakal mengurangkan kerenah birokrasi dan peruntukan akta sedia ada yang kurang relevan dalam situasi semasa.

Urusan pendaftaran kelahiran dan kematian merupakan urusan rasmi kerajaan yang melibatkan pengeluaran dokumen-dokumen keselamatan seperti sijil kelahiran, sijil kematian dan lain-lain yang berkaitan. Sehubungan itu, pendaftar sewajarnya diberikan kuasa menyasat, menahan, menyita dan menggeledah tanpa waran bagi mana-mana kesalahan menggunakan dokumen dan memberikan keterangan palsu. Perundangan juga wajar di perkukuhkan lagi dengan menambah baik jumlah penalti daripada RM250 kepada RM20,000 serta pertambahan tempoh penjara daripada 12 bulan kepada tiga tahun dengan mengambil kira bahawa penalti yang lebih tinggi dikenakan bagi kesalahan yang serupa di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 [Akta 78].

Pemeriksaan penguatkuasaan ini langkah proaktif untuk memastikan sistem pendaftaran kelahiran dan kematian dalam keadaan terkawal serta integriti data yang optimum untuk diguna pakai bagi tujuan penggubalan dasar serta perancangan ekonomi dan pembangunan negara. Walau bagaimanapun, bagi memastikan pemerikasaan penguatkuasaan ini bersesuaian dengan fungsi dan tanggungjawab JPN. Kuasa menjalankan pendakwaan oleh penguasa pendaftar atau pegawai yang diberi kuasa oleh pendaftar besar telah dimansuhkan memandangkan perkara 15 Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa kuasa untuk menjalankan suatu pendakwaan adalah di bawah bidang kuasa pendakwa raya.

Peruntukan Rang Undang-Undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 ini secara keseluruhannya sebanyak 26 seksyen dipinda dan lima seksyen baru dimasukkan dalam rang undang-undang ini.

#### ■1840

Antara elemen-elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta ini.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 299 untuk memasukkan takrif "*Certificate of Presumed Death*" dengan izin, ke dalam Akta 299.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 4, Akta 299 untuk membolehkan daftar kelahiran, kematian dan anggapan kematian disimpan dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Pendaftar Besar. Pada masa ini, daftar kelahiran, kematian dan anggapan kematian disimpan dan disenggarakan secara manual oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Pada masa yang sama, Jabatan Pendaftaran Negara juga turut melaksanakan daftar berpusat yang berhubungan dengan kelahiran, kematian dan anggapan kematian dalam bentuk pangkalan data komputer.

Walau bagaimanapun, Jabatan Pendaftaran Negara akan terus menyimpan dan menyenggarakan secara manual daftar kelahiran, kematian dan anggapan kematian secara pentadbiran. Berbangkit daripada pelaksanaan daftar berpusat yang berhubungan dengan kelahiran, kematian dan anggapan kematian dalam bentuk pangkalan data komputer, beberapa peruntukan Akta 299 perlu dipinda, khususnya subseksyen 4(2) dan juga (3). Seterusnya, subseksyen 7(1), subseksyen 18(1), seterusnya seksyen 26, seterusnya subseksyen 27(3), (4) dan (6) dan akhirnya seksyen 30.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 4A, Akta 299 untuk membolehkan pendaftaran semula kematian mana-mana orang yang rekodnya atas apa-apa sebab hilang atau musnah.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 6, Akta 299 untuk membenarkan mana-mana pegawai awam untuk memeriksa daftar dan indeks dalam melaksanakan tugasnya dengan kebenaran Pendaftar Besar. Pindaan yang dicadangkan akan memudahkan perkongsian maklumat antara agensi-agensi kerajaan.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 7, Akta 299. Subfasal 6(a)(i) bertujuan untuk meminda subseksyen 7(1) Akta 299 untuk membolehkan pendaftaran kelahiran setiap kanak-kanak yang lahir di Semenanjung Malaysia di mana-mana kawasan pendaftaran. Sebelum pindaan yang dicadangkan, setiap kelahiran hanya boleh didaftarkan di kawasan di mana kelahiran itu berlaku kerana semua daftar dan indeks disimpan secara manual di pejabat Pendaftar bagi kawasan di mana kelahiran itu berlaku.

Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan daftar berpusat dalam bentuk pangkalan data berkomputer, semua daftar baharu tidak lagi perlu disimpan secara manual oleh Pendaftar. Oleh yang demikian, pendaftaran kelahiran mana-mana kanak-kanak boleh dibuat di mana-mana pejabat Pendaftar di Semenanjung Malaysia.

Subfasal 6(b) bertujuan untuk memotong subseksyen 7(3), Akta 299. Pemotongan subseksyen (3), Akta 299 bertujuan untuk menggugurkan peruntukan yang membenarkan tulisan Cina digunakan dalam pendaftaran kelahiran seseorang kanak-kanak berbangsa Cina disebabkan oleh pelaksanaan daftar berpusat dalam bentuk pangkalan data komputer yang hanya mengiktiraf tulisan Rumi.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 8, Akta 299 untuk melanjutkan tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan suatu kelahiran kepada Pendaftar daripada empat belas hari kepada enam puluh hari. Dari tahun 2003 hingga tahun 2014, statistik menunjukkan bahawa 269,075 kes pendaftaran lewat bagi kelahiran telah direkodkan. Sehubungan dengan itu, untuk mengurangkan bilangan kes tersebut dan untuk memberi lebih masa kepada orang yang layak untuk mendaftarkan kelahiran seseorang kanak-kanak, tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan kelahiran dicadangkan untuk dilanjutkan kepada 60 hari.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 10A ke dalam Akta 299 untuk memperkatakan peruntukan khas bagi pendaftaran kelahiran. Pada masa ini, terdapat keadaan pendaftaran kelahiran dibuat secara pentadbiran kerana ia tidak dapat dibuat mengikut

peruntukan sedia ada Akta 299, seperti kelahiran di atas pesawat atau kapal dan juga yang melibatkan bidang kuasa negara asing. Justeru itu, pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang jelas yang berhubungan dengan kuasa Pendaftar Besar untuk mendaftarkan mana-mana kelahiran jika dia berpuas hati dengan keterangan yang dikemukakan kepadanya bahawa kelahiran itu telah pun berlaku.

Fasal 9 bertujuan untuk memotong seksyen 11, Akta 299. Pemotongan seksyen 11, Akta 299 berbangkit daripada pindaan seksyen 8, Akta 299 dalam fasal 7 yang melanjutkan tempoh pemberian maklumat berkenaan dengan suatu kelahiran daripada 14 hari kepada 60 hari.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 12, Akta 299. Subfasal 10(a)(i) bertujuan untuk meminda subseksyen 12(1) Akta 299 untuk memasukkan peruntukan tentang keperluan kebenaran bertulis Pendaftar Besar bagi pendaftaran sesuatu kelahiran jika pendaftaran itu dibuat selepas tempoh 60 hari daripada tarikh kelahiran.

Pindaan yang dicadangkan berbangkit daripada pindaan seksyen 8, Akta 299 dalam fasal 7 yang melanjutkan tempoh pemberian maklumat berkenaan dengan suatu kelahiran. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk memasukkan peruntukan tentang keperluan kebenaran bertulis Pendaftar Besar bagi pendaftaran kelahiran seseorang kanak-kanak baharu lahir yang hidup yang dijumpai terdedah jika pendaftaran itu dibuat selepas habis tempoh 14 hari daripada tarikh kanak-kanak tersebut dijumpai terdedah, bagi faedah dan keselamatan kanak-kanak tersebut dan bukannya 42 hari sebagaimana dalam peruntukan sekarang.

Subfasal 10(a)(ii) bertujuan untuk meminda subseksyen 12(1), Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa pendaftaran lewat adalah tertakluk kepada apa-apa fi dan syarat yang ditetapkan oleh Menteri.

Subfasal 10(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 12(1A) ke dalam Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa Pendaftar Besar boleh mengetepikan fi yang ditetapkan bagi pendaftaran lewat, keseluruhannya atau sebahagiannya, tertakluk kepada kriteria dan syarat yang akan ditentukan oleh Menteri.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 18, Akta 299.

Subfasal 11(a) bertujuan untuk meminda seksyen 18, Akta 299 bagi membolehkan kematian tiap-tiap orang yang mati di Semenanjung Malaysia didaftarkan oleh Pendaftar di mana-mana kawasan pendaftaran. Sebelum pindaan yang dicadangkan, setiap kematian hanya didaftarkan di kawasan di mana kematian itu berlaku kerana semua daftar dan indeks disimpan secara manual di Pejabat Pendaftar bagi kawasan di mana kematian itu berlaku.

Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan daftar berpusat dalam bentuk pangkalan data komputer, semua daftar baharu tidak lagi perlu disimpan secara manual oleh Pendaftar. Oleh yang demikian, pendaftaran kematian boleh dibuat di mana-mana pejabat Pendaftar di Semenanjung Malaysia.

#### ■1850

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 19, Akta 299 untuk melanjutkan tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan suatu kematian kepada

Pendaftar daripada 12 jam kepada tujuh hari. Oleh sebab keperluan, hal keadaan, ritual, kewajipan keagamaan dan adat berkenaan dengan pengurusan kematian yang boleh menghalang orang yang layak daripada memaklumkan kematian kepada Pendaftar dalam tempoh 12 jam selepas kematian, tempoh untuk memberikan maklumat dilanjutkan kepada tujuh hari.

Tambahan pula, dari tahun 2003 hingga 2014, statistik menunjukkan bahawa 72,929 kes pendaftaran lewat bagi kematian telah direkodkan. Sehubungan dengan itu, untuk mengurangkan bilangan kes tersebut dan untuk memberikan lebih masa kepada orang yang layak untuk mendaftarkan sesuatu kematian, tempoh pemberian maklumat berkenaan dengan kematian dicadangkan untuk dilanjutkan kepada tujuh hari.

Fasal 13 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 19A, ke dalam Akta 299 untuk memperkatakan peruntukan khas bagi pendaftaran kematian ekoran daripada insiden MH17 yang kematian penumpangnya tidak dapat didaftarkan mengikut peruntukan sedia ada Akta 299.

Justeru itu, pindaan ini dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang jelas yang berhubungan dengan kuasa Pendaftar Besar untuk mendaftarkan mana-mana kematian jika dia berpuas hati dengan keterangan yang dikemukakan kepadanya bahawa kematian itu telah pun berlaku.

Fasal 14 bertujuan untuk memotong seksyen 20, Akta 299.

Pemotongan seksyen 20, Akta 299 berbangkit daripada pindaan seksyen 19 Akta, 299 dalam fasal 12 yang melanjutkan tempoh untuk pemberian maklumat berkenaan dengan suatu kematian daripada 12 jam kepada tujuh hari.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda seksyen 21, Akta 299.

Subfasal 15(b)(i) bertujuan untuk meminda seksyen 21, Akta 299 untuk memperuntukkan tentang keperluan kebenaran bertulis Pendaftar Besar bagi pendaftaran sesuatu kematian jika pendaftaran itu dibuat selepas habis tempoh tujuh hari daripada tarikh kematian atau tarikh penemuan mayat.

Pindaan yang dicadangkan berbangkit daripada pindaan seksyen 19, Akta 299 dalam fasal 12 yang melanjutkan tempoh pemberian maklumat berkenaan dengan suatu kematian.

Subfasal 15(b)(iii) bertujuan untuk meminda seksyen 21, Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa pendaftaran lewat adalah tertakluk kepada apa-apa fi dan syarat yang ditetapkan oleh Menteri.

Subfasal 15(c) bertujuan untuk meminda seksyen 21, Akta 299 untuk memasukkan subseksyen baharu (2) ke dalam Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa Pendaftar Besar boleh mengetepikan fi yang ditetapkan bagi pendaftaran lewat,

keseluruhannya atau sebahagiannya, tertakluk kepada kriteria dan syarat yang ditentukan oleh Menteri.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 22, Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa, apabila mati mana-mana orang yang pada saat akhir sakitnya dirawat oleh seorang pengamal perubatan berdaftar, tempoh untuk menyerahkan perakuan kepada orang yang layak di bawah seksyen 19, Akta 299 atau kepada Pendaftar oleh pengamal perubatan berdaftar itu dilanjutkan daripada 12 jam selepas kematian kepada tujuh hari selepas kematian. Memandangkan tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan kematian kepada Pendaftar di bawah seksyen 19 dilanjutkan daripada 12 jam kepada tujuh hari dalam fasal 12, tempoh di bawah seksyen 22, Akta 299 juga dilanjutkan sama.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda seksyen 23, Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa, jika pemeriksaan post-mortem ke atas tubuh mana-mana orang dibuat, tempoh untuk mengemukakan perakuan kepada Pendaftar oleh pengamal perubatan berdaftar dilanjutkan daripada 24 jam selepas selesai pemeriksaan itu kepada tujuh hari selepas selesai pemeriksaan itu.

Memandangkan tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan kematian kepada Pendaftar di bawah seksyen 19 dilanjutkan daripada 12 jam kepada tujuh hari dalam fasal 12, tempoh di bawah seksyen 23, Akta 299 juga dilanjutkan sama.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda seksyen 24, Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa, jika suatu inkues atau siasatan diadakan mengenai kematian mana-mana orang, tempoh untuk mengemukakan suatu perakuan kepada penguasa Pendaftar oleh koroner atau majistret dilanjutkan daripada 24 jam selepas inkues atau siasatan itu tamat kepada tujuh hari selepas inkues atau siasatan itu tamat.

Memandangkan tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan kematian kepada Pendaftar di bawah seksyen 19 dilanjutkan daripada 12 jam kepada tujuh hari dalam fasal 12, tempoh di bawah seksyen 24, Akta 299 juga dilanjutkan sama.

Fasal 19 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 24A, dan 24B ke dalam Akta 299. Seksyen 24A yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang telah diberikan suatu perintah berkenaan dengan anggapan kematian seseorang yang hilang di bawah mana-mana undang-undang bertulis oleh mahkamah boleh mengemukakan perintah itu kepada Pendaftar bagi maksud mendaftarkan butir-butir anggapan kematian orang yang hilang itu. Apabila menerima perintah itu, Pendaftar hendaklah membuat catatan dalam daftar yang mengandungi nama orang yang hilang itu dan apa-apa maklumat lain yang perlu berhubung dengan anggapan kematian orang yang hilang itu.

Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk menggalakkan pendaftaran anggapan kematian seseorang yang hilang apabila menerima perintah dari mahkamah dan untuk membantu ahli keluarga dalam menguruskan perkara berkenaan dengan orang yang hilang itu dengan pengeluaran Perakuan Anggapan Kematian di bawah seksyen 24b yang dicadangkan.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda seksyen 27, Akta 299.

Subfasal 21(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 27(3A) ke dalam Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa jika Pendaftar Besar, Penguasa Pendaftar atau Pendaftar berpuas hati bahawa daripada siasatan yang diadakan di bawah seksyen 37B wujud kesilapan fakta atau isi dalam mana-mana daftar, kesilapan fakta atau isi itu boleh dibetulkan oleh Pendaftar Besar.

Peruntukan seksyen 27, Akta 299 yang sedia ada hanya membenarkan pembetulan kesilapan fakta atau isi dibuat dalam daftar apabila terdapat permohonan daripada seseorang yang menghendaki kesilapan itu dibetulkan. Pindaan yang dicadangkan akan membenarkan Pendaftar Besar untuk membetulkan apa-apa kesilapan fakta atau isi dalam daftar selepas siasatan tanpa keperluan bagi suatu permohonan dibuat bagi maksud itu.

Subfasal 21(d) bertujuan untuk memotong subseksyen 27(5), dan (6), Akta 299. Peruntukan subseksyen 27(5), Akta 299 yang membenarkan Pendaftar Besar atau Penguasa Pendaftar untuk membetulkan apa-apa tarikh atau nama tempat yang telah dicatatkan dalam bahasa Thai atau Jepun supaya selaras dengan kalendar British atau nama tempat yang digunakan sebelum pendudukan Jepun atau Thai dipotong kerana tidak lagi relevan dan tidak lagi diamalkan.

#### ■1900

Fasal 23 bertujuan untuk meminda seksyen 32, Akta 299 untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran Perakuan Anggapan Kematian oleh Pendaftar.

Fasal 24 bertujuan untuk meminda seksyen 33, Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa Perakuan Anggapan Kematian hendaklah diterima tanpa bukti selanjutnya atau bukti lain sebagai keterangan fakta dan butir-butir yang berhubungan dengan anggapan kematian.

Fasal 25, dan 26 bertujuan untuk meminda seksyen 34, dan 35, masing-masing. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk menaikkan penalti yang dikenakan ke atas kesalahan yang berhubungan dengan daftar dan kegagalan untuk memberikan maklumat dan sebagainya, di bawah seksyen 34, dan 35 Akta 299, masing-masing, dengan mengambil kira bahawa penalti yang lebih tinggi bagi kesalahan yang serupa di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 [Akta 78].



Fasal 27 bertujuan untuk meminda seksyen 36, Akta 299, antara lain, untuk memasukkan suatu kesalahan baharu iaitu dengan pengetahuannya memiliki atau menggunakan Perakuan Kelahiran, Perakuan Kematian atau Perakuan Anggapan Kematian yang palsu. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk menaikkan hukuman yang dikenakan bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen itu dan memperuntukkan bahawa tiap-tiap kesalahan di bawah perenggan 36(1)(a), (b), (c), (h), (i), (j), (k), (m), dan (n) sebagai kesalahan yang boleh tangkap.

Fasal 28 bertujuan untuk memotong seksyen 37A, Akta 299 yang berhubungan dengan kuasa Penguasa Pendaftar atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pendaftar Besar untuk menjalankan pendakwaan kerana kuasa untuk menjalankan suatu pendakwaan ialah kuasa Pendakwa Raya menurut Perkara 145, Perlembagaan Persekutuan.

Fasal 29 bertujuan untuk meminda seksyen 37b, Akta 299 untuk memberi Pendaftar Besar, Penguasa Pendaftar atau Pendaftar kuasa untuk menghendaki apa-apa dokumen dikemukakan apabila perlu semasa suatu siasatan. Pindaan yang dicadangkan juga mengadakan peruntukan kesalahan bagi kegagalan atau keengganan mana-mana pihak atau orang untuk hadir mana-mana siasatan, atau untuk mengemukakan apa-apa dokumen, atau untuk menjawab apa-apa soalan, apabila dikehendaki berbuat demikian.

Sudah habis dia punya abjad ya.

Fasal 30 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 37C ke dalam Akta 299 untuk memberi Pendaftar Besar, Penguasa Pendaftar dan Pendaftar kuasa untuk menyiasat pelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta 299;

Akhirnya, terima kasih kerana sabar mendengar.

Fasal 31 bertujuan untuk meminda seksyen 38, Akta 299 untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa untuk mengkompaun kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Saya memohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Bayan Baru; Yang Berhormat Kuala Nerus; dan Yang Berhormat Tebrau. Masa 10 minit setiap seorang, lepas itu Menteri jawab.

Terima kasih. Ya, sila Yang Berhormat Sungai Petani. Yang Berhormat Seputeh kalau hendak balik sekarang pun boleh [*Ketawa*] Sila Yang Berhormat Sungai Petani.

#### 7.05 mlm.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri kerana melihat rang undang-undang ini amat komprehensif dan menepati waktunya kerana kita telah pun masuk ke era digital dan juga berkomputer kerana kerja-kerja manual ini sudah berlalu.

Cuma saya hendak tanya beberapa soalan. Pertamanya, tentang daftar kanak-kanak yang di luar nikah ini Tuan Yang di-Pertua. Apakah jadi? Saya dapati bahawa ada- saya ada satu pengalaman berjumpa dengan seorang ibu yang ada empat orang anak dia luar nikah. Saya pun tidak tahu macam mana boleh jadi. Jadi bila saya tanya, "*Yang ini bapa dia ke mana?*". Dia kata, "*Bapa dia pun tidak tahu yang mana*". "*Yang ini yang kedua?*". "*Kedua lagi tidak tahu*", dia kata. Jadi ibunya amat segar, Melayu, duduk di Kampung Pandan tetapi malang. Tidak tahu apa jadi.

Jadi bila saya tanya dia, "*Anak ini daftar macam mana?*". Dia tidak daftar. Jadi anak Malaysia, bapa tidak tahu di mana, dia pun tidak tahu bapa dia siapa dia. Jadi ini satu mungkin cebisan daripada ribuan kes. Isunya saya hendak tanya ini, anak-anak ini. Pertama dia takut, saya ingat Timbalan Menteri. Dia takut hendak mendaftar sebab dia tidak tahu bapa dia. Jadi anak-anaknya berkeliaran tanpa didaftar.

Jadi kalau mereka hendak daftar, macam mana dia hendak daftar? Apakah bukti dia hendak- macam mana dia hendak mula dulu? Isu hendak mula hendak daftar macam mana? Dia tidak ada apa. Oleh sebab dia bukan pergi hospital. Main beranak di rumah sahaja. Jadi kita tidak tahu macam mana hendak buat. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri, kalau kita jumpa kes-kes macam ini, bagaimana ibunya hendak daftar, keluarga ibunya hendak mendaftarkan anak-anak dia? Oleh sebab saya *sure, guarantee* anak-anak ini akan membesar dalam keadaan yang tidak terkawal dan mereka menjadi sebahagian daripada masalah kita esok.

Keduanya ialah tentang isu kewarganegaraan. Saya bimbang apabila kita mansuhkan manual rekod ini, orang-orang yang akan *in future* untuk mendapat kewarganegaraan, adakah kita mempunyai fasilitasi yang cukup untuk merekodkan? Kita takut dengan keadaan sekarang ini, saya dimaklumkan ribuan yang datang sama

ada *legal*, *documented* atau *non-documented* yang kita tidak tahu berapa yang balik. Akan tetapi mungkin disebabkan oleh faktor-faktor yang tidak terkawal dan mereka mungkin dapat buat *IC* palsu ataupun mendapat *IC* kewarganegaraan dalam keadaan semuanya kononnya digital tetapi tidak ada *backup*, manual rekod itu tidak ada.

Jadi ini kita bimbang supaya- saya tidak tahu takut *crash* atau macam mana kah sistem itu harus ada sesuatu *backup* sistem di mana kalau pun *digital record* itu ada tetapi harus ada juga di mana-mana sama ada *application form* dia akan simpan, saya tidak tahu. Akan tetapi isunya kalau kita hendak *cross reference* balik, maknanya bagaimana dia dapat kewarganegaraan, ini kita dapat pegang.

Saya ucapkan terima kasih juga kepada Timbalan Menteri kerana soal untuk daftar anak ini dilanjutkan kepada 60 hari. Memang ada masalah. Dahulu dalam masa yang singkat tujuh hari saya ingat Timbalan Menteri ya kena daftar. Memang ada masalah khususnya duduk di kawasan pedalaman, Orang Asli dan juga Sabah dan Sarawak. Lepas lahir, ibu tidak larat, ibu masih tidak kuat. Kemudian kalau didaftar lewat, dia kena denda dan sebagainya. Akan tetapi saya rasa ini satu tindakan yang amat saya ingat hebatlah Timbalan Menteri boleh melihat masalah yang kita ada sekarang ini.

Seterusnya untuk Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, adakah sistem yang di-*introduce*-kan sekarang ini di-*link*-kan dengan SPR? Isunya amat penting kerana apabila kita sampai ke waktu pilihan raya ataupun kita semak Pendaftaran Pemilih dan kita dapati apabila kita buat semakan, ada orang-orang yang sudah mati tiga tahun atau empat tahun, tidak dikeluarkan daripada daftar pengundi. Jadi kita tidak tahu di mana salahnya. Adakah sama ada bila dia mati, dia *report* kepada pihak polis, kebanyakan kampung *report* balai polis ataupun dia di Pejabat Pendaftaran. Adakah sama ada sistem tidak link atau di mana masalahnya?

#### ■1910

Akan tetapi pokoknya orang yang sudah mati agak lama, namanya masih ada dan ini kadang-kadang menjadi fitnah dan tohmahan kepada SPR. SPR pun tidak tahu cerita. Mati *nu* kat Gerik *nu* mana kita hendak tahu, tiba-tiba SPR kena maki, tidak *fair* lah. Jadi dia mati tetapi nama dia ada, hendak buat macam mana. Gerik takkan tidak tahu. Hulu pun kita tidak tahu jalan hendak masuk ke Gerik katakan kan, teraturlah. *Border* dengan Thailand pula itu.

Jadi kita hendak minta, adakah sistem ini boleh *accommodate* untuk kita *link* kan terus dengan SPR, mati, *report*, SPR pun buang nama dia ataupun dianggap dia mati contohnya macam Yang Berhormat Menteri kata hilang di laut, jatuh kapal terbang baru ini dan kita kenal pasti ada berapa orang rakyat Malaysia yang telah pun meninggal, jadi

terus dengan sendirinya apabila anggapan bahawa mereka telah mati bukan sahaja dalam pendaftaran ini nama mereka dikeluarkan oleh anggapan mati, tetapi juga di SPR juga mereka dibuang. Ini untuk mengelak Yang Berhormat Gerik, untuk mengelakkan fitnah. Jangan kita tuduh, kita kata bawa orang, jangan, kita hendak tolong SPR.

Akhir sekali ialah tentang *post-mortem*, saya juga menyokong dan juga berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana kadang-kadang masalah *report post-mortem* ini menjadi isu. Dahulu *immediately* kita kena buat selepas itu kadang-kadang kita kena cari doktor tengah malam bila kes ini terjadi. Sekarang ini kita *extend* kepada tujuh hari, maknanya doktor yang buat *post-mortem* pun boleh bernyawa, dia ada masa tujuh hari. Dahulunya tidak sempat, dia pun kena buat *report* selepas itu sediakan *report* dan ini menyebabkan timbul banyak masalah *administrative*. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tebrau.

#### 7.12 mlm.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ada dua perkara sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Perkara yang pertama ialah berkenaan dengan orang-orang yang memang dilahirkan di Malaysia tetapi sampai sekarang belum mendapat kewarganegaraan oleh kerana ada masalah dengan bahasa. Baru-baru ini saya— sebenarnya selalulah kami didekati oleh pemohon-pemohon untuk warganegara. Ada yang sampai ada sijil lahir di Malaysia pun, oleh kerana gagal dalam bahasa Malaysia tetapi tidak dapat ini. Jadi saya dapati kalau seseorang sudah sangat tua dan dia sudah dilahirkan di Malaysia, kita sepatutnya mesti memberikan dia kewarganegaraan Malaysia.

Perkara yang kedua ialah tadi saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut bahawa di sistem baru ini bahasa Cina tidak akan digunakan. Saya bercadang bahawa kita masukkan. Oleh sebab pada saya ini satu masalah teknikal yang bukan susah diatasi oleh kerana sekarang mana-mana komputer pun ada sistem bahasa Cina dan sebagainya. Sebabnya saya sebut ini oleh kerana bagi masyarakat Cina oleh kerana biasanya dahulu mereka menggunakan loghat untuk mengeja *family name* ataupun *surname*. Jadi kita akan mendapati bahawa *surname* yang sama ada berbagai-bagai ejaan apabila dirumikan. Misalnya *surname* Huang dia boleh menjadi Eng lah, Wong lah, Wei lah dan sebagainya tetapi semua *surname* yang sama.

Jadi sebab yang kedua saya mencadangkan bahawa bahasa Cina dimasukkan. Oleh kerana ada orang yang dulu, dulu apabila dia sebut *surname* kepada pendaftar itu pada masa dahululah. Kadang-kadang dia salah eja masa apabila kelahiran dilaporkan di balai polis pada masa itu. Kalau *surname* itu salah eja, jadi dia akan bawa ke anak ke cucu bila-bila pun *surname* itu tidak boleh tukar. Jadi saya rasa kalau sekiranya kes macam ini kita benarkan misalnya baru-baru ini saya punya *intern*— ini satu contoh.

Saya punya *intern* dalam bahasa Cina *surnamenya* sama dengan saya tetapi saya menggunakan Hokkien, Koo. Kalau orang 'K' Keu ataupun 'Hew' dan *intern* saya dia 'K', sepatutnya dia 'Hew' tetapi di depan 'Hew' dia ada satu 'S'. Jadi menjadi 'Siew'. Kalau orang Cina pun tidak tahu apakah *surnamenya*. Ini cadangan saya bahawa pada saya, saya rasa ini bukan satu masalah teknikal yang susah diatasi jadi saya cadangkan bahawa kerajaan, Kementerian Dalam Negeri menimbang semula keputusan untuk tidak membenarkan tulisan dalam bahasa Cina. Kalau boleh kita masukkan dalam komputer lagi baik, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Yang Berhormat Bayan Baru.

#### **7.15 mlm.**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana berusaha untuk meningkatkan ke *digital edge* dalam Rang Undang-undang Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957. Saya rasa ini adalah akta yang *timely in this regards*. Saya ingin membangkitkan empat isu. Pertama adalah isu kerakyatan terutamanya *red IC* di kalangan rakyat kalau di Semenanjung adalah kalangan orang-orang India minoritinya ada dan juga segelintir orang Cina dan juga rakyat lain-lain, Melayu pun ada sedikit tetapi di Sabah dan Sarawak walaupun tidak berkenaan dengan akta ini.

Akan tetapi di Sabah dan Sarawak di pendalaman itu, ramai orang hulu dan juga di pendalaman, orang *native* Sarawakian dan Sabahan yang ada masalah untuk mendaftarkan kerakyatan mereka dan ramai di antara mereka, kalau orang India di kawasan— Pulau Pinang pun *urban area* ada yang sehingga berumur 70, 50, 60 mereka dilahirkan di Malaysia tetapi pada masa itu mereka dilahirkan di rumah, ada bidan dan sebagainya tetapi tidak didaftarkan kerana masa itu lain keadaan sosioekonomi dan juga kefahaman tentang undang-undang itu amat rendah dan mereka dibiarkan. Sekarang kalau kerajaan minta untuk dapatkan bidan, saksi dan sebagainya itu tidak mungkin kerana mereka sudah berumur 60 tahun mana hendak cari bidan lagi. Jadi ini

adalah isu yang membelenggu India, segelintir masyarakat Cina dan juga masyarakat di Sabah dan Sarawak.

Saya rasa kita harus ada satu *amnesty* untuk isu-isu ini bagilah *amnesty*. Katakan *cut of date* satu tahun atau setengah tahun, tiga bulan pun boleh. Biar daftar ramai-ramai dan *once and for all* bagi satu *amnesty* supaya daftarkan mereka ini adalah satu keadilan untuk mereka. Saya tidak rasa ada yang ambil kesempatan dan sebagainya. Kalau ada satu ruang untuk *amnesty*, kita boleh selesaikan isu ini *once and for all* kerana bukan sahaja yang tua kerana saya pun pernah tengok ada orang muda juga, kanak-kanak kecil.

Tadi Yang Berhormat Sungai Petani kata *registered, I mean out of wedlock* yang berlaku *out of wedlock* itu berlaku. Saya pun pernah temui seorang– kerana ibunya tidak ada kerakyatan kerana isu seperti *red IC* ini, tiada kerakyatan– mereka takut. Jadi anak dilahirkan bapa pun tidak tahu siapa dan akhirnya anak dibiarkan, jadi generasi yang dahulu yang awal– masalah generasi awal ada, diturunkan kepada generasi yang baru. Jadi *never ending*, so kita kena selesaikan isu-isu ini bagikan keadilan dan kerakyatan.

Satu lagi yang saya – semalam saya pun berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri ada satu kes dia anak itu kerana kita tahu bahawa orang manusia ini dia hidup macam-macam dan kalau ada yang ada satu pasangan *maybe out of wedlock* mereka ada anak dilahirkan, takut dan mereka hantar kepada tokong. Dalam masyarakat Cina dia hantar kepada tokong dan minta supaya penjaga tokong untuk *adopt* anak itu .

#### ■1920

Jadi– maka mereka dihantar. Satu peti kes yang saya telah bangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri semalam adalah Tan Boon Hooi, nombor kad pengenalan sementara 810527-35-5006. Sudah umur 30 lebih kerana dulu dilahirkan, diserahkan kepada tokong, tokong ambil mereka. Akan tetapi sekarang tidak dapat didaftarkan sebagai rakyat Malaysia. Penjaga tokong itu tidak dapat *trace* siapa ibu bapa mereka kerana diserahkan begitu sahaja dan mereka tidak– mereka diambil begitu sahaja. Selepas itu, sekarang 30 tahun lebih tidak ada kerakyatan. Tidak boleh pergi ke mana, diskriminasi kerja, tidak dapat kerja yang sesuai, tidak boleh pergi ke sekolah. Pergi ke sekolah caj mahal dan akhirnya, mereka sekarang macam terkurung di Malaysia, tidak boleh keluar dari Malaysia pun kerana tidak ada pasport. Ini satu kezaliman– *I am sorry to say*. Ketidakadilan dan *to them*, mereka macam dizalimi kerana itu bukan salah mereka, salah ibu bapa tetapi akhirnya mereka terpaksa mewarisi masalah ini selamanya. Jadi, saya rasa *we have to have some mercy in this, have an amnesty*. Selesaikan *this once and for all*. Terutamanya ramai kes macam ini.

Kedua, isu adalah juga— seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tebrau, *Chinese words*. Saya nampak bahawa dalam *digital edge* ini apa-apa boleh dilakukan. Tulisan rumi kah, tulisan Cina kah dan sebagainya. Seinggakan Tamil pun boleh dibuat begitu senang sahaja. Jadi, Yang Berhormat Tebrau bangkitkan *surname*. Ada yang nama— saya rasa adalah dari segi tradisi Cina pun mereka mahu namanya dihormati supaya direkodkan sebagai *part of the national registry*. Dia rasa bangga kerana negara itu *accept the name and the culture*. Jadi, saya rasa ini adalah satu permintaan yang tidak keterlaluan. Hanya *the names only. Some recognition that the name is registered*. Oleh sebab kalau kata nama saya pun pelik juga, okey? Saya pun tidak berapa faham kenapa saya di pergi sebagai Sim Tze Tzin tetapi nama Cina saya ada maknanya. Maksudnya, ia ada usaha, bertekad dan berusaha. Ini *to me is a proud. Something that I am proud of*. Jadi, saya rasa kalau boleh kerajaan— ini sistem ini senang sahaja. Tulisan yang boleh— kalau pegawai tidak faham, bolehlah diserahkan kepada ibu bapa. Sekarang semua orang tahu bagaimana pakai komputer. *Just turn it from English* atau rumi kepada *pinyin, very easy*. Jadi- *I don't think is a very difficult thing* yang boleh diselesaikan secara komputer.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Adakah Yang Berhormat cadangan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** *Sorry* ya. Cadangan saya, oleh kerana ibu bapa yang muda sekarang sudah tahu *pinyin*, jadi apabila mereka berikan tulisan bahasa Cina, mereka berikan *romanize* pinyin juga, supaya kalau pegawai *key-in* pinyin itu, perkataan yang bahasa Cina akan keluar juga, tidak susah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Tebrau. Jadi, mintalah kalau boleh dimasukkan, bukan susah sangat. Kalau hendak tambah sistem pun, tidak payah tambah sistem kerana Microsoft Word boleh secara *free*. Ia tidak tambah apa-apa perbelanjaan ya daripada segi itu. Akhirnya, adalah isu pendaftaran. Sekarang kita ada satu pendaftaran *registry* secara *online* berpangkalan besar. Saya minta supaya sekuriti harus ditingkatkan supaya *hacking* ini tidak berlaku. Kalau boleh diselaraskan dengan SPR supaya pengundi hantu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani, itu betul-betul berlaku. Ini kerana di kawasan saya ada— masa pilihan raya dia datang jumpa saya, kata saya hendak undi. Pergi sana, orang sudah undi untuk dia. Apa cerita? Macam mana saya boleh *answer? I*

*cannot do anything*. Oleh sebab dia kata orang sudah ambil– ia bukan satu kes, dua kes, ada 10 kes.

Itu hanya yang *complaint* kepada saya, yang tidak *complaint* kepada saya macam mana? Jadi, ini berlaku berleluasa. Jadi, *it has to be sync* dengan SPR. Kalau boleh, SPR kena– walaupun bukan portfolio, bagi *automatic registration as voter*. Kalau pangkalan– *we have to be confident* dengan *database* kita dan bagilah *automatic register as voter*. Jadi, selesai semua pendaftaran, susah-susah hendak isi borang dan sebagainya. Kerja susah pegawai-pegawai SPR. Okey, itu sahaja daripada saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

#### 7.25 mlm.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. [Membaca selawat]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu daftar kelahiran. Ini merupakan hak yang patut diberikan kepada mereka yang lahir. Dalam hadis Nabi SAW bersabda *[Membaca sepotong hadis]*, “*Setiap anak yang lahir itu mereka tergantung dengan akikahnya*”, *[Membaca sepotong hadis]* “*Disembelih untuknya binatang sembelihan bernama akikah pada hari yang ketujuh, dicukur kepala dan diberi nama*”. Itu Hadis Riwayat Abu Daud. Hadis ini menunjukkan kepada kita bahawa Islam menggesa untuk seseorang itu mendaftarkan nama anak ataupun mengisytiharkan nama anak pada hari yang ketujuh. Itu satu gesaan untuk menyegerakan, untuk nama diberikan. Sekiranya anak tidak diberikan nama seperti berlaku sekarang, mereka yang tidak– yang melahirkan anak di luar perkahwinan, maka mereka takut untuk mendaftarkan anak mereka sedangkan itu hak yang patut diberikan kepada anak. Maka, saya rasa sangat perlu untuk dibuat satu peraturan dan undang-undang yang agak tegas untuk memastikan hak anak-anak ini terbela. Kalau mereka yang tidak berkahwin kemudian melakukan persetubuhan haram, itu adalah kesalahan mereka tetapi ia tidak patut dibebankan kepada anak-anak. Maka, saya ingin mencadangkan supaya satu denda yang tinggi dikenakan kepada mereka yang melewatkan pendaftaran anak-anak ini yang saya lihat peraturan sekarang agak longgar sangat. Tempoh masa yang diberikan sangat longgar, jadi saya rasa untuk kita berikan hak kepada anak-anak ini mesti dikenakan denda yang tinggi, yang boleh menakutkan ibu bapa untuk lebih bertanggungjawab kepada anak-anak mereka. Itu satu.

Kedua, saya hendak ambil kesempatan juga untuk sebut tentang kepentingan nama yang baik, yang patut diberikan oleh ibu dan juga bapa. Saya hendak



mencadangkan kepada kementerian untuk menubuhkan satu jawatankuasa penasihat hendak bagi nama-nama ini agar anak-anak diberikan nama yang baik. Dengan maksud kita boleh berikan— ibu bapa boleh berikan apa sahaja nama tetapi kemudiannya sekiranya nama itu dilihat tidak baik dan tidak elok untuk dijadikan panggilan, maka bolehlah jawatankuasa ini memberikan pandangan dan juga nasihat. Dalam hadis Nabi SAW menyebut *[Membaca sepotong hadis]. “Kamu nanti akan dipanggil pada hari Kiamat dengan nama-nama kamu” [Membaca sepotong hadis]. “Maka perelokkanlah nama anak-anak kamu itu”.*

Satu lagi tentang isu pendaftaran nama menggunakan tulisan Cina. Saya rasa alasan yang diberikan oleh kerajaan sangat longgar di kala mana dunia hari ini mempunyai pelbagai kepakaran melibatkan IT tetapi alasan kita bagi ialah dengan pendaftaran digital tidak dapat kita hendak catat menggunakan tulisan Cina. Saya rasa oleh kerana ini telah kita berikan sebelum ini, maka tidak patut kita undur ke belakang. Bahkan, patut di tambah lagi bukan hanya untuk orang Cina dan juga orang India. Nama yang wajib disatukan penggunaannya ialah bahasa kebangsaan, itu kita sepakat. Akan tetapi memberikan hak kepada mereka yang berlainan, yang ada pelbagai bangsa kerana Islam mengiktiraf *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* “Kami menyediakan kamu ini berbangsa-bangsa, pelbagai kabilah untuk kamu saling kenal-mengenal”. Maka, saya sangat tidak bersetuju jika alasan diberikan oleh kerajaan untuk membatalkan atau memansuhkan tulisan Cina yang menjadi hak kepada orang Cina. Kita dengar hujah daripada Yang Berhormat Tebrau tadi tentang dari sudut sebutan yang mungkin memberikan konotasi makna yang pelbagai.

Saya hendak ambil kesempatan juga untuk kita berikan hak juga kepada orang-orang Islam untuk dimasukkan tulisan Jawi atau tulisan Arab untuk sebagai satu tambahan kepada nama mereka kerana pada sebutannya memberi makna yang sangat berbeza.

#### ■1930

Contoh, nama saya sendiri. ‘Khai’ dalam bahasa Arab sebut Khoiruddin. Dengan huruf Kho’ tetapi ada orang akan baca Khairuddin. Nama Ghani dibaca Ghani seolah-olah hilang ‘h’ sedangkan sebenarnya Ghani dengan huruf ghain. Ghafar dengan huruf ghain dibaca dengan Gafar sahaja. Jadi banyak -makna yang baik, sebutan yang betul menjadi silap kerana kita merumikan sahaja nama-nama itu. Maka saya ingin mencadangkan bahawa berikan hak kepada orang Cina, berikan hak kepada orang India, berikan hak kepada orang Islam menggunakan tulisan jawi mereka sebagai satu penambahbaikan dan bukan kita undur ke belakang. Lagipun dalam Al-Quran menyebut seperti berikut. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bila Allah turunkan Adam, cipta

Adam, yang awal diajar kepada Adam ialah tentang nama-nama. Bererti nama-nama adalah satu benda yang sangat penting.

Kedua, saya hendak kaitkan juga sedikit dengan isu kematian. Kematian melibatkan status perkahwinan dan juga pembahagian harta pusaka. Isu yang timbul bila melibatkan orang-orang yang hilang. Orang yang hilang dalam Islam diberikan tiga takrifan. Pertama, tidak diketahui tempatnya, tidak diketahui situasi hidup matinya dan telah berlalu satu tempoh masa yang panjang. Dalam Islam, ulama' sepakat bahawa orang yang hilang dianggap masih lagi hidup hingga datang bukti yang sebaliknya berdasarkan kaedah [*Berucap dalam bahasa Arab*] Hukum asal kekal sesuatu yang lalu atas apa keadaan yang lalu. Maknanya kalau orang itu hilang, dianggap masih lagi hidup hingga datangnya dalil dan bukti yang sebaliknya.

Akan tetapi di peringkat Mahkamah Syariah, kita ada satu undang-undang, seksyen 53 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 sebagai contoh yang membawa satu keadaan, satu undang-undang yang sangat baik untuk diikuti di peringkat Mahkamah Sivil iaitu peraturan Islam untuk memberikan hak kepada isteri khususnya. Maka jika berlalu empat tahun, selepas berlalu empat tahun daripada tempoh hilang yang tidak diketahui statusnya, maka di kala itu bolehlah seorang isteri untuk memohon di mahkamah untuk memberikan hak bagi dirinya untuk isytihar suaminya sudah mati supaya dia lepas daripada ikatan perkahwinan. Bahkan kalau hendak diawalkan lagi pun boleh gunakan konsep fasakh dalam Islam. Selepas setahun berlalu, tidak diketahui keadaan suami, maka si isteri boleh minta fasakh di mahkamah. Bahkan kalau seawal tiga bulan berturut-turut, isteri mungkin sudah tidak tahan dengan keadaan itu, maka dia boleh minta cerai menggunakan kaedah taklik di Mahkamah Syariah.

Jadi bagi saya apa yang berada di Mahkamah Syariah itu boleh kita bawa untuk ke Mahkamah Sivil atau kepada undang-undang sivil kita ini untuk memberikan lebih hak kepada mereka yang jadi mangsa atau keluarga kepada mangsa yang tidak diketahui keadaannya macam mana. Bukan untuk menzalimi hak orang yang tidak diketahui keadaannya tetapi hendak beri hak kepada orang yang masih lagi ada. Dalam kaedah Islam, bila mana diisytiharkan orang hilang sebagai mati, dia hanya melibatkan – tidak boleh melibatkan agihan harta pusaka yang ditinggalkan oleh orang yang hilang. Cuma hanya boleh melibatkan mana-mana harta sepencarian antara isteri dan juga orang yang hilang tadi. Maka saya rasa bolehlah kementerian untuk melihat kembali peruntukan yang ada di peringkat undang-undang Islam untuk kita bawa di peringkat undang-undang sivil. Itu sahaja daripada saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

### 7.34 mlm.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih kepada empat orang Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan. Pandangan-pandangan tersebut bernas dan akan diterima pakai oleh pihak kementerian untuk perbincangan akan datang. Masalahnya mengenai pindaan undang-undang ini, ia lebih kepada hal-hal pentadbiran dan apa yang berkenaan dengan pemindahan daripada segi pendaftaran manual kepada pendaftaran digital. Jadi saya hendak menjawab satu per satu perkara yang dibangkitkan.

Pertama sekali daripada Yang Berhormat Sungai Petani yang bertanyakan apakah kelahiran kanak-kanak luar nikah boleh didaftarkan dan bagaimana. Ahli Yang Berhormat, seperti yang sedia maklum, Jabatan Pendaftaran Negara, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] ini bagi Semenanjung Malaysia, memastikan bahawa setiap kelahiran di Malaysia hendaklah didaftarkan oleh pendaftar bagi pendaftaran di mana kanak-kanak tersebut dilahirkan.

Jadi semua kelahiran kanak-kanak di Malaysia termasuk kelahiran anak bagi pasangan bukan warganegara dan anak yang dijumpai terbiar perlu didaftarkan dan dikeluarkan dokumen sijil kelahiran. Ini termasuk kelahiran bagi pasangan yang tidak mendaftarkan perkahwinan. Sebagai contoh, bagi kelahiran anak luar nikah, ia boleh didaftarkan oleh ibu kandung atau mana-mana orang yang mengetahui mengenai kelahiran tersebut di JPN.

Isu ini, saya hendak sambung sedikit. Semalam waktu dalam menggulung peringkat Jawatankuasa, saya telah maklumkan mengenai isu-isu yang di luar daripada perkara biasa dalam hal-hal pendaftaran kelahiran. Budi bicara Menteri dengan kuasa Menteri itu ada tetapi ia perlu dibuat secara *case by case*. Oleh sebab itu mungkin timbul kelewatan dari segi pendaftaran seseorang itu kerana pemohon perlu membuktikan bahawa ia dilahirkan dan mempunyai dokumen yang cukup. Akan tetapi yang penting, surat beranak itu ada kalau mereka yang ke pejabat JPN untuk mendaftar kelahiran itu sama ada luar nikah ataupun bernikah, pendaftaran sijil kelahiran itu akan dikeluarkan. Soal kerakyatan selepas itu, itu soal budi bicara Menteri yang akan diaturkan secara *case by case*.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Satu soalan sahaja. Maknanya kalau saya bawa budak berumur tujuh tahun yang tidak ada surat pendaftaran ini. Kebetulan saya kenal, bukan ada hubungan dengan ibunya. Tidak ada ya. Maknanya boleh kita pergi daftar balik budak yang berumur tujuh tahun ini, sekarang? Kalau kita tahu di mana hospital dia lahir dan sebagainya. Boleh?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Oleh sebab itu saya katakan tadi ia terpulang kepada budi bicara Menteri atas *case by case basis* kerana pada awalnya, pada tempoh yang telah ditetapkan, dia tidak mendaftar walaupun JPN akan mengeluarkan surat kelahiran jika mereka datang mendaftar. Kalau dia tidak buat, itu menimbulkan masalah bagi membuktikan bahawa mereka betul-betul lahir di Malaysia dan sebagainya.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tadi apa yang Yang Berhormat Bayan Baru mencadangkan bahawa satu *amnesty* untuk pendaftaran mereka yang mempunyai IC merah ini juga. Satu cadangan yang baik yang saya akan bawa kepada Menteri. Ini juga berkaitan dengan apa yang di bawa oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Kalau dia sudah tidak mempunyai dokumentasi waktu dia budak-budak, bila dia sudah besar nanti dia tidak ada dokumentasi juga. Jadi ini satu cadangan yang baik yang boleh dibawa kepada Menteri.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tambah sikitlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Amnesty* kalau boleh jalankan, kalau tidak ada pun kena ada *roadmap for citizenship*. Dia kena beritahu kepada orang yang memohon sebab sekarang yang kita terima adalah mereka kata datang JPN untuk daftar. Daftar, mereka balik tunggu. Tunggu, tunggu, tunggu, tidak ada apa-apa. So mereka pun tidak tahu hendak buat apa. Walaupun diberi ke satu senarai, kata senarai kena ada saksi, kena ada majistret punya ini dan sebagainya, tetapi *that is mission impossible* kerana itu tidak mungkin *fulfill the criteria* yang diberikan. *So they are all stuck*. Jadi *please*-lah. Bagi *amnesty*-lah. *The best is give amnesty*. Kalau tidak, *you have to have a simplified roadmap to become citizen*. Kalau katakan lepas 20 tahun atau 10 tahun tinggal di Malaysia, bagilah *citizenship*. *I mean something like that* yang isu-isu *red IC* ini. Bukan yang baru datang daripada Indonesia, yang datang daripada Filipina atau daripada Bangladesh tetapi yang *genuine cases like this*. Terima kasih.

## ■1940

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Seperti saya kata tadi Yang Berhormat, memang ada dia punya *guideline* dia untuk mohon tetapi ia dibuat secara *case by case*. Jadi mungkin kelambatan ini juga disebabkan oleh cara *case by case* yang kita buat sekarang inilah. Akan tetapi cadangan Yang Berhormat itu baik dan saya akan bawa kepada pihak Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh saya tanya? Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Kenapa tidak tanya tadi?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yalah, saya prihatin. Saya dengar semua ucapan. Dahulu, bila...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh, tidak minta izin pun.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta izin, minta izin. Ini penting. Saya masih ingat yang bekas Menteri KDN, yang sekarang Menteri Pertahanan. So saya masih ingat bila dia mula-mula jadi Menteri Dalam Negeri, apa yang dia buat ialah dia kata dia hendak *privatize* 40,000 atau 50,000 yang *applicants*, pemohon kewarganegaraan yang telah pun bertimbun-timbun. Kami selalu baca surat khabar tengok dia pergi ke Kampung Baru Cina, pergi ke tempat orang India dan sebagainya memberi sijil kewarganegaraan kepada mereka, IC dan sebagainya. Dia selalu dipeluk oleh semua itu, nenek tua dan cium dia dan sebagainya. Akan tetapi sekarang saya tidak pernah baca pun, lihat pun dalam TV ataupun dalam media yang Timbalan Menteri Dalam Negeri itu yang buat semua ini *PR exercise*. Jadi saya hendak tanya, adakah yang Kementerian Dalam Negeri ini sudah pun tukar polisi tidak begitu mesra dengan kepada mereka yang memohon kad pengenalan ini.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat, ini kali ketiga saya cakap. Perkara ini adalah budi bicara Menteri dan *case by case*. Tukar Menteri, terpulang kepada Menteri yang barulah untuk membuat ketetapan yang baru tetapi saya akan bawa kepada Menteri cadangan Yang Berhormat tadi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini Timbalan Menteri pun boleh buat. Itu Menteri pergi sibuk dengan RUU 355, Timbalan Menteri buatlah.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Dalam akta dia tulis Menteri Yang Berhormat, bukan Timbalan Menteri. *[Ketawa]* Yang Berhormat Sungai Petani tadi ada juga bertanya mengenai - tadi akta kelahiran sudah ya. Seterusnya bertanya fasal sistem JPN boleh dibuat perkongsian data dengan SPR. Sebenarnya memang sudah ada ini Yang Berhormat dia punya perkongsian maklumat di antara JPN dengan SPR. Akan

tetapi maklumlah sebelum ini sistem di JPN ini belum lagi dibuat secara menyeluruh *online* dan sebagainya. Mungkin ada maklumat yang tertinggal, ada maklumat yang masih lagi manual tetapi dengan harapannya selepas ini, selepas pendaftaran dibenarkan secara *online* ini, maka butiran pendaftaran kelahiran dan juga kematian akan lengkaplah supaya nanti bila ada perkongsian maklumat antara *database* JPN dengan SPR nanti, dia akan lebih *accurate*, lebih tepat.

Seterusnya saya pergi kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tebrau. Yang Berhormat Tebrau, sebenarnya semua rekod yang dikeluarkan oleh JPN dan juga agensi yang lain seperti Imigresen dan sebagainya, memang ditulis itu dirumikan. Rekod dalam IC semua pun tulisannya dirumikan. Negara lain pun, orang Thailand atau orang China, dia bila dia dalam maklumat pasport dan sebagainya yang nama mereka walaupun ditulis dalam bahasa berasingan, dirumikan. Jadi untuk saya tidak menjadi masalah kalau segala tulisan nama ini ataupun KDN perlu memberi pertimbangan untuk mendaftarkan kelahiran dalam tulisan Cina. Akan tetapi itu tadi pun ada Yang Berhormat Kuala Nerus membangkitkan kenapa sijil kelahiran tidak dituliskan dalam bahasa Jawi. Jadi kalau kita buka pun kepada semua bahasa, itu akan merumitkan lagi pentadbiran di peringkat JPN. Oleh sebab itu kita pilih untuk dirumikan.

Jadi saya hendak maklum sekali lagi, akta ini adalah untuk melicinkan pentadbiran di JPN bukan sahaja untuk agensi dalam negara dan juga untuk agensi di luar negara. Jadi cadangan daripada Yang Berhormat Tebrau tadi juga mengenai menggunakan *standardize* penulisan ataupun menggunakan '*pinyin*' dalam merumikan huruf Cina kepada huruf rumi ini, saya rasa itu perkara yang boleh kita kembangkan lagi di JPN iaitu kita boleh memastikan bahawa pegawai JPN diberikan latihan bagaimana untuk menulis '*pinyin*' ini.

Saya pun sendiri sudah 5 tahun, 6 tahun saya belajar bahasa Cina, kalau tidak kerana saya menggunakan '*pinyin*' ini pun, saya tidak mampu hendak belajar bahasa Cina kerana kalau saya menggunakan huruf Cina memang begitu perlahan sekali. Jadi, itu satu cadangan yang baik yang saya rasa yang boleh diangkat kepada JPN untuk menggunakan satu *standardize form* iaitu '*pinyin*' ini untuk merumikan perkataan huruf Cina.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun].*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Bukan, sekarang pun sudah rumikan tetapi dikatakan bahawa tidak tepat. Akan tetapi '*pinyin*' itu akan lebih tepatlah dia punya ejaannya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana 5 tahun, 6 tahun belajar Bahasa Cina. Saya 20 tahun belajar pun tidak berapa okey lagi. Jadi ini memang susah, tetapi untuk nama senang sahaja. Bukan susah sangat.

Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin kata daripada bahasa Cina kepada rumi, tetapi maksud saya dengan Yang Berhormat Tebrau adalah bahasa rumi kepada bahasa Cina boleh dilakukan. Maksudnya you *key-in* A, B, C, D rumi tetapi dia keluar karakter bahasa Cina, okey. *From* rumi kepada *Chinese*, itu senang sahaja menggunakan walaupun *keyboard* rumi dan boleh didaftarkan bahasa Cina.

Namanya bahasa Cina dalam sistem pendaftaran *national registry* kerana ini adalah satu, *I mean we feel proud to have our recognition. Same thing* Yang Berhormat Kuala Nerus hendak bahasa Jawi, bahasa India, bahasa Thai. *It is just the rest* semuanya bahasa rumi, *no problem*. Cuma ada bahasa nama bahasa rumi dan juga dia punya tradisi nama tradisinya mungkin bahasa Cina, bahasa Jawi, bahasa Tamil, bahasa Thai itu cadangan kami. *So that, we are part of Malaysian. We all Malaysian but we have a little bit of our roots dan culture* dari segi itu. Minta pertimbangan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya tadi minta maaf. Saya tadi ingat Yang Berhormat hendak tulis bahasa Cina atas dokumen kelahiran tersebut. Akan tetapi untuk kelicinan pentadbiran saya kata tadi, kalau boleh biar semua dalam bahasa rumilah senang dan huruf rumi untuk dia memudahkan lagi pengenalan dan sebagainya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi kita sudah 60 tahun boleh?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Ya?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** 60 tahun pun ada tulisan bahasa Cina pun.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Betul, itu masa manual.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** So, yalah *manual, it is okay*.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sekarang ini kita hendak *standardizekan* semua supaya mudah. Dunia sekarang sudah global Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Lagi senang kerana dahulu kena tulis dan *scan*, sekarang tidak payah *scan*. You hanya *type-in* sahaja.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Negara China pun dia rumi dalam dokumen dia, dia rumikan nama dalam bahasa Cina dia kepada '*pinyin*'. Rumi jugalah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, betul, betul.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Thai pun sama juga. Jadi untuk kita, lebih baik kita gunakan rumi sahaja.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi tambah satu ruang sahaja, tambah satu ruang untuk tambah. Itu bukan susah sangat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Betul. Kalau Yang Berhormat minta, Yang Berhormat Kuala Nerus pun minta untuk orang hendak tulis nama dalam bahasa Jawi, orang India pun minta juga, orang Sri Lanka pun minta juga...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Boleh. Maksudnya dia boleh tambah, ruang itu boleh bahasa Cina, boleh bahasa Jawi, boleh bahasa Tamil, boleh bahasa Thai. *No problem.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Selagi pemohon itu tahu macam mana taip masuk, biarlah.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Bukan, yang penting apa yang direkodkan dalam dokumen tersebut. Itu sahaja maksud saya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Betul, sijil kelahiran itu sahaja bukan?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Ya betullah, tetapi sekarang ini kita *standardize* semua sekali Yang Berhormat daripada kelahiran sampai ke kematian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Kita jangan tambah lagi dia punya kesukaran lagi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tidak sukar. Dahulu pun sudah ada, sekarang pun...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sekarang kita hendak betulkanlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, tidak boleh macam ini Yang Berhormat. Kalau tidak, panjang Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Ya betul. Ada lagi undang-undang lain.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan, bukan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat Batu baru beritahu saya macam di China ada masalah dengan kekeliruan *databasanya*. Ting Siow Ping, berjuta-juta orang namanya



Ting Siow Ping kalau mengikut itu huruf ABC. Jadi kalau ada bahasa Cina, mungkin boleh berbeza sedikit. Macam kita letak hendak cari *Facebook*...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat memperjuangkan orang Cina sahaja atau memperjuangkan Malaysia Yang Berhormat?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukanlah. Kalau *software* yang pemohon itu dia tahu macam mana hendak taip masuk, biarlah.

#### ■1950

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tidak, tidak, tidak.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ada tidak sensitiviti ini.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Kita hendak *standardize* Yang Berhormat, biar semua dalam bahasa Rumi senang untuk satu dunia pun boleh baca. Sama ada dia punya loghat dia lain tidak lain itu sekurang-kurangnya orang boleh nampak dengan jelas.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yalah selagi *title* satu *column* kalau ibu bapa pun mahu letak jawi biarlah. Ada *facility* itu sahaja.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat kita bincang dekat luarlah senang. [*Ketawa*] Tadi saya terlepas Yang Berhormat Sungai Petani tadi mengenai sama ada *database*. Apabila kita pergi ke sistem *online* sama ada rekod akan disimpan dalam bentuk digital sahaja atau ada rekod manual sahaja kerana takut nanti kalau sistem itu *crash* dan sebagainya. Yang Berhormat Bayan Baru pun bawa isu ini tadikan? Kalau sistem itu *crash* maknanya hilang dia punya data.

Saya hendak maklumkan di sini bahawa Jabatan Pendaftaran Negara walaupun melaksanakan penyimpanan rekod secara *online*, secara digital dalam pangkalan data, mereka juga akan tetap *print* satu data yang manual, dia akan simpan juga data yang berbentuk manual. Supaya ia ada dua jenis data yang disimpan bukan sahaja *online*. Makna kalau *online* itu *crash*, hilang ada manual *backup* dia.

Siapa tadi lagi? Yang Berhormat Kuala Nerus membangkitkan mengenai isu undang-undang ini mengambil kira tempoh masa yang berbeza bagi sesuatu anggapan kematian untuk dipertimbangkan juga dari segi undang-undang sivil dengan syariah sekali. Jadi Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) ini akan mengambil kira tempoh masa berdasarkan perintah mahkamah yang diputuskan berdasarkan undang-undang semasa yang diguna pakai sama ada undang-undang sivil ataupun undang-undang syariah. Untuk makluman Yang Berhormat terdapat dua undang-undang berasingan yang berkaitan dengan anggapan kematian. Perbezaan ketara di antara dua-dua peruntukan undang-undang tersebut adalah dalam tempoh masa yang diperlukan bagi menentukan anggapan kematian.

Undang-undang sivil di bawah seksyen 108, Akta Keterangan 1950 (Akta 56) memperuntukkan tujuh tahun. Manakala undang-undang syariah menetapkan empat tahun sebagai tempoh yang perlu bagi menentukan anggapan kematian. Jadi maknanya sekarang ini akta ini lebih panjang lagi dia punya tempoh dia. Jawapan itu sesuai?

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Menteri maksud saya kalau sekiranya kita boleh ambil pandangan yang dibuat di peringkat Mahkamah Syariah itu untuk kita pakai di peringkat sivil. Itu memberi hak lebih baik kepada waris-waris kepada mangsa.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Dari segi tempoh tadi saya...

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tempoh dipendekkan lagi sekarang empat tahun.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tempoh sekarang ini, tempoh undang-undang ini lebih panjang lagi tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah empat tahun yang undang-undang ini tujuh.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Sivil ini patutnya empat tahunlah lebih baik.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Oh! Hendak pendekkan lagi.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya itu hak.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Itu lebih baik kita bagi kelonggaran kepada ini.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ini kerana ia melibatkan hak mereka yang masih ada para pewaris menyebabkan perkahwinan mereka dan harta sepencarian mereka. Tujuh tahun begitu panjang menzalimi keluarga pada mangsa.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Mungkin perkara ini kita boleh fikirkan untuk masa akan datang Yang Berhormat. Sekarang ini untuk undang-undang ini kita kena pakai yang adalah.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat boleh saya tanya sedikit? Yang Berhormat Bagan Serai tanya sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya terfikir bila Yang Berhormat Kuala Nerus tanya soalan macam itu sama ada dia dipercepatkan ataupun sekarang ini hendak dipanjangkan saya dengar tujuh tahun tadikan. Bagaimana kalau selepas itu orang itu datang balik? Saya pernah tengok filem, saya pernah tengok cerita tetapi benda itu mungkin boleh berlaku. Mula-mula dia sedih sangatlah, dia sedih meratap semua

setelah sepurnama mungkin tidak tahu lima tahun, sepuluh tahun dia pun sudah kahwin lain sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagai Serai, ringkaskan.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tiba-tiba pasangan itu datang balik sampai ke rumah. Jadi saya hendak tanya Menteri itu macam mana boleh jadi macam itu? Apa akan jadi kalau jadi macam itu? Sama ada empat tahun atau tujuh tahun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Perkara ini diserahkan kepada mahkamah Yang Berhormat yang penting undang-undang ini membolehkan mahkamah untuk membuat keputusan. Saya tidak boleh komenlah fasal hal mahkamah ini Yang Berhormat. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, habis.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** ...Masa pun sudah pukul 8.00 hendak jawab lagi tiga perkara saya harap tidak ada lagi pencelahan supaya kita dapat tamatkan. Jadi cadangan Yang Berhormat Kuala Nerus tadi perlu ketatkan penalti kepada ibu bapa yang gagal daftar terutamanya untuk mengelakkan anak luar nikah. Kenaikan kadar penalti dan hukuman undang-undang di bawah pindaan ini bertujuan untuk menyelaraskan kadar hukuman yang serupa bagi kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990. Maknanya dinaikkan sekarang ini, maknanya penalti maksimum yang diperuntukkan dalam peruntukan sedia ada hanyalah sebanyak RM2,000 dan tempoh pemenjaraan adalah 12 bulan. Sekarang ini JPN bercadang untuk menaikkan kadar denda daripada RM1,000 kepada RM20,000 juga tiga tahun penjara.

Jadi maknanya lebih ketatlah denda dan juga hukuman penjara yang kita akan kenakan kepada mereka yang tidak mendaftar kelahiran atau kematian. Ini bertujuan juga selari dengan apa Yang Berhormat cakap tadilah untuk menggalakkan lagi atau mengelakkan mereka yang tidak mahu mendaftar ini supaya datang mendaftar. Ada apa lagi saya belum jawab? Yang Berhormat Sungai Petani sudah ya? Yang Berhormat Kuala Nerus, sudah. Yang Berhormat Bayan Baru, sudah. Siapa lagi, Yang Berhormat Tebrau?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah jawab semua.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Jadi kalau semua sudah dijawab...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sudahlah sudah pukul 8.00 sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat kita ada dua lagi rang undang-undang Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini cara terbaik seorang Menteri tanya sudah jawab sudah jawab sudah jawab bukan melulu duduk. *Very good Sir, very good Sir.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya mengukur kepuasan hati Yang Berhormat dalam jawapan saya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Very good Sir, very good keep it up this is what we want, excellent.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini kalau boleh jawab saya punya ada satu lagi, lagi bagus. Bolehlah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bila pula Yang Berhormat berbahas.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tidak berbahas tetapi saya dengar dengan teliti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]***

***[Fasal-fasal 1 hingga 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri) dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Sengaja saya hendak dengar Yang Berhormat Seputeh.

■2000

## **RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASAPENERBANGAN AWAM MALAYSIA2016**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**8.00 mlm.**

**Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Liow Tiong Lai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan dan memperbadankan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini, terdapat keperluan untuk melaksanakan penstrukturan semula Jabatan Penerbangan Awam yang selepas ini dirujuk sebagai DCA iaitu daripada sebuah jabatan di bawah Kerajaan Persekutuan kepada sebuah badan berkanun dengan nama Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia yang selepas ini dirujuk sebagai Pihak Berkuasa. Pihak berkuasa akan mengekalkan fungsi sedia ada DCA iaitu sebagai badan kawal selia penerbangan negara berhubung aspek perihal selamat, dengan izin, *safety* dan keselamatan, dengan izin, *security*.

Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa atau *International Civil Aviation Organization* (ICAO) iaitu sebuah agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah ditubuhkan melalui Konvensyen Penerbangan Awam Antarabangsa atau dikenali sebagai Konvensyen Chicago dengan fungsi utamanya untuk menetapkan standard, dasar, peraturan dan piawai keselamatan antarabangsa berhubung dengan penerbangan awam. Malaysia sebagai sebuah negara penjanji kepada Konvensyen Chicago adalah tertakluk kepada standard-standard yang ditetapkan oleh ICAO.

ICAO menyarankan supaya negara penjanji kepada Konvensyen Chicago untuk menubuhkan sebuah pihak berkuasa penerbangan yang berautonomi untuk memastikan perihal selamat dan keselamatan penerbangan awam diuruskan dengan cekap.

Bagi Malaysia, pihak ICAO telah menjalankan pemeriksaan audit yang dikenali sebagai, dengan izin, *Universal Safety Oversight Audit Program* pada 2 Mei hingga 12 Mei 2016. Antara dapatan pihak ICAO adalah kekurangan pegawai teknikal yang berkelayakan, dengan izin, *qualified technical personnel* di *Department of Civil Aviation* (DCA).

Oleh itu, terdapat keperluan yang mendesak bagi penubuhan pihak berkuasa kerana sebagai badan berkanun, pihak berkuasa mempunyai kuasa autonomi daripada segi pentadbiran dan sistem saraan. Dalam hal ini, pihak berkuasa mempunyai fleksibiliti untuk menarik dan mengekalkan pegawai teknikal yang berkelayakan dalam perkara berhubungan dengan penerbangan awam. Pegawai teknikal yang berkelayakan ini adalah amat penting untuk memastikan bahawa obligasi Malaysia di peringkat antarabangsa dan kebangsaan yang berhubungan dengan penerbangan awam dapat dijalankan dan standard yang dikehendaki perihal selamat dan keselamatan dalam penerbangan awam dapat dikuatkuasakan, dipatuhi dan diselenggarakan dengan baik.

Penubuhan pihak berkuasa ini akan memberi manfaat kepada industri penerbangan negara yang antara lain termasuklah dapat menjalankan fungsinya dalam aspek kawal selia perihal selamat dan keselamatan dengan lebih berkesan dengan sokongan tenaga pakar dan sumber manusia yang mencukupi, berkelayakan dan kompeten.

Pihak berkuasa adalah bebas dalam menjalankan fungsi dan kuasanya serta mempunyai sumber kewangannya yang tersendiri untuk membiayai kos operasinya melalui hasil seperti kutipan fi pelepasan dan fi-fi yang lain.

Tadbir urus yang baik dengan izin, *good governance* adalah asas utama pihak berkuasa. Dalam hal ini, penubuhan dan pelaksanaan fungsi dan kuasa pihak berkuasa ini adalah berlandaskan prinsip kebebasan dan ketelusan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai tujuh bahagian merangkumi 45 fasal termasuk satu jadual.

Bahagian I fasal 1 dan 2 mengenai tajuk ringkas permulaan kuat kuasa dan tafsiran. Akta ini akan mula berkuat kuasa pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Menteri.

Bahagian II fasal 3 hingga 15 mengandungi peruntukan berhubung penubuhan pihak berkuasa. Pihak berkuasa akan terdiri daripada anggota-anggota seperti berikut:

- (i) seorang pengerusi yang dilantik oleh Menteri dan hendaklah orang yang layak sesuai dalam kalangan orang yang mempunyai pengalaman atau kepakaran dan profesionalisme dalam bidang penerbangan awam;

- (ii) seorang wakil daripada Kementerian Pengangkutan;
- (iii) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- (iv) tidak kurang daripada empat tetapi tidak lebih daripada enam orang anggota lain yang dilantik oleh Menteri dan hendaklah orang yang layak dan sesuai dalam kalangan orang yang mempunyai pengalaman atau kepakaran dan profesionalisme dalam bidang penerbangan awam, pentadbiran, undang-undang atau bidang-bidang lain yang relevan dalam pelaksanaan fungsi pihak berkuasa; dan
- (v) seorang Ketua Pegawai Eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung wakil kerajaan, Menteri hendaklah melantik anggota silih ganti dengan izin, *alternate member*, untuk menghadiri mesyuarat pihak berkuasa sebagai wakil ganti sekiranya anggota itu tidak boleh menghadiri mesyuarat. Anggota silih ganti tersebut akan dianggap sebagai anggota pihak berkuasa.

Untuk memastikan anggota pihak berkuasa adalah bebas dan tidak mempunyai kepentingan dalam pelaksanaan tugas sebagai anggota pihak berkuasa, mana-mana orang tidak boleh dilantik sebagai anggota pihak berkuasa sekiranya dia:

- (i) memegang jawatan atau pekerjaan dalaman atau berhubung dengan penerbangan;
- (ii) terlibat dalam apa-apa perniagaan atau aktiviti lain yang dijalankan bagi maksud keuntungan dalam atau berhubung dengan penerbangan; dan
- (iii) terlibat atau menjadi terlibat dalam apa-apa aktiviti yang boleh menjejaskan kebebasannya dalam menunaikan kewajipannya.

Mana-mana anggota pihak berkuasa selain daripada dua orang anggota wakil Kerajaan Persekutuan tidak boleh, selama dia menjadi anggota pihak berkuasa, memegang apa-apa jawatan atau pekerjaan sama ada yang dibayar saraan atau tidak tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Menteri.

Tempoh pelantikan anggota pihak berkuasa tidak boleh melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula untuk tempoh maksimum satu penggal. Namun demikian, mana-mana anggota pihak berkuasa yang telah tamat tempoh pelantikan semulanya tidak boleh dilantik semula dalam tempoh tiga tahun daripada tamat pelantikannya semula.

Pihak berkuasa boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai manfaat untuk membantu melaksanakan fungsinya dan boleh melantik mana-mana orang yang menjadi anggota mana-mana jawatankuasa.

Anggota-anggota pihak berkuasa dan anggota-anggota jawatankuasa adalah tertakluk kepada kod kelakuan dan apa-apa pelanggaran kod kelakuan tersebut akan dirujuk kepada panel tatatertib. Bagi prosiding tatatertib terhadap mana-mana anggota pihak berkuasa, panel tatatertib akan terdiri daripada tiga orang anggota yang akan dilantik oleh Menteri manakala bagi prosiding tatatertib terhadap mana-mana anggota jawatankuasa, panel tatatertib akan terdiri daripada tiga orang anggota yang akan dilantik oleh Pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III fasal 16 hingga 20 memperuntukkan berhubung fungsi dan kuasa pihak berkuasa. Fungsi-fungsi pihak berkuasa antara lain adalah seperti berikut:

- (i) memastikan peruntukan di dalam akta ini, Akta Penerbangan Awam 1969 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta 3 adalah ditadbirkan, dikuatkuasakan dan diberi kuat kuasa dan dijalankan dan dipatuhi;
- (ii) mengawal selia perihal selamat, *safety* dan *security* penerbangan awam termasuk mewujudkan standard dan penguatkuasaannya;
- (iii) melindungi penerbangan awam daripada apa-apa tindakan gangguan yang menyalahi undang-undang, dengan izin, *any act of unlawful interference*;
- (iv) menjalankan pengawalseliaan perihal selamat, dengan izin, *safety regulatory oversight* di dalam dan di luar Malaysia;
- (v) mengawal selia pengendalian aerodrom dan penyediaan perkhidmatan dan kemudahan aerodrom di Malaysia;
- (vi) menyediakan perkhidmatan pengemudian udara, dengan izin, *air navigation services* di dalam wilayah maklumat penerbangan Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu atau mana-mana kawasan lain yang dibenarkan oleh Menteri.

#### ■2010

- (vii) untuk menyediakan atau menyelaraskan kepada perkhidmatan mencari atau menyelamatkan kapal udara dalam *distress* di dalam wilayah mencari dan menyelamatkan Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu atau mana-mana kawasan lain yang dibenarkan oleh Yang Berhormat Menteri;
- (viii) untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi menyasat penyiasatan kemalangan dan insiden serius kapal udara;



- (ix) untuk menggalakkan, memajukan, memudahkan dan membantu dalam pembangunan dan menambah baik kemampuan kemahiran dan perkhidmatan penerbangan awam di Malaysia;
- (x) untuk mengadakan perkhidmatan teknikal dan perundangan yang berhubung dengan penerbangan awam;
- (xi) untuk mewakili kerajaan di peringkat antarabangsa berkenaan dengan perkara yang berhubung dengan penerbangan awam;
- (xii) untuk menunaikan atau memudahkan penunaian obligasi antarabangsa kerajaan Malaysia berkenaan dengan penerbangan awam;
- (xiii) untuk memajukan pendidikan dan latihan berkenaan dengan mana-mana perkara yang berhubung dengan penerbangan awam;
- (xiv) untuk menasihati Kerajaan Malaysia tentang semua perkara yang berhubung dengan penerbangan awam;
- (xv) untuk menggalakkan pemahaman tentang program dan polisi penerbangan awam;
- (xvi) untuk menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dalam mana-mana perkara yang berhubung dengan penerbangan awam;
- (xvii) untuk menggalakkan pembangunan laluan udara dengan izin, *airway aerodrome* dan kemudahan pengemudian udara bagi penerbangan awam;
- (xviii) untuk menjalankan apa-apa fungsi dan kewajipan lain sebagaimana yang diberikan atau dikenakan ke atas pihak berkuasa di bawah akta ini, Akta 3 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta 3.

Tuan Yang di-Pertua, bagi maksud kuasa pihak berkuasa, secara umumnya, pihak berkuasa mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang perlu atau sesuai, manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksana fungsi-fungsinya di bawah akta ini. Kuasa tersebut termasuklah mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang disediakan oleh pihak berkuasa. Selain daripada itu, Yang Berhormat Menteri boleh memberi arahan yang bersifat umum kepada pihak berkuasa selaras dengan peruntukan undang-undang penerbangan awam yang berhubung dengan pelaksanaan fungsi dan perjalanan kuasa pihak berkuasa.

Pihak berkuasa mempunyai kuasa untuk mewakili kuasanya yang hanya terhad dengan perkara pentadbiran sahaja kepada mana-mana anggota pihak berkuasa atau jawatankuasa pihak berkuasa.

Bahagian IV Tuan Yang di-Pertua, adalah fasal 21 hingga 25, adalah peruntukan berhubung fungsi dan kuasa Ketua Pegawai Eksekutif dan pekerja pihak berkuasa iaitu pelantikan pekerja, syarat perkhidmatan pekerja, tata tertib, surcaj dan pengurusan faedah persaraan. Ketua Pegawai Eksekutif adalah dilantik oleh Yang Berhormat Menteri atau syor pihak berkuasa dan hendaklah terdiri daripada orang yang mempunyai kemahiran atau kepakaran dalam perkara penerbangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V, fasal 26 hingga 36 melibatkan peruntukan berhubung kewangan. Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia yang ditadbir dan dikawal oleh pihak berkuasa akan ditubuhkan dan digunakan bagi tujuan pembiayaan, pentadbiran dan operasi pihak berkuasa. Antara sumber kewangan kumpulan wang yang termasuklah pendapatan daripada fi, lesen atau fi lain, kos, penalti kewangan dan caj lain yang dikenakan oleh pihak berkuasa. Bagi memastikan ketelusan perbelanjaan daripada kumpulan wang ini, penyata akaun dan laporan kumpulan wang yang telah diaudit akan dibentangkan di hadapan kedua-dua majlis Parlimen selepas berakhirnya setiap tahun kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI, fasal 37 hingga 44 ialah peruntukan-peruntukan am antara lain seperti status pekerja pihak berkuasa iaitu sebagai pekhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan, perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948, obligasi kerahsiaan, perlindungan daripada liabiliti persendirian, perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang, perwakilan dalam prosiding sivil dan kuasa untuk meminda jadual.

Akhir sekali, Bahagian ke VII, fasal 45. Bertujuan mengadakan peruntukan berhubung peletakhakan kepada pihak berkuasa semua harta, hak kepentingan obligasi dan liabiliti Kerajaan Malaysia yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam perintah yang disiarkan dalam warta tanpa apa-apa pemindahan, penyerahhakan atau pemindahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan dan memperbadankan pihak berkuasa penerbangan awam Malaysia untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya

dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelah kanan saya tidak minat? Tidak minat ya. So 3 orang iaitu Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat Seputeh hanya mengacau ganggu saja. Sila Yang Berhormat Sepang.

#### 8.16 mlm.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya ingin memfokuskan hanya beberapa perkara saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, 10 minit ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey. Pertamanya Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan – saya minta maaf. Saya lebih *prefer* merujuk kepada yang *English version* di muka surat 14, *Code of Conduct*. Saya Yang Berhormat Menteri ada masalah dari segi memahami rasional seksyen ini khususnya seksyen 14, Fasal 14 (4) dibaca dengan (3) itu. Saya bacakan, izinkan dalam Bahasa Inggeris, “*If it comes to the knowledge of any person that there is a breach of the code of conduct, the person shall refer the matter to disciplinary panel.*” Then yang *paragraph 4* itu, “*Any person who contravene subsection (3) commits an offence and shall, on conviction, be liable to fine not exceeding one hundred thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding three years or both*”.

So soalan saya adalah, kenapakah kita harus – pertamanya saya hendak tanya, kalau kita lihat kepada 14(3) itu, adakah orang yang melakukan kesalahan jenayah itu adalah orang yang *any person* itu adalah *any person* yang tidak *refer* kepada *matter* kepada *disciplinary panel* dalam keadaan dia ada pengetahuan? So kalau sekiranya itu yang dimaksudkan, kenapakah di *paragraph 14(4)* itu dia mengatakan *any person who contravict section 3* itu seolah-olah macam walaupun hanya setakat tidak *refer* kepada *matter* kepada *disciplinary panel* pun *is criminalize*? Saya rasa ini satu peruntukan yang agak drakonian ya.

Pertama kali dalam sejarah saya sebagai peguam, saya melihat satu kes di mana seorang yang gagal merujuk satu perkara kepada *disciplinary panel*, diambil tindakan jenayah. Ini saya rasa satu yang tidak seharusnya berlaku. Kita mungkin boleh ambil tindakan domestik, bukanlah kita bawa dia ke mahkamah sampai kalau dia

bersalah boleh dikenakan RM100,000 *fine* dan juga penjara kerana tidak melaporkan kepada *disciplinary panel*. Mungkin dia takut pada *disciplinary panel* itu. Jadi saya rasa, saya ada masalah untuk memahami rasional seksyen ini. Minta Yang Berhormat Menteri bagi penerangan.

Keduanya Yang Berhormat Menteri, saya juga ingin bertanyakan berkenaan berkaitan dengan fasal 20 - *validity of acts and proceedings*. Saya juga melihat bahawa ada satu *tendency* ataupun satu trend bahawa kalau kita buat undang-undang ini, kita macam sering meletakkan subseksyen seperti ini. Banyak undang-undang di Malaysia ada seksyen *validity of acts and proceedings* tidak boleh dipersoalkan oleh atau alasan *(b) any omission, defect or irregularity not affecting the merits of case*. Pertamanya saya mengatakan bahawa dengan kewujudan seksyen ini menyebabkan kita seolah-olah tidak mementingkan akauntabiliti. Itu yang pertama.

Keduanya saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah yang dimaksudkan *any omission, defect or irregularity not affecting the merits of case*? Adakah dia termasuk tiga-tiga itu, *omission* yang *affect the merits* ataupun dia hanya *irregularity* yang *affect the merits*? Adakah dia merangkumi *omission defect and irregularity*? Makna kita baca *or* sebagai *conjunctive* bukan *disjunctive*. Ini dari segi undang-undang ya.

Seterusnya saya juga ingin bertanyakan tentang fasal 33, *financial procedure*. *The authority shall determine its own financial procedure*.

#### ■ 2020

Saya juga ada masalah berkaitan dengan seksyen ini kerana apabila kita memberikan *authority the soul power to determine its own financial procedure*, bagi saya ini bukan satu amalan yang baik sebab sudah tentu *authority* itu dalam menentukan *financial procedure* ia mungkin akan agak *relax* dan mungkin tidak begitu mementingkan tentang keseriusan jaganya kewangan ini. Jadi saya ingin bertanyakan apakah rasional kita meletakkan bahawa prosedur kewangan ini ditentukan oleh *authority*, bukan oleh pihak lain. Jadi apabila kita meletakkan ia sebagai prosedur, saya khuatir akan berlakunya konflik di situ. Mungkin prosedur yang diberikan itu walaupun mungkin tidak *it's not good practice* tetapi ia dibenarkan juga. Jadi saya ingin tanya. Jadi saya harap, ini perkara yang agak serius, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan satu jawapan yang rasional kenapakah seksyen ini diadakan.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan Fasal 40 – *Protection against suit and legal proceedings*. Ini pun satu yang boleh dikatakan trend undang-undang dalam negara kita ini yang kami ada masalah hendak terima kerana dalam Akta MKN pun ada benda ini. Kita sering mengatakan bahawa kalau mereka melakukan satu

perbuatan, tidak boleh diambil tindakan. Di dalam undang-undang dipanggil *ouster clause*, kita melepaskan liabiliti seseorang walaupun dia mungkin melakukan satu kesalahan. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri, Seksyen 40 ini tidak perlulah kita kekalkan. Kalau boleh kita *review* balik sebab saya rasa ini semua tidak begitu sesuai untuk akauntabiliti. *We are dealing with civil aviation* di mana soal akauntabiliti ini adalah satu isu yang amat penting kerana ia melibatkan nyawa manusia.

Jadi kalau katakan dia melakukan apa-apa kesalahan, tiba-tiba kita tidak boleh *sue* dia, dia *immune* dan juga *protected*. Saya risau dia akan menyebabkan mereka tidak rasa sangat bahawa mereka perlu bertanggungjawab di atas kesalahan yang mereka lakukan. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri, Fasal 40 ini kalau boleh ditiadakan sebab saya rasa pihak Peguam Negara yang menyediakan ini mungkin mereka dah terbiasa dengan undang-undang seperti ini, jadi mereka buat jadi satu orang kata macam burung kakak tua. Mereka hanya masukkan saja benda-benda yang sama ini tanpa memikirkan *the nature of the statut* itu.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri yang bertanggungjawab, saya juga berterima kasih pada hari Sabtu ini Yang Berhormat Menteri akan datang ke Sepang dan jemput juga Yang Berhormat Sepang. Jadi saya nak minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh untuk tunjukkan satu perubahan dalam kementerian ini iaitu dalam perkara-perkara keselamatan ini kalau boleh biar kita adakan satu tahap akauntabiliti ataupun kebertanggungjawaban yang tinggi. Di mana kalau sekiranya mereka bersalah, kita jangan takut untuk mereka ini dibawa ke pihak berkuasa ataupun diambil tindakan. Jangan kita letak *ouster clause* yang menidakkan hak untuk orang menyaman mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

### 8.23 mlm.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada sedikit sahaja perkara yang nak disebutkan. Oleh sebab kita akan mewujudkan pihak berkuasa yang menggantikan DCA, saya dengar tadi dengan tekun bahawa Menteri mengatakan bahawa kita ada *problem* untuk dapatkan *technical people*. Malah ini juga menjadi perbualan semasa kita dalam peringkat dasar hari itu beberapa isu di mana kita terpaksa *employ* orang luar untuk *handle* beberapa *technical* DCA kita.

Cumanya saya terfikir Yang Berhormat Menteri, kita mempunyai *Malaysian Flying Academy* dan juga beberapa buah sekolah *flying* yang lain. Apakah sudah sampai masanya kalau juga kita ubah dari DCA ini menjadi satu badan *no more a*

*government agency*. Bukankah sudah sampai masanya kerajaan melihat bahawa harus ada satu akademi atau satu institut yang memang kita khusus untuk mengajar anak-anak Malaysia untuk mengendalikan hal teknikal yang berhubung dengan ‘*airport technology*’ ataupun *handling* industri ini. Malah saya mencadangkan juga bukan sahaja untuk kegunaan *local* tetapi juga kita boleh *produce and export*. *I’m sure*, saya suka ramai kita boleh *produce pilot*.

Baru-baru ini saya pergi ke Dubai Tuan Yang di-Pertua, ramai anak Malaysia saya ingat lebih daripada seribu orang sekarang ini yang bekerja di *Middle East* sama ada *ex-Malaysian pilot* ataupun *other airlines* yang bekerja di *Middle East*. Ini menjadi kebanggaan kita, anak-anak Malaysia yang kita eksport menjadi pilot yang baik dan memang mendapat *rating* yang baik. Jadi sekarang *I think* sudah sampai masanya kita juga buka akademi dalam keadaan subjek-subjek lain ataupun bidang-bidang lain menghadapi masalah untuk *absorb graduate* mendapat kerja tetapi bidang ini kita mempunyai masalah. Jadi saya rasa kita boleh *convert* beberapa buah fakulti di universiti-universiti kita yang ada untuk kita *train*. Saya rasa kalau kita buat sekarang ini, ini *congruent* dengan apa yang Yang Berhormat Menteri sedang buat. Maknanya saya rasa boleh selesaikan masalah.

Yang keduanya ialah masalah *staff* dan *staffing*. Apakah yang akan jadi pada mereka? Dulunya mereka ialah pegawai-pegawai kerajaan. *Now* kita nak tubuhkan sebab kita ada masalah dengan dulu contohnya pengalaman kita dalam Telekom dan juga beberapa jabatan dulu bila kita *privatize* kan. Yang pertama sekali ada masalah tentang pendapatan mereka. Yang keduanya tentang pencen dan sebagainya. Saya ingat isu-isu ini harus dilihat dengan secara – supaya ia tidak teraniaya kepada mereka yang telah pun bekerja sebagai pegawai kerajaan. Mungkin kita memberikan opsyen kepada mereka. Siapa yang tidak mahu masuk dalam organisasi baru ini, mungkin mereka *stay put* sebagai pegawai kerajaan tetapi tidak memaksa mereka. Bila kita membuat ini, tidak *lock stock and barrel* terus masuk dalam organisasi baru dan mereka mungkin hilang segala-galanya. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat Seputeh boleh celah Yang Berhormat Bayan Baru ya.

**8.27 mlm.**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih. Boleh, tidak ada masalah. Yang Berhormat Seputeh pun boleh bahas juga, tidak ada masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dia boleh celah sebab dia sikit saja.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana sudi membentangkan akta ini secara sendiri. Saya ada beberapa isu, saya yang ingin menarik perhatian Menteri terutamanya isu *staffing* yang telah dibangkitkan oleh Menteri bahawa perlu ada tarikan pegawai teknikal yang *qualified*. Saya ada dengar dari industri dan juga kawan-kawan bahawa DCA selalu dirasakan *neglected child* walaupun mereka ada memikul tanggungjawab yang begitu penting, menjamin keselamatan penerbangan dan sebagainya. Selalunya mereka rasa tidak ada perhatian daripada Yang Berhormat Menteri. Jadi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana *look into this matter*. Kita nampak bahawa sektor penerbangan ini berkembang dengan begitu pesat dan kini tiba masanya untuk ini.

Walau bagaimanapun, saya nampak bahawa kementerian aktif *introduce a lot of bills into this Parliament*. Parlimen yang lepas Yang Berhormat Menteri telah bentangkan Akta Suruhanjaya Penerbangan Awam dan sekarang ada pula Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia. Saya *confuse* sikit, boleh minta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri, ada pertindihankah antara dua ini kerana suruhanjaya, ia suruhanjaya, besar kuasanya. Sekarang pula ada pihak berkuasa. So saya khuatir ada pertembungan tanggungjawab atau nanti ada pertembungan pula dari segi dua pihak ini. Jadi saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri bagi penerangan dari segi ini, tanggungjawab, *separation of power* kerana nampak kedua-duanya kuasa cukup besar.

Satu lagi adalah tentang isu pegawai teknikal yang *qualified*. Saya difahamkan bahawa kebetulan isteri saya pun ada *some dealings with the DCA*. Ada satu rungutan adalah bahawa mereka tidak dapat menarik pilot yang bersara. Mereka selalu dapat *helicopter pilot* tetapi *commercial air flight pilot* mereka tidak ada.

#### ■2030

Jadi, daripada segi *running of DCA*, ia perlu *experienced pilot from commercial airlines*. *Helicopter pilot, yes good, but we need commercial* oleh sebab *99 percent is commercial flights*. Jadi, ini adalah yang penting. Saya juga ingin bangkitkan isu *complaint AirAsia* dengan kerajaan. Saya tidak tahu kenapa kerajaan atau AirAsia selalu ada masalah dengan kerajaan. Saya tidak pasti DCA, Malaysia Airport Berhad, *over always come out in the news*.

Saya nampak bahawa AirAsia ini ia adalah syarikat penerbangan yang paling besar di Malaysia, membawa Malaysia ke *the next level*. *But, why are we not helping the local brand, local* syarikat yang berjaya ini tetapi selalu ada masalah, selalu ada

pertelingkahan. Saya rasa ini perlu diselesaikan. Kita perlu membantu syarikat-syarikat kita ke tahap yang lebih berjaya lagi. Baru-baru ini ada permintaan untuk AirAsia, hari ini saya dengar bahawa mereka minta untuk membina LCCT di Kota Kinabalu. Pernah mereka pun minta bina LCCT di Kuala Lumpur tetapi ditolak. Saya nampak kalau mereka boleh berbuat demikian dan menurunkan harga penerbangan, *why not?* Saya pun harap mereka boleh buat LCCT di Pulau Pinang kerana saya nampak bahawa ini bagus untuk orang-orang yang terbang.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi, ini adalah di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri boleh membantu menurunkan harga penerbangan. Ia akan membantu Malaysia ke tahap sebagai hab penerbangan.

Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada Fasal 32, di mana ia membenarkan pihak berkuasa untuk melabur wang kumpulan wang dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan. Saya nampak trend bahawa semua badan kerajaan selalunya sekarang membenarkan pihak berkuasa atau badan-badan kerajaan melaburkan wang sendiri *for investment purpose*.

Ini saya tidak faham kerana pihak berkuasa penerbangan, fungsinya begitu penting. *So, you focus on your job*. Jangan bagi mereka hendak *invest*, kutip wang yang lebih. Kutip wang yang lebih bagi kepada *consolidated fund*, bagi kepada kerajaan supaya kerajaan membuat pelaburan atau memberi balik kepada rakyat, okey. Jangan pandai-pandai biarkan, beri kuasa kepada mereka supaya mereka boleh melabur dan selepas itu wang selalunya melabur tetapi *fail investment*. *I mean*, banyak badan kerajaan yang mencatat kerugian, diswastakan pun dahulu dijanjikan akan membawa Indah Water dan sebagainya, dijanjikan boleh mendapatkan pulangan kepada kerajaan atau boleh *independent*. Tidak payah bergantung kepada kerajaan. Akan tetapi akhirnya, semua kena *bail out*. Jadi, kita bagi kuasa kepada mereka melabur. *Effectnya* adalah ia akan *distracted*, ia akan fikir komersial *rather than safety and authority*.

Jadi, autoriti itu ada kuasa untuk melabur. *Sure win*. Ia bawah pihak berkuasa, ia tahu semua maklumat. Kalau ia melabur, mesti ia tahu *all these advantages* dan *disadvantages* daripada segi *investment*. Akhir sekali, saya hendak minta supaya Yang Berhormat Menteri ini walaupun tidak berkaitan...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Bayan Baru, boleh celah sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, dengan adakan rang undang-undang ini dan tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru



iaitu sekarang diberi hak untuk melabur. Adakah dalam kementerian ini ada cadangan iaitu melabur sebagai JV dengan negara China untuk membina lapangan terbang yang baru di Jasin? Oleh sebab ini memang satu persoalan yang telah dibangkitkan oleh rakyat di kawasan Jasin, Melaka iaitu ada cadangan untuk membina satu lapangan terbang yang baru di daerah Jasin oleh negara China. Adakah ini satu cadangan atau memang itu hanya khabar angin?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka dan saya masukkan ucapan Yang Berhormat Kota Melaka dalam ucapan saya. Akhir sekali, saya hendak tanya, walaupun ada berkaitan. Kita sebagai Ahli Parlimen mempunyai *privilege* untuk menaiki KTM secara percuma. Itu adalah tradisi daripada sejak British lagi. Pegawai-pegawai atau Ahli Parlimen, wakil rakyat ada *privilege* dapat *free*. Akan tetapi sekarang nampaknya zaman sudah berubah, zaman sekarang adalah menaiki kapal terbang. Adakah kerajaan boleh mempertimbangkan supaya memberi diskaun atau kapal terbang *free to certain level*, tidak payah banyak, *but at least for us to claim*.

Ini kerana menaiki KTM ini walaupun selesai tetapi memakan masa yang terlalu panjang. So, ini adalah perubahan zaman dan saya harap polisi juga akan berubah. Jadi, saya minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

### 8.36 mlm.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja, tidak panjang. Saya hendak tanya tentang pihak berkuasa penerbangan awam ini. Di sini saya lihat Fasal 15, panel tatatertib. Panel tatatertib ada tiga orang dan mereka boleh mengenakan penalti kewangan sebanyak tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak lebih daripada RM500,000. So, saya hendak tanya, penalti ini kepada siapa? Nampaknya terhadap syarikat. Jadi maksudnya, kalau kita lihat *players* yang ada di sektor penerbangan awam kita adalah FireFly, AirAsia, MAS dan satu lagi macam Rayani Air sudah pun bankrap dan juga Malaysia Airport Berhad. Ini yang agak-agak kita sebagai *laymen* yang kita tahu. Jadi, adakah yang panel tatatertib ini ia akan kalau ada apa-apa kompelin tentang *airlines* ataupun tentang Malaysia Airport Berhad, ia boleh dibawa kepada panel tatatertib ini.

Ini kerana ia nampaknya tidak jelas tulis ia adalah terhadap siapa, terhadap pihak yang mana. Kita juga lihat yang selalu seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi konflik di antara AirAsia dan juga Malaysia Airport Berhad telah bertahun-tahun. Kadang-kadang lebih teruk kalau berbanding dengan Barisan Nasional dan juga pihak

sini. Adakah isu konflik- kerana kedua-dua pihak ada alasan mereka, dibawa ke panel tatatertib atau macam mana? Macam sekarang, AirAsia ia tukar KLIA 2 kepada LCCT. So, ia ada alasannya kerana bagi dia KLIA 2 adalah untuk *airlines* yang berharga murah. Bagi AirAsia, dia ingat dia adalah *low cost airlines*. Jadi, dia ada hak untuk menentukan apa yang diperlukannya, apa yang tidak diperlukannya. Akan tetapi kita KLIA 2 itu dibuat dengan *design* semua oleh Malaysia Airport Berhad tanpa ambil pandangan dan tanpa berunding dengan AirAsia. Itu sebab kita lihat yang banyak masalah timbul dan ia juga mewujudkan banyak sungutan daripada pelanggan-pelanggan *airlines* juga.

Jadi, isu seperti ini adalah dibawa ke sini atau macam mana? Saya selalu lihat yang Kementerian Pengangkutan, Yang Berhormat Menteri sendiri kadang-kadang kena bagi *warning* kepada AirAsia tidak boleh tukar nama dan sebagainya. Akan tetapi AirAsia masih hendak tukar nama kerana ingat bagi dia itu bukan KLIA 2 tetapi ialah LCCT. So, isu macam ini mungkin Yang Berhormat Menteri boleh beri sedikit penerangan kepada kita tentang apakah yang pihak berkuasa penerbangan awam ini akan campur tangan dalam isu seperti ini?

#### ■2040

Satu lagi isu ialah adakah sesiapa yang *apply*, saya hendak tubuhkan satu syarikat penerbangan akan dibenarkan. Macam Rayani, ia mula dengan publisiti yang begitu kuat, wah, ini adalah satu-satu syarikat penerbangan halal, halal di dunia. Selepas itu, kita lihat ia tutup, tutup kedai dalam setengah tahun. Jadi adakah yang pihak berkuasa ini mempunyai kuasa untuk menentukan syarikat mana yang boleh ada tubuhkan yang syarikat penerbangannya dan adakah sesiapa yang pohon ia akan lulus, adakah dia pegang lesen ini ataupun kementerian ataupun Menteri sendiri yang ada kuasa untuk meluluskan kesemua permohonan?

Akhir sekali ialah tentang *pilot*, yang saya tahu negara kita ini ada kelebihan *pilot*. Saya beberapa tahun yang lepas, ada di kawasan saya ada seorang yang mengadu kepada saya, dia ibu bapa dia bayar RM200,000 bagi dia untuk belajar jadi *pilot* tetapi selepas itu kolej itu tutup. Kolej itu tutup dan dia minta saya tolong dia untuk *apply* lagi dan tolong dia untuk dapat kerja daripada mana-mana syarikat penerbangan. Selepas itu kita tahu yang memang kita ada kelebihan *pilot*. Jadi bagi pihak berkuasa ini adakah pihak berkuasa juga akan adakan kawalan terhadap mana-mana kolej yang ingin adakan *pilot training program* dan sebagainya supaya masalah seperti ini yang pelajar kita gunakan RM200,000 untuk belajar jadi *pilot* selepas itu kolej itu tutup, selepas itu tak dapat kerja. Perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 8.42 mlm.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Liow Tiong Lai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kepada keempat-empat Ahli Parlimen yang telah pun dapat berbahas berhubung dengan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat Sepang, *the code of conduct*, apakah *any person* di bawah fasal 14(4) merujuk kepada orang yang gagal merujuk kepada *disciplinary panel*. Perkataan *any person* di bawah fasal 14(4) adalah merujuk kepada orang yang gagal merujuk kepada *disciplinary panel* berhubung dengan *breach of conduct*. Ia bertujuan memastikan orang yang mempunyai pengetahuan berhubung *breach of conduct* merujuk kepada *disciplinary panel*, sesiapa yang mengetahui pengetahuan berhubung dengan *breach of conduct* ini perlu maklumkan kepada *disciplinary panel*.

Hukuman sedemikian diperuntukkan kerana pihak berkuasa ini mengawal selia perkara berkaitan keselamatan penerbangan awam. Oleh itu, apa-apa *threat* ataupun *breach of conduct* perlulah diberi perhatian yang serius. Berhubung dengan klausa 20(b) akauntabiliti, *omissions*, klausa tersebut jelas memperuntukkan bahawa ketiga-tiga perkara tersebut hendaklah dibaca *disjunctively*, bukan *conjunctively*.

Ketiga iaitu perlindungan imuniti bawah seksyen 40. Saya hendak tekankan di sini bahawa perlindungan ini bukanlah kekebalan mutlak kerana ia hanya terpakai sekiranya pihak berkuasa menjalankan fungsi dan kewajipannya menurut akta ini. Akta Penerbangan Awam 1969 dan perundangan yang dibuat di bawah Akta Penerbangan Awam 1969 dengan hati yang suci *with good faith*. Tindakan masih boleh diambil sekiranya terdapat penyelewengan atau salah guna kuasa oleh mana-mana pihak dalam CAAM ini.

Yang Berhormat Sepang juga menyatakan mengapakah pihak berkuasa diberikan kuasa untuk menentukan tatacara kewangan sendiri. Walaupun pihak berkuasa menentukan tatacara kewangannya sendiri, fasal 35(3) memperuntukkan penyata akaun, laporan aktiviti dan laporan juru audit kumpulan wang hendaklah dibentangkan ke Parlimen. Akhirnya, Parlimen yang akan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri..

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *Yes. We will monitor this, together.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ada isu *code of conduct* ini, saya minta maaf, saya baru dapat hendak baru baca balik ini. Yang Berhormat Menteri, saya okey, kalau petikan tadi *you* hanya untuk jadikan keselamatan saya masih boleh terima lagilah. Akan tetapi kalau kita lihat kepada 14(2) itu, *the members of the authority and the members of the committee shall comply with the provision prescribed in the code of conduct*. Yang itu bagi saya lebih penting. Sepatutnya yang nombor dua itu yang kita *criminalised*-kan. Bermakna kalau dia *fail to comply, then* dia patut dicaj. Akan tetapi yang ini gagal *refer* sahaja *to the disciplinary panel*.

Saya rasa Yang Berhormat Menteri, saya ada masalah juga Yang Berhormat Menteri hendak memahami kenapakah orang yang *fail to comply* terlepas, tak ada apa-apa tindakan. Akan tetapi orang yang gagal melaporkan pada *disciplinary panel* - sepatutnya Yang Berhormat Menteri kalau kita hendak buat ini, saya rasa Yang Berhormat Menteri, saya punya cadangan ialah sepatutnya kita kena ada satu *investigation*. Bermakna kalau ada, kita tengok kalau ada melanggar sahaja, kita *investigate*. Kalau *investigating team* itu *failed*, barulah boleh betul-betul. Akan tetapi *any person* ini, kadang-kadang dia mungkin tak tahu itu adalah bercanggah dengan *breach of conduct*. Dia sendiri pun mungkin tak biasa tengok *code of conduct* itu. tiba-tiba dia gagal *refer* sahaja, kena ambil tindakan jenayah. Oh, saya rasa ini memang *very drastic* Yang Berhormat menteri. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri punya komen. Terima kasih.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ini Yang Berhormat Sepang, *we are referring to person who know there is a breach of conduct and try to hide the fact*. Ini yang satu isu yang besar, yang serius *because this is* isu keselamatan. So sebab itu kita mengambil tindakan yang serius. *But* cadangan Yang Berhormat tadi saya akan ambil perhatianlah *so that*, memang ia betul, 14(2) itu lebih serius, 14(2) kita juga ambil tindakan.

Yang Berhormat Sungai Petani, berhubung dengan latihan teknikal di Malaysia untuk industri penerbangan awam. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Petani kerana amat prihatin dengan *human capacity building* dalam negara kita dan memang penting. Kita perlu mempunyai latihan yang berkualiti tinggi. Di Malaysia kita sekarang ada empat sekolah penerbangan *flying schools* dan 14 sekolah latihan teknikal yang melatih *qualified technical personnel in term of maintenance* MRO dan sebagainya.

Institusi di atas adalah telah berjaya mengeluarkan pekerja-pekerja yang mahir dalam negara kita. Kita juga ada satu *trained air plus* yang telah diiktiraf oleh ICAO, *it is an international recognised training centre* di mana seperti cadangan Yang Berhormat Sungai Petani tadi, kita melatih ramai juga *technician* daripada luar negara yang datang

ke Malaysia. Pusatnya di Cyberjaya, boleh jemput Yang Berhormat boleh pergi buat lawatan. Kita ada satu institusi yang dibanggakanlah, yang di-*recognised by* ICAO International dan telah pun dapat melahirkan ramai pakar-pakar dalam *air traffic control* dan sebagainya. So..

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *That is what*, maksud Yang Berhormat Menteri tadi ada *foreign students* di..

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ada, ada ramai *foreign students* yang datang. Kebanyakannya kita bagi kepada negara-negara miskin, negara-negara ketiga *under developed nation*. Kita latih mereka seperti, *we have to train student from Bangladesh, also from Nepal and some other countries*. Yang Berhormat Sungai Petani juga prihatin dengan pekerja-pekerja DCA. *What is option?* MOT dan DCA sedang memperhalusi dan memperinci berhubung dengan opsyen pekerja dengan pihak yang berkepentingan iaitu JPA.

Perkara ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan selanjutnya. *We don't have the detail yet* tetapi perbincangan masih, kita dapat akta lulus dulu kemudian kita bincangkan. Kebanyakan pegawai DCA akan di-*absorb* masuk kepada CAAM, *we called it Civil Aviation Authority Malaysia*. CAAM ini adalah badan berkanun. *Most of them we absorb in*.

#### ■2050

Terpulang kepada mereka kecuali mereka tidak hendak, mereka hendak teruskan bersama dengan kerajaan, boleh masuk ke MOT, ke jabatan-jabatan yang lain.

Yang Berhormat Sungai Petani juga hendak tekankan di sini bahawa semua pekerja yang akan diambil ke dalam CAAM akan diberi *not less favorable option* dan kita harap akan memberikan – *the option paper* akan diberi mengikut kaedah-kaedah yang dikeluarkan oleh JPA dan *option* juga diberi kepada pekerja CAAM kekal dengan tanggungjawab, tangga gaji dan pencen kerajaan. *There is solution option*lah kita akan bincangkan kemudian.

Berhubung dengan Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Bayan Baru juga telah membincangkan hendak tahu penelitian perbezaan antara MAVCOM (Suruhanjaya Penerbangan Malaysia) yang kita luluskan tahun lalu dengan CAAM (*Civil Aviation Authority Malaysia*). So satu MAVCOM and satu CAAM. Today kita hendak bincang CAAM. MAVCOM lebih kepada bidang ekonomi, ada daripada segi *in term of charges AirAsia*. *What sort of charges they charge*. You know last time ramai complain. *AirAsia, everything they charged*. So semua you hendak beli, semua dia charge. So, apakah hak pengguna? *What is the hak-hak pengguna* yang ada bagi menduduki pesawat *AirAsia*. So, ini semua di bawah MAVCOM. *Anybody now can complain the*

MAVCOM untuk berbincang dengan MAVCOM dari segi aduan-aduan tersebut. Juga daripada segi *in term of airport tax. Anything we do economic factor would be under MAVCOM.*

Akan tetapi daripada segi keselamatan, *DCA is now in charge of safety and technical aspect*, keselamatan pesawat, *auditing of the pesawat, pilot* punya kualiti dan juga dari segi *maintenance of the aircraft*, ini semua di bawah CAAM yang kita hendak luluskan ini. *So, is definitely* tanggungjawab yang cukup berlainan di antara dua-dua agensi yang saya sebutkan tadi.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Wangsa Maju Yang Berhormat.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Silakan Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya dengar komen tentang *airport tax*. Kita baca ada laporan *airport tax* KLIA 2 dan KLIA *International* akan diselaraskan dan ada laporan kata lepas itu *AirAsia* hendak pindah balik ke KLIA *International*. Kalau ini wujud, mungkin KLIA 2 jadi *white elephant* atau gajah putih. Apa komen Menteri?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Saya hendak jelaskan di sini bahawa hendak selaraskan *airport tax* antara KLIA dan KLIA 2, kita tidak ada keputusan lagi. *It is not a government decision. Government*, kerajaan tidak buat keputusan ini. Saya hendak jelaskan bahawa kerajaan masih lagi berpegang kepada usaha untuk menyokong *low cost carrier*. Ini sebab itu kita ada dasar *low cost carrier. From the very beginning* oleh kerana adanya sokongan kerajaan, maka *airport tax for AirAsia* kalau dulu LCCT itu memang murah. Oleh kerana ada sokongan kerajaan, maka *AirAsia can grow to become so big today. If without government support, AirAsia cannot grow so fast.* Oleh itu, sokongan ini terus diberikan sehingga sekarang. KLIA 2 punya *airport* punya *tax is much lower compare* KLIA.

Hari ini kita hanya selaraskan. Kita samakan di peringkat *Asian route only* di mana MAS di KLIA dengan KLIA 2 *for Asian route* kita sama ratakan *because we want to attract more tourist from Asian region. International flight* masih lagi ada perbezaan antara KLIA dan KLIA 2. *So*, sokongan kepada *low cost carrier* masih kita teruskan. Tidak ada cadangan untuk kita samakan di antara KLIA dan KLIA 2. *So, I think* itu *some of the statement from others relevant bodies* tetapi bagi dasar kerajaan, kita belum buat apa-apa keputusan berhubung dengan *airport tax* ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Timbalan Menteri. Bila kita baca media, kita lihat pergaduhan di antara *AirAsia* dengan Malaysia Airport Berhad. Nampaknya

Yang Berhormat Menteri berpihak kepada Malaysia Airport Berhad. Nampaknya Malaysia Airport Berhad menang dalam apa-apa kontrak dengan AirAsia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat berpihak mana Yang Berhormat ?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat berpihak mana?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya simpati kepada *AirAsia* kerana saya rasa dia harus – dia kena bulillah. Akan tetapi saya tahu yang bos dia juga bukan orang yang senang. *[Ketawa]* Saya sebenarnya hendak tanya Yang Berhormat Menteri satu soalan, adakah di bawah seksyen 3(4), penubuhan pihak berkuasa yang mana pihak berkuasa ini boleh memperoleh, membeli, mengambil, memajak, memegang, menjual dan menikmati apa-apa jenis harta alih. Jadi maksudnya, bagi saya kalau satu jawatankuasa, satu *authority* pihak berkuasa, ia tidak patut memegang apa-apa bentuk harta. Dia tidak boleh jadikan Malaysia Airport Berhad yang kedua. So, saya agak kelirulah apakah peranannya. Ini kerana kenapakah yang pihak berkuasa ini kalau dia jadi hakim, boleh kenakan apa-apa bentuk penalti kepada pihak yang salah, jadi ia tidak sepatutnya ada *interest*, ada kepentingan dalam apa-apa bentuk harta dan ia tidak boleh buat kontrak. Hendak buat kontrak dengan siapa? So, saya agak keliru tentang peranan yang sebenarnya pihak berkuasa ini. Minta Menteri terangkan.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Nanti memang ada Yang Berhormat Bayan Baru juga bangkitkan yang sama berhubung dengan *investment* daripada segi aset dan sebagainya. Nanti saya jawab sekali gus. Akan tetapi berhubung dengan *AirAsia* tadi yang disebutkan, saya tidak memihak kepada mana-mana. Sebagai kerajaan, kita menjaga semua agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia. Kita kena adil kepada semua. Ada perbezaan pendapat dan perlu diselesaikan melalui saluran-saluran yang telah pun disediakan oleh kerajaan. Contohnya, kalau pertelingkahan daripada segi *airport tax*, *then you go to MAVCOM because* dia ada *regulator* dari segi kawalan ekonomi. Kalau dia perbezaan pendapat daripada segi KLIA 2 kerana *sinking*, kerana masalah teknikal, *then DCA* atau sekarang CAAM, *then* kena diselesaikan oleh bahagian agensi yang berkenaan.

So, memang kita ada saluran-saluran yang telah disediakan untuk selesaikan apa juga isu ataupun perbezaan pendapat antara agensi-agensi ataupun antara MAHB, *AirAsia*, MAS, memang banyak. MAS juga ada aduan bahawa aduan kenapa kita bagi *airport tax* yang murah kepada *AirAsia*. *AirAsia* telah pun mengambil kebanyakan

daripada penumpang-penumpang dari MAS. MAS ada juga aduan. Kita kena dengar daripada semua pihak dan kita juga ada saluran dan agensi berkaitan untuk selesaikan.

So dari segi nama KLIA 2 jangan risau, dia telah diselesaikan. Sebagai Kementerian Pengangkutan Malaysia, *I have to take very firm decision*, tidak boleh ditukar sewenang-wenangnya oleh mana-mana syarikat penerbangan. Dia adalah nama yang telah ditetapkan dan telah pun disetujui di Kabinet oleh kerajaan, maka kita kena uruskan. Kalau dia hendak *promote* KLIA 2 *as a low cost carrier* hab, itu boleh diteruskan. Akan tetapi nama itu masih nama KLIA 2, *but is low cost hub for the AirAsia or for this region*. Tidak apalah, daripada segi *branding* dia boleh *brand*. Daripada segi nama, *it is still* KLIA 2. Itu yang saya hendak tegaskan bahawa apa juga masalah, Kementerian Pengangkutan ada juga saluran-saluran yang tertentu untuk kita selesaikan.

Oleh itu Yang Berhormat Bayan Baru, jangan risau. CAAM yang kita hendak wujudkan ini tidak ada pertindihan dengan MAVCOM. Pihak berkuasa CAAM ini adalah badan kawal selia teknikal, *technical regulator* penerbangan negara yang mengawal selia perkara perihal selamat dari segi *the safety of the plane, aircraft* dan keselamatan sekuriti *of the airport* dan sebagainya yang berhubung dengan penerbangan awam, *public safety*. MAVCOM pula ada badan kawal selia, *regulator* penerbangan awam dalam aspek ekonomi

#### ■2100

Yang Berhormat Bayan Baru juga mengapa pihak berkuasa diberikan kuasa untuk membuat pelaburan. Ini yang Yang Berhormat Seputeh —*you are mentioning the same question*. Menurut Fasal 32(1) pihak berkuasa hanya boleh membuat pelaburan setakat wang itu tidak diperlukan untuk dibelanjakan dan hanya boleh dilabur dalam *capital guaranteed investment* sahaja. Dia tidak boleh labur dalam *share market* —*they cannot*. Hanya boleh laburkan dalam perkara-perkara yang tertentu kuasa pelaburan diberikan untuk memastikan pihak berkuasa dapat menjana hasilnya sendiri.

Kita sedia maklum, bahawa *if the government department* sub DCA sekarang. Kita sampai sekarang tidak mampu seperti yang kata Yang Berhormat Bayan Baru tadi. *Why were so no that*. Kita tidak mampu menggaji a pilot. *The real pilot* yang kita hendak menggaji —*even pilot* yang bersara daripada MAS ataupun Air Asia. Kita tidak mampu hendak menggaji mereka masuk ke DCA kerana gaji *government* —*our government salary scheme couldn't fit into all these what we called officers*. Oleh itu, kita kena ada badan berkanun seperti ini. Mereka boleh menggunakan skim mereka yang sendiri dan mereka belum menjana hasil mereka untuk mendapatkan hasil yang lumayan untuk



membayar gaji yang lebih tinggi kepada pekerja-pekerja di bawah CAAM yang kita wujudkan ini.

Oleh itu, *the pelaburan, the asset or this is all highly regulated. It is* seperti badan-badan berkanun yang lain. *It is another* badan berkanun yang juga membuat pelaburan yang sama. *So, it is to be monitored by the minister and to be table at the Parliament for your supervision.*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi, adakah ini bermaksud yang Air Asia —yang semua airline itu kena bayar caruman kepada pihak berkuasa? Kalau tidak mana dia dapat duit?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** No. Memang kita sekarang bagi DCA, kita juga kutip fi. *You know —now any airlines not only MAS nor Air Asia. Any airlines will fly through our air space there is a toll charges —over our air space. They have to pay identical fees.* Ini juga akan dikutip dan juga akan diberi kepada CAAM ini untuk berfungsi. Fi-fi yang lain seperti *inspection fees, technical safety fees* dan sebagainya. Memang fi-fi itu wujud dan semua sudah ada sekarang. Bukan kerana wujudnya CAAM kita tambah fi — no. Fi itu semua sudah ada sekarang dan kita akan *review from time to time* apabila untuk memastikan CAAM memberi *services* yang paling baik.

Kita hendak beritahu bahawa apabila kita mempunyai badan berkanun ini, kita boleh memberi perkhidmatan. *It is more services oriented needs of the airlines.* Kata Air Asia tidak mahu sesuatu perkhidmatan yang lebih *we give them more.* Air Asia *example; they want to fly in —I want a shorter route, so we give them a shorter route and we give them a different charge.* Dia hendak masuk *airport, we want to go straight* kadang-kadang sampai *airport* kena berlegar. Dia kena *turn one big around before you can land.* *So, the Air Asia said I want a shorter time, I want to cut my fuel I can land early but you pay higher fees. This is all the fees regulated over what you called by the CAAM.*

*So, it is widely practice* dalam dunia sekarang bahawa *the flexibility must be given to the authority* untuk memastikan bahawa *we are more service oriented —needs an airlines rather than* sekarang *it is more what do you called very rigid.*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tetapi sekarang sebelum yang rang undang-undang ini dikuatkuasakan yang fi itu dibayar kepada pihak mana? Kementerian?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Fi sekarang terus masuk kepada wang disatukanlah. Fi memang kita kutip but wang disatukan. *Everything goes the government.* Wang telah... Ya. Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya masih ingat Suruhanjaya Penerbangan Awam juga mempunyai kuasa untuk melabur

*because there is one potential issue on —the same.* Jadi, saya nampak bahawa kita sekarang ada dua pihak berkuasa satu suruhanjaya satu *authority*. Mereka kedua-dua boleh melabur. *So, I think this is not healthy —lah. As a government body,* saya tidak ada masalah untuk membayar untuk mengkorporatkan DCA supaya mempunyai lebih wang —ada kuasa dan wang untuk membayar pilot —*retired pilot or whatever. That is not a problem.*

Akan tetapi, adalah masalah kita wang yang dikutip itu harus masuk kepada kerajaan bukan kepada...kecepatan lagi ya Yang Berhormat Menteri. Bukan kepada badan itu untuk digunakan untuk pelaburan. *Second* isu adalah sekarang kita —suruhanjaya pun mengutip fi daripada *an airport charges*. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri berapa satu tahun yang mereka kutip. Katakan tahun 2015, saya minta perspektiflah *than charges* untuk DCA itu tahun 2015 berapa *charges* yang —berapa kutipan daripada *charges* itu dalam tahun 2015.

*So, that we have a perspective of how much the gap for this two* satu suruhanjaya satu DCA. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Pertama apabila kita wujudkan badan berkanun ini, memang konsepnya adalah *south financing. We try to less rely on the government.* Kita kalau boleh agensi-agensi badan berkanun berkaitan kutip fi-fi berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan. Contohnya oleh MAVKOM dia berikan perkhidmatan kepada *all the airlines* berhubung dengan —*is an economic regulator.* CAAM yang kita wujudkan dia berikan *services* yang sama. *At the moment* dia ada fi yang telah dikenakan. *So,* buat masa sekarang *the fi* yang kita *collected not much. About, I don't have the figure with me maybe the officer can give me the figure. I can give you* secara bertulis. But memang tidak cukup untuk kita menggaji *our staff* yang mempunyai kepakaran yang tinggi.

*So,* oleh itu kita perlukan *the investment* dan juga mengutip fi yang lebih —perkhidmatan yang lebih baik untuk mengutip fi yang lebih tinggi. *But they cannot* mengutip fi tinggi tanpa perkhidmatan. Ini kerana *it is more now* kerana kalau kita model *south financing* ini adalah untuk memastikan kita selain meningkatkan kutipan kita kena berikan perkhidmatan yang lebih baik. Saya yakin ini memang telah disarankan IKO bahawa IKO telah sarankan *DCA has to be transform to become an independent more autonomy* dari segi satu badan kawal selia agar membolehkan mereka lebih dinamik dan fleksibel *in term of* pelaksanaan dari segi kerja-kerja perkhidmatan ini.

*The detail on the number the fee I have to give you* secara bertulis...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi Yang Berhormat Menteri, ini bermaksud —*I mean it doesn't add up* kerana Yang Berhormat Menteri kata bahawa *self financing.*

Sekarang kutipan itu tidak mencukupi. Maka, dia tidak boleh menampung gaji dan sebagainya. Kalau adakan kuasa untuk melabur kutipan ini pun tidak cukup *whatever you have* sekarang sudah tidak cukuplah hendak bayar gaji *it is impossible*. Ini kerana walaupun apa pelaburan yang dahsyat pun dia tidak akan menjana lebihan untuk membayar.

*So, it doesn't —is not a good reason to give the power* untuk membuat *investment* dan sebagainya. *So, I don't really feel that is proper thing* untuk biarkan sebab kita daripada sejarah. Badan-badan berkanun, banyak yang kena *bail out* daripada kerajaan. *That is the fact. Okay, it's a fact.* Tetapi tidak apa —*is okay*. Saya, Terima kasih kepada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Saya hendak tekankan di sini bahawa *for a beginning* apabila mulanya badan berkanun ini, tertakluk kepada persetujuan daripada jemaah menteri kerajaan akan memperuntukkan dana pelancaran —*we give a grant, a first grant to CAAM to run this agency*. Di mana amaunnya belum dapat saya tentukan untuk membiayai kos operasi dan kos-kos berkaitan dengan CAAM.

Selepas itu, CAAM *have to* —kena menjana fi —nya sendiri. Sebelum kita mencadangkan untuk mengadakan badan berkanun ini, kita sudah buat *simulation* di bawah Kementerian Pengangkutan sudah pastikan bahawa CAAM *can survive on its own*. Boleh tidak lagi perlu bergantung pada kerajaan —baru kita cadangkan, baru kita perlu adakan perkhidmatan badan-badan berkanun ini dan saya hendak beri keyakinan kepada Yang Berhormat *this will be monitored* dari segi perbelanjaan CAAM ini.

■2110

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu soalan pendek sahaja. Adakah fi atau tol *charges* melalui ruang udara Malaysia akan dinaikkan selepas CAAM ini ditubuhkan? Terima kasih.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. *Actually, it has been more than 40 years* kita tak naikkan. *It's a long time* kita tak naikkan tol *charges* kita.

*And also the collection method* pun kita kena *vary*. Sekarang kita akan menggunakan teknologi yang lebih canggih di mana *the collection will be, what we called immediate, and at the same time* juga pergi *flexibility* kepada *airline to choose what route do you use, what height you want to fly*. Ini semua juga membolehkan *airlines to save their cost and also to pay certain fees to CAAM*. *So, I think it will be more dynamic* punya *free charges rather than now which is a rigid free charges*. *So, I can see*

*that the airlines would be happy to work with CAAM on this fee. I can show you it won't be a burden to the rakyat on this thing.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, bila akan dilaksanakan cara ini?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *We hope by next year lah.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kenaikan tol dan juga fi subsidi tadi sama?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Kenaikan tol baru-baru ini telah pun kita naikkan sedikit. *We have announce earlier*, kita sudah naikkan sedikit tetapi *the future one*, CAAM have to negotiate and engage all the airline before we can increase the fee. Any fee increase in this one, kita akan engage the stakeholder. Kita takkan naikkan dengan sewenang-wenangnyanya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey. Terima kasih.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Yang Berhormat Kota Melaka juga menyatakan tentang landasan Lapangan Terbang Jasin. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa CAAM tidak menjaga dari segi pembinaan infrastruktur. CAAM hanya menjaga keselamatan dan juga teknikal aspek *of the sector*.

Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, lapangan terbang Melaka ini kita telah *engage consultant to study whether* hendak gunakan Lapangan Terbang Batu Berendam yang sedia ada ataupun yang baru. *The study has completed*. So, kita tengah buat semakan sekarang. *Looks like* kalau hendak cepat, kita gunakan lapangan terbang yang sedia ada walaupun *the runaway a bit short*, pendek tetapi kita akan gunakan teknologi baru untuk melihat sama ada *the white body, air flight can coming into* Lapangan Terbang Batu Berendam. Hendak bina baru memang memakan masa yang cukup lama.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, ya, sebab pada setakat ini, Lapangan Terbang Batu Berendam memang *is under utilize*. Adakah kerana *runaway* tak cukup panjang ialah sebab utama yang mengakibatkan *under utilize* atau ada sebab-sebab yang lain dan sebab itu cadangan untuk membina satu lapangan terbang di kawasan di Jasin adalah lebih sesuai? Sebab itu saya bangkitkan soalan ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Untuk makluman Yang Berhormat Kota Melaka, buat masa ini tidak ada cadangan lagi, belum ada lagi cadangan untuk membina lapangan terbang di Jasin ya, tak ada lagi.

Yang Berhormat Seputeh menyatakan tentang fasal tata tertib tiga orang untuk menentukan tata tertib berkenaan— memang tiga orang ini yang diwujudkan di dalam akta ini adalah untuk mendengar kes-kes terhadap aduan yang diadukan oleh CAAM

kepada jawatankuasa ini. *You have summon the company. Actually most of them are the airlines. [Disampuk] No, no. It is not public. This is regarding safety and security of the public. So memang berhubung dengan airlines. [Disampuk] Mana?*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Memang ada sekali berhubung dengan ini.

Berhubung dengan pilot, saya dah beritahu tadi ada 14 sekolah pilot dan memang kita memantau dari segi kualiti. Kalau dari segi dia sudah bankrap, itu memang bukan di bawah kawalan kita. Apabila mana-mana sekolah memohon untuk menjadi sekolah penerbangan, mereka perlu mempunyai kualitinya tetapi apabila dari segi *they run the business*, itu bukan di bawah kawalan kita.

Tapi saya faham apa yang diadukan oleh Yang Berhormat Seputeh, *it is an issue* kerana apabila sekolah itu ditutup, makna pelaburan murid-murid kita juga akan menjadi mangsa.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sebenarnya apa yang saya prihatin ialah seperti apa yang berlaku pada doktor. Kita ada 5,000 doktor yang *graduate* dari *medical school* tetapi tak dapat *houseman ship* dan sekarang Kementerian Kesihatan tengah sakit kepala macam mana hendak letak mereka dalam hospital kerajaan dan sebagainya. Jadi kita juga menghadapi masalah kelebihan pilot dan iklan yang kita ada sekarang ini sudah cukup pilot.

So soalan saya ialah adakah yang pihak kerajaan ataupun pihak berkuasa ini akan adakan *control* minta sekolah-sekolah ini adakan had dari segi pengambilan pelajar? Sebab, mereka bayar fi yang sangat mahal untuk belajar jadi pilot, selepas itu tak ada kerja. Ini soalan saya.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Kita ini *is a supply and demand*. Kita memang memerhati dari segi pewujudan sekolah-sekolah penerbangan ini. Kita bukan seperti doktor. Doktor perlu latihan. *It is* kewajipan kerajaan untuk menggaji mereka. *It has to be under the government supervision* sebelum menjadi doktor. Dari segi pilot, kita tak ada. Pilot dia tak ada *compulsory service with any airlines*. Dia hanya perlu latihan dan pihak swasta boleh menggaji mana-mana pilot yang mempunyai lesen yang telah pun diiktiraf oleh kerajaan kita. *So, it is very open market*. Banyak juga pilot-pilot dari luar negara, *they go overseas and train and come back*, ada juga. *It is open market*. Kita tidak ada kawalan dari segi bilangan-bilangan pilot. Tak ada kawalan.

Tetapi, saya yakin bahawa sesiapa yang buat masa sekarang di Malaysia, *pilot is still a growing sector*. Saya rasa kita masih lagi kekurangan pilot dan saya yakin kita boleh memenuhi permintaan di pasaran sekarang.

Itu sahaja Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

#### **Fasal-fasal 1 hingga 45 –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

#### **9.19 mlm.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mula dengan fasal 3 sub fasal 4 di mana fasal ini menerangkan tentang kuasa yang telah diberikan kepada pihak berkuasa iaitu boleh membuat kontrak, memperoleh, membeli dan sebagainya, boleh memindah, menyerahkan, menyerah balik, memulangkan dan menggadaikan dan menggadai janji.

#### **■2120**

Terlalu banyak kuasa yang diberikan tetapi apabila dikaitkan dengan keanggotaan pihak berkuasa di seksyen 5 dan fasal 5 sub 1, fasal 5 sub 2, ini semua adalah kuasa yang diberikan kepada kementerian dan penubuhan pihak berkuasa ini pun mempunyai kuasa yang amat luas termasuk seperti saya kata tadi, membuat kontrak dan sebagainya. Akan tetapi siapa yang akan melakukan *check and balance* untuk pihak berkuasa ini?

*So there must be some proper check and balance* sebab kita tengok di sini, kuasa diberikan kepada Menteri. Menteri tidak boleh menjawab dari sudut sebagai Menteri sekarang. Mungkin esok ada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang baru. Apabila Menteri diganti tetapi naluri akta ini tetap berkuat kuasa. Oleh sebab itu,

akta ini juga perlu diselitkan *with proper due respect*, dengan izin, *with proper check and balance*. Akan tetapi saya tengok, Sarawak, akta-akta dan fasal-fasal yang ada di sini, walaupun saya tidak meneliti ataupun tidak cukup masa untuk meneliti satu per satu, tiada apa-apa yang diperuntukkan dari sudut *check and balance*.

Saya masuk kepada kod kelakuan, fasal 14. Ini pun kod kelakuan akan ditetapkan oleh pihak berkuasa tertakluk kepada kelulusan Menteri dan mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai. Saya nampak kebelakangan ini, dua tiga tahun, kebanyakan akta-akta begini, kod kelakuan dan juga panel tatatertib suka sangat kita letakkan perkataan “...mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai”. Ini perlu dapatkan kelulusan Menteri. Selepas itu, yang buat kod kelakuan ini adalah pihak berkuasa *which is* Menteri sendiri. *So, you are governing your appointment by whatever you feel right. So, itu there is no proper check and balance. I think*, kita tidak boleh teruskan buat akta dan fasal-fasal akta dalam begini rupa.

*Then, we continue* dengan panel tatatertib. Ini pun adalah dalam hal prosiding tatatertib terhadap mana-mana anggota pihak berkuasa, tiga orang hendaklah dilantik oleh Menteri. Jadi di sini, dia ada kuasa untuk melantik pihak berkuasa. Apabila pihak berkuasa ini melakukan sesuatu yang melanggar kod etika, kod etika ini pun dia buat sendiri, selepas itu kita ada panel tatatertib, panel tatatertib ini pun lantikan dia sendiri. *Everything is governed by one single person by the name of Minister. So, where is the check and balance?* Ini trend kebelakangan ini. Ini bukan kali pertama saya bangkitkan isu tentang situasi begini. Ini kerap berlaku.

*I move on* untuk fasal 15 sub 5, di mana bahagian A. “Pelanggaran itu jika terbukti, panel tatatertib boleh mengesyorkan kepada Menteri atau pihak berkuasa”. *Again it is ‘atau’.* *Again, one man’s show.* “Menteri boleh mengikut mana-mana yang berkenaan bahawa pihak anggota berkuasa itu hendaklah dipecat daripada menjadi anggota atau seterusnya”. Boleh baca sendiri. *That means, absolute power. An act dibentuk, a board is bentuk dan memberikan kuasa kepada Menteri. With due respect to you, I am not saying that* Yang Berhormat Menteri yang ada sekarang akan menyalahgunakan. *It is not my intention to say that but the spirit of the act itself*, yang perlu diteliti *and we move on*.

Fasal 17. “Pihak berkuasa mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang perlu atas suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya”. *So*, kuasa pihak berkuasa. *Again*, terlalu besar dan subseksyen 2, tanpa menjejaskan keluasan subseksyen 1. Itu lagi sekali menunjukkan kuasa terlalu tanpa had. Selalunya kita buat, kita kena ada *A to Z*. Ini melebihi A, melebihi Z. Terlalu terbuka.

Fasal 18 sub 1. Lagi sekali. *“Pihak berkuasa hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri”*. Setiap arahan kepada Menteri. *Every section is talking about Menteri. That means*, kita sedang membuat satu andaian bahawa pihak badan berkuasa ini tidak akan melakukan kesilapan.

Saya hendak bawa seterusnya, kepada fasal 20, kesahan tindakan dan prosiding. *This is another exclusion clause. “Tiada tindakan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah akta ini boleh dipersoalkan atas dua alasan...”, (a) and (b). It looked again.*

Then fasal 26 berkaitan dengan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia. Ini adalah tentang kewangan tadi, Yang Berhormat. Subseksyen (d), *if you looked carefully, “mana-mana wang yang dipinjam oleh pihak berkuasa di bawah seksyen 31”*. 27 pun menerangkan tentang seksyen 31, fasal 27(e), membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah seksyen 31.

*If you look what is the fasal 31, kuasa untuk meminjam. “Pihak berkuasa boleh, dari semasa ke semasa meminjam dalam apa-apa bentuk dan atas apa-apa terma sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan”*. *Just the two of you.*

Tidak perlu datang balik kepada Parlimen, tidak perlu ada semakan, tidak perlu ada badan-badan. *Again, too much of power. It is not you today with due respect, Yang Berhormat Menteri. It is tomorrow, the future generation. I am shocked.* Ini dalam lebih kurang setengah jam saya meneliti, Yang Berhormat Menteri. *I see a lot of thing that I am not satisfied.* Bayangkan kalau saya ada sehari dua.

Look at fasal 40. *This is — I do not know. It is the trend now.* Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang-undang. *“Tiada tindakan guaman pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa dan dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa terhadap pihak berkuasa”. (a), (b), “Mana-mana anggota jawatankuasa, pekerja atau ejen pihak berkuasa atau c) mana-mana orang lain yang bertindak secara sah bagi pihak atau dengan mematuhi arahan pihak berkuasa”*. *Too, very.*

Dengan izin, saya hendak baca versi bahasa Inggeris, *the same thing* fasal 40. *“No action suit prosecution or other prosiding shall lie or be brought”. ‘Shall’. It is mandatory.* So, tidak ada ruang langsung. Mahkamah pun tidak diberi ruang untuk menyemak segala tindakan atau kelakuan badan berkuasa ini. Salah laku. *Nothing. Everything within that four, five, six of you all. How can we come out with this kind of akta?*



*Look at fasal 40 sub 2, "Subseksyen 1 hendaklah menjadi tambahan kepada dan bukan pengurangan daripada Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948". That means every angle taken care of yourself but there is no where you put a burden on yourself to perform in a better, good manner.*

*It is shocking and look at fasal 42. Obligasi kerahsiaan. Again. "Tidak ada apa-apa yang boleh dibawa keluar kecuali bagi apa-apa maksud akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh pihak berkuasa. Tiada anggota pihak berkuasa atau mana-mana jawatankuasa atau mana-mana pekerja, ejen, mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat pihak berkuasa atau mana-mana jawatankuasanya sama ada semasa atau selepas tempoh jawatannya atau pekerjaannya boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang diperoleh".*

*Subseksyen (b). "Tiada seorang lain pun yang melalui apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubung dengan hal ehwal pihak berkuasa boleh menzahirkan maklumat atau dokumen ini". What is happening?*

■2130

Saya nampak satu bahagian kita memberikan kuasa sepenuhnya kepada Yang Berhormat Menteri dan pihak berkuasa ini. Akan tetapi di satu bahagian kita mengekang dan menghalang *any kind of check and balance*. So, itu yang saya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Oh, ada masa juga untuk saya? Satu orang sahaja. *Due respect to all the Members of Parliament* yang ada hari ini. Saya sedang cakap sesuatu yang penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya tetapi...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bukan main-main.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Mesti ada batasan masa juga.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *No, no, it's okay. It's okay, time I am going to finish anyway.* Oleh sebab rungutan hendak balik itu semua *I think come on* rakyat memilih kita untuk buat tugas ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya saya memahami Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *This is what we are doing. I know. With due respect, if Minister know what I am talking about, you know what I am*

*saying. It is not about him, it is not about me. It is the law. Thank you Tuan Yang di-Pertua.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### **9.31 mlm.**

**Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Liow Tiong Lai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Tiada apa-apa pindaan tetapi saya hendak jelaskan bahawa apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kapar tadi adalah tidak benar bahawa kita tidak ada *check and balance*. Walaupun kebanyakannya dirujuk kepada Yang Berhormat Menteri tetapi ini adalah satu kewajipan Yang Berhormat Menteri selaku satu kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat, Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab kepada rakyat. Oleh itu kita perlu ada satu *authority* yang memantau perjalanan fungsi CAAM atau badan-badan berkanun. Oleh itu badan-badan berkanun ini juga ada *check and balance*-nya dengan ambil kira daripada segi contohnya akaun dan laporan tahunan akan dibentangkan di Parlimen menurut fasal 35.

Keduanya fasal 18, Menteri boleh memberi arahan yang bersifat umum kepada CAM dan ketiganya *Civil Aviation Authority* (CAAM) tertakluk kepada pemeriksaan audit yang akan dijalankan oleh *International Civil Aviation Organization* (ICAO). Ini semua adalah *check and balance* yang kita lakukan. Oleh itu saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat dan kita ambil perhatian pandangan-pandangan Yang Berhormat.

**[Fasal-fasal 1 hingga 45 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]**

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin) dan diluluskan]**

## RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM (PINDAAN) 2016

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 9.34 mlm.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Liow Tiong Lai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 untuk dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016 telah dibentangkan dan diluluskan di hadapan Dewan Rakyat dalam Mesyuarat ketiga, sebentar tadi.

Rang Undang-undang Penerbangan Awam ini yang dicadangkan ini antaranya adalah *consequential amendment*. Merupakan pindaan berbangkit dengan izin, *consequential amendment* kepada Akta Penerbangan Awam 1969 lanjutan daripada penubuhan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia. Penubuhan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia adalah susulan daripada penstrukturan semula Jabatan Penerbangan Awam daripada sebuah jabatan di bawah Kerajaan Persekutuan kepada sebuah badan berkanun dengan nama Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia.

Berikutan dengan penubuhan pihak berkuasa ini, semua fungsi dan tugas Ketua Pengarah Penerbangan Awam Malaysia di bawah Akta 3 ini diberikan kepada pihak berkuasa. Selain daripada itu, Akta 3 juga dipinda dengan menaikkan penalti bagi kesalahan yang tertentu di bawah Akta 3 untuk memperkukuhkan peruntukan Akta 3 dengan memasukkan kuasa untuk menjalankan pengawasan pengawal seliaan perihal selamat *safety regulatory oversight* dan kuasa untuk mengeluarkan arahan perihal selamat *safety directive*. Rang undang-undang yang dicadangkan juga perlu dikuatkuasakan, diwartakan bersekali dengan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016 bagi memastikan kelancaran pelaksanaan semua undang-undang yang berkaitan dengan penerbangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi beberapa pindaan berbangkit dan seksyen baru yang dirangkumkan di bawah 29 fasal peruntukan-peruntukan di dalam rang undang-undang ini adalah seperti berikut:-

Fasal 1 mengenai tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta 3 ini akan mula berkuat kuasa pada suatu-satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri Pengangkutan.

Fasal 2 merupakan pindaan am dengan menggantikan perkataan "Ketua Pengarah" kepada "Ketua Pegawai Eksekutif" dan menggantikan perkataan "Jabatan

Penerbangan Awam” kepada “Lembaga” di mana-mana juga terdapat berbangkit kepada penubuhan pihak berkuasa ini.

Fasal 3 mengenai pindaan kepada Seksyen 2 Akta 3 iaitu untuk memotong takrif “Ketua Pengarah” dan memasukkan takrif baru “Ketua Pegawai Eksekutif dan Pihak Berkuasa”.

Fasal 4 mengenai pindaan kepada tajuk Bahagian 1A akta berikutan pemotongan Seksyen 2A, Seksyen 2B dan Seksyen 2D.

Fasal 5 bertujuan untuk memotong Seksyen 2A dan Seksyen 2B Akta 3 memandangkan tugas dan fungsi Ketua Pengarah Penerbangan Awam Malaysia kini diberikan kepada Pihak Berkuasa. Fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa kini diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016.

Fasal 6 mengenai pindaan kepada Seksyen 2C Akta 3 berbangkit daripada penggantian perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Pihak Berkuasa” dalam seksyen ini.

Fasal 7 pula bertujuan untuk memotong Seksyen 2D Akta 3 memandangkan peruntukan-peruntukan berhubung kad kuasa kini diperuntukkan di bawah Seksyen 24LA.

Fasal 8 mengandungi pindaan kepada Seksyen 3 Akta 3 untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubung dengan keselamatan penerbangan awam, penyiasatan kemalangan, insiden atau insiden serius kapal udara, pengecualian yang boleh dibuat dan apa-apa perkara lain yang sesuai manfaat atau perlu bagi menguatkuasakan peruntukan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016 dan Akta 3 Fasal 8 juga dipinda untuk menggantikan subseksyen 32A Akta 3 dengan menaikkan penalti bagi ketidakpatuhan kepada peruntukan dalam peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri.

Fasal 9 dan 10 pula mengandungi pindaan kepada Seksyen 4 dan Seksyen 6 Akta 3 masing-masingnya dengan menaikkan penalti.

Fasal 11 bertujuan untuk memotong Bahagian IIIA Akta 3 berikutan penubuhan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia di bawah Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016.

Fasal 12 dan 13 mengenai pindaan kepada Seksyen 7 dan Seksyen 16 Akta 3 masing-masingnya dengan menaikkan penalti.

Fasal 14 dan 15 mengenai pindaan kepada Seksyen 24A dan Seksyen 24E Akta 3 masing-masingnya dengan memotong perkataan “di bawah perenggan 2B(a)” berikutan pemotongan Seksyen 2B Akta 3.

Fasal 16 mengandungi pindaan kepada Seksyen 24H Akta 3 untuk memberi kuasa kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau pegawai diberi kuasa untuk menjalankan kuasa *inspectorate* berikutan dengan penubuhan Pihak Berkuasa.

Fasal 17 mengandungi pindaan kepada Seksyen 24J Akta 3 dengan menggantikan perkataan “dia hendaklah mengemukakan” kepada “Pihak Berkuasa hendaklah mengemukakan” berbangkit daripada penggantian perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Pihak Berkuasa”.

■2140

Fasal 18 mengandungi pindaan pada seksyen 24K, Akta 3 untuk menjelaskan tindakan yang boleh diambil jika berlaku darurat dan untuk peruntukan bagi perkara jika tindakan itu diambil.

Fasal 19 bertujuan untuk menggantikan keseluruhan seksyen 24LA, Akta 3 untuk memberi kuasa kepada lembaga untuk menyiarkan nama pekerja yang dilantik untuk melaksanakan fungsinya di bawah perenggan 16(1)(a), (b), (c), (d) dan (e) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016.

Fasal 20 mengandungi pindaan kepada seksyen 24LD, Akta 3 untuk meluaskan kuasa pegawai diberi kuasa, dengan izin, *authorized officer* untuk menjalankan kuasa pemeriksaan.

Fasal 21 dan 22 mengenai pindaan kepada seksyen 24LE dan 24LG, Akta 3 untuk melanjutkan pemakaian kepada mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta 3.

Fasal 23 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 24LI ke dalam Akta 3 untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang tidak memberikan akses kepada mana-mana kapal udara, aerodrom, produk *aeronautic*, peralatan keselamatan, kemudahan penerbangan, tempat atau bangunan kepada mana-mana pegawai yang diberi kuasa, dengan izin, *authorized officer* atau menyerang, menghalang, menghalang atau melambatkan mana-mana pegawai diberi kuasa semasa menjalankan kuasanya.

Fasal 24 mengandungi pindaan kepada seksyen 24M, Akta 3 untuk menjelaskan lagi siapakah pengarah, dengan izin, *director* yang berhubungan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan dan untuk mengadakan peruntukan bawah jika sesuatu pertubuhan perbadanan, dengan izin, *body cooperate* disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 3 atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya pertubuhan perbadanan itu hanya boleh dikenakan hukuman denda.

Fasal 25 bertujuan untuk memasukan seksyen baru 24MA ke dalam Akta 3 untuk memperuntukkan mana-mana pendakwaan bagi sesuatu kesalahan tidak boleh

dimulakan oleh pihak berkuasa kecuali dengan keizinan bertulis daripada pendakwa raya.

Fasal 26 mengandungi pindaan kepada seksyen 24N, Akta 3 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana wang kompaun yang dibayar akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, dengan izin, *Civil Aviation Authority of Malaysia Fund* berikutan dengan penubuhan pihak berkuasa ini.

Fasal 27 mengandungi pindaan dengan menggantikan keseluruhan seksyen 24O, Akta 3 untuk memberi kuasa ketua pegawai eksekutif untuk membuat notis, surat pekeliling, kehendak, surat arahan atau maklumat dan untuk menaikkan penalti bagi ketidakpatuhan kepada notis, surat pekeliling, kehendak, surat arahan atau maklumat tersebut.

Fasal 28 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 24P dan 24Q ke dalam Akta 3. Seksyen baru 24P bertujuan untuk memberikan ketua pengarah eksekutif kuasa untuk mengeluarkan arahan perihal selamat, dengan izin, *safety directive* yang berhubungan dengan mana-mana aspek berkaitan dengan mana-mana aspek perihal selamat dan keselamatan.

Akhir sekali, Fasal 29 adalah sebagai peruntukan peralihan yang bertujuan untuk memindahkan wang yang tersedia bagi Kredit Wang Penerbangan Awam ke dalam Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia apabila Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016 mula berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**9.45 mlm.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak banyak, saya tidak sempat hendak selesaikan sepenuhnya tapi ada dua perkara yang saya perlu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali adalah Fasal 18 sub (b), di mana Menteri hendaklah dengan seberapa segera yang praktik dan dengan sedemikian sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri selepas menjalankan kuasa di bawah sub (1) sub (a), bahagian (b) itu dia kata mengarahkan pihak berkuasa atau mana-mana orang lain. So, mana-mana orang lain ini tidak didefinisikan mana-mana dalam peruntukan ini, apakah sebenarnya yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri?

Seterusnya adalah Fasal 18 sub (5), sesuatu keputusan dan perintah terhadap Menteri dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini hendaklah muktamad dan tidak boleh dicabar, dirayu, disemak, di batal atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah. Dalam situasi bagaimanakah Menteri bercadang hendak *revoke this particular section, in what kind of situation?*

**Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Liow Tiong Lai]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** 18 sub (5).

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sub 5. Itu sahaja Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Tuan Pengerusi, saya hendak jelaskan di sini bahawa seksyen 18 ini apabila Menteri (b) dengan menggantikan subseksyen 3 dengan subseksyen yang berikut, Menteri hendaklah dengan seberapa segera yang praktik dan

dengan sedemikian secara bagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri selepas menjalankan kuasanya di bawah perenggan 1(a), (b) dan apa yang ditanya tadi adalah sebagai orang yang dimaksudkan itu. Orang yang disebut dalam perenggan 1(a), saya rasa *this refer to under the DCA Act*, memang menggunakan- *it is in the DCA Act, assisting the DCA Act*. Tidak ada pembaharuan yang baru dan saya rasa ini bukan satu seksyen yang baru seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kapar tadi.

*Same with section 18(5), because it is a consequences amendment.* Ini semua telah pun sedia ada dalam akta-akta yang terdahulu, yang penting saya jelaskan— yang dijelaskan apakah mana-mana orang di bawah Fasal 18(3)(b) merujuk kepada sesiapa orang atau syarikat, terpulang kepada budi bicara Menteri. *It is an existing act, it is not a new section.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, *okay fine no problem. Thank you for the answer* tetapi saya tanya keputusan yang akan diambil ini dalam situasi macam mana, senario macam mana?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Dalam akta baru sekarang, CAAM, *now we have-* kita ada badan berkuasa, *so we refer to CAAM* dan akan membuat— *if you have discipline case*, ia tatatertib dan sekiranya apa-apa, *there is a board, the board will decide and we are giving autonomy to them.* Keputusan perintah atau arahan Menteri ketika darurat adalah dibuat lanjutan daripada berlakunya apa-apa rusuhan perindustrian, mogok, sekat masuk atau apa-apa kejadian lain yang menyebabkan darurat atau demi keselamatan awam. *During only on this situation.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *That is what I wanted to know if this section*, dengan izin, hanya akan digunakan untuk situasi yang dikatakan tadi. Hanya...

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Hanya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *This is a commitment.*

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Hanya dalam situasi tersebut.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okey, terima kasih.

#### ■2150

**[Fasal-fasal 1 hingga 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri) dan diluluskan]*



**USUL**

**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA  
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

**Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Liow Tiong Lai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan;

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, D.R. 13/2016 Rang Undang-undang Mahkamah (Kaedah-kaedah Pemulaan Tindakan Sivil) 2016 seperti yang tertera di No. 9 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat akan datang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baiklah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 24 November tahun 2016.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.52 malam]***